

92-2395

PELINDUNG?

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

1 SEP 1992

MAJLIS PERSEKUTUAN
MALAYSIA
1985

PELINDUNG?

Suatu kajian tentang konsep dan amalan kesetiaan dalam hubungan antara pemimpin dan pengikut dalam masyarakat Melayu.

oleh

Dr. Chandra Muzaffar

Aliran Kesedaran Negara
1992

Penerbit

Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN)
Peti Surat 1049
10830 Pulau Pinang

Pencetak

Polygraphic Marketing Sdn. Bhd.
Lot 14, Jalan I
Kawasan Perusahaan Cheras Jaya
Balakong Batu II
43200 Cheras
Kuala Lumpur

Perekabentuk Kulit Buku

Ismail Hashim

ISBN 967-9916-22-7

(c) Hak Cipta Terpelihara

Harga: \$12.00

640952

APB

ii

18 NOV. 1992
Perpustakaan Negara
Malaysia

CHA

Untuk generasi muda,

Moga-moga mereka akan memahami bahawa tiada
ada pelindung melainkan **Pelindung** . . .

11

ISI KANDUNGAN

Prakata edisi Bahasa Malaysia	v
Prakata	vii
Bab I	
Ketaatsetiaan dalam zaman Melaka.	1
Bab II	
Zaman Melaka: reaksi terhadap ketaatsetiaan.	40
Bab III	
Ketaatsetiaan: Dari zaman Kolonialisme sehingga Merdeka.	60
Bab IV	
Ketaatsetiaan: zaman selepas Merdeka.	89
Bab V	
Ketaatsetiaan: akibatnya; renungan.	144
Bab VI	
Susulan (postscript)	198

PRAKATA KEPADA EDISI BAHASA MALAYSIA

Selepas masa 12 tahun, Aliran telah memutuskan untuk menerbitkan buku *Protector?* naskah Bahasa Malaysia.

Dirasakan masanya telah tiba bagi menerbitkannya di dalam bahasa kebangsaan mengenai salah satu keadaan yang berterusan berlaku di dalam budaya politik Melayu: konsep serta amalan taatsetia kepada ketua. Disamping itu, kebanyakan huraian-huraian yang dibuat dan hujah-hujah yang dibangkitkan di dalam tahun penulisanannya, yakni 1979, masih lagi dapat diterima hingga ke hari ini.

Bagaimanapun, kami telah memutuskan untuk menambah suatu bab kepada edisi ini. Ianya menyentuh isu-isu yang timbul pada tahun lapan puluhan yang mempunyai kaitan dengan persoalan ketaatan kepada ketua. Bab baru ini bolehlah dilihat sebagai mengemaskinikan kajian.

Kebanyakan bab-bab pada buku ini diterjemahkan oleh saudara R. Elangovan, seorang kakitangan kami sehinggalah bulan Mei tahun ini. Elan ialah seorang penterjemah yang cekap lagi berbakat. Sayang, ia tidak lagi bekerja dengan Aliran. Dilihat dari suatu sudut, buku ini merupakan penghargaan kami terhadap kebolehan serta khidmat bakti beliau kepada perjuangan Aliran.

Kami juga suka melahirkan sanjungan ke atas sumbangan saudara Ismail Hashim kerana menterjemah dan menyunting bahagian-bahagian tertentu kajian ini. Beliau bertanggungjawab merekabentuk kulit buku ini yang dirasakan membantu ke arah peningkatan mutu buku ini keseluruhannya. Begitu juga, kami merakamkan penghargaan kami kepada Dr. Mustafa Kamal Anuar yang menolong menyiapkan buku ini untuk penerbitan. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada saudari Tang Mew Kam yang, sebagaimana lazimnya, berjaya menaip manuskrip dengan cepat lagi kemas.

Mengkesampingkan usaha-usaha mulia mereka, kalau masih kedapatan kelemahan-kelemahan serius di dalam penulisan ini, maka ianya terletak di atas bahu saya jua.

Chandra Muzaff

Mei 1991
Pulau Pinang, Malaysia

PRAKATA

Protector? (Pelindung?) adalah usaha sederhana yang mencuba menganalisiskan suatu dimensi budaya politik masyarakat Melayu. Sebenarnya, Syed Hussein Alatas, Profesor Pengajian Melayu di Universiti Singapura, yang mula-mula menyarankan bahawa taat tanpa soal kepada ketua bagi mendapatkan perlindungan – suatu ciri amalan masyarakat feudal – mungkin berterusan diamalkan oleh masyarakat Melayu hingga hari ini. Di dalam penulisannya 'Feudalism in Malaysian Society' *Civilization* (Jil XVIII No. 4 Bruxelles 1968) beliau mencatatkan beberapa kesinambungan amalan feudal ini.

Di dalam penulisan saya ini – yang mengandungi petikan-petikan daripada tesis doktoral yang diserahkan kepada Universiti Singapura di awal tahun 1977 – saya mencuba mengesani asal-usul dan pertumbuhan konsep taat tanpa soal sejak keSultanan Melaka di abad ke-15, membawa melalui zaman penjajahan dan seterusnya kepada keadaan masakini. Lebih itu, saya cuba mengkaitkan konsep dan amalannya ke hakiki-hakiki ekonomi dan budaya yang berlaku pada peringkat-peringkat masa di dalam sejarah. Saya juga menyentuh amalan taat tanpa soal dan sifat-sifat serta jenis perlindungan yang diberi oleh elit yang memerintah, disamping menyentuh faktor-faktor sosial yang semakin menghakiskan konsep taat tanpa soal.

Usaha ini saya rasa melewati sempadan-sempadan yang lazim digunakan bagi mengkaji budaya politik sesebuah masyarakat. Hanya dengan berasaskan amalan pelaku-pelaku, saya mencuba mewawaskan bagaimana amalan tersebut memihak kepada pelakunya – kadangkalanya mengorbankan kepentingan masyarakat sendiri walaupun katanya dilakukan atas kepentingan masyarakat itu sendiri. Mengkaji amalan ini dan pendokong-pendokongnya merupakan asas penglibatan kajian sosiologi ilmu (lihat Karl Mannheim, *Ideology and Utopia. An Introduction to the Sociology of Knowledge*,

ledge and Kegan Paul, 1976), salah satu cabang sosiologi yang terpenting. Dari satu sudut, aspek analisis inilah yang membuatkan saya memilih tajuk '*Pelindung?*' untuk tulisan ini.

Akhir kata, kajian seperti ini tentu mempunyai kekuatan-kelemahan tertentu; dan saya bertanggungjawab atasnya. Saya berharap akan ada penyelidik-penyelidik yang akan memperbaikinya. Namun begitu, jika kedapatan ada sumbangan dari penulisan ini, maka ianya merupakan sumbangan individu-individu lain juga – seperti keluarga, rakan-rakan sejawat saya, guru-guru saya dan, yang terpenting, ialah sahabat-sahabat saya di dalam ALIRAN.

Chandra Muzaffar

10 Oktober 1979
Kuala Pinang, Malaysia

*"Saksikanlah diriku, saksikanlah diriku, dipertanggung-
kan beban memerintah. Bukanlah aku yang terbaik dari
kalanganmu; maka, aku perlukan segala nasihat dan petunjuk.
Jika aku melakukan kebaikan berilah sokongan; jika aku
melakukan kesalahan, bimbinglah aku. Berterus-terang
kepada seseorang yang memerintah sebenarnya taat
setia namanya; berselindung dari bercakap benar itu
merupakan derhaka jua."*

*— Sayyidina Abu Bakar, Khalifatur-rasyidin
yang pertama.*

BAB SATU

KETAATSETIAAN DI ZAMAN MELAKA

Soal hubungan di antara pemerintah dengan yang diperintah, pemimpin dengan yang dipimpin telah meresapi segenap sejarah mengenai kajian terhadap masyarakat manusia. Setiap peristiwa bersejarah memperlihatkan ciri-ciri tertentu yang membantu menghuraikan sifat hubungan ini. Soalnya dalam beberapa dekad yang lampau ialah sebanyak manakah kuasa yang kedapatan pada mereka yang diperintah, apakah saiz kawalan mereka ke atas pemerintah, apakah tanggungjawab pemerintah terhadap mereka yang diperintah dan bagaimana tanggungjawab ini dilaksanakan.¹

Dalam peristiwa-peristiwa di zaman feudal,² ciri-ciri yang menghuraikan hubungan di antara pemerintah dengan yang diperintah sangat berbeza. Yang amat diutamakan ialah taatsetia yang tidak terhingga kepada pemerintah. Sebagai balasan, pemerintah memberi perlindungan kepada rakyat yang diperintah. Faktor ini merupakan teras politik zaman feudal. Misalnya, taatsetia kepada pemerintah semasa zaman feudal di Jepun dianggap "kewajipan yang terutama".³

Kajian ini cuba meneliti konsep taatsetia yang telah mempengaruhi – dan mungkin terus mempengaruhi – masyarakat Melayu. Pertama sekali konsep ini akan dianalisa dalam hubungannya dengan masyarakat Melayu feudal.⁴ Masyarakat Melayu feudal yang dimaksudkan sama dengan masyarakat Melayu zaman Melaka. Secara kasar, zaman Melaka bermula dengan terbinanya Kesultanan Melaka pada awal kurun ke 15 dan berakhir dengan bermulanya pemerintahan Kolonial British menjelang kurun ke 19.⁵ Selepas itu, dalam Bab Dua saya cuba mengesan pelbagai reaksi kepada konsep taatsetia pada zaman tersebut. Dalam Bab Tiga pula diselidiki bagaimana 'taatsetia tanpa soal' memainkan peranannya dari zaman kolonial sehingga

Merdeka. Bab Empat merupakan bab terpenting. Di sini saya cuba membuktikan samada boleh diterima atau tidak pernyataan yang sering diulangi bahawa kelas pemerintah Melayu selepas Kemerdekaan – raja-raja dan elit-elit politik – kekal berpaut kepada taatsetia yang sebegini. Seterusnya diberi keterangan mengenai 'taatsetia' di masa sekarang. Di Bab Kelima dan terakhir dibincangkan akibat taatsetia masa kini. Faktor-faktor yang membantu menghakis kekuatan asalnya juga dinilai. Buku ini diakhiri dengan renungan ke atas beberapa hujah mengenai viabiliti intelektual seluruh soal 'ketaatsetiaan' yang kadangkala disampaikan dalam arena akademik.

Sebelum berbicara tentang zaman Melaka adalah perlu untuk menjelaskan sebilangan perkara. Pertamanya, memandangkan golongan yang mengharap taatsetia tanpa soal ialah pemerintah atau kelas pemerintah, maka sikap ini pada dasarnya wujud dalam proses psikologi pemerintah atau kelas pemerintah itu sendiri.

Bagaimanapun – dan ini merupakan perkara kedua – sebagai satu sikap ia juga dapat wujud dengan kekuatan yang serupa di kalangan mereka yang diperintah kerana mereka sendiri yang bertaatsetia tanpa soal. Ketiga, kelas pemerintah dan rakyat yang diperintah dianggap suatu kepaduan. Namun terdapat individu-individu dan kumpulan-kumpulan di kalangan rakyat dan juga pemerintah yang tidak bersikap membuta-tuli terhadap ketaatsetiaan. Ini tidak pula seharusnya menjejaskan kesahihan analisa ini. Pemerintah zaman Melaka merujuk secara khusus kepada Sultan atau Raja dan kelas pemerintah merujuk kepada kedirajaan Melayu keseluruhannya. Yang diperintah terdiri daripada kesemua mereka yang di bawah kawalan pemerintah, termasuk yang berkhidmat dalam jentera pemerintahan dalam apa jua kedudukan. Di zaman kolonial pemerintah bererti Sultan tetapi kelas pemerintah Melayu terdiri daripada Sultan dan kelas bangsawan serta pentadbir-pentadbir yang telah bekerjasama dengan British. Sultan-Sultan masih menjadi pemerintah di zaman sesudah Merdeka

tetapi kelas pemerintah mengandungi Sultan-Sultan dan elit-elit politik Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), teras kerajaan dan parti yang mendapat sokongan terbanyak di kalangan penduduk Melayu. Ada kalanya takrif 'kepimpinan UMNO' digunakan sebagai rujukan khusus kepada kumpulan tersebut dan seringkali penekanan diberi kepada kedudukan Presiden UMNO yang sudah semestinya juga merupakan Perdana Menteri. Sebagai Perdana Menteri pertalian di antara kedudukannya dengan UMNO dan masyarakat Melayu amat penting kepada kajian mengenai taatsetia di zaman ini.

Dengan latarbelakang di atas, mari kita kaji konsep taatsetia di zaman Melaka. Perhatian khas akan diberi kepada i) erti taatsetia dan cara manifestasinya dalam pelbagai peristiwa. ii) hubungan konsep taatsetia dengan tanggapan mengenai ketuhanan dan kesucian raja-raja. iii) kedudukan konsep ini dari sudut pandangan Islam dan iv) kesan-kesan konsep taatsetia terhadap masyarakat Melayu. Perbincangan ke atas tema-tema ini tidak semestinya menurut susunan di atas.

Konsep Taatsetia: Pengertiannya

Pentingnya taatsetia kepada raja ditekankan sejak bermulanya sejarah Melayu. Menurut Sejarah Melayu, Sri Tri Buana, pemerintah diraja orang-orang Melayu yang pertama dan seorang raja berketurunan Iskandar Dzu'l-Karnain telah menyetujui satu perjanjian dengan Demang Lebar Daun, wakil rakyat beliau. Demang Lebar Daun beranggapan bahawa perjanjian ini perlu supaya anak perempuannya yang ingin dikahwini oleh Raja tidak akan diserang sejenis penyakit yang merbahaya tatkala ditiduri oleh Raja, seperti yang tertimpa pada 39 orang puteri setelah Raja meniduri mereka. Akibatnya Sri Tri Buana terpaksa meninggalkan setiap seorang isteri baginda. Lalu Demang Lebar Daun mencadangkan, "Jikalau anak patek Tuanku peristeri, nescaya kedal ia; tetapi jikalau Tuanku mau ber-

wadaat dengan patek, maka patek persembahkan anak patek ka bawah Duli Yang DiPertuan.” Adapun Demang Lebar Daunlah yang pertama punya bahasa ‘Yang DiPertuan’ dan ‘patek’. Maka titah Sri Tri Buana, “Apa yang dikehendaki oleh bapaku itu?” “Ada pun Tuanku segala anak cucu patek sedia akan jadi hamba ka bawah Duli Yang DiPertuan; hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu duli Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besar dosanya pun, jangan di-fadhihatkan, dinista dengan kata-kata yang jahat; jikalau besar dosanya dibunuh, itu pun jikalau berlaku pada hukum Sharak.”

Jawab Sri Tri Buana, “Akan pinta bapa itu hamba kabulkanlah, tetapi hamba minta satu janji pada bapa hamba. Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan derhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat perkerti sekali pun.” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Baiklah, Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patek pun mengubahkanlah.” Jawab Sri Tri Buana, “Baiklah, kabullah hamba akan waadat itu!” Maka baginda pun bersumpah-sumpahan barangsiapa mengubahkan perjanjian itu dibalekkan Allah bumbungnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas. Itulah sebabnya dianugerahkan Allah pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib pada segala hamba Melayu; jikalau sebagaimana sekali pun besar dosanya, tiada diikat dan digantung dan difadhihatkan dengan kata-kata yang jahat. Jikalau ada seorang raja memberi aib seorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa. Shahdan, segala anak Melayu pun dianugerahkan Allah tiada pernah derhaka dan memalingkan muka pada raja-raja, jikalau jahat pekerti sekali pun serta aniaya”.⁶

Menurut Josselin de Jong, perjanjian tersebut “melibatkan soal maruah manusia dalam hubungan di antara raja dan rakyat jelata”.⁷ Ianya dianggap baik oleh beberapa orang sarjana disebabkan pengiktirafannya terhadap hak dan tanggungjawab kedua-dua belah pihak. Misalnya,

Josselin de Jong, dalam mengklaskan masyarakat tempatan sebagai 'masyarakat malu' mengatakan bahawa "rakyat menjanjikan ketaatsetiaan, raja berjanji tidak akan memalukan rakyat. Hanya jika raja menganiaya seseorang rakyat dengan cara yang memalukannya, maka perjanjian itu boleh dilanggar".⁸ R.J. Wilkinson mengatakan yang ikatan antara pemerintah dengan rakyat ini merupakan salah satu bukti bahawa meskipun terdapatnya hak rabbani raja-raja, tidak wujud kedirajaan mutlak di kalangan masyarakat Melayu.⁹

Walaupun kita dapat bersetuju dengan penilaian am kedua-dua mereka terhadap perjanjian tersebut masih perlu kita menilai kembali aspek-aspek tertentu secara lebih kritikal. Jelas bahawa taatsetia diberi dengan satu syarat – rakyat tidak dimalukan. Apa yang menyebabkan 'malu' dinyatakan secara kasar dalam ungkapan 'tiada diikat dan digantung dan difadhihatkan dengan kata-kata yang jahat'. Jika raja menghina seorang rakyatnya maka apakah rakyat tersebut boleh melanggar perjanjian dengan berlaku tidak setia? Dalam erti kata lain – apakah perbuatan derhaka dapat dipertahankan jika seseorang rakyat dihina? Apakah perjanjian di antara raja dengan rakyat itu mengizinkan penderhakaan? Tidak ada sebarang perkara yang menunjukkan ia diizinkan. Jika seseorang rakyat dikeji atau dihina dia hanya boleh sekadar menarik kembali taatsetianya kepada raja. Ini tidak sama dengan penderhakaan. Walaupun tafsiran ini ada asasnya dalam perjanjian itu sendiri, perlu disedari bahawa tidak berlaku apa-apa kejadian dalam masyarakat Melayu di mana 'taatsetia ditarik kembali' disebabkan penghinaan yang dialami di tangan raja yang penindas, lalu mendapat sokongan moral di atas landasan bahawa ianya wajar kerana raja melanggar perjanjian. Sebaliknya, hikayat-hikayat dan sejarah Melayu mengandungi banyak peristiwa di mana desas-desus mengenai tindakan atau sikap derhaka, walaupun daripada seorang rakyat yang dihina dan dimalu, telah dipersalahkan dan dikenakan hukuman yang amat berat oleh manusia dan Tuhan.¹⁰

Jika keengganan bertaatsetia tidak diterima maka apakah keadilan untuk seorang rakyat yang diberi malu oleh raja yang kejam? Jawapan perjanjian, 'Jikalau ada seorang raja memberi aib seorang hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa.' Dalam lain perkataan, balasannya adalah daripada Tuhan. Kesedaran mengenai balasan rabbani inilah yang diharap akan mengawasi dan membatasi raja dalam hubungannya dengan rakyat. Terdapat sebilangan peristiwa yang menunjukkan bahawa raja-raja tertentu amat menyedari akan batasan moral ini. Ada juga peristiwa-peristiwa lain di mana pencabulan terhadap perjanjian ini menyebabkan keruntuhan kerajaan mereka.¹¹

Hubungan di antara raja dengan rakyat sekarang lebih jelas. Jelaslah yang raja bertanggungjawab secara langsung kepada Tuhan. Beliau sekadar bertanggungjawab secara tidak langsung kepada rakyat, yakni setakat peranan beliau dalam perjanjian tersebut. Sebaliknya rakyat terikat secara langsung kepada raja. Mereka terpaksa berkhidmat kepada beliau dengan taatsetia yang sepenuh dan tidak terhingga. Penindasan atau kezaliman yang dilakukan oleh seseorang raja tidak memutuskan ikatan ini. Ini adalah kerana jika rakyat melakukan kesalahan, termasuk kesalahan tidak setia yang merupakan jenayah besar, maka raja boleh menghukum mereka. "Jikalau besar dosanya dibunuh, itu pun jikalau berlaku pada hukum sharak." Tambahan lagi, seperti dinyatakan dalam perjanjian, sebarang perbuatan ketidaksetiaan juga terpaksa menghadapi kemurkaan Tuhan.

Josselin de Jong dan Wilkinson gagal mendedahkan kelemahan kedudukan rakyat di dalam perjanjian itu sebagai satu unsur ketidakadilan yang nyata. Selagi ini tidak disedari adalah tidak mungkin untuk memahami sebaik-baiknya erti ketaatsetiaan seperti yang terkandung dalam perjanjian.

Konsep Ketaatsetiaan: Manifestasinya

Berbagai peristiwa dalam sebilangan hikayat dan sejarah Melayu mengenai zaman yang kita kaji kini dapat

mengesahkan pandangan tentang taatsetia ini. Kita akan alihkan perhatian kepada peristiwa-peristiwa ini. Semasa mengkaji peristiwa-peristiwa ini, kita akan cuba menjeniskannya berdasarkan ciri-ciri yang akan mendedahkan sifat sebenar konsep taatsetia.

Pertama, *taatsetia tanpa soal kepada raja diertikan sebagai melaksanakan harapan dan keinginannya tanpa mempersoalkan tujuan di sebalik harapan atau kewajaran hasratnya*. Hikayat Hang Tuah memberikan beberapa contoh tentang hal ini. Dalam hikayat ini, Hang Tuah, seorang perwira agung dalam masyarakat Melayu feudal, digambarkan sebagai hamba yang taat kepada keluarga diraja Melaka. Hang Tuah melaksanakan perintah-perintah Sultan dan keluarga diraja tanpa sebarang sungutan.

Terdapat suatu peristiwa di mana Hang Tuah menyempurnakan satu tugas yang rumit. Dia memanjat sebatang pokok kelapa yang luar biasa untuk mendapatkan buahnya bagi Permaisuri.¹² Dalam satu lagi peristiwa dia berjaya membawa balik seorang wanita dari Majapahit untuk dijadikan isteri Sultan, selepas merintanginya begitu banyak cabaran.¹³ Peristiwa yang lebih bersemangat wira ialah di mana Hang Tuah membunuh seorang pengamuk yang cuba membunuh Bendahara dan Temenggong.¹⁴ Memang terdapat banyak peristiwa lain dalam Hikayat Hang Tuah dan hikayat-hikayat lain mengenai khidmat setia kepada pelbagai keinginan raja.

Walaupun aksi-aksi kesetiaan ini menyempurnakan kehendak hati raja yang kadangkala bermacam ragamnya, ia tidak banyak mencabul norma-norma keadilan. Tetapi, terdapat peristiwa-peristiwa lain di mana *melaksanakan sesuatu arahan raja bererti mencabuli nilai-nilai moral dan tata susila*. Hakikat bahawa individu-individu yang dipertugaskan untuk menjalankan perintah diraja telah sanggup membuat pencabulan ini menunjukkan yang mereka bertaatsetia sehingga menyerah bulat-bulat kepada keinginan raja. Dua tiga contoh diberi untuk membuktikan hal ini.

Sultan Mahmud dari Melaka teringin benar untuk memperisterikan seorang wanita rupawan yang sudah ditunangkan kepada seorang pemerintah di salah sebuah anak negeri beliau. Beliau menjanjikan separuh daripada kota dan faedah kedirajaannya kepada sesiapa yang boleh membawa pulang wanita itu. Menerusi tipuhelah, rasuah dan kekuatan bersenjata, salah seorang perwira diraja berjaya mencolek wanita tersebut, Tun Teja, dan memujuknya untuk mengahwini Sultan meskipun ia tidak sanggup berbuat demikian. Di atas kejayaannya, perwira tersebut “Digelar Tun Setia Diraja dan dianugerahkan pedang, disuruh berdiri di ketapakan sama-sama dengan segala bentara.”¹⁵

Kisah yang sama diceritakan dalam Hikayat Hang Tuah di mana Hang Tuah pula yang disanjung kerana mencolek Tun Teja. Dalam kisah ini, Tuah menjalankan suatu tugas yang merbahaya untuk mendapat kembali perkenanan Sultan dan membuktikan ketaatsetiaannya kepada Sultan. Sultan sangat gembira dengan pencapaian Hang Tuah, lalu beliau memaafkannya, memeluknya dan mengurniaknya gelaran Laksamana.¹⁶

Contoh taatsetia buta dalam mengerjakan perintah diraja yang lebih jelas adalah mengenai pembunuhan Hang Jebat oleh Hang Tuah. Hang Jebat merupakan rakan karib dan rakan seperjuangan Hang Tuah. Jebat telah memurkakan Sultan kerana berpoya-poya dengan gundik baginda, satu perbuatan yang dianggap derhaka. Jebat berkelakuan demikian kerana kecewa dengan Sultan yang memerintahkan supaya Hang Tuah dibunuh tanpa sebarang usul periksa terlebih dahulu terhadap tuduhan yang dilemparkan ke atas Tuah. Inilah sebabnya Jebat mahu mengengkari Sultan dan istana diraja. ‘Derhaka’ dan kini keengkarannya benar-benar memurkakan Sultan sehingga beliau memerintahkan agar Jebat dibunuh. Bagaimanapun tiada seorang pun yang cukup berani atau cukup cekap untuk melawan Jebat yang mempunyai kelebihan keris sakti Hang Tuah.

Pada ketika yang genting inilah Hang Tuah dibawa balik untuk berkhidmat kepada Sultan. Sebenarnya Tuah tidak dibunuh kerana Bendahara yang sepatutnya melaksanakan perintah Sultan tidak mahu membunuh seorang yang mungkin tidak bersalah. Sekarang Tuah diberi tugas diraja untuk membunuh Jebat, yang diterimanya dengan amat bangga.

Penting diingati bahawa Hang Tuah menghadapi rakannya dengan kata-kata, "Hai Si-Jebat derhaka!" Ini menunjukkan Hang Tuah menerima penghukuman Sultan ke atas seseorang tanpa merenungkan benar salah hukuman itu. Jebat, yang gembira mengetahui bahawa rakannya masih hidup membalas kata-kata Tuah secara berbeza, "Hai orang-kaya Laksamana, kerana-mu-lah maka aku berbuat pekerjaan ini (menderhaka kepada Sultan)."¹⁷ Kata Hang Tuah, "Jika lain daripada dosa ini, tiada engkau mati..." Tambahnya, "Baik mati dengan nama yang baik, jangan hidup dengan nama yang jahat..."¹⁸

Jelas sekali Hang Tuah berpendapat bahawa mengengkari Sultan walau bagi pihak dirinya sendiri adalah dosa besar yang harus dihukum mati. Aspek-aspek etika dalam persoalan yang timbul tidak dihirau. Yang diambil kira ialah taatsetia buta-tulinya kepada Sultan, yang sanggup dia buktikan dengan mengorbankan kebenaran dan keadilan.

Setakat ini saya membicarakan taatsetia rakyat yang mengerjakan perintah raja tanpa mengambil kira akan sebarang pertimbangan lain. Sekarang akan dikaji pula taatsetia dari sudut lain — taatsetia mereka yang samada secara langsung atau tidak langsung menjadi mangsa ketidakadilan diraja. Cara mereka ini terus bertaatsetia buta kepada pemerintah memperlihatkan betapa kuatnya pengaruh konsep taatsetia ini.

Bagi mereka ini taatsetia bermakna *bulat-bulat menerima keputusan Sultan yang nyata tidak adil dan men-*

jejaskan nasib mereka sendiri. Satu contoh klasik ialah kisah Bendahara Seri Maharaja. Laksamana menuduh Bendahara merancang untuk menggulingkan Sultan dengan hasrat melantik dirinya menjadi Sultan Melaka. Sultan sanggup mempercayai tuduhan itu; lebih-lebih lagi baginda telah pun memurkai Bendahara, kononnya kerana keengganan Bendahara menunjukkan anak gadisnya yang cantik rupawan kepada baginda.¹⁹ Biar apapun sebabnya, tanpa sebarang siasatan lanjut, Sultan mengarahkan Bendahara dihukum mati. Dua orang diberi tugas ini. "Maka kedua orang itu pun pergilah dengan segala hamba raja. Maka segala anak buah Bendahara Seri Maharaja, dan segala kaum keluarganya, dan segala orangnya, semuanya berkampung pada bendahara, sekaliannya dengan alat senjata, kerana Tun Hasan Temenggong hendak melawan. Maka ditegah oleh bendahara, tiada diberinya melawan, katanya, 'Hai Hasan, hendak membinasakan nama orang tua-tua kitakah? Kerana adat Melayu, tiada pernah derhaka. Setelah Tun Hasan Temenggong mendengar kata bendahara itu, maka Tun Hasan Temenggong pun membuang senjataanya lalu berpeluk tubuh, dan sekaliannya pun membuang senjata dari tangannya masing-masing kembali ke rumahnya, tinggal Bendahara Seri Maharaja dua bersaudara dengan Seri Nara Diraja, dengan segala anak buahnya. Maka Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara pun datang membawa keris Sultan Mahmud, dibubuh di atas cheper perak, ditudungi dengan tetampan, diletakkan di hadapan Bendahara Seri Maharaja dan Seri Nara Diraja, 'Salam doa ananda, bahawa takdir Allah taala telah datanglah pada bendahara ini.' Maka sahut Bendahara Seri Maharaja dan Seri Nara Diraja, 'Barang yang telah berlaku pada hukum Allah itu, hamba pun redalah'. Maka Bendahara Seri Maharaja, Seri Nara Diraja dan orang-orangnya yang rela mati bersamanya pun dibunuhnyalah."²⁰

Bendahara merelai hukuman diraja yang tidak adil, dan yang dijatuhkan akibat tuduhan yang tidak berasas sama sekali. Kerelaan Bendahara ini mencerminkan penting-

nya taatsetia buta kepada pemerintah di zaman Melaka. Sekali lagi taatsetia buta ini tergambar pada sikap Hang Tuah bila berhadapan dengan hukuman mati yang juga tidak adil. Beberapa orang pembesar yang cemburuan kedudukan Hang Tuah dalam istana sebagai kesayangan Sultan, telah mereka-reka satu cerita mengenai tingkah-laku Tuah bersama gundik Sultan. Sultan amat murka. Tanpa sebarang siasatan beliau menyuruh Bendahara membunuh Hang Tuah. Tuah menerima nasibnya dengan berkata, "Tuah tiada bertuan dua tiga dan Tuah tiada mahu derhaka kepada tuannya. Segeralah kerjakan titah yang maha mulia itu."²¹ Tuah tidak dibunuh kerana Bendahara tidak sanggup berbuat demikian. Seperti diketahui, selepas peristiwa ini Tuah berjaya mencolek Tun Teja bagi Sultan dan mendapatkan kembali sanjungan baginda.

Bagaimanapun, tidak lama kemudiannya, cubaan kedua dibuat untuk memburuk-burukkan nama Hang Tuah di mata Sultan. Sekali lagi dibuat pembohongan mengenai tingkah laku Tuah yang tidak senonoh dengan gundik kesayangan Sultan. Sekali lagi Sultan mengarah dihukum mati Hang Tuah tanpa menyiasat tuduhan. Seperti sebelumnya, Hang Tuah menerima hukuman dalam cara yang sama, "Tuah," katanya kepada Sultan, "tiada mahu derhaka. Patik persembahkan nyawa patik, patik tiada bertuankan yang lain."²² Bendahara menyelamatkan nyawanya buat kali kedua. Sekali lagi, Hang Tuah berjaya mendapatkan kembali penghormatan Sultan — kali ini, dengan membunuh sahabatnya Hang Jebat.

Taatsetia buta Hang Tuah dan mungkin juga taatsetia buta Bendahara adalah jelas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pertimbangan lain. Tetapi terdapat juga mereka yang mempunyai tanggapan yang lebih kompleks sedikit mengenai hubungan mereka dengan raja. Mereka *benar-benar menyedari kebolehan mereka untuk menentang perintah diraja tetapi enggan berbuat demikian. Sebaliknya mereka tetap berpegang kuat kepada taatsetia*. Sesungguhnya kesedaran

mengenai keupayaan menentang kehendak raja ini begitu kuat hingga ia pernah disuarakan. Kisah Raja-Raja Pasai memberi satu contoh yang baik. Menurut kisahnya, Sultan bercadang membunuh anaknya sendiri, Tun Berahim Baba, kerana berpoya-poya dengan salah seorang gundik baginda. Walaupun Tun Berahim Baba mendapat alamat bahawa dia akan dibunuh oleh ayahnya dan dapat mengelak maut, dia enggan melarikan diri. Katanya, ".....kerana saya tidak mahu menderhaka, jika hendak saya derhaka maka seluruh Pasai dan seluruh Siam dan seluruh China dan seluruh Kalinga tidak akan terdaya melawan ku."²³ Adalah besar ertinya yang dia mengulanginya beberapa kali sebelum menemui ajal.

Tun Berahim Baba menyedari keupayaannya untuk melawan tetapi sanggup menundukkannya kepada taatsetia terhadap Raja. Terdapat juga peristiwa-peristiwa mengenai mereka yang *menyedari ketidakadilan sesuatu perbuatan diraja tetapi tidak bertindak kerana mereka diharapkan berlaku setia kepada Sultan*. Bagi mereka ciri-ciri masyarakat semasa, nilai-nilai dominan dalam keadaan semasa itulah yang menjadi pembatas. Maka dari segi ini mereka berbeza dengan Bendahara dan Hang Tuah yang buta terhadap ketidakadilan yang berlaku, dan berbeza pula dengan Tun Berahim Baba yang patuh kepada konsep taatsetia atas pilihan sendiri. Satu peristiwa dari Sejarah Melayu dapat menggambarkan faktor ini.

Sultan Mahmud Shah sedang bermain asmara dengan isteri Tun Bayajit. Suatu pagi tatkala Sultan Mahmud Shah pulang dari rumah isteri Tun Bayajit, Tun Bayajit kembali dari tugasnya di perantauan dan mendapat tahu akan perbuatan Sultan. Tun Bayajit sedar bahawa Sultan sedang datang dari rumahnya dan ingin membunuh baginda di sana juga. Tetapi, kerana dianya seorang rakyat Melayu yang tidak akan berganjak dari kesetiannya kepada Raja, dia hanya sekadar menimang-nimang lembingnya dan berkata, "Hai Sultan Mahmud, demikian-kah pekerjaan tuan hamba akan hamba? Sayang tuan hamba pada hamba; jikalau tuan hamba

bukan tuan kepada hamba, jika tiada lembing ini kutumbukkan di dada bukannya hamba anak laki-laki." Sedang kesemua hamba Sultan bersiap sedia untuk menyerang Tun Bayajit, Sultan berkata, "Jangan kamu semua marah, kerana katanya itu benar, kita sedia salah padanya: pada hukumnya patut dibunuhnya. Daripada ia hamba Melayu tiada mau derhaka, maka demikian lakunya."²⁴

Di sini wajar disedari bahawa bukan sahaja suami yang terkilan itu menyedari ketidakadilan perbuatan Sultan, tetapi Sultan sendiri mengakui dirinya bersalah di sisi agama. Jelas yang Islam tidak bertolak-ansur dengan konsep taatsetia yang berleluasa pada masa itu, sebagaimana akan kita ketahui nanti.

Buat masa sekarang akan kita teliti satu lagi dimensi dalam konsep taatsetia. Sudah kita lihat tadi bagaimana seorang individu yang sedar akan ketidakadilan diraja telah sebaliknya mempertahankan konsep taatsetia. Berikut ialah sebuah kisah lain di mana seorang individu *tetap bertaatsetia sepenuhnya dalam menghadapi ketidakadilan tetapi telah berjaya menebus kembali sedikit kehormatan buat dirinya*. Ini berlaku dalam peristiwa yang melibatkan Raja Muhammad, anak Sultan Mansur Shah dan Tun Besar, anak Bendahara. Raja Muhammad sedang menunggang kuda bila Tun Besar yang sedang bermain sepak raga tersepak bola ke arah Raja Muhammad. Bola itu terkena tengkolok Raja Muhammad, dan tengkolok terjatuh ke tanah. Raja Muhammad amat marah. Salah seorang pengikut tidak terkawal kemarahannya hingga dia membunuh Tun Besar. Bila Bendahara diberitahu akan perkara ini, pengikut-pengikutnya hendak bertindak balas. Tetapi Bendahara menahan mereka. Katanya, "Bolehkah kamu setia kepada gunung dan derhaka kepada bukit? Hai! Hai! Hendak derhakakah? Cheh, kamu sekalian, cheh, kerana tiada adat, hamba Melayu tiada pernah derhaka. Tetapi janganlah kita bertuankan anak raja seorang ini."²⁵ Seterusnya Sultan dipujuk agar menyingkirkan Raja Muhammad yang sebenar-

nya merupakan bakal pengganti Sultan. Raja Muhammad dihantar ke sebuah negeri jajahan di mana beliau ditabal menjadi pemerintah.

Pada kebiasaannya adalah tidak mungkin untuk menebus kembali walau sesedikit maruah bagi seseorang atau keluarga seseorang dalam sesuatu pertelingkahan yang melibatkan keluarga diraja, terutamanya jika mangsa tersebut bertaatsetia buta kepada kedirajaan. Bendahara menebus sedikit maruah tetapi ianya kerana peristiwa itu melibatkan bakal pengganti Sultan, bukan Sultan. Lebih-lebih lagi, Bendahara amat kuat orangnya dan sangat diperlukan dalam istana. Beliau banyak mempengaruhi Sultan.²⁶

Contoh-contoh taatsetia yang telah dibincangkan merupakan manifestasi berbeza mengenai konsep yang sama. Misalnya tidak mungkin Hang Tuah dan Tun Bayajit digolongkan ke dalam kategori yang sama. Hang Tuah bukan sahaja taat tetapi juga tidak berupaya mempersoalkan kebijakannya atau adilnya perintah raja. Sebaliknya Tun Bayajit menyedari kesalaban Sultan tetapi tidak mengambil tindakan kerana sebagai seorang Melayu dia perlu setia.

Harus difahami perbezaan di antara kedua-dua situasi di atas. Begitu juga, Bendahara yang menerima hukuman tanpa apa-apa sungutan tidak boleh disamakan dengan Bendahara yang cuba mendapat sedikit keadilan bagi pihak anaknya yang terbunuh.

Bagaimanapun, mungkin perlu ditegaskan sekali lagi bahawa pengkelasan pelbagai jenis taatsetia tidak bermaksud bahawa Hang Tuah bertaatsetia buta tetapi Tun Bayajit tidak sedemikian. Bukti-bukti yang ada jelas menunjukkan bahawa kesemua mereka bertaatsetia buta kerana tidak seorang pun meragui perlunya atau wajarnya bertaatsetia penuh kepada raja. Perbezaan di kalangan sesetengah daripada mereka terletak pada cara penilaian mereka ke atas tindak-tanduk raja, yang merupakan soal berlainan sama sekali.

Konsep Taatsetia: Hubungan Dengan Masyarakat

Setelah meneliti erti dan manifestasi taatsetia, eloklah dikaji kesan-kesannya ke atas masyarakat Melayu di zaman Melaka. Kesan-kesan ini akan dibincang berasaskan tiga persoalan yang penting: a) Apakah benar bahawa konsep taatsetia itu membantu mewujudkan satu kelas pemerintah yang penindas sifatnya? b) Apakah benar bahawa konsep taatsetia itu membantu mewujudkan kelas rakyat yang lemah-menyerah sifatnya? c) Apakah benar bahawa konsep taatsetia itu membantu mengelak tercetusnya pemberontakan menentang kelas pemerintah Melayu?

Tidak dapat disangkal adanya sebilangan peristiwa penindasan diraja. Beberapa contoh sudah diberi. Sebenarnya lebih banyak contoh peristiwa dapat diberi untuk mengukuhkan fakta ini. Sejarah Melayu ada mengisahkan tentang Singapura dilanggar todak. Ramai orang terbunuh. Raja memerintahkan orang-orangnya berbaris membuat kubu dengan menggunakan betis kaki untuk mempertahankan pulau itu. Tetapi, orang-orangnya masih terbunuh. Pada ketika itu, terdengar kata seorang budak, "Apa kerja kita berkubukan betis ini? Kita perdayakan diri kita demikian ini, jika kita berkubukan batang pisang alangkah baiknya?"²⁷ Raja menyedari kebenaran kata-kata budak itu, dan bila cadangannya dikerjakan, ia berjaya.

"Setelah itu maka Paduka Seri Maharaja pun kembali. Maka sembah orang besar-besar, 'Tuanku, budak ini terlalu sekali besar akal nya. Sedang ia budak lagi demikian jikalau ia besar berapa lagi banyak akal nya? Baiklah ia kita bunuh.' Shahdan, maka budak itu pun disuruh bunuh oleh baginda, menjadi benar kepada hatinya. Ada pun taktala budak itu dibunuh maka hak rasanya ditanggungkannya atas negeri Singapura."²⁸

Ada satu lagi peristiwa kezaliman diraja. Seorang pegawai istana yang tidak disukai Sultan Mahmud Shah dicela oleh baginda kerana lewat tiba ke satu upacara diraja.

Pegawai tersebut merayu diampunkan. Tetapi Sultan berkata baginda tahu yang pegawai itu tidak menyukai baginda dan diperintahkannya supaya dibunuh pegawai itu. Tanya pegawai itu, "Apa salah hamba pada Tuan? Apa kerana salah yang demikian kecil hamba dihukum bunuh?"²⁹

Begitu juga, Misa Melayu menyebut bahawa mereka yang tidak menghadiri upacara kemangkatan seseorang raja "dihukum, dipecat daripada jawatan, diikat kaki tangan dan dibiarkan di panas matahari; tetapi ramai yang kemudian dimaafkan. Banyak anugerah baru dikurniakan."³⁰

Misa Melayu juga menceritakan bagaimana apabila "Sultan Mudzawar Shah gering, baginda tidak sembuh memakan ubat atau bersedekah. Kebijaksanaan orang kaya besar juga tidak menyembuhkan Sultan. Dibunuh seorang perempuan gila dalam istana tetapi tidak juga sembuh, maka mangkatlah Sultan".³¹

Sangat sedikit keraguan bahawa perbuatan aniaya seperti ini berlaku terutamanya kerana kedudukan raja yang tidak tercabar. Sebaliknya jika penderhakaan atau pun percanggahan pendapat dan ketidaksetujuan diterima dari segi sosial, mungkin wujud suatu bentuk pertentangan. Biar pun begitu, harus diakui meskipun dalam masyarakat lain di mana pemberontakan diterima umum sekiranya ia ditujukan terhadap raja-raja yang zalim, terdapat juga banyak peristiwa kezaliman diraja. Dalam kerajaan-kerajaan Muslim Timur Tengah di zaman pertengahan, para sarjana, hakim, elit agama dan yang lain sungguh menyedari betapa adilnya pemberontakan menentang pemerintah yang zalim. Tetapi ini tidak pula menghalang berlakunya penganiayaan diraja.³² Ini menunjukkan walaupun konsep taatsetia buta kepada pemerintah merupakan faktor penting yang mengakibatkan penindasan, tanpa sikap taatsetia ini pun penindasan mungkin berlaku.

Sesungguhnya adalah diragukan jua samada pemerintah-pemerintah itu amat penindas sifatnya. Perbuatan-perbuatan

kejam seseorang individu mudah diperhitungkan tetapi sangat sedikit bukti untuk menunjukkan bahawa kelas pemerintah Melayu seluruhnya bersifat penindas. Pandangan ini akan diterangkan kelak; buat masa sekarang adalah berfaedah untuk mengingati bahawa para pentadbir dan ahli sejarah British banyak bertanggungjawab di atas penyebaran imej yang salah ini mengenai raja-raja dan para pembesar raja. Clifford pernah berkata, "Para pemerintah tempatan di zaman dahulu adalah zalim dan berhati batu, tetapi selalunya tindak-tanduk mereka ada motif yang tersendiri. Motif ini difahami dan diterima oleh rakyat mereka".³³ Clifford memberi banyak contoh penindasan.³⁴ Swettenham turut berbuat demikian dalam penulisan beliau.³⁵

Pihak British menonjolkan perlakuan-perlakuan kejam raja-raja Melayu dan menyampaikannya sebagai suatu aliran perkembangan am semata-mata untuk digunakan sebagai alasan bagi campurtangan kolonial.³⁶ Tambahan pula, keadaan huru-hara di akhir abad ke 19 yang sebahagiannya disebabkan kekejaman raja dan para pembesar merupakan kejadian-kejadian dalam suatu jangkamasa sejarah yang tidak langsung mencerminkan sikap yang lazim di zaman Melaka seluruhnya.

Kalaulah penindasan telah diperbesar-besarkan, apakah pula benar bahawa pihak rakyat tersangat menyerah? Sudah digambarkan tadi betapa mudahnya pegawai-pegawai atasan dan rendah dalam istana menerima hukuman diraja yang tidak adil. Dapat diberi contoh-contoh lain berhubung sifat mudah menyerah kepada raja, namun peristiwa berikut adalah memadai. Ianya mengisahkan secara dramatik bagaimana seorang pegawai menganggap dirinya rendah dan hina serta tidak menghargai nyawa sendiri dalam hubungannya dengan Sultan. "Pada suatu hari, Sultan Muzaffar Shah dihadap orang di balairong. Setelah demikian lama baginda dihadap orang maka Bendahara pun masuk mengadap. Sultan berangkat masuk, tidak terlihat oleh beliau akan

Bendahara yang baru tiba. Tiupan angin menghentam tutup pintu istana. Maka kata Bendahara pada dirinya, "Yang DiPertuan murka akan aku, maka serta aku datang baginda masuk, maka pintu pun ditutupkan orang!" Maka bendahara pun kembali ke rumahnya. Maka ia pun makan racun lalu mati."³⁷

Seperti orang-orang besar istana, rakyat biasa juga pada keseluruhannya bulat-bulat menyerah kepada telunjuk Sultan dan kelas pemerintah bila bekerja di tanah mereka atau bila berkhidmat kepada mereka dalam cara-cara lain. Sikap ini amat tebal sekali sehingga ianya tersuara dalam falsafah masyarakat Melayu. Terdapat banyak perumpamaan dan peribahasa Melayu yang membuktikannya. Misalnya terdapat peribahasa yang berbunyi "sepuluh jong masuk, anjing bercawat ekor juga." Menurut W. E. Maxwell peribahasa ini bererti "Pemerintah bersilih ganti dan mungkin berlaku lain-lain perubahan yang penting dalam kerajaan sesebuah negara, tetapi kedudukan kelas-kelas bawahan tetap sama". Menurut beliau lagi, pemikiran ini jelas tergambar pada perumpamaan lain — "Siapa pun menjadi raja tangan-ku ka-dahi juga".³⁸

W. E. Maxwell mentafsirkan satu lagi perumpamaan, "Merajukkan air di ruang, hendak karam di timba juga", sebagai bermaksud bahawa seorang rakyat biasa "tidak mampu menunjukkan kemarahan kepada ketuanya, kerana dia bergantung kepadanya. Akan hilang sara hidup jika dia berbuat demikian".³⁹ Beliau menganggap peribahasa "hidup dikandung adat, mati dikandung tanah" sebagai contoh "penyuaraan ketundukan, rendah diri atau tawakkal. Ianya dinyatakan bila perintah seorang ketua diingkari".⁴⁰

Begitu juga — "terkesot-kesot bagai anak tidak diaku" menurut Maxwell bererti "seorang rakyat yang dimurkai ketuanya. Walaupun dia merangkak kepada ketuanya minta diampuni dan diterima kembali dia tetap tidak dipedulikan".⁴¹ Maxwell juga menunjukkan bahawa falsafah masyarakat Melayu, melalui peribahasa "anak-anak ikan kecil

menjadi makanan ikan besar” menggambarkan bahawa “rakyat biasa bergantung kepada belas kasihan orang-orang besar”.⁴²

R. J. Wilkinson juga mengkaji peribahasa-peribahasa yang bersangkutan dengan sikap rakyat terhadap raja dan istana. Menurut beliau, seorang rakyat biasa Melayu “memunyai anggapan bahawa memang biasa seorang putera memuaskan nafsunya bila-bila sahaja beliau mendapat peluang. Apa pula tidaknya,

“Apa lagi ular sawa ia berkehendakkan ayamlah
Adakah buaya menolak bangkai
Lalat memanglah mencari puru
Di mana kutu makan kalau tidak di kepala
Laksana kerbau, di mana rumput hijau di sana
terkam.”⁴³

Lebih penting lagi, beliau menyebut bahawa, “soal membalas dendam terhadap seseorang pemerintah yang zalim dipersendakan oleh peribahasa-peribahasa Melayu:

“Pipit nak berperang dengan garuda
Nyamuk nak minum habis lautan
Pipit sudah sedar, menelan padi
tak akan habis padinya,
Ingat ayam jantan jika tidak ia kokok
tak terbit matahari.”⁴⁴

Sebab ejekan ini mungkin kerana “dia tahu bahawa tentangan terhadap ketua sudah pasti maut kesudahannya: kalah jadi abu menang jadi arang.”⁴⁵

Winstedt yang menganalisa peribahasa-peribahasa Melayu mengenai kelas pemerintah merumuskan bahawa rasa tidak terdaya dan sikap menyerah bulat-bulat digambarkan dalam peribahasa-peribahasa Melayu. “Kalau langit hendak menimpa bumi, bolehkah ditahan dengan telunjuk? – (mampukah yang lemah menghadapi penindasan?)⁴⁶ Sepertilah juga bunyinya satu lagi peribahasa, “Langit

runtuh, bumi cair – (bila seorang raja menyerang seorang rakyat, musnahlah rakyat itu.)”⁴⁷

Ketidakyakinan diri, pengecilan kebolehan dan harga diri serta ketundukan kepada kehendak hati raja pastinya berkait kepada konsep taatsetia. Konsep yang dikekalkan sebagai nilai budaya yang agung ini sudah begitu mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu hingga dilumpuhkannya keupayaan untuk bertindak bertentangan dengan kemahuan pemerintah. Tetapi adalah salah untuk mengaitkan setiap peristiwa ketundukan rakyat kepada pengaruh konsep taatsetia. Pengaruh yang lainnya juga mesti diambilkira. Walaupun jika konsep taatsetia tidak sampai ke tahap yang ada, mungkin masih wujud sikap mengikut telunjuk pemerintah, memandangkan keadaan struktur masyarakat Melayu. Seperti yang diketahui dari bab pertama ini, masyarakat Melayu berbentuk hirarki, dengan kelas pemerintah dan kelas rakyat. Hirarki ini melahirkan kesedaran yang tersendiri di kalangan kedua-dua kelas. Hirarki inilah membuat golongan lemah benar-benar merasakan kerendahan dan kekurangan mereka berbanding dengan golongan kuat. Misalnya bila sebuah istana baru tujuh tingkat dibuka, raja dan lain-lain peserta dalam upacara itu diberi tingkat berdasarkan kedudukan mereka. Rakyat biasa menduduki tingkat paling rendah.⁴⁸ Apabila Sultan dan para pengiring pergi menangkap ikan dengan menggunakan racun tuba, umpan yang mereka gunakan mencerminkan kedudukan mereka.⁴⁹ Apabila Sultan hendak membalas kesetiaan seorang pegawai secara mengahwinkannya dengan puteri baginda, pegawai tersebut enggan. “Mohon maaf, hamba tidak lebih dari seorang hamba dan puteri Baginda adalah tuan hamba.” Apabila Sultan mendesak, katanya “.....dengan dikira kesemua nenek-moyang saya di hari-hari yang silam menjadi hamba kepada Raja-Raja di masa itu, nama baik orang-orang Melayu di hari-hari itu akan tercela jika kini hamba mengahwini puteri Baginda.”⁵⁰ Menurut Hikayat Hang Tuah, Tun Teja terpaksa menolak lamaran Sultan Melaka kerana

beliau menyadari martabatnya yang rendah berbanding dengan Sultan.⁵¹

Kesedaran tentang darjat ini dicerminkan melalui satu bahasa dan adat-istiadat istana yang tersendiri dan melalui beberapa keistimewaan keluarga diraja seperti hak eksklusifnya untuk menggunakan warna kuning. Barang siapa yang melanggar peraturan-peraturan ini akan dihukum bunuh.⁵² Mungkin suasana yang begitu dipengaruhi oleh pertimbangan darjat inilah yang telah melahirkan peribahasa dan perumpamaan yang mencerminkan jurang antara pemerintah dengan para pengikutnya. "Petani menganggap ketua-ketuanya sebagai satu golongan yang jauh lebih tinggi darinya: mereka umpama enggang, kita umpama burung pipit, masakan dapat kita terbang sekumpulan dengan mereka? Begini bunyinya satu perumpamaan: Biar yang agung mencari kebesaran, manakala kita yang miskin menerima sahaja takdir kita."⁵³ Sesungguhnya, kesedaran tentang darjat ini begitu nyata hingga terbawa-bawa ke dalam soal hukuman: "Kalau kena tampar biarlah dengan tangan bercincin, kalau kena tendang biarlah dengan kaki berkasut."⁵⁴

Maka sudah semestinyalah kesedaran mengenai darjat dan martabat, peringkat dan penceraihan dalam masyarakat turut melahirkan sikap lemah menyerah. Begitu juga, hubungan ekonomi di antara kelas pemerintah dengan rakyat jelata mungkin menebalkan lagi sikap ini. Selain mereka yang berkhidmat secara langsung kepada istana, golongan rakyat lain juga dikawal menerusi berbagai cara. Misalnya tukang-tukang ukir berkhidmat kepada kelas pemerintah sementara peladang pula terpaksa bekerja untuk Sultan dan ketua-ketua mereka. Seperti mana diketahui, dari segi teknik kesemua tanah adalah milik Sultan, walaupun pada hakikatnya hak ini digunakan hanya untuk mendapatkan sebahagian daripada hasil beras. Peladang juga mungkin dikerah (khidmat paksa) di mana dia dikehendaki menggunakan tulang empat keratnya untuk membina jalan, jambatan, parit dan membuat kerja-kerja kemudahan awam

yang lain, untuk memelihara gajah, mengayuh perahu, membawa dan menyampaikan surat dan berita, mengiringi ketuanya bila mengembara, mengerjakan tanah ketuanya sebaik tanahnya sendiri dan berkhidmat sebagai perajurit bila perlu.¹⁵⁵ Sudah tentu jenis perkhidmatan berbeza mengikut tempat. "Di Perak, sebuah daerah membekalkan kayu balak untuk Raja bagi kerja-kerja pembinaan manakala daerah-daerah lain membekalkan rotan dan bahan-bahan lain. Penduduk sesebuah tempat menjadi ahli pancaragam muzik diraja, penduduk tempat lain pula terpaksa menyediakan pengasuh dan penjaga bagi anak-anak baginda...Pengerahan... bukanlah semata-mata akibat pelaksanaan undang-undang pihak yang lebih kuat, ianya jelas difahami sebagai untung nasib petani, dia merelakannya sebagai salah satu syarat untuk menduduki tanah pemerintah. Dia diam menuruti setiap perintah ketua-ketuanya sehinggalah penindasan mencapai satu tahap bilamana dia memilih berpindah daripada terus menjadi hamba. Dia sedar, perpindahan bererti kehilangan tanahnya. Dan sesungguhnya tanahnya itu sertamerta dirampas oleh penghulu dan dijadikan hak raja."¹⁵⁶

Tidak sukar untuk memahami bagaimana dan mengapa pengerahan sebagai suatu institusi ekonomi menguatkan sifat lemah-menyerah dan menghambakan peladang. Inilah sebabnya hubungan ekonomi antara kelas pemerintah dengan kelas rakyat serta kesedaran yang dirangsangkan oleh struktur sosial dan pengaruh konsep taatsetia harus diambilkira dalam menerangkan sifat lemah menyerah di kalangan rakyat. Walaupun konsep politik mengenai taatsetia menyeluruh kepada pemerintah, yang sudah diasuh berkurun lamanya, merupakan pengaruh utama yang membentuk sikap ini, ada dua faktor lain yang juga harus diambilkira. Tidak harus pula dianggap bahawa disebabkan sifat lemah menyerah amat berleluasa, tiada langsung peristiwa di mana kekuasaan diraja ditentang. Akan ditunjukkan kemudian bahawa pandangan ini tidak tepat.

Berdasarkan perbincangan di atas setakat manakah benarnya pernyataan bahawa konsep taatsetia ini juga bertanggungjawab menghalang berlakunya pemberontakan dan penderhakaan dalam masyarakat Melayu awal? "Sepanjang sejarah Malaysia tidak berlaku peristiwa kebangkitan bersama rakyat atau pun sebarang percubaan untuk melahirkannya. Apa yang sering berlaku ialah pertelingkahan di antara kumpulan-kumpulan ketua dan putera yang bersaing dan bermusuhan sesama mereka atau menentang kuasa kolonial Eropah. Rakyat jelata tidak pernah terlibat sebagaimana dalam sesuatu perang saudara atau rusuhan umum. Sejarah Malaysia semenjak abad ke 14 mengesahkannya."⁵⁷

Amat sukar untuk menafikan bahawa konsep taatsetia ada pertaliannya dengan ketiadaan peristiwa pemberontakan dan penderhakaan menentang seseorang Sultan. Sesungguhnya taatsetia pasti merupakan salah satu sebab terpenting bagi ketiadaan peristiwa pemberontakan dan penderhakaan. Ini dibuktikan oleh berbagai peristiwa ketidakadilan dan penindasan, kezaliman dan kekejaman yang diterima oleh mangsa-mangsanya tanpa sebarang sungutan, kerana mereka tidak sanggup mengengkari pemerintah, kerana itu sudah dikira menderhaka. Taatsetia dan khidmat buta kepada pemerintah benar-benar merupakan tata tertib semasa."⁵⁸

Bagaimanapun tidak semudah itu pula untuk menyarankan bahawa konsep taatsetia ini adalah satu-satunya faktor bagi ketiadaan pemberontakan menentang raja. Punca-punca lain juga mesti dikaji. Misalnya, walaupun berlaku sebilangan peristiwa kezaliman dan kesewenang-wenangan diraja, sistem kesultanan Melayu pada keseluruhannya tidaklah bersifat penindas. Kerana itu kelas rakyat tidak merasa perlu atau wajar untuk memberontak menentang tuan-tuan diraja mereka. Tambahan pula, sifat dan takat tindakbalas terhadap sesuatu keadaan ditentukan oleh jenis cabaran yang diberikan oleh keadaan itu sendiri.⁵⁹ Memandangkan pada keseluruhannya raja-raja Melayu ada mengenal

batas dalam tingkah-laku mereka terhadap rakyat dan disebabkan mereka tidak beriya-iyanya benar untuk menindas rakyat, maka tiada sebab untuk mencabar kedudukan mereka.

Satu faktor penting yang telah menahan para pemerintah daripada berlaku terlalu kejam ialah pengaruh agama. Sultan-Sultan sedar sebagai pemerintah Muslim mereka tidak boleh menindas atau berlaku keras ke atas rakyat dengan sewenang-wenang. Kebajikan rakyat perlu diberi perhatian. Mereka insaf akan perlunya keadilan. Sebagai contoh, menurut Kesah Raja-Raja Pasai, Malekus Salleh, pemerintah Muslim pertama bagi kerajaan Pasai, sejurus sebelum kematiannya telah menasihati pegawai-pegawainya supaya jangan memberi sesuatu tugas kepada seseorang yang tidak menuruti peraturan Tuhan "kerana Tuhan telah berfirman dalam Al-Quran, barang siapa yang melaksana undang-undang yang tidak menuruti undang-undang Tuhan adalah seorang kafir."⁶⁰ Lebih penting, beliau menasihati kedua-dua orang cucunya yang merupakan bakal pengganti beliau supaya tidak menyembunyikan kekayaan di alam yang fana ini dan "jangan membuat sebarang yang tidak mendatangkan kebaikan di dunia dan akhirat. Kamu mesti membincangkan setiap perkara yang hendak dilakukan agar Tuhan memberkati kamu dalam pentadbiran negeri kamu dan memakbulkan setiap permintaan dariNya. Kamu mesti berlaku adil kepada rakyat dan selalu mengambil kira akan nasib mereka agar mereka melakukan kebaikan dan mengelak kejahatan."⁶¹

Dalam Sejarah Melayu pun, nasihat supaya menuruti amanat Tuhan diberi pada saat-saat akhir hayat. Semasa menghembuskan nafas terakhirnya, Bendahara Paduka Raja berwasiat kepada keluarganya, "Wahai anak cucuku, jangan kamu tukarkan ugama dengan dunia. Adapun dunia itu tiada kekal adanya, kerana hidup itu sahaja akan mati juga kesudahannya. Hendaklah tuluskan hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah subhanahu wataala dan

Rasulnya, dan jangan kamu sekalian lupa pada berbuat kebaktian kepada raja kamu. Adalah raja yang adil itu dengan Nabi (s.a.w.) umpama dua buah permata pada sebetuk cincin."⁶² Nasihat Bendahara kepada Sultan Alauddin adalah jauh lebih besar pengertian politiknya. "Ampun Tuanku, hendaklah Tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada benarnya. Jikalau Tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah itu, Tuanku menyesal kelak. Adapun yang kehendak nafsu itu daripada waswas syaitan 'alaihi' la'pat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya sebab menurut hawa nafsunya."⁶³

Sultan Alauddin pula semasa akhir hayatnya menasihati anak penggantinya mengenai tugas seorang pemerintah. Nasihat baginda itu sungguh mendalam dan luas cakupannya. Sesungguhnya, kata-kata nasihat Sultan ini tidak ada tolok-bandingnya dalam mana-mana hikayat atau sejarah Melayu. Katanya, "Ketahuilah, anakku, dunia tidak akan kekal adanya. Yang hidup itu akan mati juga sudahnya; Iman yang sempurna dan budi pekerti yang baik, itulah yang kekal, disebut orang selama-lamanya. Setelah peninggalanku hendaklah kamu berlaku sabar dan adil, janganlah kamu merampas harta orang, kerana segala hamba Allah terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa baik-baik, supaya di akhirat tiada diberatkan Allah atas lehermu, kerana sabda Nabi s.a.w.: Kulukum Ra'in wa-kulukum masulun min Ra'iy-Yaiti, yakni segala kamu yang membela ditanya daripada kebelaan kamu; ertinya segala raja-raja di akhirat nanti ditanya Allah taala daripada segala rakyat. Sebab demikian, maka harus engkau berbuat adil dan saksama, supaya diakhirat jemaah diringkan Allah Taala kira-kiramu. Dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksana dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya

di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya itu? Dan lagi tiada akan aman sentosa kerajaannya, kerana raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada kayu, di manakah api itu bernyala? Seperti kata Arab, 'Aaraiyyatu jurthumatun sultanun darakht, ertinya rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri, demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya. Dan segala anak Melayu bagaimana pun besar dosanya, jangan kamu bunuh, melainkan pada hukum Syarak; kerana segala Melayu itu tanahmu, seperti kata Arab, 'Al-abdu tinu'l murabbi', ertinya yang hamba itu tanah tuannya (?). Jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaan mu binasa. Hai anakku, hendaklah engkau turut dan engkau ingatkan wasiat ku ini, dan engkau kerjakan, supaya berkat engkau diberi Allah subhanahu wataala."⁶⁴

Nasihat perpisahan ini khususnya, dan pesanan-pesanan lain oleh Sultan dan Bendahara semasa saat-saat akhir hayat mereka yang kita lihat tadi memberi sedikit sebanyak gambaran yang menarik mengenai pemikiran mereka. Mereka menyedari pentingnya menurut ajaran-ajaran Islam dan bertindak selari dengan undang-undang Islam. Mereka menyedari bahayanya menyerah kepada hawa nafsu. Begitu juga, ketamakan, sifat kebendaan dan keterlaluan mementingkan alam yang fana ini, mesti dielak. Lebih penting, mereka menyedari betapa perlunya menjaga golongan miskin, menghormati hak rakyat dan menegak keadilan. Mereka sedar, sebagai raja mereka harus bermuafakat dengan para pegawai mereka demi mencapai keadilan bagi rakyat. Sultan-Sultan juga insaf betapa ketidakadilan — khasnya dalam menghukum mati seseorang rakyat yang tidak bersalah — boleh meruntuhkan kerajaan mereka, seperti yang dinyatakan dalam perjanjian di antara Sri Tri Buana dan Demang Lebar Daun. Sesungguhnya, beberapa orang pemerintah yang memalukan rakyat mereka telah dihukum. Raja Singapura telah, di atas suatu tuduhan palsu, membogel dan menyula isterinya yang

juga puteri Bendahara. Tidak lama kemudian baginda digulingkan oleh orang-orang Jawa yang menakluki pulaunya.⁶⁵ Begitu juga, seurus selepas pembunuhan Bendahara Melaka atas tuduhan yang direka, kerajaan Melaka ditakluki Portugis.

Pengaruh agama telah membatasi tindak-tanduk pemerintah dan beberapa faktor sosiologi pula telah memberi kesan ke atas mereka yang diperintah. Manusia akan menentang penindasan jika tiada pilihan lain. Tetapi, seperti yang dinyatakan tadi, petani Melayu yang diberi layanan buruk oleh ketuanya masih dapat mencari jalan keluar. Dia boleh pada bila-bila masa berpindah ke negeri lain untuk melepaskan diri daripada penindasan. Dalam lain perkataan, disebabkan dia boleh berpindah dia tidak perlu menentang.

Sebaliknya jika mereka yang memilih berpindah tidak dapat diterima masuk ke dalam sebarang petempatan lain, jika mereka yang terusir dan kehilangan tempat asal dan tidak dapat diintegrasikan ke dalam sebarang lingkungan masyarakat lain; kemungkinan berlaku pemberontakan adalah lebih besar. Sejarah pergerakan-pergerakan Millenarian di Eropah jelas menunjukkan bahawa seringkali mereka yang menyertai bantahan adalah terdiri daripada penduduk miskin yang kehilangan tempat berteduh.⁶⁶ Tetapi di zaman Melaka seseorang petani pindah tidak mengalami banyak kesukaran untuk menyesuaikan diri ke dalam persekitaran baru.

Perlu juga diingati bahawa pemberontakan kaum tani di Eropah sering didahului oleh bencana alam dan malapetaka sosial. China juga ada mengalami kejadian sepertinya. Di Eropah, Black Death dan kebuluran selepas perang salib telah disusuli oleh serangkaian pergerakan Millenarian. Malah kadang-kala pergerakan-pergerakan ini menjadi satu aspek pergolakan yang lebih besar.⁶⁷ Anehnya zaman Melaka bebas daripada sebarang tragedi sosial atau bencana alam, yang mana jika terjadi dalam suasana yang bertepatan, mungkin mendorong suatu bantahan umum terhadap pihak berkuasa.

Selain kesemua faktor ini beberapa realiti politik dan ekonomi mungkin perlu dipertimbangkan sama. Sekiranya kuasa politik di dalam empayar-empayar dan kerajaan-kerajaan di zaman Melaka amat terpusat, jika kuasa simbolik dan efektif tertumpu pada satu pihak sahaja, apakah lebih mudah berlaku pemberontakan? Begitu juga, sekiranya sumber utama kekayaan ekonomi kelas pemerintah Melayu ialah daratan dan bukannya laut sebagaimana pada sebahagian besar zaman Melaka, apakah rakyat akan dikawal lebih ketat dan mungkinkah kawalan ini membangkitkan tindakbalas? Namun adalah sukar untuk mengukuhkan kedua-dua kenyataan di atas kerana suasana yang seperti di zaman Melaka telah juga wujud dalam banyak masyarakat feudal lain di mana berlaku pemberontakan kaum tani.⁶⁸

Setakat ini kita telah perolehi satu gambaran yang lebih jelas mengenai taatsetia dalam konteks masyarakat Melayu di zaman Melaka. Konsep taatsetia merupakan pengaruh tunggal dan yang paling besar ertinya dalam hubungan antara raja dan rakyat. Lebih daripada mana-mana faktor lain, ia membantu melindungi dan mengukuhkan kedudukan pemerintah. Tetapi faktor-faktor lain juga mesti dikaji kerana ianya turut mempengaruhi keadaan. Perlu diulangi bahawa perbuatan penindasan seseorang pemerintah atau sifat lemah menyerah di kalangan rakyat atau pun ketiadaan kebangkitan umum menentang seseorang pemerintah tidak dapat dijelaskan semata-mata berasaskan konsep taatsetia buta kepada Sultan.

Konsep Taatsetia: Asalannya

Setelah meneliti pertalian antara taatsetia dengan masyarakat, wajar ditanyai: Apakah asal konsep taatsetia? Untuk mengetahuinya kita harus kembali kepada konsep awal mengenai kedirajaan. Di Asia Tenggara, di zaman dahulukala, wujud tanggapan bahawa kedirajaan itu bersifat rabbani. "Kerabbanian Raja-Raja ditanggapkan dalam pelbagai cara mengikut agama yang dominan. Di mana berleluasanya

Hinduisme, Raja dianggap samada sebagai penjelmaan sesuatu Dewa atau berketurunan Dewa atau pun kedua-duanya sekali. Kebanyakan kali Dewa Siva dianggap telah menjelmakan dirinya ke dalam Raja-Raja untuk membina dinasti.”⁶⁹

Tetapi kerajaan-kerajaan Melayu dulu adalah terdiri daripada politi-politi Muslim, bukan Hindu, kecuali pada masa yang singkat semasa kelahiran Melaka. Apakah konsep Hindu mengenai kedirajaan juga diterima oleh politi-politi Muslim? Kita diberitahu bahawa perlembagaan Melaka, “sungguh jauh daripada didasarkan kepada sebarang corak pemerintahan Muslim. Ia mengandungi konsep Hindu zaman silam yang melihat kedirajaan sebagai imej alam kesyurgaan bintang-bintang dan dewa-dewa, satu konsep masakini di Founan dan dipinjamkan mungkin dari Founan oleh Sri Vijaya.”⁷⁰ Maka raja dianggap “Tuan seluruh Alam,” beliau merupakan ‘Sultan’ dan ‘Bayangan Tuhan di atas Bumi’ ”⁷¹ ‘Pertaliannya’ dengan Yang Maha Kuasa inilah yang memberi kuasa rabbani kepada kedudukan pemerintah. Maka, walaupun pada hakikatnya barisan pemerintah terdiri daripada orang-orang Muslim, konsep silam mengenai kerabbanian telah dipertahan dan dikekalkan menerusi pelbagai cara.⁷²

Rakyat bertaatsetia buta kepada pemerintah terutama sekali kerana pemerintah dianggap rabbani. Kuasa pemerintah dianggap bersumberkan Yang Maha Kuasa dan oleh sebab itu perbuatan mengengkar kehendak mereka samalah seperti mencabuli kekuasaan rabbani. Kuasa ghaib atau kedaulatan mereka inilah yang terpaksa digeruni insan biasa. “Dongeng-dongeng Melayu mengisahkan tentang kesaktian kedaulatan ini. Gadis-gadis malang yang terpaksa mengahwini Putera pertama dari Palembang diserang sejenis penyakit merbahaya kerana keangkuhan mereka tinggal bersama seorang yang amat tinggi kedudukannya.” Seorang Maharaja China yang dengan angkuhnya menulis, “dari bawah tapak kaki anak Syurga sehingga atas mahkota Sultan Melaka”, telah dihinggapi sejenis penyakit gatal kerana berani menghina seorang raja yang walaupun lemah kuasanya, masih tetap merupakan

raja berdaulat. Sultan dari Lemabang merasa sakit bila hendak duduk setelah baginda mengambil seorang untuk berkhidmat dalam istana tanpa menyedari bahawa beliau adalah seorang Putera Johor yang menyamar. Rumah kediaman Sang Rajuna Tapa (yang menderhaka kepada Raja Singapura yang terakhir) telah 'dirobah, berasnya berubah menjadi debu, dan beliau serta isteri dijadikan batu, yang boleh dilihat di Sungai Singapura hingga ke hari ini." Paling buruk nasib Megat Sri Rama yang membunuh Sultan Mahmud yang jahat di Kota Tinggi, Johor. Sri Rama dapat menyelamatkan diri daripada segala hukuman manusia, tetapi "dengan kerana hukuman Tuhan, lukanya ditumbuhi rumput dan selama lima tahun beliau berada antara hidup dan mati, menderita sengsara akibat derhakanya."⁷³

Konsep Taatsetia: Hubungan Dengan Islam

Kini seharusnya jelas bahawa konsep 'daulat' dan hukuman ke atas penderhaka yang kadangkala merupakan mangsa ketidakadilan diraja, tidak menepati lunas-lunas Islam. Sesungguhnya, seluruh konsep taatsetia buta kepada Sultan adalah bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

Sebelum dibincangkan sifatnya percanggahan ini, harus diterangkan mengapa konsep taatsetia dinilai berasaskan Islam. Pertama, Islam telah dan adalah menjadi agama masyarakat Melayu. Kedua, Islam dan undang-undang Islam telah disebut dalam perjanjian yang menghuraikan taatsetia masyarakat Melayu kepada pemerintah. Ketiga, kekuasaan pemerintah, malah juga kuasa rabbaninya – telah dirasionalisasikan dan disahihkan di atas nama Islam – walaupun ini ternyata salah. Keempat, seperti yang kita sedia maklum, sekurang-kurangnya seorang Sultan sedar bahawa dari segi etik Islam baginda tidak berhak menerima taatsetia buta daripada seorang pegawai istana yang menjadi mangsa perbuatan salah baginda sendiri. Setidak-tidaknya kenyataan ini sahaja seharusnya mendorong kita mengkaji hubungan di antara taatsetia dan Islam.

Teras falsafah politik Islam ialah kepercayaan kepada keesaan dan kebesaran Tuhan.⁷⁴ Hanya Tuhan yang berhak menerima taatsetia yang menyeluruh dan tidak terhingga. Taatsetia kepada sebarang institusi lain – samada negara atau raja – mesti didahulukan dengan taatsetia kepada Tuhan. Namun raja dan Tuhan dapat ditaatsetiai pada masa yang sama dengan syarat taatsetia kepada raja tidak melanggar nilai-nilai moral dan kebaikan yang diseru oleh Tuhan.

Nilai-nilai dan kebaikan yang diseru oleh Tuhan dinyatakan dalam Al Quran dan terkandung dalam Sunnah. Islam jelas menyatakan tentang perkara-perkara keji dan mungkar yang mesti dielak oleh seseorang Muslim. Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda, “tiada taatsetia untuk kerja dosa. Taatsetia hanyalah untuk kerja kebaikan.”⁷⁵ Banyak daripada kerja yang dilakukan demi kepentingan raja – seperti membunuh Bendahara yang tidak melakukan sebarang kesalahan atau mencolek seorang wanita untuk dikahwinkan – merupakan dosa yang amat besar dari kacamata Islam.

Sesungguhnya, “doktrin taatsetia pasif tidak ada tempat dalam Islam.”⁷⁶ Rakyat berhak menentang kemungkaran dan ketidakadilan. Sabda Nabi Muhammad s.a.w, “Sesiapa yang menyaksikan kemungkaran harus ia membetulkannya.”⁷⁷ Tambah baginda, “Sepatah kata keadilan di depan seorang pemerintah yang tidak adil adalah jihad yang terbesar.”⁷⁸ Abu Bakar, sahabat Nabi, yang menjadi Khalifah pertama selepas Nabi wafat pada 632 T.M. berkata kepada masyarakat Muslim, “Saksikanlah saya, yang dipertanggungjawabkan dengan tugas kerajaan. Saya bukanlah yang terbaik di kalangan kamu; saya memerlukan segala nasihat dan bantuan kamu. Jika saya melakukan kebaikan, berilah sokongan, jika saya melakukan kesalahan, tegurlah saya. Menyatakan kebenaran kepada seorang yang diamanahkan untuk memerintah adalah suatu kesetiaan; menutup kebenaran adalah

suatu pengkhianatan. Pada saya, mereka yang kuat tiada bezanya dengan yang lemah; dan saya ingin berlaku adil kepada kedua-duanya. Jika saya taat kepada Allah dan RasulNya, taatilah saya; jika saya mengabaikan undang-undang Allah dan RasulNya maka saya tidak lagi berhak mendapat kesetiaan kamu.”⁷⁹ Khalifah kedua, Saidina Omar, yang mungkin merupakan lambang keadilan Islam yang paling baik, menggesa umat Muslim supaya “perbetulkan saya jika kamu melihat sebarang ketidakjujuran pada diri saya.” Salah seorang hadirin mencelah: “Demi Allah, jika kami melihat ketidakjujuran akan kami betulkannya dengan pedang.”⁸⁰ Maka ternyata bahawa konsep Islam mengenai hubungan yang sewajarnya di antara pemerintah dengan rakyat sungguh berbeza daripada pertalian yang direstui oleh perjanjian taatsetia di zaman Melaka.

CATATAN

1. Soal-soal yang ditimbulkan ini terumatanya merupakan dasar-dasar asas demokrasi liberal. Bagi perbincangan lanjut tentang prinsip-prinsip demokratik yang berbeza sekali dengan amalan sistem pemerintahan totalitarian, lihat Raymond Aron, *Democracy and Totalitarianism*, terjemahan Valence Ioncescu (George Weidenfield and Nicholson, 1968).
2. Saya dapati takrif feudalisma itu sungguh luas. Konsepnya selalu sahaja menimbulkan pertikaian. Samir Amin *The Arab Nation*, terjemahan Michael Pallis (Zed Press London 1977) telah mengecualikan negara China dan Dunia Arab dari ‘feudalisma’. Jika diikutkan takrifnya Melaka tidak dapat dianggap feudal. Tetapi feudalism juga dapat dianggap sebagai kaedah pemerintahan, suatu bentuk perhubungan antara pelindung (tuan-tuan feudal) dengan yang dilindungi (hamba-hamba). Perbandingan ini dikemukakan oleh R. Coulborn dan J. F.

Strayer dalam R. Coulborn, ed., *Feudalism in History* (Archon Books, Connecticut 1965). Dalam buku ini saya membincangkan soal hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi. Maka lebih daripada konsepsi ekonomi, pembaca akan melihat konsepsi politik pada feudalisma dalam buku ini.

3. Lihat Ryusaku Tsunoda, Wm. Theodore de Bary dan Donald Keene, *Sources of Japanese Tradition*, Vol. 1 (Columbia University Press, 1964) muka 425.
4. Sekali lagi ingin saya tegaskan bahawa feudalisma masyarakat Melayu yang dirujuk di sini dilihat sebagai hubungan politik antara pemimpin yang menawarkan perlindungan sebagai balasan taatsetia tanpa soal daripada mereka yang dipimpin. Soal samada struktur ekonomi Melaka bersifat feudal atau tidak, tidak dibincangkan di sini.
5. Istilah 'Melaka' digunakan bagi seluruh zaman berkenaan kerana struktur pentadbiran dan organisasi sosial kesultanan-kesultanan yang lahir selepas kejatuhan Kesultanan Melaka pada keseluruhannya menyerupai Kesultanan Melaka yang masyhur itu. Bagi penerangan terperinci lihat tesis Ph.d saya di atas tajuk "Some dominant concepts and dissenting ideas on Malay rule and Malay society from the Malacca to the Colonial and Merdeka periods," (Universiti Singapura, 1977, Bab. 1).
6. Lihat *Sejarah Melayu* — terjemahan oleh C.C. Brown serta penjelasannya sekali, dengan kata pengantar yang baru oleh R. Roolvink, (Oxford University Press, 1970), muka 16.
7. Lihat rencana P. E. Josselin de Jong bertajuk "The Character of the Malay Annals," dalam buku *Malayan and Indonesian Studies*, suntingan J. Bastin dan R. Roolvink. (Oxford University Press, London, 1954), muka 24.

8. Lihat "The Rise and Decline of a National Hero" oleh Josselin de Jong. *JMRAS*, (vol. 38, part 2, 1965), muka 150.
9. Lihat "Some Malay Studies", oleh R. J. Wilkinson *JMBRAS*, (vol. X, Januari 1932).
10. Lihat bab ini untuk contoh peristiwa-peristiwa yang khusus.
11. Lihat bab ini untuk berbagai contoh.
12. Lihat *Hikayat Hang Tuah* - diselenggarakan dengan diberi pengenalan dan catatan oleh Kassim Ahmad, M.A. thesis, (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973), muka 226-7.
13. *Ibid*, muka 108-111.
14. *Ibid*, muka 30.
15. *Sejarah Melayu*, op.cit. muka 142.
16. *Hikayat Hang Tuah*, op.cit. muka 185-207.
17. *Ibid*, muka 315.
18. *Ibid*, muka 319.
19. Sultan pertama kali terlihat gadis tersebut pada hari perkahwinannya dengan Tun Ali, "Bermula saat itulah Sultan mendendam Bendahara Sri Maharaja". Lihat *Sejarah Melayu*, op.cit, muka 154.
20. *Ibid*, muka 157. Peristiwa ini juga dibincangkan oleh Syed Hussein Alatas dalam rencananya "Feudalism in Malaysian Society: A Study in Historical Continuity" dalam buku bertajuk "*Modernisation & Social Change*" (Angus and Robertson, Sydney, Australia, 1972).
21. *Hikayat Hang Tuah*, op.cit., muka 169.
22. *Ibid*, muka 289.
23. *Kesah Raja-Raja Pasai* yang dibukukan oleh Abdulla Hj Musa Lubis, (Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1963), muka 92.

24. *Sejarah Melayu*, op.cit., muka 121.
25. *Ibid*, muka 89.
26. Bendahara yang dimaksudkan adalah Tun Perak. Beliau memainkan peranan besar dalam mengukuhkan kekuasaan Melaka dan perluasankuasaannya. Beliau seorang pemimpin terkemuka yang disegani kerana kepintaran, kejujuran dan diplomasinya. Untuk mendapatkan contoh-contoh lanjut sila lihat *Ibid*, muka 54-62.
27. *Ibid*, muka 40.
28. *Ibid*, muka 40-41.
29. *Ibid*, muka 118.
30. Lihat Raja Chulan, *Misa Melayu*, (Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1968), muka 214.
31. *Loc. cit.*
32. Bagi perbincangan mengenai justifikasi untuk pemberontakan, lihat *A History of Muslim Philosophy* oleh M.M. Shariff, Jilid 1, (Otto Harvassowitz Wiesbaden, 1963); bagi rujukan mengenai pemberontakan lihat *The Arabs in History*, oleh Bernard Lewis, (Hutchinson University Library, London, 1970).
33. Hugh Clifford, *In A Corner of Asia* (Unwin Overseas Library, London, 1899) muka 163.
34. Lihat juga *Studies in Brown Humanity* oleh Hugh Clifford, yang merupakan coretan dalam warna perang-tua, putih dan kuning (London, 1893); dan *In Court and Kampung* oleh Hugh Clifford yang merupakan dongeng serta lakaran berhubung kehidupan alam semulajadi di Semenanjung Malaya (London 1897). Berfaedah juga dilihat *Stories by Sir Hugh Clifford*, dipilih dan diperkenalkan oleh William R. Roff. (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966).

35. Lihat Frank Swettenham *The Real Malay*, (London 1899), dan *Footprints in Malaya*, (Hutchinson and Company, 1941). Lihat juga *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*, dipilih dan diperkenalkan oleh William R. Roff, (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967).
36. Bagi perbincangan mengenai beberapa daripada motif sebenar campurtangan British lihat *British Intervention in Malaya* oleh Northcote C. Parkinson, (University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964).
37. *Sejarah Melayu*, op.cit. muka 54.
38. Lihat "Malay Proverbs Part II", oleh W. E. Maxwell, *JSBRAS*, (Disember 1878) muka 143-4.
39. *Ibid*, muka 158.
40. W.E. Maxwell, "Malay Proverbs," *Ibid*, (Julai 1879), muka 19.
41. *Ibid*, muka 27.
42. W.E. Maxwell, "Malay Proverbs", *Ibid*, (Jun 1883), muka 35.
43. R.J. Wilkinson, "Malay Proverbs on Malay Character" in Malay Literature, Part III, *Papers on Malay Subjects*, (Kuala Lumpur, 1925), muka 3.
44. *Loc.cit.*
45. *Ibid*, muka 5.
46. R.O. Winstedt, *Malay Proverbs*, (J. Murray, London 1970), muka 47.
47. *Loc.cit.*
48. Lihat Raja Chulan, *Misa Melayu*, op.cit, muka 95.
49. *Ibid*, muka 215-8.
50. Lihat *Sejarah Melayu*, op.cit., muka 187-8.
51. *Hikayat Hang Tuah*, op.cit., muka 92.

52. *Sejarah Melayu*, op.cit., muka 44-9.
53. R.J. Wilkinson, "Malay Proverbs," in *Papers*, op.cit., muka 3.
54. W.E. Maxwell, "Malay Proverbs," *JSBRAS*, (Jun 1883), muka 72.
55. W.E. Maxwell, "The Law and Customs of the Malays with reference to the Tenure of land," *Ibid.*, (Jun 1884), muka 108.
56. *Ibid*, muka 109-10.
57. Lihat "Feudalism", oleh Syed Hussein Alatas dalam *Modernisation*, op.cit., muka 100.
58. R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", *JSBRAS*, (No. 61, Jun 1912), muka 70.
59. Arnold Toynbee telah menggunakan konsep berhubung cabaran dan tindakbalas ini untuk menerangkan kebangkitan dan keruntuhan sesuatu tamaddun. Jan Romein menggunakan idea yang sama dalam nasionalisma di Asia. "Pencerobohan Barat merupakan cabaran kepada Asia, dan pelbagai reaksi terhadapnya merupakan tindakbalas Asia," muka 41. Dipetik dari *The Asian Century: A History of Modern Nationalism in Asia*, oleh Jan Romein. (George Allen and Unwin, London, 1962).
60. *Kesah Raja-Raja Pasai*, op.cit., muka 46.
61. *Ibid*, muka 47.
62. *Sejarah Melayu*, op.cit., muka 111.
63. *Loc.cit.*
64. *Ibid*, muka 116-7.
65. "Some Malay Legendary Talks", oleh Zainal-Abidin bin Ahmad. *JMBRAS*, (Vol. 24, Februari 1951), muka 79.

66. Lihat *The Pursuit of the Millenium* oleh Norman Cohn, (Paladin, 1970).
67. *Ibid.*
68. Di bawah pemerintah-pemerintah Tokugawa dalam Jepun feudal, dagangan asing berkembang maju. Para pemerintah sendiri memainkan peranan aktif dalam dagangan asing. Sesungguhnya, dagangan merupakan sumber penting kekuatan mereka. Lihat rencana Edwin O. Reischauer bertajuk "Japanese Feudalism", dalam buku berjudul *Feudalism in History*, suntingan R. Coulborn (Archon Books, Connecticut, 1965). Juga dinyatakan bahawa sepanjang zaman Tokugawa berlaku pemberontakan kaum tani, termasuk menentang kelas pemerintah. Lihat *Peasant Uprisings in Japan of the Tokugawa Period* oleh Hugh Borton. (Paragon, New York, 1968).
69. Robert Heine-Geldern, "Conception of State and Kingship in Southeast Asia", *Far Eastern Quarterly*, (Vol. 2, 1942), muka 22.
70. *Malaya and its History*, oleh Richard Winstedt, (Hutchinson's University Library, 1953), muka 33.
71. *Papers on Malay Subjects*, suntingan R. J. Wilkinson, dipilih dan diperkenalkan oleh P. L. Burns, (Oxford University Press, 1971), muka 370.
72. Bagaimanapun, dalam upacara pertabalan di negeri-negeri Melayu di mana idea tentang sifat ketuhanan ini ditekankan, beberapa ciri Islam juga dimasukkan. Misalnya, di Negeri Sembilan, "Kadi tempatan membacakan doa bagi mendapat hidayat Allah untuk Khalifah baru yang dinaikkanNya ke atas takhta, hidayat yang telah diberikanNya kepada Nabi Sulaiman." Lihat "Kingship and Enthronement in Malaya", *JMBRAS*, (Vol. XX, Jun 1947), muka 137.

73. "Some Malay Studies", oleh R. J. Wilkinson. *JMBRAS*. (Januari 1932), muka 81.
74. Bagi perbincangan yang menyeluruh mengenai ini, lihat *Islamic Law and Constitution* oleh Abul a' la Maududi, yang diterjemah dan disunting oleh Khurshid Ahmad, (Islamic Publications Lahore, Pakistan, 1955).
75. *Ibid*, muka 192. Dipetik dari Muslim *Al-Sahih*.
76. *The Democracy of Islam* oleh Syed Hussein Alatas. (W. Van Hoeve, The Hague, 1956), muka 25.
77. *Islam the misunderstood religion* oleh Muhammad Qutb (Ministry of Awqaf and Islamic Affairs, State of Kuwait, 1964), muka 291.
78. *Ibid*, muka 292.
79. Hussein Alatas, *op.cit.*, muka 25.
80. Muhammad Qutb, *op.cit.*, muka 290.

BAB DUA

ZAMAN MELAKA: REAKSI KEPADA KETAATSETIAAN

Setelah melihat manifestasi konsep taatsetia dalam berbagai situasi di zaman Melaka, perlu dipersoalkan: apakah telah ada sebarang reaksi terhadap konsep ini? Pernahkah berlaku sebarang kejadian atau peristiwa di mana rakyat seseorang raja menunjukkan tanda penentangan terhadap taatsetia buta, atau sekurang-kurangnya menunjukkan ketidaksetujuan terhadapnya? Pernah wujudkah ketikanya dalam sejarah di zaman itu di mana pertimbangan seperti keadilan atau kehormatan atau kemuliaan telah dapat mengatasi cengkaman taatsetia kepada raja — walau buat sementara waktu?

Untuk menjawab soalan-soalan ini mari kita teliti beberapa peristiwa zaman Melaka yang mungkin menampakkan reaksi yang diperkatakan.

Tun Hassan

Dalam peristiwa pembunuhan Bendahara Sri Maharaja anaknya, Tun Hassan, sanggup melawan orang-orang Sultan tetapi dilarang berbuat demikian oleh Sri Maharaja. Tindakan Tun Hassan menunjukkan kesanggupan untuk mempertahankan ayahnya sekalipun terpaksa mengingkari perintah Sultan. Jelas, taatsetia kepada kehendak Sultan telah dikeduakan kepada maruah dan kemuliaan ayah dan keluarganya. Dalam konflik di antara kepentingan pemerintah dengan keluarganya, Tun Hassan menyebelahi keluarganya.¹ Di atas sebab inilah peristiwa tersebut besar pengertiannya — ia satu peristiwa yang jarang-jarang berlaku, di mana pada pemikiran seorang rakyat sekurang-kurangnya telah wujud pertimbangan lain yang lebih diutamakan daripada perintah Sultan.

Bendahara Paduka Raja

Peristiwa yang melibatkan Bendahara Paduka Raja memberi gambaran lebih jelas mengenai tindakan yang terkeluar daripada sistem pemikiran yang dominan. Bendahara diarah menjalankan hukuman mati ke atas Hang Tuah. Walaupun Hang Tuah sendiri sanggup mati, Bendahara merasakan oleh kerana Sultan menjatuhkan hukuman tanpa menyiasat tuduhan, maka ia tidak patut dilaksanakan. Lalu Bendahara membantu Hang Tuah menyelamatkan diri. Tindakan Bendahara ini tidak diketahui Sultan dan akhirnya apabila Hang Tuah kembali, ianya dilupakan saja kerana Hang Tuah membawa balik Tun Teja – yang sangat dirindui Sultan.²

Dalam peristiwa kedua Bendahara merayu kepada Sultan agar menyiasat dahulu dakwaan bahawa Hang Tuah berkelakuan tidak sopan dengan gundik baginda. Sultan enggan dan berkeras supaya Bendahara menjalankan hukuman. Sultan mengancam akan membunuh Bendahara jika perintah diraja tidak dituruti.³ Bendahara merayu lagi, "Sukar tuanku mencari hamba seperti patik itu Laksamana. Kerana ia tiada berdosa, lagi pun kita berseteru dengan Majapahit – kalau-kalau kemudian kelak Duli Yang DiPertuan menyesal."⁴ Sultan tidak menghiraukan rayuan Bendahara.

Namun Bendahara masih tidak rela membunuh Hang Tuah tanpa usul periksa. Jika berbuat demikian, fikirnya, orang akan berkata, 'Lihatlah Bendahara Paduka Raja tiada periksa membunuh Laksamana itu, tiada dengan dosanya. Kepada Allah Taala pun makin besar dosanya.'⁵ Maka, hukuman tidak dijalankan.

Sebagaimana yang kita tahu, tidak lama kemudian, Hang Tuah dibawa kembali untuk melawan dan membunuh Hang Jebat. Sultan melupakan saja tuduhan ke atasnya kerana dia menyebelahi baginda. Keengganan Bendahara untuk menuruti perintah diraja juga dilupakan – buat kali kedua.

Bagaimana patut kita menilai tindak-tanduk Bendahara? Ternyata Bendahara berpegang teguh kepada apa yang dulu dan kini menjadi prinsip penting pengadilan. Sesungguhnya, komitmen teguh beliau kepada keadilan adalah kerana beliau takutkan Tuhan dan insaf akan penghakiman rakyat ke atasnya. Walaupun beliau tidak membenarkan apa sekalipun untuk mengubah prinsip luhur beliau ini – termasuk ancaman membunuhnya – beliau tidak sanggup mencabar atau mengengkari Sultan secara terbuka. Ketidaksetujuan dan keengkarannya adalah secara senyap. Setelah rayuannya ditolak buat kali kedua beliau secara sulit mengatur pembebasan Hang Tuah tanpa diketahui Sultan atau sesiapa lain. Namun tindakan beliau besar ertinya kerana sebarang ketidaksetujuan dengan keinginan pemerintah ibarat penderhakaan. Ternyata, Bendahara sanggup menderhaka dan menerima akibatnya demi menegakkan keadilan.

Hang Jebat

Pendekatan Hang Jebat pula berbeza sekali. Jebat, timbalan kepada Hang Tuah dan rakan karibnya, dipilih oleh Sultan untuk menggantikan Hang Tuah yang dihukum mati. Jebat dikatakan amat sukacita kerana akan berkhidmat kepada Sultan seperti membaca Hikayat untuk baginda, yang dikatakan memang sesuai dilakukannya kerana dikurniai suara merdu.⁷

Sultan mula menyukainya dan bercadang mengurniakan anugerah 'Paduka Raja', yang biasanya dikhaskan untuk Bendahara. Sultan hendak menjemput Bendahara dan Temenggong ke upacara pengurniaan tetapi Jebat menasihati baginda supaya jangan berbuat demikian kerana dia sedia Bendahara tidak akan bersetuju dengan pengurniaan tersebut.

Makin kuat pengaruh Jebat ke atas Sultan, makin bertambah keberaniannya. Bila ada orang berkata Hang Tuah diperlukan untuk mempertahankan Melaka, di

mencelah, "Mengapa-tah tuan hamba berkata demikian? Masakan Laksamana seorang hulubalang? Gerangan tiada, Si Jebatlah akan ganti Laksamana, jika ada musuh dan seteru Duli Yang Dipertuan."⁸

Keberanian Jebat juga kelihatan pada sikapnya yang suka berpoya-poya dengan gundik-gundik Sultan yang kebetulan mendapatinya sungguh kacak. Inilah yang menyakitkan hati Sultan, walaupun ia sudah agak lama berlaku tanpa pengetahuan baginda. Baginda merasa jijik dengan kejadian ini lalu meninggalkan Istana. Baginda menyifatkan hubungan Jebat dengan gundik-gundik baginda sebagai derhaka dan mahu dia dibunuh. Tetapi, tiada siapa pun yang dapat menjalankan perintah baginda kerana Jebat mempunyai keris sakti Hang Tuah.

Dengan pemergian Sultan, Jebat mula bersuka-ria dalam Istana. Dia mandi, berpakaian dan makan mengikut cara diraja. Pada ketika inilah dia memberitahu mereka yang datang bersemuka dengannya bahawa dia mengingkari Sultan dan Istana kerana ketidakadilan yang mereka lakukan terhadap Hang Tuah. Dia ingin membalas dendam atas kematian sahabat kesayangannya. Dia bertanya mereka yang menyayangi Hang Tuah kenapa mereka menyokong pegawai-pegawai yang memfitnah Tuah.⁹

Seperti yang kita maklum, Hang Tuah kemudian dibawa balik untuk membunuh Jebat. Jebat gembira mengetahui sahabatnya masih hidup dan memberitahu Tuah bahawa disebabkan ketidakadilan keatasnyalah maka dia menentang Sultan. Tuah pula masih taat kepada Sultan dan berazam membunuh Jebat, tetapi pada ketika itupun Jebat memberitahu rakannya bahawa dia rela mati daripada membiarkan Tuah 'jatuh air mukanya'¹⁰

Menurut hikayat, selepas Jebat cedera parah, dia mengamuk dan membunuh beribu-ribu orang yang tidak berdosa.¹¹ Sebenarnya, belum pun bermula pertarungan dengan Tuah, dia telah membunuh kesemua wanita dalam istana.¹²

Ada sebabnya kisah Jebat - Tuah diterangkan dengan agak terperinci di atas. Seseorang pengkaji masyarakat Melayu menyifatkan Jebat sebagai "pemberontak". Menurut mereka, "Jebat memberontak menentang susunan feodal yang wujud. Dia perintis era baru, suatu era yang berlainan sekali. Bila dibandingkan dengan era sebelumnya ia merupakan suatu langkah kemaraan, dari sistem beraja mutlak ke sistem demokrasi. Tetapi konsep demokrasi Jebat tidak ada sebarang aspek yang menyerupai revolusi corak Marxist-Leninist yang menyeluruh. Tidak juga ia menyerupai demokrasi moden corak Barat. Prinsip demokratik Jebat hanya ditujukan kepada negerinya sendiri. Oleh itu, dia seorang pemberontak yang berkecenderungan nasionalis. Maka bolehlah kita sifatkannya sebagai penyedar dan wira nasionalisme Melayu.

"Maka tragedi yang menimpanya menggambarkan secara artistik dan konkrit bahawa ideal dan cita-cita nasionalis tidak akan menjadi kenyataan dalam susunan sosial feodal".¹³

Kenyataan di atas membesar-besarkan peranan dan perwatakan Hang Jebat. Memang benar Jebat mempunyai beberapa ciri pemberontakan tetapi adalah berbeza pul untuk mengatakan bahawa dia 'pemberontak menentang susunan feodal yang wujud, perintis era baru'. Apakah Jebat menunjukkan bahawa dia mempunyai konsep mengenai maksud 'susunan feodal'? Pernahkah dia menyuarakan ketidakpuasan terhadap 'susunan feodal yang wujud'. Sehubungan ini perlu disedari bahawa tindakan mengengka Sultan dan beberapa orang pegawai baginda tidak boleh disamakan dengan pemberontakan menentang seluruh susunan feodal. Sebaliknya, Jebat menyokong kuat 'susunan feodal' sehinggalah kemarahannya yang mendadak itu. Dia berkhidmat kepada Hang Tuah dan Sultan setaat dan sejujur semua yang lain. Dia ikut serta dalam berbagai utusan dan sanggup mempertahankan takhta dengan mempertaruhkan nyawa sendiri. Sesudah Hang Tuah dihukum mati, c

sungguh gembira menerima jawatan barunya. Dia menentukan supaya Bendahara atau sesiapa yang lain tidak menghalangnya daripada mendapat anugerah feodal, 'Paduka Raja'. Sultan pula menyukai cara Jebat mengerjakan tugas-tugas feodalnya.

Jika kita meneliti penentangan Jebat, akan nyata betapa kecilnya pemberontakan dia terhadap seluruh sistem feodal. Hubungannya dengan Sultan mesra, sehinggalah Sultan tersinggung dengan tingkah lakunya bersama gundik baginda. Selepas itu Sultan mengarahkan supaya Jebat dibunuh. Jebat tidak merancang untuk memberontak kerana ketidaksenangannya dengan 'susunan feodal'. Dia sebenarnya terpaksa memilih antara mati atau mengenghari perintah raja – akibat tingkah-lakunya sendiri bersama gundik-gundik Sultan. Dia tidak mahu kehilangan nyawa, dan alasannya untuk mengenghari Sultan ialah ketidakadilan yang dilakukan ke atas sahabatnya, tetapi bukan dengan ketidakadilan lebih besar yang diakibatkan oleh 'susunan feodal yang wujud'.

Adalah lebih salah menganggapnya sebagai 'penyedar dan wira nasionalisme Melayu'. Apa bukti yang menunjukkan bahawa wujud satu konsep nasionalisme atau sekurang-kurangnya konsep tentang sebuah negara di zaman Melaka? Apakah terdapat sebarang rujukan kepada nasionalisme dalam Hikayat Hang Tuah? Apakah konsep Jebat tentang nasionalisme? Apakah seorang yang sewenang-wenang membunuh beribu-ribu manusia yang tidak berdosa itu kita anggap wira?

Tidak, Jebat bukan pemberontak menentang susunan feodal atau perintis suatu era baru atau pun penyedar dan wira nasionalisme Melayu. Dia berani dan cukup menyayang Hang Tuah sehingga sanggup mengenghari Sultan. Oleh kerana dia bertindak menentang keinginan Sultan maka boleh kita samakannya dengan Tun Hassan dan Bendahara Paduka Raja. Seperti Tun Hassan, hubungan peribadi

baginya lebih penting daripada taatsetia buta kepada Sultan. Bagaimanapun, tidak seperti Tun Hassan, dia telah dapat bertindak menyuarakan kepedihannya. Seperti Bendahara, dia sedar akan prinsip asas keadilan yang terikat kepada nasib rakannya. Tetapi, tidak seperti Bendahara, prinsip keadilan tersebut, yakni siasatan sebelum pengadilan, bukanlah pertimbangan utama: persahabatan menjadi faktor lebih penting.

Megat Seri Rama

Kisah Megat Seri Rama ada beberapa persamaan dengan kisah Hang Jebat. Sultan Mahmud dari Johor sedang beradu apabila datang seorang petugas membawa sebiji buah nangka masak. Penjaga istana menyimpan buah itu untuk Sultan. Pada ketika itu isteri Megat Seri Rama, salah seorang perwira Sultan, sedang hamil. Dia datang meminta sedikit buah. Melihat kehamilannya, penjaga pun memberinya sedikit. Apabila Sultan bangun, penjaga memberitahu baginda mengenainya. Sultan murka lalu mengarahkan supaya per isteri Seri Rama dibelah dan dikeluarkan bayi dalam kandungan. Isterinya meninggal dunia. Apabila kejadian ini diketahui oleh Seri Rama, dia bersumpah akan membalas dendam. Sultan Mahmud memang tidak disukai rakyat kerana kezalimannya. Maka Bendahara dan lain-lain pegawai yang berpengaruh tidak membantah rancangan Seri Rama untuk membunuh Sultan. Sebenarnya, Seri Rama secara terbuka menyuarakan hasratnya untuk menderhaka. Pada suatu hari Jumaat, sedang Sultan diusung ke masjid untuk mengerjakan sembahyang jemaah, Seri Rama menikamnya sehingga mati.¹⁴

Seri Rama, seperti juga Hang Jebat dan Tun Hassan tergerak untuk bertindak kerana ketidakadilan ke atas seorang yang disayangi. Seri Rama bertindak balas secara berani dan terbuka. Ini mengingatkan kita kepada Hang Jebat. Bagaimanapun tindakbalas beliau bukanlah

secara serta-merta. Pembunuhan itu dirancangkan. Tidak seperti Jebat, Seri Rama mempunyai sokongan pegawai-pegawai istana. Lebih penting peristiwa ini adalah satu-satunya peristiwa dalam sejarah Melayu di mana seorang rakyat membunuh rajanya disebabkan ketidakadilan.¹⁵ Maka sikap Seri Rama ini bertentangan dengan sifat lemah dan jinak bila berdepan dengan kezaliman raja.

Beberapa Rumusan Akhir

Jelas kedapatan beberapa ciri yang serupa dalam peristiwa-peristiwa yang dikaji di sini. (a) Kesemua individu yang terlibat mempunyai konsepsi tentang ketidakadilan pemerintah. (b) Mereka sanggup bertindak untuk membetulkan ketidakadilan tersebut. (c) Semasa bertindak, kesemua mereka — mungkin kecuali Tun Hassan — memperlihatkan individualiti, kebebasan dan ketegasan pada tingkahlaku serta pandangan, yang agak janggal dalam persekitaran sosial tersebut. (d) Kebanyakan mereka bertindak balas secara tiba-tiba dan spontan. Ini agak memeranjatkan kerana sudah menjadi adat untuk menerima ketidakadilan tanpa sebarang sungutan. Hanya peristiwa di mana Bendahara cuba mengemukakan hujah rasional supaya diadakan siasatan sebelum Hang Tuah dihukum dan peristiwa Megat Seri Rama mengatur rancangan membunuh Sultan Mahmud dikira dua kejadian luar biasa. (e) Kecuali Bendahara, yang lain sanggup bertindak bukan kerana soal prinsip tetapi kerana mangsa ketidakadilan adalah rakan atau saudara mereka. Dalam ertikata lain, terdapat faktor peribadi pada tindakbalas mereka. (f) Walaupun mereka sanggup berlaku tidak setia, tidak ada sesiapa yang menentang konsep taatsetia buta. Bendahara, Hang Jebat dan Megat Seri Rama mentaati konsep ini.

Seperti dikatakan tadi, tentangan terhadap pemerintah dalam sesuatu peristiwa itu tidak harus disalahtafsirkan sebagai penolakan terhadap konsep taatsetia buta. Bahawa konsep ini terus berpengaruh tidak dapat dipertikaikan.

Taatsetia, Kedirajaan dan Abdullah

Sebenarnya sepanjang zaman Melaka tidak ada bukti bahawa konsep taatsetia buta telah dikritik secara terbuka dan terus-terang. Kritikan yang pernah dibuat hanyalah terhadap sikap, tingkahlaku serta amalan Sultan-Sultan dan kelas pemerintah Melayu seluruhnya. Oleh kerana kritikan itu menyentuh pelbagai aspek pemerintah Melayu yang terikat secara langsung dan tidak langsung kepada amalan taatsetia buta, maka ia perlu dinilai secara rasional.

Pengkritik yang bertanggungjawab melakukannya ialah Munshi Abdullah yang terkenal itu. Abdullah dilahirkan pada tahun 1796, di zaman Melaka. Beliau membuat kritikan tajam terhadap kedirajaan Melayu dari awal hingga pertengahan kurun ke 19, iaitu sebelum British mula menguasai pentadbiran kesultanan-kesultanan Melayu. Beliau hidup di Melaka yang menjadi wilayah British semasa hayatnya. Tetapi ini tidak mengubah hakikat bahawa dalam sejarah Melayu beliau tergolong dalam zaman sebelum kedatangan British.¹⁶

Abdullah membuat banyak tinjauan yang menarik tentang masyarakat Melayu amnya. Bagaimanapun, untuk kajian ini kita akan menumpu kepada minat utama beliau — kedirajaan Melayu. Sesungguhnya, Abdullah harus diperingati dalam sejarah sebagai pengkritik kedirajaan Melayu yang paling kuat dalam sejarah masyarakat Melayu. Dalam soal ini beliau tiada tandingannya walau di zaman kita sekarang. Hampir setiap aspek kehidupan diraja telah disentuh olehnya.

Beliau membidas beberapa sikap dan amalan keluarga diraja. Menurutnya, isteri-isteri para pembesar malas dan suka bercakap besar. Mereka anggap kerja sebagai sesuatu yang merendahkan martabat mereka. Mereka menghabiskan masa dengan tidur, mengenakan pakaian, menyolek rambut dan menyuruh hamba-hamba.¹⁷ Yang lelaki pula tiada bezanya. Seseengah mereka sibuk dengan perempuan. Ada

raja dan putera yang merampas isteri rakyat.¹⁸ Ada kalanya seseorang raja mengahwini seseorang gadis secara paksaan, tanpa persetujuan ibu-bapanya. Lebih buruk lagi, dalam upacara perkahwinan itu, baginda akan diperwakilan dengan keris diraja. Perkahwinan sebegitu, tegas Abdullah, tidak sah dari segi Islam.¹⁹ Anggota-anggota keluarga diraja yang lain menghabiskan masa dengan berlaga ayam dan menghisap dadah.²⁰ Pernah Abdullah menasihati seorang Putera mengenai keburukan menghisap dadah. Nasihat beliau, "Ianya haram dalam agama Islam, membinasakan badan, menghabiskan wang, mendatangkan malas, menghilangkan waktu, merosakkan nama yang baik, dibenci segala orang yang baik, adanya."²¹

Bukan sekadar tingkahlaku buruk sahaja. Adat dan undang-undang sezaman juga mencerminkan ketiadaan nilai-nilai positif. Misalnya, Abdullah terperanjat bila mengetahui bahawa rakyat Terengganu "Apabila melalui kampung raja tiada boleh berpayung dan tiada boleh pakai kasut dan pakaian kuning."²² Abdullah berkata kepada dirinya, "Mengapa tiada dilarang burung terbang dari atas istana itu, dan mengapa tiada dilarang nyamuk memakan darah, dan pijat-pijat di bantal raja itu, dan mengapa tiada dilarang gajah menggeru, dan orang berlenggang di hadapan istana itu?"²³ Mengapa perkara-perkara yang remeh-temeh ini diperbesarkan padahal kegiatan-kegiatan yang benar-benar memudaratkan rakyat – seperti penghisapan dadah – tidak ditegah? Abdullah menyambung kata bahawa soal-soal kekeleluasaan penyakit, taraf kesihatan yang rendah, pendidikan dan tenaga kerja yang produktif di kalangan rakyat tidak diambil berat oleh kelas pemerintah. Seorang raja yang mulia lagi arif, yang inginkan kebahagiaan di akhirat, tidak akan membuat kerja-kerja hina. Baginda akan melaksanakan undang-undang yang adil agar rakyat bebas daripada segala penindasan dan penderitaan.²⁴

Menurut Abdullah, penindasan dan penderitaan rakyat adalah akibat perbuatan para pemerintah sendiri. Bagi mengukuhkan pernyataan ini, beliau mengemukakan punca-punca asas kemiskinan di Pahang.

Penting diperhatikan bahawa dalam membincangkan berbagai faktor kemiskinan, Abdullah tidak menganggap kecuaiian atau kemalasan rakyat sebagai suatu faktor penting. Menurut hujah beliau tiada sebuah negara pun di dunia ini di mana semua penduduknya malas. Selagi penduduk menerima sedikit sebanyak faedah hasil kerjatangan mereka, selagi keuntungan terjamin dan mereka berpuas hati, selagi sekurang-kurangnya setengah daripada penduduk sanggup bekerja kuat dan ikhlas untuk menampung kehidupan, pasti negara tersebut akan menjadi makmur dan kaya. Jika sebaliknya, seperti di Pahang – penduduk hidup kegelisahan kerana takutkan penganiayaan dan ketamakan pemerintah dan pembesar-pembesar maka negara itu akan menjadi miskin. Di Pahang apabila sahaja penduduk mendapat sedikit lebihan wang atau makanan, kelas pemerintah pasti merampasnya. Maka dalam keadaan seperti itu, penduduk merasa tiada guna bekerja kuat kerana mereka tidak berupaya menikmati hasil titik peluh mereka. Ketamakan kelas pemerintah inilah, tegas Abdullah, punca kemiskinan di Pahang.²⁵

Keadaan di Trengganu tiada bezanya. Kezaliman para pemerintah telah melemahkan semangat rakyat. Rakyat sedar jika mereka kekal miskin tidak akan timbul sebarang masalah. Sekiranya mereka ada harta atau rumah yang cantik atau estetik yang besar, pemerintah akan menginginkannya. Jika baginda tidak diberinya, baginda akan merampasnya dengan menggunakan kekerasan. Jika ada tentangan baginda akan membunuh atau mendenda mereka yang mencabarnya.²⁶

Bagi melaksanakan perintahnya, bagi memuaskan nafsu dan menyempurnakan hasratnya, baginda mempunya

sekumpulan pemuda yang dikenali sebagai Hamba Raja.²⁷ Hamba-Hamba Raja ini bebas bergerak dan bertindak. Mereka bukan sahaja merampas dan menyamun bagi pihak baginda tetapi juga melakukan berbagai kejahatan sesuka hati mereka. Begitu kuat sekali kuasa dan pengaruh mereka sehingga jika salah seorang daripada mereka terbunuh, maka tujuh orang harus mati sebagai pembalasan.²⁸ Abdullah yakin bahawa wujudnya hamba-hamba raja ini merupakan salah satu faktor kelengangan negeri-negeri Melayu. Apakah penyelesaian Abdullah terhadap masalah tersebut? Bagaimanakah beliau berharap untuk membebaskan rakyat daripada eksploitasi kelas pemerintah yang zalim, tamak dan hidup ditanggung rakyat?²⁹ Apakah beliau mengesyorkan revolusi? Tidak, beliau memilih reformasi. Beliau percaya akan peranan pendidikan. Sesungguhnya, beliau mengenengahkan pendidikan — perlunya seluruh masyarakat mendapat ilmu pengetahuan. Bagi beliau ilmu ialah satu-satunya ciptaan Tuhan yang tidak terukur nilainya. Ilmu tidak ternilai dan luhur untuk selama-lamanya. Tidak ada sebarang kuasa yang dapat memusnahkan ilmu. Itulah sebabnya beliau menggesa anak-anak muda menimba ilmu pengetahuan walau apa sekalipun cabaran yang terpaksa dihadapi. Ianya tangga untuk mencapai kekayaan, maruah dan keagungan.³⁰ Abdullah merupakan anak Melayu pertama yang amat mengutamakan pendidikan dan ilmu.

Tetapi, di antara kesemua golongan, kelas pemerintahlah yang paling memerlukan ilmu pengetahuan, kerana tanggungjawab mereka terhadap masyarakat seluruhnya. Pada pendapat Abdullah, sifat tamak dan zalim kelas pemerintah adalah akibat kurangnya ilmu pengetahuan. Soal Abdullah, bagaimanakah dapat seorang itu menjadi pengukir tanpa alat-alat ukiran?³¹ Beliau berpendapat bahawa kekurangan pendidikan di kalangan raja-raja dan putera mereka adalah punca segala kelemahan kerajaan Melayu dan punca segala penderitaan rakyat.³² Pernah sekali beliau menasihati seorang putera untuk menimba ilmu pengetahuan dan men-

dapatkan nasihat dan petunjuk orang-orang alim. Abdullah mengesyorkan Taj'us-salatin (salasilah Raja-Raja) kepada putera tersebut supaya dapat dia mengetahui siapakah diannya raja-raja yang adil dan siapa pula yang zalim. Beliau mengingatkan bahawa Tuhan tidak menjadikan seseorang itu raja untuk membolehkannya memuaskan nafsu dengan mengahwini sepuluh atau dua puluh orang wanita, mengumpul harta kekayaan dan membunuh secara pengecut. Sebaliknya, Tuhan hendak seseorang raja itu menjaga anak buahnya dan memastikan tidak berlaku penindasan sesama manusia.³³

Kini jelas bahawa bagi Abdullah matlamat pendidikan ialah untuk membolehkan kedirajaan mengenal bata berdisiplin serta insaf akan keadilan dan tanggungjawab seorang pemerintah yang baik. Oleh itu pendidikan pada dasarnya mementingkan corak pemikiran, pembangunan akhlak dan penanaman nilai-nilai murni. Seperti mana mana guru yang baik, Abdullah sedar penekanan ke atas pembangunan akhlak sebagai suatu bahagian daripada pendidikan am seseorang harus bermula ketika usia muda. Tinjauan beliau ke atas sikap raja-raja Melayu terhadap putera-putera muda mereka tambah meyakinkannya bahawa Rajalah yang mempengaruhi putera melakukan pelbagai kejahatan. Ketika usia yang begitu muda pun putera-putera diberi kanak-kanak perempuan sebagai teman permainan. Apabila membesar, seorang perempuan simpanan dan akan diserahkan kepadanya buat hiburan. Raja beradu nangkam dengan anak baginda dalam permainan judi dan beradu ayam. Jika bapa menagih dadah, begitu juga anak. Abdullah yakin pengetahuan dan pendidikan akan menyekat pangkal kerosakan ini.

Lebih dari itu, Abdullah berharap agar melalui pendidikan, kelas pemerintah Melayu akan berpuas hati mencontohi beberapa pencapaian British. Baginya, orang British menjadi lambang keagungan pencapaian manusia. Beliau sungguh tertarik dengan kesanggupan mereka

mengeneipikan adat dan amalan yang mundur³⁵, kejayaan mereka dalam sains perubatan³⁶, pelayaran, senibina dan dengan lain-lain aspek tamaddun mereka.³⁷ Konsep kesaksamaan dalam undang-undang British³⁸, konsep keadilan dalam pentadbiran British, dan lindungan ke atas nyawa dan harta benda di bawah pemerintahan British telah disanjunginya.³⁹ Beliau juga memuji 'nilai-nilai' yang diwujudkan oleh kerajaan kolonial di Melaka dan Singapura. Ketekunan bekerja digalakkan, penduduk boleh mengumpul kekayaan. Usaha setiap orang diberi ganjaran setimpal.⁴⁰ Berkali-kali beliau membandingkan keadaan di negeri-negeri Melayu dengan keadaan di wilayah kolonial British, Melaka dan Singapura. Keadaan di negeri-negeri Melayu amat mendukacitakan bila dibanding dengan Melaka dan Singapura. Negeri-negeri Melayu mundur dan huru-hara manakala Melaka dan Singapura maju, aman lagi harmonis. Kelas pemerintah di negeri-negeri Melayu adalah zalim, penindas dan buruk akhlak manakala elit-elit pentadbir British di wilayah kolonial pula adil dan baik budi pekertinya.⁴¹ Dalam hal ini, Abdullah tidak henti-henti memuji para pentadbir kolonial British, khususnya Raffles.⁴² Tidak syak lagi, beliau bangga di atas hubungan beliau dengan pentadbiran British dan lebih bangga menjadi warganegara wilayah British.

Persekitaran sosial yang diwujudkan oleh pemerintahan kolonial British di Melaka dan Singapura pasti merupakan salah satu faktor yang membentuk pemikiran Abdullah. Ia menjadikan beliau kritis terhadap orangnya sendiri, para pemerintahnya sendiri dan masyarakatnya sendiri. Tetapi ia bukanlah faktor tunggal atau faktor utama dalam perkembangan intelektual beliau. Islam memainkan suatu peranan yang besar dan penting dalam pemikiran beliau. Terdapat banyak bukti untuk mendukung kenyataan ini. Al Quran menjadi asas pendidikan beliau. Terdapat guru-guru agama yang disegani dalam keluarga ibu dan ayahnya. Ayahnya pula amat insaf akan nilai-nilai Islam. Maka

Abdullah berupaya memahami intipati agama Islam ketika usia yang masih muda.⁴³ Sudah tentu, penulisan-penulisan beliau memperlihatkan keinsafan tentang Islam. Ini jelas, samada dalam penulisan yang mengecam adat-adat yang mundur atau keburukan diraja atau yang berupa nasihat kepada seorang pemerintah mengenai tanggungjawabnya. Beliau selalu membandingkan keadaan semasa dengan ideal-ideal Islam.

Setelah meneliti pandangan Abdullah mengenai kekirajaan dan faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi pemikiran beliau, kini wajar pula menilai analisis beliau. Adalah menghairankan bahawa walaupun beliau begitu hebat mengkritik raja-raja, beliau tidak mempersoalkan konsep taatsetia buta. Namun banyak daripada kecaman beliau terhadap sikap dan tingkahlaku raja-raja dapat dikaitkan kepada taatsetia buta antara raja dengan rakyat. Akhlak buruk baginda-baginda, penindasan, pengabaian nilai-nilai murni dan ketidakprihatinan tentang soal hidup rakyat setakat tertentu merupakan akibat suatu keadaan di mana taatsetia buta rakyat kepada raja terjamin.

Kegagalan Abdullah untuk memahami implikasi konsep taatsetia buta sebenarnya merupakan sebahagian daripada ketidakupayaan beliau memahami peranan sistem nilai dan struktur sosial dalam mengekalkan keburukan akhlak dan penindasan. ⁴⁴ Kemerosotan akhlak dan penindasan tidak berlaku begitu sahaja. Hubungan politik di antara raja dengan rakyat, hubungan ekonomi di antara kelas pemerintah dengan kelas rakyat, malah segala ciri masyarakat Melayu perlu diteliti bagi menghuraikan fenomena sosial sebegini. Beliau gagal melakukannya.

Selain itu, perspektif Abdullah mengenai penindasan juga kurang tepat. Walaupun banyak penindasan dilakukan oleh kelas pemerintah semasa hidup beliau, penindasan tidaklah menguasai mentaliti raja-raja Melayu sepanjang zaman Melaka. Misalnya kita tahu bahawa beberapa ora

raja menyedari perlunya keadilan dan insaf akan kewajipan mereka kepada rakyat. Abdullah mengaku adanya raja-raja yang arif dan agung di masa lampau⁴⁵, tetapi beliau tidak memberi penekanan yang wajar ke atas aspek ini dalam sejarah bangsa Melayu. Akibatnya, kajian beliau terhadap kelas pemerintahan menimbulkan andaian bahawa raja-raja Melayu pada keseluruhannya penindas belaka.

Fahaman beliau tentang pemerintahan kolonial British pula kurang mendalam. Memang wajar sanjungan beliau terhadap beberapa kebaikan pentadbir British seperti kerajinan dan sifat ingin tahu. Tetapi, lebih penting, apakah benar pandangannya bahawa kerajaan kolonial banyak menguntungkan masyarakat Melayu? Memang British memperkenalkan sebilangan undang-undang dan peraturan serta menjamin keselamatan penduduk Melaka dan Singapura. Tetapi di kedua-dua wilayah ini dasar-dasar sosial dan ekonomi kolonial banyak bertanggungjawab dalam mengekalkan kemunduran masyarakat Melayu.⁴⁶ Mungkin Abdullah yang menulis pada suku pertama dan kedua dalam kurun ke-19 tidak dapat memahami kesan-kesan kolonialisme British. Namun kita tidaklah mengadili beliau dengan mengetahui sejarah selepas beliau kerana sebagai seorang pemerhati yang bijak beliau seharusnya telah melihat bahawa projek-projek British dalam bidang pendidikan, kesihatan dan pengangkutan memberi faedah hanya kepada beberapa golongan penduduk bukan Melayu di kawasan bandar. Kerana kegagalan beliau menyedari hakikat inilah maka sanjungan beliau terhadap pemerintahan kolonial dikira agak canggung dari sudut analisis semasa.

Walau bagaimanapun pencapaian Abdullah yang paling cemerlang ialah penilaian terbuka dan terus terang beliau ke atas kelas pemerintah Melayu. Lazimnya agak sukar untuk mentaksir kesan sesuatu idea ke atas budaya politik generasi-generasi kemudian. Walau bagaimanapun, kritikan Abdullah terhadap raja-raja mungkin telah menyedarkan golongan nasionalis muda Melayu semasa tahun-tahun

30an dan generasi-generasi Melayu semenjak itu – yang lama benar menganggap Abdullah sebagai bapa keusasteraan Melayu⁴⁷ bahawa taatsetia buta kepada pemerintah tidak Muhammad s.a.w. telah bersabda, “tidak taatsetia untuk kerja patut wujud di zaman baru.

CATATAN

1. Lihat *Sejarah, op.cit.*, muka 157. S.H. Alatas dalam rencananya, 'Feudalism' dalam buku *Modernization, op.cit.*, juga mengutarakan beberapa persoalan mengenai tingkahlaku Tun Hassan dalam hubungan dengan sistem nilai Melayu. Lihat muka 103.
2. Lihat *Hikayat Hang Tuah*, muka 170-207.
3. *Ibid*, muka 288.
4. *Loc.cit.*
5. *Ibid*, muka 289.
6. *Ibid*, muka 290.
7. *Ibid*, muka 291.
8. *Ibid*, muka 296.
9. *Ibid*, muka 301-303.
10. *Ibid*, muka 319.
11. *Ibid*, muka 324.
12. *Ibid*, muka 316.
13. *Characterisation in Hikayat Hang Tuah* oleh Kassim b Ahmad. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), muka 3. Josselin de Jong juga membincangkan perwatakan Hang Tuah dan Hang Jebat dan menghubungkannya kepada trend politik semasa. Pandangan beliau lebih seimbang. Lihat penulisannya, "The Rise and Decline of a Nation Hero," *JMBRAS*, (Vol. 38, part 2, 1965).

14. Tuhfat Al-Nafis, *op.cit.*, muka 34.
15. Pemberontakan menentang "Raja Bersiong" dalam Hikayat Merong Mahawangsa tidak disertakan dalam kajian ini. Tidak seperti legenda-legenda dan cerita khayalan lain yang nampaknya mempunyai latarbelakang tempatan, cerita ini jelas bersifat keIndiaan dari segi asal-usul dan cirinya. Besar kemungkinan seluruh cerita ini dipindahkan ke dalam Hikayat Mahawangsa. Namun begitu, dalam cerita ini pun Raja tidak dibunuh – beliau cuma hilang. Lihat "The Cannibal King in the Kedah Annals," oleh C.O. Blagden, *JSBRAS*, (No. 79, September 1918).
16. Butir-butir mengenai latarbelakang beliau terkandung dalam *Hikayat Abdullah I dan II* (Pustaka Antara, 1968) oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi dan dalam *Kesah Pelayaran Abdullah* (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1960), susunan Kassim Ahmad.
17. Lihat *Hikayat Abdullah I*, *ibid*, muka 78, oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi.
18. Lihat *Kesah Pelayaran*, *op.cit.*, muka 50; juga *Hikayat II* oleh Abdullah, *op.cit.*, muka 368.
19. *Ibid*, muka 374.
20. *Kesah Pelayaran*, *op.cit.*, muka 57.
21. *Ibid*, muka 102.
22. *Ibid*, muka 46.
23. *Ibid*, muka 47.
24. *Loc.cit.*
25. *Ibid*, muka 44-5.
26. *Ibid*, muka 55-6.
27. Selepas seseorang itu melakukan pembunuhan atau jenayah lain yang biasanya dijatuhkan hukuman mati,

ia dapat pula melepaskan diri dengan menjadi Hamba Raja. Apabila sahaja dia menjadi Hamba Raja, jenayahnya dilupakan dan dia mempunyai kebebasan penuh untuk bertindak di atas suruhan Raja.

28. *Kesah Pelayaran*, *op.cit.*, muka 38.
29. Analisis Abdullah memberi tanggapan bahawa kelas pemerintah itu 'tamak, zalim dan membebankan rakyat'. Sesungguhnya, Abdullah lebih terbuka dalam mengutuk para pemerintah. Bila disuruh tinggal di salah sebuah negeri Melayu dan menjadi Kadi kepada Sultan, beliau membalas bahawa bersahabat dengan Sultan samalah seperti berkawan dengan ular berbisa. Lihat *Ibid*, muka 106.
30. *Hikayat I*, Abdullah, *op.cit.*, muka 17-19.
31. *Ibid*, II, muka 432-33.
32. *Kesah Pelayaran*, *op.cit.*, muka 57.
33. *Ibid*, muka 105-6.
34. *Hikayat II*, Abdullah, *op.cit.*, muka 433.
35. *Ibid*, muka 436-38.
36. *Ibid*, muka 311-316.
37. *Ibid*, muka 438.
38. *Ibid*, I, muka 99.
39. *Kesah Pelayaran*, *op.cit.*, muka 123-4.
40. *Ibid*, muka 124-5.
41. Lihat *Ibid*, muka 122-6 dan muka 103-5; juga *Hikayat II*, Abdullah, *op.cit.*, muka 431-439.
42. *Ibid*, I dan II. Selain Raffles, yang Abdullah berkhidmat sebagai pembantu penyelidikan, Abdullah juga memuji Lord Minto dan Colonel Farquhar.
43. *Ibid*, I, muka 10-43.

44. Kassim Ahmad juga menimbulkan perkara yang serupa dalam 'Pengenalannya' kepada *Kesah Pelayaran*, op.cit., lihat khususnya muka 9-10.
45. Lihat *Hikayat II* oleh Abdullah op.cit., muka 370.
46. Ini dianalisa dalam konteks Semenanjung Melayu secara keseluruhannya dalam "*The Myth of the Lazy Native*" oleh Syed Hussein Alatas (Frank Cass, London, 1977).
47. Bagi beberapa perbalahan mengenai kedudukan Abdullah sebagai Bapa Keusasteraan Melayu, lihat "Latarbelakang Intelektual Penulis-Penulis Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua, 1946-1970," tesis M.A. Tan Chin Kwang, (Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Singapura, 1971).

BAB TIGA

KETAATSETIAAN: DARI KOLONIALISME SEHINGGA MERDEKA

Setakat ini kita telah menilai taatsetia buta di zaman Melaka. Kini perlu diselidiki samada ianya wujud sebagai satu konsep, satu amalan dalam masyarakat Melayu sekarang. Tetapi sebelum itu, konsep taatsetia perlu dikaji dalam konteks kolonialisme British yang memisahkan kerajaan-kerajaan Melayu awal daripada zaman sekarang. Misalnya apakah pemerintahan British telah menamatkan hubungan taatsetia di antara pemerintah dengan rakyat?

Taatsetia dan Kolonialisme

Apabila British mengenalkan 'Sistem Residen' bermula di Perak menerusi Perjanjian Pangkor 1874 yang masyhur dan kemudiannya di Selangor, Negeri Sembilan dengan diikuti di Pahang, mereka tidak menamatkan keSultanan.¹ Sultan-Sultan kekal, begitu juga hubungan antara Sultan-Sultan dengan rakyat. Kerajaan adalah di atas nama Sultan-Sultan. Peranan British adalah semata-mata untuk menawarkan nasihat dan bantuan dalam pentadbiran! Memang, seperti yang telah diujahkan oleh kebanyakan ahli sejarah, sistem residen merupakan helah bagi kolonialisme British.² Sebenarnya Britishlah yang memerintah, Sultan-Sultan sekadar menjadi patung. Di negeri-negeri di mana British mengenakan sistem penasihat, iaitu mengadakan pegawai pegawai yang dikenali sebagai penasihat kepada Sultan - seperti di Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor Sultan-Sultan pada keseluruhannya lebih berkuasa³ daripada residen. Tetapi di negeri-negeri ini pun, kekuasaan banya terletak di tangan British.

Bagaimanapun, apa yang penting kepada kajian ini ialah pengekalannya ikatan taatsetia di antara raja-raja Melayu dengan rakyat. Memang menjadi sebahagian daripada rancangan British untuk mengekalkannya. Menerusi ikatan ini, yang menjadi suci dan kukuh dalam arus masa dan tradisi, British berharap untuk mencapai matlamat mereka. Kesahihan yang diwujudkan oleh ikatan ini memudahkan British untuk merangka dan melaksana berbagai dasar yang diisytiharkan di atas nama Sultan dan kononnya demi faedah rakyat. Tetapi pada hakikatnya polisi-polisi ini hanya mengembangkan kepentingan kuasa kolonial dan dalam pada itu memusnahkan kesejahteraan rakyat biasa. Hal ini tidak dapat dibincangkan secara terperinci kerana pokok perbincangan kita di sini bukan kolonialisme British di Malaysia. Memadailah disebut bahawa dasar-dasar British dalam bidang pindahmilik tanah, pembangunan galian, pengangkutan dan pendidikan dapat membuktikan pernyataan ini.

Maka Britishlah yang paling beruntung daripada hubungan di antara pemerintah dengan rakyat. Dalam ertikata lain taatsetia tanpa soal rakyat Melayu kepada Sultan-Sultan telah menguntungkan British. Pentadbir-pentadbir British amat menyedari berleluasanya sikap setia tanpa soal di kalangan masyarakat Melayu. Misalnya Frank Swettenham semasa menulis tentang hal ini pada tahun 1874 menyatakan, "Ada jurang perbezaan yang luas di antara kelas pemerintah dengan rakyat. Raja-raja dan ketua-ketua memerintah, rakyat mentaati. Rakyat tidak berikhtiar apa-apa: peranan mereka sekadar menyempurnakan keinginan raja atau ketua yang berkuasa ke atas mereka, dengan anggapan bahawa suruhan pemerintah mesti dipatuhi semua orang".⁴ Swettenham mengulangi pandangannya ini mengenai orang-orang Melayu dalam penulisan lain di mana beliau menyebut, "Lebih daripada yang lain, seseorang rakyat Melayu itu agak konservatif, berbangga serta asyik akan negara dan orang-orangnya, memuliakan

adat istiadat dan tradisi zaman silam, mentakuti Raja, menghormati pihak berkuasa serta menaruh syak wasangka terhadap pembaharuan dan akan menentang kehadirannya yang mendadak".⁵ Pendapat Swettenham mengenai konservatisme dan penentangan pembaharuan sungguh kurang berasas. Tetapi, pandangan beliau mengenai bagaimana masyarakat Melayu berhubungan dengan pemerintah dan dengan autoriti seluruhnya adalah sangat penting. Hugh Clifford, seorang pentadbir kolonial yang terkenal juga memperkatakan tentang "taatsetia". Beliau melihatnya dalam masyarakat Melayu Pahang yang beliau gambarkan sebagai "luarbiasa taatsetia mereka kepada raja dan ketua-ketua yang tidak pula selalu berkelakuan dalam cara yang membangkitkan semangat setia".⁶

Jelaslah taatsetia tanpa soal masyarakat Melayu kepada para pemerintah telah membentuk sikap pihak British terhadap Sultan-Sultan. Mereka sedar Sultan-Sultan mest dijadikan sekutu yang erat. Cara paling berkesan untuk mencapai matlamat ini ialah dengan memberi segala macam kebendaan. Pentadbir-pentadbir British sungguh menyedar perlunya pendekatan begini dan faedah yang akan mereka kecapai nanti. "British berjaya mengambil hati ketua-ketua ini dan memberi mereka ganjaran. Ketua-ketua ini jug beruntung dengan segala apa yang telah dilakukan. Keuntungan yang mereka perolehi mungkin kurang dan mungkin pula melebihi keuntungan yang dikaut oleh British. Para pemerintah dan ketua-ketua tidak merasa terasir atau terabai; sesungguhnya pada ketika itu bilangan orang Melayu yang berjawatan tinggi dalam pentadbiran negara lebih ramai daripada tahun 1874. Perlantikan ke jawatan tinggi bukan sahaja merupakan suatu penghormatan dan tanda kecemerlangan tetapi juga memberi perasaan kuat dan tanggungjawab dalam kerajaan, yang menjadi hasrat tertinggi seseorang Melayu. Tambahan pula, setiap pejabat dihiasi menurut adat lama, dan pemilihan calon bagi jawatan-jawatan ini adalah di tangan raja-raja dan penasihat-penasihat

Melayu. Calon-calon yang berjaya memperolehi pengaruh dan sokongan kelas pemerintahan Melayu tidaklah dapat dipandang tinggi akan kebolehan mereka. Mereka yang terpilih menjawat jawatan-jawatan ini bukan selalunya anggota masyarakat yang paling terhormat tetapi mereka selalunya mempunyai pengaruh".⁷

Swettenham tidak pula mendedahkan tujuan asas di sebalik muslihat kolonial untuk menjaga kelas pemerintah Melayu. Ganjaran lebih besar, istana-istana indah, pangkat-pangkat tinggi serta kedudukan tinggi — semuanya sama sahaja matlamatnya — untuk mendapat taatsetia para pemerintah Melayu supaya taatsetia buta rakyat akan tertumpu ke arah kolonialisme British.

Sungguh menyedihkan, para pemerintah merelakan diri mereka dipergunakan begini. Adalah terpulang kepada diri seseorang raja itu untuk melawan godaan dan menolak tawaran British.⁸ Memang mustahil suatu penentangan yang tersusun dan terbuka, yang diarahkan pada pengembelian tenaga menentang kekuasaan kolonial. Tetapi tentunya penolakan rasuah kebendaan British adalah selaras dengan kemuliaan takhta. Sebaliknya, Sultan-Sultan menggunakan hubungan dengan British untuk menuntut ganjaran dan kuasa yang lebih besar bagi diri sendiri.⁹

Inilah yang terutamanya membolehkan kuasa kolonial memperalat taatsetia buta demi kepentingan mereka sehingga tahun 1941. Apabila British kembali pada tahun 1945 sesudah Perang Dunia Kedua, satu perubahan besar dibuat dalam dasar mereka. Perubahan tersebut yang relevan kepada kajian kita di sini ialah penubuhan Malayan Union. Peristiwa Malayan Union telah dikaji secara terperinci dari berbagai sudut oleh ramai kalangan sarjana.¹⁰ Kini perlu diselidiki hubungannya dengan konsep taatsetia tanpa soal.

Pembentukan Malayan Union: Taatsetia Dalam Perspektif.

Tetapi sebelum itu perlu diteliti gagasan Malayan Union dan faktor-faktor yang mengakibatkan pembentukan-

nya. Ringkasnya, Malayan Union merupakan rancangan menerusi mana British berharap untuk menggantikan sistem lama kerajaan; Residen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, penasihat di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan pemerintahan terus di Tanah Jajahan Pulau Pinang dan Melaka, dengan struktur tunggal yang bersepadu dan terpusat. Raja-Raja Melayu akan dilucutkan kuasa simbolik dan kuasa istiadat politik yang dimiliki selama ini dan akan diturunkan kepada status ketua agama dengan sedikit sebanyak kawalan ke atas hal ehwal agama. Masyarakat bukan Melayu yang baru menetap itu akan diberi taraf kewarganegaraan di atas syarat-syarat yang sangat liberal. Ini akan banyak mengubah corak demografik dalam negara.¹¹

Banyak sebab diberikan bagi dasar baru itu. Dikatakan bahawa antara sebab utama pembentukan Malaya Union ialah untuk mewujudkan negara yang lebih mantap dari segi ketenteraan memandangkan kegagalan British menghadapi serangan Jepun pada tahun 1941, kehampaan dengan orang-orang Melayu yang ramai pemimpinnya menyebelahi Jepun semasa peperangan, keinginan untuk memberi ganjaran kepada orang-orang Cina yang sesetengahnya menentang Jepun dan hasrat untuk menyediakan negara bagi pemerintahan sendiri suatu hari nanti.¹² Meskipun kesemua faktor ini mungkin mempengaruhi para pembentuk dasar British, adalah diragukan jika ada di antaranya yang menjadi pendorong utama. Ini kerana, tidak ada antara faktor-faktor ini yang mengambil kira akan keseluruhan teras dan aral dasar ekonomi kolonial. Malayan Union tidak dapat difahami semata-mata dari segi latarbelakang pembentukannya. Perlu diingat, sejak tahun-tahun 1920an dan 1930an telah ada banyak desakan daripada kalangan peniaga British dan tempatan supaya pentadbiran Negeri-Negeri Melayu dipusatkan.¹³ Pentadbiran berpusat dapat melahirkan kecekapan yang akan meningkatkan keuntungan pelaburan. Para pemerintah Melayu menentang usaha sedemikian

kerana menyedari bahawa 'di bawah sistem berpusat mereka terpaksa menyerahkan apa jua kuasa yang masih ada pada mereka. Pegawai-pegawai kolonial British memang berazam memelihara kepentingan para pemerintah. Tetapi logik kolonialisme menuntut supaya segala rintangan dalam mengaut keuntungan dikurangkan setakat yang dapat. Inilah sebabnya kerajaan kolonial terhayun-hayun di antara dasar pemusatan dan dasar desentralisasi sepanjang tahun-tahun 1920an dan 1930an.¹⁴ Dalam ertikata lain di satu pihak ianya soal memelihara taatsetia para pemerintah supaya pentadbiran kolonial boleh mentadbir tanpa halangan, di pihak lain ianya soal mengembangkan skop operasi bagi elit-elit perniagaan agar kekayaan kuasa kolonial akan bertambah.

Selepas peperangan, berlaku perubahan yang dramatik disebabkan dua faktor. Pertama, peperangan telah membinasakan ekonomi British. Pembinaan semula ekonomi – seperti juga pertumbuhan gemilangnya semasa dekad-dekad awal – memerlukan bantuan yang kukuh dari tanah-tanah jajahan. Kekayaan yang dihasilkan oleh getah dan bijih timah kita telah sepanjang masa membantu memesatkan pembangunan ekonomi British.¹⁵ Oleh kerana India yang telah banyak menyumbang kepada ekonomi British di masa lampau akan mencapai kemerdekaan, ekonomi Malaysia terpaksa memainkan peranan lebih besar dalam pembinaan semula Britain! Seperti tepat kata Noordin Sopiee, "Jarang-jarang disedari bahawa keperluan untuk segera memulih industri getah dan bijih timah Malaya menjadi pendorong utama bagi penubuhan sebuah kerajaan tunggal yang bersepadu, amat terpusat dan cekap di Malaya".¹⁶

Sebab kedua ada kaitan dengan sebab pertama. Pergerakan-pergerakan nasionalis di benua kecil India dan Burma serta juga Sri Lanka yang melahirkan negara-negara merdeka dalam tempoh tiga tahun selepas peperangan pasti meyakinkan British bahawa zaman empayar kolonial sudah berakhir. Yang penting sekarang ialah menyediakan tanah-

tanah jajahan dan wilayah-wilayah lindungan lain bagi pemerintahan sendiri tanpa menjejaskan kepentingan ekonomi British. Penyediaan sesebuah negara bagi pemerintahan sendiri berbeza dengan usaha mengorak langkah ke arah kemerdekaan dengan komitmen tulen untuk menamatkan kolonialisme. Maka adalah sukar untuk menerima pandangan bahawa "matlamat mewujudkan semangat kenegaraan dan nasionalisme bangsa Malaya, yang berkait dengan komitmen British kepada ideal de-kolonisasi, mungkin merupakan pendorong utama bagi pembentukan Malayan Union".¹⁷

British pada dasarnya mengutamakan keselamatan aset dan pelaburannya di Malaysia yang merdeka, bukan kelahiran semangat kenegaraan.¹⁸ Hakikat ini dapat dibuktikan dengan mudah menerusi kajian semula terhadap aspek-aspek penting lain dalam gagasan Malayan Union. Pemberian taraf kewarganegaraan di atas syarat-syarat yang sangat liberal kepada penduduk imigran yang baru mula menetap di Malaya ada motifnya: untuk memastikan kesinambungan dan kestabilan industri getah dan bijih timah serta sektor perdagangan dan pengedaran. Tenaga buruh dan pengurusan bukan-Melayu dalam industri getah dan timah serta rangkaian perdagangan dan pengedaran yang diwujudkan oleh peniaga-peniaga bukan Melayu merupakan dimensi yang perlu kepada kepentingan ekonomi British di Malaysia. Tanpa lindungan kewarganegaraan akan timbul kekhawatiran dan suasana tidak selamat, yang dalam keadaan-keadaan tertentu, seperti pertumbuhan pergerakan nasionalis Melayu yang kuat¹⁹ mungkin menggendalakan kegiatan ekonomi. British tidak mahu modal mereka mengalami nasib sebegitu.

Dilihat dari sudut ini, dasar-dasar British di zaman Residen dan keSultanan yang dilindungi sehingga Malayan Union dan peristiwa kewarganegaraan liberal kelihatan sebagai perkembangan yang selaras dengan log

kolonialisme. Selagi mereka berkuasa di Negeri-Negeri Melayu memang perlu mereka berbaik-baik dengan raja-raja, menyesuaikan keadaan kepada rasa hati dan kegemaran raja-raja agar baginda-baginda menyebelahi pemerintahan kolonial. Hubungan ini memberi bayangan kesahihan kepada pemerintahan British di mata rakyat Melayu kerana masyarakat Melayu pada keseluruhannya bertaatsetia tanpa soal kepada pemerintah mereka. Itulah sebabnya taatsetia tanpa soal sangat penting kepada British, selagi mereka memerintah Negeri-Negeri Melayu.

Tetapi apabila menyedari bahawa kerajaan kolonial tidak dapat terus hidup dan kemerdekaan politik sudah dekat, mereka cuba melukis satu corak pentadbiran baru – Malayan Union – yang seperti susunan lama keSultanan terlindung juga bertujuan melindungi dan mengekalkan kepentingan British. Raja-Raja tidak lagi penting buat mereka, taatsetia tanpa soal sudah boleh dilonggokkan bersama sampah sejarah. Pokoknya sekarang: apakah cara sebaiknya untuk melindungi kepentingan ekonomi British dalam suasana baru. Inilah yang dimaksudkan dengan kenyataan tadi bahawa Malayan Union dapat difahami hanya berpandukan latarbelakang dasar ekonomi kolonial.

Taatsetia dan Tentangan Terhadap Malayan Union

Tetapi British lupa bahawa struktur sosial Melayu, yang mereka sendiri membantu untuk mengekalkannya, telah melahirkan sikap penentangan terhadap Malayan Union. Taatsetia tanpa soal kepada para pemerintah dan tanggapan para pemerintah sendiri mengenai peranan mereka sebagai pelindung masyarakat Melayu merupakan antara sikap yang paling penting. Sebarang cubaan untuk menjadikan raja-raja umpama patung angguk pasti ditentang. Tambahan pula taatsetia kepada pemerintah, seperti dinyatakan dalam bab pertama, merupakan sikap yang kuat berakar-umbi sejak asal sejarah bangsa Melayu. Inilah salah satu sebab utama yang membolehkan orang-orang Melayu

digembeling dengan begitu berkesan sekali untuk menentang Malayan Union. Segala perjumpaan, kongres, dan demonstrasi yang diperbincangkan dengan meluas dalam penulisan-penulisan lain²⁰ menjadi bukti jelas mengenai komitmen masyarakat Melayu kepada sistem kedirajaan. Ini digambarkan oleh salah satu resolusi yang dibuat oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu – badan yang dibentuk untuk menentang Malayan Union. Menurut resolusi tersebut Malayan Union, “Menamatkan kuasa-kuasa Sultan, maka musnahlah samasekali Negeri-Negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu”.²¹

Oleh kerana penentangan orang-orang Melayu begitu kuat lagi bersungguh-sungguh, British tiada pilihan melainkan untuk mengalah. Kedaulatan Sultan-Sultan dikembalikan. Sultan-Sultan mengambil semula tempat di kemuncak politik masyarakat Melayu. Lebih penting kepada konteks kajian ini, berterusanlah hubungan lama taatsetia tanpa soal antara pemerintah dengan yang diperintah.

Selain penghidupan semula konsep serta amalan taatsetia tanpa soal, peristiwa Malayan Union juga besar ertinya kepada seperkara lain yang banyak hubung-kaitnya dengan kajian ini. Ia membolehkan sekumpulan pentadbir dan kaum bangsawan untuk mengukuhkan kepimpinan mereka ke atas pergerakan nasionalis Melayu. Sebelum Perang Dunia Kedua wujud berbagai kumpulan nasionalis Melayu seperti ahli reformis Islam, cerdik-pandai tempatan dan elit-elit tradisional (pentadbir dan bangsawan).²² Pada keseluruhannya, kumpulan-kumpulan ini bergerak sendirian, tanpa hubungan dengan kumpulan lain. Antara kesemua kumpulan ini, golongan elit tradisional yang paling kurang mengambil berat akan isu-isu penting seperti kemiskinan, jurang perbezaan ekonomi, kekurangan peluang pendidikan kepada orang kebanyakan dan sebagainya yang dihadapi oleh masyarakat Melayu. Sebahagian besar anggota kumpulan ini berasal dari peringkat atasan masyarakat dan mempunyai pertalian dengan Sultan dan keluarga diraja. Namun ad

juga kalangan pentadbir yang berasal dari peringkat masyarakat rendah. Sebahagian besar mereka ini mendapat pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar yang mulanya diasaskan untuk pelajar-pelajar Melayu dari kelas atasan. Beberapa anggota golongan pentadbir-bangsawan ini berkhidmat dalam Majlis-Majlis Negeri dan Majlis Persekutuan yang dibentuk oleh British. Di sana mereka membangkitkan isu-isu yang lebih menyentuh kepentingan strata elit dalam masyarakat, bukan kepentingan masyarakat Melayu luar bandar. Keprihatinan utama mereka ialah soal peningkatan peluang untuk menyertai perkhidmatan sivil, kenaikan pangkat, kelebihan skop pendidikan tinggi bagi anak-anak mereka dan sebagainya. Bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa sekali sekala hal-hal yang ada kaitan dengan kepentingan rakyat biasa juga ditimbulkan.²³ Semasa tahun-tahun 30an mereka menubuhkan persatuan-persatuan Melayu di beberapa buah negeri dengan restu Sultan dan galakan aktif dari British. Seperti dijangka, persatuan-persatuan ini berorientasikan kepentingan strata elit – dan British. Sebenarnya, seluruh golongan pentadbir-bangsawan menjadi penyokong setia pemerintahan kolonial British – cuma sekali-sekala ada di antara mereka yang mengkritik satu dua aspek dasar-dasar British yang tidak begitu penting.²⁴

Mereka inilah yang kemudian memimpin perjuangan menentang Malayan Union pada tahun 1946. Merekalah yang menerajui kepimpinan UMNO bila ia diasaskan pada tahun yang sama. Sesungguhnya mereka telah muncul sebagai pemimpin seluruh masyarakat Melayu. Mungkin struktur feodal masyarakat banyak mempengaruhi penerimaan mereka sebagai pemimpin pada tahun 1946 dan selepasnya. Dalam sebuah masyarakat yang memandang tinggi pada kedirajaan, yang menganggap hak memerintah sebagai warisan raja-raja dan golongan bangsawan dan kuasa sebagai milik semulajadi elit-elit tradisional, hanya mereka dari strata berkenaan sahaja yang dapat berharap untuk diterima sebagai pemimpin

masyarakat. Dalam ertikata lain tidak mungkin ada sebarang kumpulan lain yang berupaya menggembeling masyarakat Melayu pada tahun 1946. Sejarah feudal bersama-sama kolonialisme British telah mengurniakan keistimewaan kuasa dan kedudukan kepada kumpulan ini. Hak memerintah 'semulajadi' mereka tercabar hanya sekali dalam sejarah, semasa pendudukan Jepun. Pihak Jepun mengeneipkan golongan pentadbir-bangsawan yang ia anggap (anggapan yang benar) sebagai sekutu British dan sebaliknya telah bercadang untuk membina golongan cerdik pandai tempatan yang berhaluan republik. Tetapi pendudukan Jepun tidak lama, maka ia gagal memberi sebarang kesan besar ke atas perjalanan sejarah seterusnya.²⁵

Penerimaan golongan pentadbir-bangsawan sebagai pemimpin 'semulajadi' dan keupayaan mereka menggembeling masyarakat Melayu amat relevan kepada pokok pembicaraan kita di sini. Di masa lampau hanya raja-raja — pemegang kuasa warisan — yang menjadi objek taatsetia tanpa soal. Manakala raja-raja terus mendapat taatsetia muncul pula kumpulan lain yang rapat dengan sistem diraja tradisional, yang juga boleh beruntung daripada hubungan feudal di antara raja dengan rakyat. Kisah Malayan Union membuktikan bahawa sebuah kumpulan yang bertalian dengan istana, yang ada hubungan dengan kedirajaan, juga dapat menuntut kesetiaan masyarakat Melayu. Ringkasnya, golongan pentadbir-bangsawan juga boleh berharap menjadi objek taatsetia tanpa soal, walaupun mereka bukan raja.

Memandangkan golongan pentadbir-bangsawan merupakan elit asal UMNO, soalnya sekarang ialah sama ke pimpinan UMNO selepas peristiwa Malayan Union turut beruntung daripada fenomena taatsetia ini. Setakat manakah ke pimpinan UMNO berusaha melindungi dan mengekalkan sikap taatsetia tanpa soal di kalangan orang Melayu? Setakat manakah masyarakat Melayu send

menuruti konsep ini dalam arus segala perubahan yang telah berlaku? Persoalan-persoalan ini akan dibincangkan seterusnya.

Tetapi sebelum itu elok dijelaskan pentingnya tentangan terhadap Malayan Union kepada kajian ini. Telah dibuktikan bahawa pengekal sistem kedirajaan dan kemunculan golongan pentadbir-bangsawan sebagai pemimpin politik Melayu yang merupakan kesan-kesan penentangan terhadap Malayan Union – membantu mengekalkan konsep serta amalan taatsetia tanpa soal. Faktor ketiga dalam peristiwa Malayan Union sama kesannya. Malayan Union telah mengutarakan soal kehadiran masyarakat bukan-Melayu melalui pemberian kewarganegaraan kepada sebahagian besar mereka yang baru bermastautin itu.²⁶ Rakyat Melayu bimbang kalau-kalau ia akan menjejaskan kedudukan mereka di negara ini dan menjadikan mereka sebuah masyarakat yang tidak penting: kebimbangan ini bertambah runcing akibat kelemahan ekonomi mereka. Sentimen utama ialah bahawa masyarakat Melayu adalah penduduk asli. Maka haknya ke atas tanah ini tidak boleh dipersoal. Statusnya perlu dilindungi. Konsep ini mengenai masyarakat Melayu sebagai masyarakat pribumi dan masyarakat bersejarah telah tercermin pada kebangkitan menentang Malayan Union. Sebagai bukti, salah satu resolusi di kongres UMNO pada Mac 1946 menyebut bahawa kewarganegaraan setaraf dengan hak-hak yang sama, tanpa mengambilkira soal kaum atau agama akan memusnahkan "Kewujudan Negeri-Negeri Melayu Islam yang bebas dan bangsa Melayu serta merampas hak-hak warisan Melayu".²⁷ Sesungguhnya, selain status raja-raja, soal kewarganegaraanlah yang banyak menyentuh hati sanubari dan menyemarakkan kemarahan masyarakat Melayu. Isu inilah, tidak ragu sama sekali, yang memberi cetusan emosi untuk kekuatan dan perpaduan seluruh pergerakan yang menentang Malayan Union. Dan seperti dengan raja-raja, British terpaksa memenuhi tuntutan orang-orang Melayu. Kewarganegaraan setaraf dimansuhkan.

Malah sebelum tahun 1946 pun – semenjak tahun-tahun 1920an – telah wujud banyak kebimbangan berhubung peranan meluas masyarakat imigran bukan-Melayu dalam bidang ekonomi. Kekayaan masyarakat bukan-Melayu dalam sektor perdagangan selalu dibandingkan dengan kemiskinan masyarakat Melayu di kawasan luar bandar.²⁸ Tetapi bukan kegiatan ekonomi bukan-Melayu mahupun kehadiran bukan-Melayu yang menimbulkan rasa kegentingan dan terancam. Pengisytiharan Malayan Unionlah yang membangkitkan perasaan ini. Dari suatu segi ini dapat difahami. Selagi masyarakat bukan-Melayu dianggap penduduk imigran (sebagaimana mereka dianggap di bawah dasar British)²⁹ tiada kebimbangan mengenai hilangnya identiti Melayu di Semenanjung. Bagaimanapun, apabila sahaja masyarakat bukan-Melayu diberi kewarganegaraan di atas syarat-syarat yang demikian liberal, timbul ketakutan dan kebimbangan.

Rasa bimbang dan takut itulah kunci kajian ini. Ketakutan masyarakat Melayu bukan setakat ketakutan sebagai penduduk pribumi tetapi juga penduduk miskin. Ketakutan diatasi orang lain di tanahair sendiri menimbulkan suatu perasaan tidak selamat dan resah gelisah yang paling serius pernah mereka hadapi. Inilah sebabnya kepimpinan Melayu menuntut pengembalian sistem lindungan yang lama dengan kewarganegaraan kepada penduduk Melayu sahaja. Sebenarnya, menurut satu sumber, cogankata mereka ialah 'perlindungan, bukan penaklukan'³⁰ kerana mereka melihat rancangan Malayan Union sebagai cubaan menakluk Negeri-Negeri Melayu.

Hasrat mendapat perlindungan bagi apa yang dianggap kepentingan Melayu menunjukkan psikologi ketika itu. Perlindungan dicari-cari dalam suasana tidak selamat yang menggugat, maka keperluan mendapat pelindung menjadi nyata. Dalam masyarakat Melayu tradisional Sultan-Sultan dianggap pelindung utama dengan berbagai wakil pada peringkat-peringkat bawah yang juga berperanan selaku

pelindung. Di zaman kolonial, Sultan-Sultan masih dianggap pelindung, bezanya kini para penasihat British juga dianggap membantu memberi perlindungan. Namun, apabila timbul isu Malayan Union, British dianggap sudah melepaskan peranannya sebagai pelindung. Rasa hampa kerananya jelas terlihat dalam kesemua resolusi Kongres UMNO.³¹ Tetapi lebih penting, semasa awal tahun 1946 apabila orang-orang Melayu yang berpelajaran mula bertindakbalas terhadap Malayan Union, dirasakan bahawa Sultan-Sultan sendiri sudah menghampakan mereka kerana menyetujui rancangan tersebut pada mulanya. Ini akan dibincangkan lebih lanjut nanti. Buat ketika ini kita ambil perhatian bahawa pada satu ketika Sultan-Sultan pun dianggap gagal melindungi kedudukan rakyat Melayu.³² Dalam kekosongan itulah golongan pentadbir-bangsawan muncul sebagai pelindung.

Perlindungan, seperti yang kita faham, telah mempunyai pengertian khas di zaman feudal. Tanggapan bahawa Sultan itu pelindung adalah tanggapan feudal kerana sebagai balasan perlindungan, rakyat bertaatsetia tanpa soal. Dalam bab pertama dijelaskan bagaimana ia mempengaruhi masyarakat Melayu sebelum zaman kolonial. Di awal bab ini digambarkan bagaimana kolonialisme memperalatkan sentimen dalam hubungan antara pelindung dengan rakyat. Saya berpendapat apabila golongan pentadbir-bangsawan bertindak selaku pelindung dalam peristiwa Malayan Union, mereka berbuat demikian sebagai pelindung dalam tradisi feudal. Mereka anggap diri mereka sebagai pelindung dalam tradisi tersebut, dan demikian jua anggapan masyarakat. Berdasarkan latarbelakang sosial dan sejarah masyarakat Melayu, tidak mungkin wujud anggapan lain.

Maka golongan pentadbir-bangsawan telah berjaya memperalatkan suatu sentimen dahulu kala. Sungguhpun hubungan antara pelindung dengan rakyat yang dilindungi telah diizinkan tradisi, tujuan perlindungan agak berbeza. Seperti dimaklumi, tujuannya untuk melindungi masyarakat

Melayu daripada ancaman pendatang, untuk melindungi identiti Melayu dalam menghadapi kedatangan besar-besaran orang-orang bukan-Melayu, untuk melindungi hak-hak Melayu berikutan pemberian hak-hak yang setaraf kepada bukan-Melayu, serta bagi melindungi masyarakat Melayu yang lemah dari segi ekonomi daripada diatasi oleh pendatang yang dianggap kuat ekonominya.

Tidak ragu-ragu lagi bahawa kerakyatan bukan-Melayu dalam Malayan Union menjadi pendorong utama bagi konsep perlindungan dan taatsetia tanpa soal yang menemaninya. Malayan Union seperti suatu titik perubahan yang penting dalam evolusi konsep taatsetia tanpa soal. Sebarang ikhtiar untuk menganalisis konsep ini dari perspektif masyarakat tradisional mesti berkesudahan dengan Malayan Union. Sebarang analisa ke atas konsep ini dalam hubungannya kepada zaman ini mesti bermula dengan Malayan Union. Di satu pihak bantahan terhadap Malayan Union memberi nafas baru kepada konsep taatsetia tanpa soal. Di pihak yang lain pula, sepertimana yang akan ditunjukkan sebentar lagi, Malayan Union menjadi asas munculnya tanggapan-tanggapan baru mengenai taatsetia tanpa soal. Pastinya, di antara kesemua peristiwa sejarah yang relevan kepada kajian mengenai taatsetia, Malayan Union paling penting sekali.

1946-1957 : Taatsetia di Zaman Peralihan

Pentingnya Malayan Union tidak sedikit pun dikurangkan oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku antara tahun 1946 dan 1957. Tahun-tahun ini harus dianggap zaman peralihan yang mengubah sifat dan ciri konsep taatsetia Raja-raja serta golongan bangsawan-pentadbir terpaksa mentakrif peranan masing-masing dalam hubungan sesama mereka. Seperti mana diketahui oleh pengkaji politik Malaysia, Sultan-Sultan terpaksa menyetujui cadangan pembentukan Malayan Union kerana diancam akan diturun

kan dari takhta.³³ Sesudah British mendapat persetujuan Sultan-Sultan melalui ancaman ini, barulah orang-orang Melayu yang berpelajaran mulai menyedari kesilapan baginda-baginda. Maka buat suatu jangkamasa tertentu terdapat sedikit keretakan dalam hubungan di antara raja-raja dan orang-orang Melayu berpelajaran ini (golongan pentadbir-bangsawan) yang kemudian memimpin UMNO. Sebenarnya, Datuk Onn Jaafar, Ketua Pergerakan Anti-Malayan Union dan Presiden pertama UMNO memberi amaran kepada raja-raja bahawa baginda-baginda akan dikecam oleh masyarakat Melayu jika menghadiri upacara pembentukan Malayan Union.³⁴ Raja-Raja tidak menghadirinya, maka tidak berlaku pertelingkahan antara kedua-dua kumpulan tersebut.

Bagaimanapun, semasa krisis Malayan Union ternyata golongan pentadbir-bangsawan, yakni pemimpin-pemimpin UMNO, yang mengerah orang-orang Melayu dan menjadikan mereka sebuah pergerakan yang kuat, menjadi pelindung sebenar masyarakat Melayu, atau pelindung substantif. Sultan-Sultan yang kemudian menyertai pergerakan protes itu sekadar menjadi pelindung simbolik.

Memang dari segi tertentu semasa zaman kolonial pun Sultan-Sultan merupakan pemimpin simbolik. Tetapi bezanya kini baginda-baginda menjadi pemimpin simbolik dalam hubungan dengan kumpulan lain dalam masyarakat Melayu yang mula dianggap sebagai kepimpinan substantif. Ini tidak pernah berlaku. Segala kejadian berikutan peristiwa Malayan Union – rundingan bagi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, kemunculan berbagai parti politik, persaingan elektoral, penyediaan bagi kemerdekaan dan sebagainya – mengukuhkan peranan kepimpinan UMNO sebagai pelindung substantif. Pelindung simbolik pula mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri kepada keadaan baru.

Di atas sebab inilah Raja-Raja merasa tidak senang dengan cadangan Dato Onn agar keSultanan direformasikan

menjadi kedirajaan berperlembagaan.³⁵ Raja-Raja menganggapnya sebagai cubaan menyekat kuasa baginda-baginda. Begitu juga, baginda-baginda melihat saranan Dato Onn supaya dilantik seorang Timbalan Pesuruhjaya Tinggi bangsa Melayu untuk membantu Pesuruhjaya Tinggi British untuk merintis jalan ke arah Kemerdekaan sebagai cubaan memperkecilkan kedudukan baginda-baginda.³⁶ Walaupun akhirnya British menolak saranan tersebut ketidaksenangan dengan politik Dato Onn berterusan.³⁷

Bagaimanapun, Tunku Abdul Rahman yang menggantikan beliau juga komited kepada konsep raja berperlembagaan. Sebagai Ketua Menteri kerajaan peralihan pada tahun 1955, beliau mahu memastikan supaya Sultan-Sultan kekal di puncak pemerintahan negeri masing-masing tetapi hanya selaku raja berperlembagaan. Sultan-Sultan akan memilih salah seorang di kalangan mereka sebagai Yang Dipertuan Agung bagi seluruh negara selama lima tahun.³⁸ Semasa membentuk prinsip-prinsip Perlembagaan Kemerdekaan, ini menjadi salah satu pertimbangan utama Tunku. Oleh kerana beliau sangat popular semasa itu dan UMNO sangat kuat, beliau berjaya mendapat sokongan semua pihak termasuk Sultan-Sultan, walaupun beliau terpaksa bertolak-ansur dalam beberapa perkara.³⁹

Maka menjelang Merdeka pada tahun 1957 terdapat konsep kembar pelindung – Sultan-Sultan sebagai pelindung simbolik dan pemimpin-pemimpin UMNO selaku pelindung substantif. Agar tidak timbul salahfaham perlu ditegaskan bahawa kepimpinan UMNO menyokong penuh konsep sistem diraja. Setidak-tidaknya, pada keseluruhannya ia juga berakar-umbikan kedirajaan. Apa yang kepimpinan UMNO inginkan ialah hak untuk menggunakan kuasa aktual dalam proses politik. Bagi membolehkan ini, Sultan-Sultan perlu dijadikan raja berperlembagaan. Hubungan antara kepimpinan UMNO dan Sultan-Sultan ini bukanlah satu aturan unik. Di negara-negara beraja lain juga, jelasny

Jepun, telah lahir aturan yang serupa di antara raja dan elit-elit politik dari strata atasan masyarakat yang pada dasarnya bertaatsetia kepada institusi kedirajaan. Ini akan dibincangkan dalam bab lima.

Kini mari kita lihat pada satu lagi perubahan antara tahun 1946 dan 1957. Dalam bab pertama dinyatakan bahawa meskipun raja menawarkan perlindungan kepada rakyat sebagai ganti taatsetia tanpa soal, rakyat tidak berhak menarik balik kesetiaan jika raja gagal melindungi mereka. Tiada apa yang menunjukkan bahawa keadaan ini berubah semasa zaman kolonial. Tidak ada bukti tertulis mengenai tentangan terhadap Raja-Raja walaupun baginda-baginda menandatangani perjanjian dengan British yang mana sekiranya berkuatkuasa akan memusnahkan kedaulatan Melayu. Memang berlaku peristiwa-peristiwa di mana ketua-ketua Melayu melawan British tetapi mereka tidak pernah melawan raja.⁴⁰ Malah dalam peristiwa Malayan Union pun rakyat tidak menarik kembali taatsetia apabila Sultan-Sultan gagal melindungi kepentingan mereka.⁴¹ Bagaimanapun selepas Malayan Union berlaku suatu bentuk perubahan. Bagi memahaminya perlu diteliti 'peristiwa Dato Onn'. Pada tahun 1950 Dato Onn menyarankan agar penduduk bukan-Melayu dibenar menjadi ahli UMNO yang setaraf. Beliau berpendapat ianya cara yang berkesan untuk membina asas sebuah negara yang bersatu lagi harmonis sesudah merdeka. Pada beliau sungguh penting bagi seluruh rakyat memahami satu sama lain menerusi kerjasama dalam sebuah parti berbilang kaum.⁴² Kalangan tertentu dalam UMNO menganggap saranan beliau sebagai ancaman kepada kepentingan Melayu. Keahlian kepada penduduk bukan-Melayu dikira sebagai cubaan untuk memaksa "masyarakat Melayu untuk berkongsi hak secara sama-rata dengan pendatang asing menerusi lebih banyak konsesi kepada mereka di negara ini.".⁴³ Ada yang berkata, "berbanding dengan orang-orang Cina dan India, orang-orang Melayu umpama bayi yang baru mula belajar merangkak. Hadiah

gula-gula sudah cukup untuk membuat mereka percaya bahawa Pembinaan adalah Perlindungan".⁴⁴

Jelas sekali, keahlian setaraf dalam UMNO kepada masyarakat bukan-Melayu dianggap pemberian kesamaan politik kepada mereka. Pengkritik-pengkritik Dato Onn berpendapat ini akan membinasakan kedudukan Melayu. Mereka bimbang masyarakat bukan-Melayu akan mengatasi orang-orang Melayu jika diterima menjadi ahli. Melindungi kedudukan Melayu bererti mengekalkan identiti etnik UMNO. Disebabkan Dato Onn ingin mengubah identiti ini maka beliau mula dianggap pengancam kedudukan Melayu. Beliau dikira sudah tidak berupaya berperanan selaku pelindung. Dato Onn sendiri sedar beliau tidak lagi dianggap pelindung masyarakat Melayu, lalu meletak jawatan.

Perletakan jawatan Dato Onn menutup persoalan samada sanggupkah ahli-ahli UMNO menjatuhkan seorang pemimpin yang dirasakan sudah mengkhianati kepentingan mereka. Walaupun persoalan ini tidak terjawab – bagaimana terelaknya pertelingkahan terbuka antara raja-raja dengan golongan pentadbir-bangsawan pada tahun 1946 – kritikan terhadap Dato Onn sudah memadai untuk menunjukkan bahawa oleh kerana beliau tidak lagi dianggap pelindung, ahli-ahli UMNO tidak lagi bertaatsetia tanpa soal. Tindakan mereka mengkritik dan menyoal beliau menjadi bukti yang mereka tidak lagi menunjukkan taatsetia tanpa soal kepadanya. Namun ini tidak bererti taatsetia tanpa soal tidak lagi menjadi faktor dalam hubungan antara pemerintah dengan yang diperintah. Ahli-ahli UMNO bertaatsetia sepenuhnya dalam apa jua perkara kepada Dato Onn sewaktu beliau menjadi Presiden parti. Mereka menuruti rentak beliau tanpa sebarang sungutan – kecuali apabila timbul soal keahlian bukan-Melayu dalam UMNO yang mereka anggap mengancam kedudukan Melayu.

Maka taatsetia tanpa soal ada syaratnya: pemimpin perlu menjamin keselamatan kedudukan rakyat Melayu dalam hubungan dengan keadaan masyarakat bukan Melayu.

Dalam ertikata lain – taatsetia tanpa soal sebagai ganjaran untuk perlindungan bangsa. Jika fahaman tentang perlindungan dan taatsetia ini dikaji dan dibandingkan dengan fahaman-fahaman mengenai perlindungan dan taatsetia dari zaman Melaka sehingga peristiwa Malayan Union, dapat dilihat bahawa ia mengandungi konsep yang lebih adil dan saksama mengenai hubungan di antara pemerintah dengan rakyat. Konsep ini dari suatu segi lebih menyerupai hubungan feodal yang konvensional di antara Sultan dengan rakyat. Betapa ironis sekali, kesaksamaan yang patut menjadi ciri hubungan feodal yang baik akhirnya lahir pada fasa 1946 – 1957!

Terdapat dua perubahan lain pada fasa tersebut yang berkaitan dengan analisis ini. Pada tahun 1946 kepimpinan pentadbir – bangsawan dalam UMNO mempunyai kawalan penuh ke atas masyarakat Melayu. Meskipun ia terus anggap dirinya sebagai pelindung seluruh masyarakat dan kerana itu mengharapkan kesetiaan semua orang Melayu, berlaku beberapa perkembangan yang menyukarkannya untuk mengekalkan kuasa pengaruh yang diperolehinya semasa krisis Malayan Union. Kumpulan-kumpulan yang suatu ketika dulu menyokong golongan pentadbir – bangsawan mengambil keputusan untuk bergerak sebagai parti-parti politik yang berasingan.⁴⁵ Jelas, mereka tidak terhutang taatsetia kepada kepimpinan UMNO. Pengenal persaingan elektoral serta kelahiran pandangan yang berbeza-beza dalam masyarakat Melayu menjelang kemerdekaan telah memecahbelahkan lagi politik Melayu. Semua ini akan dibincangkan dalam konteks lain di bab lima. Apa yang penting disedari sekarang ialah bahawa kepimpinan UMNO bukan lagi satu-satunya golongan yang menguasai masyarakat Melayu, seperti pada tahun 1946. Menjelang tahun 1957 UMNO masih merupakan tenaga paling dominan dalam masyarakat Melayu yang mendapat sokongan dan kesetiaan sebahagian besar masyarakat. Bagaimanapun, terdapat juga kumpulan-kumpulan yang setia kepada parti dan perjuangan lain.

Selain perubahan ini dalam politik Melayu suasana keseluruhan juga menjalani transformasi. Walaupun ada tentangan terhadap kewarganegaraan bukan-Melayu pada tahun 1946, pemimpin-pemimpin Melayu dan British telah memberikan hak kewarganegaraan kepada sebilangan kecil penduduk bukan-Melayu dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.⁴⁶ Mengapa dan kerana apa diberi hak kewarganegaraan tidak penting kepada pokok persoalan kita.⁴⁷ Yang lebih penting ialah samada kewarganegaraan bukan-Melayu yang bertambah bilangannya sejak tahun 1948 turut terbabit dalam hubungan di antara pelindung dengan yang dilindungi. Soal ini ditimbulkan kerana pada tahun 1954 para pemimpin UMNO terpaksa mencapai kata sepakat dengan rakan-rakan Cina dan India dalam MCA (Malaysian Chinese Association) dan MIC (Malaysian Indian Congress) untuk menubuhkan Perikatan.⁴⁸ Pemimpin Perikatan ialah Tunku Abdul Rahman, Presiden UMNO pada masa itu. UMNO merupakan tulang belakang gabungan tiga parti ini. Maka apakah Tunku mengharapkan rakan-rakannya dalam MCA dan MIC serta masyarakat Cina dan India yang diwakili oleh MCA dan MIC untuk bertaatsetia tanpa soal kepadanya dan kepada kepimpinan UMNO? Apakah parti-parti dan masyarakat bukan-Melayu ini bertaatsetia tanpa soal kepada kepimpinan UMNO? Bukti-bukti yang ada mengatakan tidak. Sebaliknya, pemimpin-pemimpin MCA khususnya, secara terbuka menyuarakan ketidaksetujuan dengan pemimpin-pemimpin UMNO mengenai perkara-perkara berhubung kewarganegaraan yang merupakan kontroversi utama pada tahun-tahun limapuluhan.⁴⁹ Ada kalanya ahli-ahli MCA, dan setakat tertentu ahli-ahli MIC, amat kritikal terhadap para pemimpin mereka kerana apa yang mereka anggap sebagai konsesi-konsesi yang tidak wajar kepada UMNO. Kepimpinan UMNO sanggup bertolakansur dengan sesetengah daripada kritikan ini. Sudah tentu ia lebih bertolakansur dengan kritikan daripada masyarakat Cina dan India berbanding dengan kritikan daripada

masyarakat Melayu sendiri. Begitu juga, kepemimpinan UMNO tidak langsung dapat menerima kritikan daripada ahli-ahli UMNO. Sikap kepemimpinan UMNO ini terhadap kritikan daripada ahli-ahli UMNO dan masyarakat Melayu telah dibidas oleh sebuah akhbar berbahasa Melayu pada tahun 1956. Katanya, "Semasa bila pemimpin-pemimpin Melayu menjadi lebih berpengaruh, suara rakyat mulai sayup... tangan mereka terikat dan mulut tertutup. Orang-orang Cina dan bukan-Melayu lain begitu hebat mendesak bagi pelaksanaan prinsip *jus soli* dan cawangan-cawangan MCA dan MIC boleh mengkritik secara bebas tetapi orang-orang Melayu tidak pula dibenarkan berbuat demikiah . . . Jika orang-orang Melayu dipaksa menuruti pemimpin-pemimpin mereka secara buta-tuli dan sering dimarahi, maka kesan psikologi terhadap mereka akhirnya akan menjadikan mereka umpama Yahudi zaman silam di bawah pemerintahan kuku besi Firaun."⁵⁰

Ruang kebebasan lebih luas yang diberikan kepada MCA dan MIC membuktikan bahawa kepemimpinan UMNO berazam mengekalkan hubungan feodal hanya dengan ahlinya sendiri dan masyarakat Melayu. Ia menganggap masyarakat bukan-Melayu sebagai golongan asing yang mempunyai konsep tersendiri mengenai hubungan antara pemerintah dengan yang diperintah. Mungkin kepemimpinan UMNO lebih mengambil berat soal melindungi pertalian feodal dalam UMNO sendiri kerana antara kritikan masyarakat Melayu dan kritikan bukan-Melayu, kritikan Melayulah yang dapat benar-benar menggugat kekuasaannya. Maka ringkasnya, integrasi orang-orang Cina dan India ke dalam sebuah gabungan antara kaum dengan orang-orang Melayu tidak langsung menarik mereka mengamalkan jenis hubungan yang berkekalan dalam UMNO. Tidak juga ia mempengaruhi pertalian feodal yang terus wujud dalam UMNO.

Kini fahamlah kita tentang politik taatsetia tanpa soal sebelum merdeka. Sultan-Sultan merupakan pelindung

simbolik dan pemimpin-pemimpin UMNO menjadi pelindung substantif. Kedua-dua golongan elit yang saling bertalian ini mengharapkan taatsetia tanpa soal daripada masyarakat Melayu. Bagi kepimpinan UMNO, taatsetia penuh ahli-ahlinya sendiri hampir pasti. Ahli-ahli UMNO sanggup bertaatsetia kepada kepimpinan mereka di atas kesemua perkara – kecuali yang dianggap mengancam kedudukan Melayu. Jika kedudukan mereka terancam, mereka akan mencabar pemimpin dan mempersoal keputusannya. Dalam ertikata lain, taatsetia akan ditarik balik sekiranya perlindungan kedudukan bangsa tidak terjamin.

Berdasarkan latarbelakang ini mari kita kaji taatsetia tanpa soal pada zaman selepas kemerdekaan atau zaman sekarang.

CATATAN

1. Seluruh proses tersebut dibincangkan dalam *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*, (London, 1961) oleh C. D. Cowan.
2. Hujah ini disampaikan dengan begitu baik sekali oleh R. Emerson dalam *Malaysia: A Study In Direct And Indirect Rule*, (University of Malaya Press, Kuala Lumpur 1964).
3. Perjuangan sebuah kesultanan untuk mengekalkan kebebasan pentadbirannya dimuatkan oleh R. Bonney dalam bukunya, *Kedah 1771-1821*, (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971).
4. Lihat *Footprints in Malaya*, oleh Frank Swettenham. (Hutchinson and Company 1941), muka 48.
5. Lihat *The Real Malay*, oleh Frank Swettenham. (London, 1899), muka 17.
6. Lihat *In Court and Kampong*, oleh Hugh Clifford, yang merupakan cerita-cerita dongeng serta lakaran ber-

hubung kehidupan alam semulajadi di Semenanjung Melayu, (London 1897), muka 18.

7. Lihat *The Real Malay*, oleh Frank Swettenham, *op.cit.*, muka 49.
8. Sekalipun di negara-negara totalitarian yang kejam cara pemerintahannya – apalagi di negara sistem Residen – rasuah kebendaan daripada golongan elit yang memerintah memang dapat ditolak. Hal ini dinyatakan oleh Alexander Solzhenitsyn dalam rencananya berhubung Soviet Union, bertajuk “As breathing and consciousness return”, dalam buku berjudul *‘From Under the Rubble’*, (Fortuna Books, 1976), muka 24-5.
9. Ini ternyata daripada ucapan-ucapan para pemerintah dan lain-lain bangsawan dalam majlis-majlis negeri dan persekutuan. Misalnya lihat pendapat Raja Chulan dalam “*Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the Year 1932*”, *Federated Malay States*, (Government Printing Office, 1933).
10. Kajian James Allen bertajuk *The Malayan Union*, (Yale, 1967) masih merupakan salah satu kajian yang paling menyeluruh.
11. Pihak British sedar bahawa cadangan kewarganegaraan mereka dapat membawakan majoriti Cina. Lihat *Malayan Federalism 1945-1963*, oleh B. Simandjuntak (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969), muka 41.
12. Lihat James Allen, *op. cit.*, bagi penerangan yang terperinci.
13. Isu sentralisasi ini dibincangkan oleh K. J. Ratnam dalam *Communalism & The Political Process*, (University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1965).
14. *Ibid*, muka 37-43.

15. Bagi beberapa perbincangan mengenainya lihat *Malaya: The Making of A Neo-Colony*, suntingan Mohammed Amin dan Malcolm Caldwell. (Bertrand Russell Peace Foundation, Spokesman Books, 1977), muka 242-43.
16. Lihat *From Malayan Union to Singapore Separation*, oleh Mohd. Noordin Sopiee, (University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1974), muka 17.
17. *Loc. cit.*
18. Walaupun mereka yang bertanggungjawab di atas Malayan Union mempunyai sungguh sedikit pengetahuan tentang keadaan di Malaya, sukar dipercayai bahawa British telah membayangkan kelahiran semangat kenegaraan yang mengabaikan samasekali asas sejarah dan kebudayaan negara. Lebih menghairankan bila kita mengenangkan bahawa mereka amat sensitif terhadap 'kedudukan Melayu' sebelum peristiwa Malayan Union. Untuk mendapat sedikit sebanyak penjelasan berkenaan sensitiviti ini lihat misalnya pendapat Sir Lawrence Gulliemard, Pesuruhjaya Tinggi British dalam *Proceedings of the Federal Council of The Federated Malay States for the Year 1920* dengan Lampiran. (Government Printing Office, Kuala Lumpur, 1921), muka 65.
19. Tindak-tanduk British jelas menunjukkan bahawa British mentakuti pergerakan nasionalis yang berhaluan kiri dan radikal. Ia merupakan antara sebab pihak British mengharamkan Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Bagaimanapun, dengan mengambil kira struktur masyarakat Melayu pada ketika itu, agak mustahil pihak berhaluan kiri mendapat sokongan yang diperlukan. Bagi beberapa analisa mengenai PKMM, lihat *Merintis Jalan Kepunchak*, oleh Ahmad Boestamam, (Pustaka Kejora, Kuala Lumpur 1972).
20. Lihat misalnya *Malaysian Politics*, oleh Gordon P. Means (University of London Press, 1970).

21. Lihat *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, oleh Yunus Hamidi, (Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961), muka 83.
22. Ini dianalisa secara meluas oleh W. R. Roff dalam *Origins of Malay Nationalism*, (University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964).
23. Lihat misalnya ucapan Raja Kamarulzaman dari Perak, yang prihatin terhadap akibat eksploitasi yang tidak terkawal ke atas sumber-sumber bijih besi negara. *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States for the Year, 1937*, muka 78-9.
24. Bagi contoh sokongan ini, lihat ucapan Sultan Perak berbentuk lapuran trengkas dalam *Proceedings of the Federal Council Federated Malay States, 1912*, muka 58.
25. Kesan dasar Jepun paling jelas digambarkan pada sikap golongan sosialis Melayu selepas peperangan. Tetapi ia tidak pula meluas kepada seluruh masyarakat Melayu. Bagi perbincangan yang panjang lebar lihat Bab Lima buku ini.
26. Menurut K. J. Ratnam cadangan-cadangan tersebut akan melayakkan 83 peratus penduduk Cina dan 75 peratus penduduk India mendapat kewarganegaraan. Lihat bukunya *Communalism, op. cit.*, muka 75.
27. Lihat Y. Hamidi, *op. cit.*, muka 83-4.
28. Sebilangan novel dan cerpen Melayu semasa tahun-tahun tigapuluhan membincangkan kemiskinan Melayu menurut garis-garis ini. Bagi beberapa analisis lihat tesis saya, *Some Dominant Concepts, op. cit.*, terutamanya Bab Enam.
29. Inilah yang menjadi dasar British sehingga tercetusnya Perang Dunia Kedua. Ia diulangi pada tahun 1936 oleh Pesuruhjaya Tinggi, Shentan Thomas. Lihat W. R. Roff, *op. cit.*, muka 109-110.

30. Malah seorang pegawai British mengakui bahawa orang-orang Melayu hendakkan sebuah negara naungan, bukan tanah jajahan. Lihat B. Simandjuntak, *op. cit.*, muka 44.
31. Lihat Y. Hamidi, *op. cit.*, bagi gambaran tentang resolusi-resolusi itu.
32. Jelasnya, beberapa orang Raja dipaksa untuk menyetujui rancangan Malayan Union. British mempergunakan hubungan beberapa orang Raja dengan pihak Jepun di masa lalu sebagai senjata untuk mengancam menggulingkan baginda-baginda. Juga, beberapa Raja tidak sempat berunding dengan Menteri-Menteri Besar dan majlis-majlis penasihat. Lihat *UMNO 20 Tahun*. (Ibupejabat UMNO, 1966).
33. Antara lain disebabkan 'ancaman' itulah pemimpin-pemimpin Melayu begitu cepat memaafkan Raja-Raja. Tambahan pula, dengan bermulanya bantahan terhadap Malayan Union, seorang demi seorang Raja tampil ke depan lalu menceritakan bagaimana mereka dipaksa menandatangani rancangan Malayan Union. Lihat J. Allen, *op. cit.*
34. J. Allen melaporkan bahawa telah ada rancangan untuk memaksa Sultan Ibrahim dari Johor untuk turun takhta. Bagaimanapun rancangan ini tidak berjaya. *Ibid*, muka 35.
35. Anwar Abdullah memberi butir-butir tentang bangkangan beberapa orang Sultan terhadap Dato Onn. Lihat *Dato Onn Riwayat Hidup* oleh beliau. (Pustaka Nusantara, Kuala Lumpur, 1971).
36. *Ibid*. Anwar Abdullah yang pernah berkhidmat sebagai setiausaha peribadi Dato Onn menjelaskan bahawa Dato Onn tidak mahu kedudukan itu untuk diri sendiri. Beliau berpendapat kedudukan tersebut akan meningkatkan kepentingan masyarakat Melayu dan negara.

Sesetengah Sultan langsung tidak dapat menerima hakikat bahawa seorang Melayu akan memegang jawatan yang dapat memperolehi lebih banyak kekuasaan daripada mereka sendiri.

37. 'Ketidaksenangan' ini telah membawa kepada manipulasi menentang Dato Onn yang akhirnya menjatuhkan beliau. Lihat tesis M.S.Sc saya bertajuk *Protection of the Malay Community: A Study of UMNO's Position And Opposition Attitudes*, (Penang, 1974), Bab Satu.
38. Bagi huraian tentang sistem kedirajaan, lihat *An Introduction To The Constitution of Malaysia*, oleh Suffian Hashim. (Kuala Lumpur, 1972), terutamanya Bab 2 dan 4.
39. Antara konsesi yang diminta oleh Raja-Raja ialah supaya membenarkan negeri-negeri untuk mengekalkan kawalan ke atas hal-hal tanah. Tunku sendiri menyampaikan perkara ini kepada saya.
40. Lihat "Feudalism" oleh Syed Hussein Alatas dalam *Modernisation, op.cit.*, muka 100.
41. Sebaliknya, apabila sahaja Raja-Raja menyertai bantahan, baginda-baginda menjadi tempat berkumpul (rallying-point) para penentang. Lihat *Jubilee Perak UMNO Malaysia 25 Tahun Dalam Kenangan*, (Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur 1971).
42. Politik pelbagai-kaum Dato Onn belum dikaji secara menyeluruh.
43. Lihat *Politics In A Plural Society* oleh R. K. Vasil. (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971), muka 47.
44. Ibid, muka 48.
45. Ini termasuk parti-parti seperti Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan lain-lain.

Lihat *Dr. Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya* oleh Ahmad Boestaman, (Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972).

46. Bagi butir-butir sila lihat B. Simandjuntak, *op. cit.*, muka 178-182.
47. Ringkasnya, tekanan Cina, keperluan untuk memenangi sokongan Cina memandangkan pergerakan komunis sebahagian besarnya dianggotai orang-orang Cina, dan paling utama sekali, hasrat British untuk mengekalkan orang-orang bukan Melayu yang diperlukan dalam industri getah dan timah ada kaitannya dengan penampungan terhadap mereka pada tahun 1948. Bagi perbincangan yang panjang lebar mengenai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, lihat M.N. Soviee, *op. cit.*, muka 30-55.
48. Bagi huraian ringkas tentang asal-usul Perikatan, lihat "The Struggle of the Alliance for the Independence of the Malaya", T.H. Tan, *Pamphlet*, (1958).
49. Terdapat perbincangan yang agak panjang lebar mengenai kontroversi kewarganegaraan dalam K. J. Ratnam, *op. cit.*, Bab. 3.
50. Pandangan *Warta Negara* seperti dilapurkan dalam *Straits Echo*, 21hb April, 1956.

BAB EMPAT

KETAATSETIAAN: ZAMAN SELEPAS MERDEKA

Zaman Selepas Merdeka: Taatsetia dan Pelindung Simbolik.

Perlembagaan tahun 1957 mengiktiraf raja-raja sebagai raja berperlembagaan. Taatsetia kepada raja merupakan suatu norma dalam sebarang sistem raja berperlembagaan. Sebenarnya, taatsetia kepada raja dalam sistem ini bermaksud taatsetia kepada perlembagaan, taatsetia kepada nilai-nilai yang termaktub dalam perlembagaan dan taatsetia kepada rakyat yang memberi kuasa kepada perlembagaan. Jika dilihat dari sudut ini, taatsetia kepada seorang raja berperlembagaan bukanlah taatsetia kepada diri raja berkenaan; sesungguhnya raja sendiri harus bertaatsetia kepada perlembagaan dan menerusi perlembagaan bertaatsetia kepada rakyat. Dalam sistem-sistem raja berperlembagaan di Eropah Barat, rakyatlah yang teragung, kepada rakyatlah terletaknya kedaulatan.¹

Sekiranya taatsetia kepada raja difahamkan menurut pengertian di atas, tidak timbul masalah kerana ia merupakan konsep demokratik mengenai taatsetia yang selaras dengan ideal-ideal zaman kita ini. Lazimnya di negara-negara di mana taatsetia kepada raja dilihat begini, rakyat sedia meneliti pemikiran dan sikap raja. Rakyat dan raja sedar ini bukan ketidaksetiaan kepada sistem raja berperlembagaan. Rakyat masih setia kepada Raja, cuma tidak bertaatsetia buta. Raja sendiri sedar jika rakyat bertaatsetia tanpa-soal, baginda tidak akan dapat berperanan sebagai raja berperlembagaan kerana dalam sistem ini kuasa terletak di tangan rakyat. Adalah wajar, dari segi perlembagaan dan demokrasi, rakyat menyoal tingkahlaku raja.

Beginilah konsep raja berperlembagaan difahami dan diamalkan di negara-negara seperti Sweden, Denmark,

Norway, Holland, Belgium dan Britain. Sikap menyoal ini tidak sekali-kali mengurangkan kesayangan dan kehormatan rakyat kepada raja dan permaisuri, cuma sekali-sekala kedengaran kritikan terhadap institusi kedirajaan itu sendiri, tetapi rakyat di negara-negara ini pada keseluruhannya kuat menyokong sistem diraja.

Adalah menarik bahawa konsep Islam mengenai kedirajaan ada beberapa kesamaan dengan tafsiran masyarakat Eropah Barat mengenai raja berperlembagaan. Memang, dalam Islam kedaulatan terletak pada Tuhan — bukan pada rakyat seperti dalam sistem raja berperlembagaan. Tambahan pula dalam Islam zaman Nabi Muhammad s.a.w dan khalifatur — rasyidin tidak ada konsep mengenai kedirajaan kerana kedudukan dan kuasa tidak diwarisi.²

Bagaimanapun, dalam peredaran zaman muncullah raja-raja, dan ahli-ahli fikir Muslim cuba menentukan apakah sepatutnya ciri-ciri seorang raja yang baik. Al-Farabi, Al-Mawardi, Al-Ghazali dan Ibn Khaldun adalah antara mereka yang telah menulis mengenai persoalan ini.³ Penulisan mereka jelas menunjukkan bahawa nilai-nilai abadi seperti cinta kepada keadilan, belas kasihan kepada golongan miskin, hormat kepada pendapat orang lain dan sebagainya perlu didukung oleh seseorang raja. Rakyat patut setia kepada nilai-nilai ini, bukan kepada diri raja.⁴ Kiranya seseorang raja menyeleweng daripada nilai-nilai ini, maka baginda tidak berhak mendapat taatsetia. Dalam ertikata lain, Islam menolak taatsetia buta kepada raja. Taatsetia ada syaratnya: raja mesti menuruti nilai-nilai murni.

Seperti dinyatakan dalam bab pertama, dalam Islam hanya satu yang berhak menerima taatsetia tanpa soal — iaitu Tuhan. Menurut Abul A'la Maududi, seorang pemikir Islam yang terkenal di zaman ini, "Satu-satunya tumpuan taatsetia kita, tumpuan yang sebenar-benarnya, ialah Allah, pemerintah tertinggi. Dia sahajalah yang ditaati atas hakNya.

Seorang Muslim adalah abdi kepadaNya. Segala kedudukan lain adalah terkemudian daripada Dia. Tumpuan kesetiaan seseorang Muslim, dalam kehidupan persendirian serta kehidupan bermasyarakat, ialah Tuhan semata-mata. Kesemua taatsetia lain mesti tertakluk kepada Tuhan dan menuruti segenap perintahNya. Jangan sesiapa di kalangan umat Muslim yang menyimpang sedikit pun daripada taatsetia kepadaNya".⁵

Memandangkan Sultan-Sultan kita merupakan raja-raja berperlembagaan, dan juga pembela Islam di negeri masing-masing, maka wajar kita menilai hubungan baginda-baginda dengan rakyat dari kedua-dua perspektif – raja berperlembagaan dan Islam. Sebagai raja berperlembagaan dan pemerintah Muslim baginda-baginda tidak berhak mengharapkan taatsetia tanpa soal, namun taatsetia beginilah yang diasuh sedaya-upaya semenjak 1957. Kecuali segelintir orang yang mengkritik sistem kedirajaan dan tingkah-laku raja-raja (yang akan dibincangkan dalam bab lima), masyarakat Melayu pada keseluruhannya tidak menyoal secara terbuka sikap raja-raja atau tingkah-laku baginda-baginda terhadap rakyat. Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa aspek-aspek kehidupan raja-raja tidak patut diteliti secara lebih kritis untuk menjaga kepentingan negara dan sistem diraja itu sendiri. Dakwaan tentang penggunaan wang rakyat untuk tujuan persendirian, cara hidup yang terlalu mewah, penglibatan dalam perniagaan, campurtangan dalam perkara yang jelas bersifat politik, ketidakupayaan menegak nilai-nilai etika, dan paling penting, ketiadaan suatu imej kecemerlangan yang dapat diteladani – merupakan antara aspek-aspek kedirajaan yang dapat dan patut dibincang secara terbuka.⁶ Memang wajar dari segi Islam dan perlembagaan untuk berbuat begini. Perbincangan mengenainya akan membantu menguatkan institusi diraja dalam jangka panjang kerana ianya satu proses memperbaiki kelemahan yang wujud.

Perlu disedari bahawa keburukan tingkahlaku raja-raja sering dibangkitkan dalam perhimpunan-perhimpunan tertutup. Maka timbul pertanyaan, mengapa ia tidak dibincangkan secara terbuka? Apakah kerana Akta Pindaan Perlembagaan tahun 1971 yang antara lain melarang seseorang mempersoalkan kedaulatan raja-raja seperti yang termaktub dalam Perkara 181? Jika ini sebabnya maka ternyata masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia seluruhnya tidak faham bahawa pindaan ini hanya menyentuh kedudukan raja-raja serta konsep raja berperlembagaan. Ia tidak melarang sesiapa daripada mempersoalkan perjalanan institusi diraja atau apa yang boleh dianggap operasi sebenar sistem kedirajaan. Tun Abdul Razak, yang menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri semasa pindaan ini diluluskan oleh Parlimen, memberi penjelasan, "Berhubung peruntukan mengenai kedaulatan raja-raja, sudah pasti semua pihak akan bersetuju bahawa kedudukan baginda-baginda tidak wajar ditentang atau dicabar. Mana-mana rakyat yang menghormati dirinya sendiri sudah tentu ingin memastikan bahawa kedudukan raja-raja tidak dijadikan bahan perbahasan dalam arena politik".⁸

Mungkin kurangnya kefahaman tentang perbezaan di antara "kedudukan" dan "perjalanan sebenar" sistem diraja merupakan salah satu faktor penjelas. Tetapi, pasti terdapat sebab-sebab lain yang lebih penting. Setidak-tidaknya, lama sebelum 1971 ketidaksanggupan untuk menilai perjalanan institusi diraja sudah pun nyata. Saya berpendapat sebab sebenar ialah kepercayaan masyarakat Melayu bahawa raja-raja adalah pelindung yang melindungi mereka daripada apa yang dianggap ancaman bukan-Melayu. Sekali lagi, salah satu unsur penting dalam hubungan di antara pelindung dengan yang dilindungi menjadi asas analisis ini. Sejak tahun 1957, apabila kewarganegaraan menjamin hak serta keistimewaan politik masyarakat bukan-Melayu yang suatu masa dahulu merupakan milik eksklusif masyarakat Melayu⁹, telah wujud kebimbangan bahawa

masyarakat bukan-Melayu akan pada suatu ketika nanti mengancam keulungan politik Melayu. Secara lebih khusus, ianya kebimbangan tentang kemungkinan masyarakat bukan-Melayu mengambil-alih negara dan menduduki peringkat tertinggi dalam masyarakat. Sultan-Sultan Melayu yang merupakan ketua Negeri-Negeri dan Yang diPertuan Agong, Ketua seluruh negara, sekurang-kurangnya dapat memastikan bahawa peringkat tertinggi masyarakat kekal di tangan orang-orang Melayu. Tambahan pula, kedudukan raja-raja bukan untuk dipertandingkan, dan semenjak tahun 1971 tidak lagi dapat dipersoal atau dicabar. Maka Sultan-Sultan Melayu memberi suatu bentuk kelegaan psikologi, iaitu rasa selamat dalam suasana keresahan kaum. Masyarakat Melayu atau beberapa kalangan di dalamnya tidak mahu kehilangan perlindungan psikologi ini dengan mempersoalkan idea-idea serta tingkah laku raja-raja, walaupun mereka mungkin sedar bahawa kedudukan institusi kedirajaan tidak akan terjejas sekiranya mereka bersikap menyoal.¹⁰ Mungkin telah dirasakan bahawa jika masyarakat Melayu dan bukan Melayu mula membincang serta membahaskan perjalanan sistem kedirajaan maka kewibawaan institusi kedirajaan akan terjejas. Pada sesetengah golongan, perkembangan begini akan menimbulkan rasa cemas dan khuatir.

Samada kekhuatiran ini berasas atau tidak, samada wajar atau tidak masyarakat Melayu merasa dilindungi dengan adanya Sultan-Sultan, akan dibincangkan dalam bab lima. Sebelum itu saya akan cuba buktikan yang anggapan bahawa Sultan adalah pelindung masyarakat telah mengakibatkan taatsetia tanpa soal. Pembuktian ini akan dilakukan dengan meneliti satu peristiwa konkrit. Peristiwa ini besar ertinya kerana ia berlaku pada tahun 1978, dua-puluh satu tahun selepas Merdeka. Pada 4hb Ogos 1978 semasa pembukaan rasmi sidang kelima Dewan Perundangan Negeri Perak, enam orang ADUN – kesemuanya bukan Melayu – dari pihak pembangkang, Parti Tindakan Demokratik (yang sebilangan besar keahliannya adalah bukan-Melayu) tidak mengangkat sumpah taatsetia kepada Sultan. Menurut

Perlembagaan Negeri Perak, seorang ADUN yang bukan rakyat negeri Perak tidak dikehendaki mengangkat sumpah.¹¹ Dengan menuruti nasihat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Speaker serta disebabkan kekurangan sensitiviti ADUN-ADUN itu sendiri terhadap latarbelakang kebudayaan negara, keenam-enam ADUN itu memutuskan untuk tidak mengangkat sumpah. Sultan murka dengan kejadian ini lantas menyifatkannya sebagai perbuatan derhaka. Baginda menganggapnya sebagai penghinaan kepada takhta dan cabaran kepada tradisi taatsetia masyarakat Melayu kepada raja. Cara tindakbalas beberapa kumpulan Melayu lebih menarik. Cawangan-cawangan UMNO di Perak, cawangan-cawangan parti pembangkang, Parti Islam SeMalaysia (PAS), Pemuda UMNO Kebangsaan dan persatuan-persatuan kesenian Melayu mengutuk tindakan ADUN-ADUN itu.¹² Hampir kesemua mereka menganggapnya sebagai ancaman terhadap tradisi taatsetia kepada raja. Ada pula golongan yang mentafsirkannya sebagai penghinaan kepada masyarakat Melayu. Sekumpulan anggota Melayu dalam DAP mengugut meninggalkan parti jika ADUN-ADUN tersebut masih berkeras dengan sikap mereka.¹³

Meskipun isu tersebut berakhir tanpa sebarang tindakan terhadap keenam-enam ADUN itu,¹⁴ ia sangat bererti kepada analisa ini. Pertamanya, Sultan dan kebanyakan pertubuhan yang terlibat dalam kontroversi itu melihat ketaatsetiaan sebagai 'satu tradisi Melayu'. Tradisi Melayu – bukan tradisi Islam – sudah semestinya bererti tradisi feodal. Ternyata, tidak ada konsepsi mengenai taatsetia dalam sistem raja berperlembagaan. Kedua, jika taatsetia telah ditanggapi dari segi perlembagaan, Sultan dan kumpulan-kumpulan tersebut sudah tentu telah merujuk kepada konsep penghormatan kepada ideal-ideal demokratik yang sepatutnya mendasari keseluruhan sistem. Bahawa taatsetia kepada pemerintah dalam sistem raja berperlembagaan sesungguhnya merupakan penghormatan kepada kedaulatan rakyat tidak langsung disedari oleh kesemua mereka yang mengkritik

ADUN-ADUN yang silap itu.¹⁵ Kalau mereka menyedarinya, pendekatan mereka tentu berbeza. Ketiga, dengan mengaitkan isu ini kepada kedudukan masyarakat Melayu, lebih-lebih lagi apabila ADUN-ADUN berkenaan semuanya bukan Melayu, berkesan sekali dibangkitkan anggapan tentang ancaman masyarakat bukan Melayu. Dalam keadaan begini Sultan sudah pasti dilihat sebagai pelindung dan taatsetia kepada baginda dianggap cara melindungi masyarakat Melayu.

Dari suatu segi, hujah terakhir tentang kedudukan Melayu mencakupi kedua-dua hujah sebelumnya. Ini kerana anggapan bahawa taatsetia merupakan tradisi Melayu juga memperlihatkan sifat kaum pada sentimen ini, sepertimana kegagalan untuk mengaitkan ketaatsetiaan kepada sistem raja berperlembagaan dan sistem demokratik telah menyisihkan masyarakat bukan-Melayu. Walaupun masyarakat bukan-Melayu mungkin dapat menghayati konsep raja berperlembagaan yang neutral dari segi kaum dan selaras dengan lunas-lunas demokratik, hati mereka tertutup kepada institusi yang dilihat dari sudut adat dan tradisi Melayu.

Oleh itu jelas bahawa soal kaum banyak peranannya dalam taatsetia tanpa soal kepada raja. Seperti diperlihatkan oleh peristiwa 'mengangkat sumpah setia', soal kaumlah yang menguatkan hubungan di antara pelindung dengan yang dilindungi, yakni hubungan antara Sultan dengan rakyat dalam masyarakat Melayu. Perkara inilah – bukan perlembagaan atau undang-undang – yang akan memastikan kesinambungan institusi kedirajaan di masa depan.

Zaman Sesudah Merdeka: Taatsetia dan Pelindung Substantif – Dimensi Politik.

Walaubagaimanapun, pelindung simbolik jauh kurang penting jika dibandingkan dengan pelindung substantif, iaitu kepimpinan UMNO. Dalam menganalisa kaitan di antara kepimpinan UMNO dengan taatsetia tanpa soal perlu disedari bahawa falsafahnya berkisar pada soal pelindung,

yakni kepimpinan UMNO dan yang dilindungi, yakni masyarakat Melayu. Malah perlembagaan UMNO ada menyebut tentang perlindungan, dan ini bukanlah secara kebetulan.¹⁶ Tetapi bagi memahami konsep dan praktisnya, falsafah ini perlu dileraikan menjadi tiga kategori – dimensi politik, ekonomi dan kebudayaan.

Dimensi politik dalam perlindungan dan taatsetia tanpa soal mempunyai tiga unsur utama:— a) caranya taatsetia tanpa soal dan perpaduan kaum (Melayu) dituntut sebagai cagaran untuk melindungi masyarakat Melayu daripada apa yang dianggap ancaman terhadap kedudukan politiknya. b) Caranya kritikan dari kalangan UMNO sendiri disekat dan dikawal. Sering ditekankan supaya pandangan pucuk kepimpinan diterima tanpa sebarang soal. c) Caranya mereka yang menyokong bulat-bulat (yang dikatakan penyokong setia) dilindungi dan diberi ganjaran.

Unsur pertama akan dianalisa berdasarkan beberapa peristiwa sesudah Merdeka, bermula dengan krisis MCA-UMNO pada tahun 1959. Presiden MCA pada masa itu, Dr Lim Chong Eu, menuntut supaya partinya dibenarkan bertanding di 40 daripada sejumlah 104 kawasan Parlimen. MIC sudah dijanjikan tiga kerusi, maka dengan itu UMNO akan mendapat 61 buah kerusi. Presiden MCA mendakwa peruntukan begini wajar untuk mengawal sikap perkauman masyarakat Melayu¹⁷, yang tidak dapat tidak akan timbul akibat penguasaan politik Melayu. Beliau dan rakan-rakannya dalam MCA ingin mengurangkan penguasaan ini dengan meningkatkan kekuatan Cina di Parlimen.

Pemimpin-pemimpin UMNO berpendapat tuntutan ini mencabar peranan UMNO dalam Perikatan. Malah mereka yakin ianya mengancam kedudukan politik Melayu. Sebenarnya, beginilah gambaran yang disampaikan kepada seluruh masyarakat Melayu yang berdiri teguh di belakang kepimpinan UMNO dalam menghadapi isu ini.

Disebabkan perpaduan dalam UMNO dan masyarakat Melayu serta kerana perbezaan dalam MCA sendiri, Tunku dapat mengambil pendirian tegas. Beliau enggan memenuhi tuntutan MCA dan akhirnya MCA terpaksa menerima kehendak UMNO. MCA diberi 31 buah kerusi.¹⁸

Maka dalam krisis UMNO-MCA 1959, kepimpinan UMNO berjaya mengukuhkan imejnya sebagai pelindung kedudukan politik Melayu¹⁹. Bagaimana pula prestasinya dalam peristiwa berikutnya?

Peristiwa berikutnya melibatkan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura dan partinya, Parti Tindakan Rakyat (PAP) apabila Singapura menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia dari September 1963 hingga Ogos 1965. Selepas beberapa bulan berada dalam Malaysia, Lee Kuan Yew mula mengungkitkan, secara tidak langsung, soal kedudukan politik Melayu yang lebih kuat. Dakwa beliau tidak ada kesaksamaan politik, bahawa kaum Melayu menguasai bidang politik. Untuk mengurangkan 'penguasaan' ini dan membentuk sebuah negara yang samarata, PAP menganjurkan Konvensyen Perpaduan Malaysia (Malaysian Solidarity Convention) (MSC) dengan coganatannya, 'Malaysian Malaysia'. Konvensyen tersebut disertai oleh parti-parti politik bukan-Melayu. Oleh kerana isu-isu yang dibincangkan, misalnya soal kesaksamaan politik – lebih menarik kepada bukan Melayu, sokongan untuknya datang daripada masyarakat bukan Melayu.

UMNO menganggap organisasi serta aktiviti MSC, khususnya pendirian yang diambil oleh Lee Kuan Yew dan PAP sebagai memusuhi kedudukan politik Melayu. Malah sebelum terbentuknya MSC satu perbahasan sengit telah bermula.

Pemimpin-pemimpin UMNO dan akhbar *Utusan Melayu* yang dimiliki sebahagian besarnya oleh orang-orang UMNO berhujah menentang Lee Kuan Yew dan PAP. Pemimpin-pemimpin UMNO dan *Utusan Melayu* merujuk kepada

berbagai kenyataan Lee Kuan Yew untuk menunjukkan bahawa tujuan utama penyertaan PAP dalam politik Malaysia Barat ialah bagi "mencabar kuasa politik kerajaan pimpinan Melayu".²⁰ Sebagai bukti mereka merujuk kepada komennya tentang 'jawatan Perdana Menteri dan lain-lain jawatan utama politik' 'pengambilan masuk ke dalam angkatan tentera', 'Sultan-Sultan', dan paling penting sekali 'taraf' pribumi orang-orang Melayu'. Lee Kuan Yew mendakwa taraf penduduk Melayu tidaklah lebih pribumi daripada kaum-kaum lain.²¹ Ini membuatkan masyarakat Melayu marah kerana ianya merupakan tentangan terhadap asas berdirinya keulungan politik Melayu. Malah parti PAS sendiri melihat tindakan PAP itu sebagai "usaha ke arah menghapuskan kuasa Melayu"²²

Permusuhan antara UMNO dan PAP begitu serius menjelang pertengahan 1965 hinggan pucuk pimpinan UMNO bercadang mengambil tindakan. Lalu sesudah mengadakan perbincangan, Tunku dan rakan-rakannya mengambil keputusan menyingkirkan Singapura daripada Persekutuan pada 9hb Ogos 1965.²³

UMNO dan mungkin masyarakat Melayu seluruhnya menganggap penyingkiran ini sebagai langkah melindungi kedudukan politik Melayu. Sekali lagi, kepimpinan UMNOlah yang menjadi penyelamat dan pelindung. Ini sudah semestinya menguatkan lagi hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi. Peristiwa ini menjadi justifikasi terbaru bagi taatsetia total kepada kepimpinan UMNO. Mungkin ganjil tetapi benar bahawa Lee Kuan Yew yang pernah mengkritik masyarakat yang dikekalkan oleh elit-elit UMNO sebagai "masyarakat feodal zaman pertengahan"²⁴ telah, tanpa disedari, membantu mengukuhkan ikatan feodal di antara pemimpin dengan yang dipimpin!

Peristiwa lain pula berkaitan dengan Pilihanraya Umum 1969. Buat pertama kali dalam sejarah parti Perikatan yang memerintah mengalami beberapa kekalahan teruk meskipun berjaya mengekalkan majoriti dalam Parlimen. Ia memenangi

67 kerusi berbanding 89 kerusi dalam pilihanraya tahun 1964. Dalam pilihanraya peringkat negeri, keadaan lebih serius. Perikatan kehilangan Pulau Pinang kepada sebuah parti pembangkang pelbagai kaum yang baru ditubuhkan, Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan). Perikatan juga gagal menewaskan PAS di Kelantan dan hampir-hampir kehilangan Trengganu, Perak dan Kedah. Di Selangor, keputusannya seri, Perikatan mendapat 14 kerusi dan pembangkang mendapat 14 kerusi daripada sejumlah 28 kerusi Dewan Undangan Negeri.²⁵

Keputusan ini menunjukkan Perikatan mengalami kemerosotan sokongan masyarakat Melayu dan bukan-Melayu. Ketidakpuasan masyarakat bukan Melayu dapat dilihat daripada jumlah kerusi kawasan bandar yang Perikatan tewas. Ketidakpuasan masyarakat Melayu pula diperlihatkan oleh prestasi cemerlang PAS di kawasan-kawasan luar bandar.²⁶

Walau bagaimanapun, dengan serta-merta perhatian umum tertumpu kepada keadaan di Selangor, tempat terletakinya Ibu Negara (Kuala Lumpur), nadi kuasa politik. Kekuatan pembangkang (yang seluruhnya bukan-Melayu) menyamai kekuatan Perikatan (yang kebanyakannya Melayu). Timbul kebimbangan bahawa kuasa politik Melayu terancam dalam sebuah Negeri Kesultanan Melayu, di mana Perlembagaannya mengkehendaki Menteri Besar berbangsa Melayu. Seorang pemimpin Cina parti pembangkang bukan-Melayu yang utama di Selangor, DAP, bercadang menggunakan satu peruntukan dalam perlembagaan berhubung kelayakan warganegara bukan-Melayu untuk menjawat jawatan Menteri Besar bagi membolehkannya membentuk kerajaan negeri. Ini membuatkan masyarakat Melayu bertambah bimbang.²⁷ Tetapi, peristiwa yang meruncingkan suasana ialah perarakan kemenangan pembangkang bukan-Melayu di Kuala Lumpur dua hari selepas pilihanraya, sehingga tercetus rusuhan kaum pada hari berikutnya. Menurut satu sumber, orang-orang bukan-Melayu yang

menyertai perarakan itu menghina kedudukan politik Melayu. Mereka dilaporkan mengeluarkan kata-kata seperti "Melayu sudah tumbang", "Melayu tidak lagi berkuasa", "Kuasa sekarang di tangan kita", "Kuala Lumpur sekarang kepunyaan Cina", "Melayu boleh balik kampung", "negara ini bukan milik Melayu", "Kami hendak usir keluar orang Melayu" dan sebagainya.²⁸

Samada benar atau tidak, sesetengah pemimpin UMNO menganggap perarakan kemenangan pilihanraya ini serta cara sebilangan parti politik yang berasaskan sokongan bukan-Melayu mencabar keulungan politik Melayu semasa kempen pilihanraya sebagai bukti meningkatnya tuntutan bagi kesaksamaan politik. Pemimpin-pemimpin ini berpendapat cabaran bukan-Melayu terhadap kedudukan politik Melayu berpunca daripada sikap Tunku yang terlalu bertolak-ansur dengan masyarakat bukan-Melayu. Pengkritik-pengkritik Tunku merasa tindak-tanduk Tunku²⁹ membuatkan ahli-ahli politik bukan-Melayu semakin berani dan lantang dalam menyuarakan pendirian mereka. Maka ahli-ahli politik bukan-Melayu ini berupaya mendapat sokongan meluas dari kaum mereka. Sebaliknya cabaran bukan-Melayu ini meyakinkan ramai penduduk Melayu bahawa memandangkan UMNO rakan dalam Perikatan yang sering bertolak-ansur dengan rakan-rakan lain, maka ia tidak boleh diharap untuk mempertahankan kepentingan Melayu. Dakwa pemimpin-pemimpin UMNO tersebut inilah yang menyebabkan sebahagian pengundi Melayu mengundi PAS, yang dianggap pembela kedudukan Melayu yang lebih berupaya daripada UMNO.³⁰

Maka, pemimpin-pemimpin ini dengan disokong beberapa birokrat, ahli akademik serta berbagai organisasi pelajar mendesak supaya Tunku meletak jawatan. Pada pendapat mereka, Tunku tidak lagi patut memimpin UMNO kerana beliau gagal melindungi kedudukan politik Melayu.³¹ Seperti Dato Onn, Tunku sekarang dianggap sudah menyimpang dari falsafah asas perlindungan, sudah melepas-

kan peranannya selaku pelindung. Tidak ada pemimpin yang berupaya mengekalkan kedudukannya bila berhadapan dengan tentangan yang timbul akibat perkiraan kaum, walau betapa taat sekalipun para pengikutnya suatu ketika dulu. Maka, pada September 1970, Tunku meletak jawatan sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri.³²

Perletakan jawatan Tunku sekali lagi memperlihatkan unsur-unsur yang menjadi asas psikologi dalam hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi. Mula-mula timbul anggapan tentang ancaman luar, yakni ancaman bukan-Melayu. Kemudian timbul perasaan tidak selamat, kegelisahan kaum. Seterusnya dirasakan bahawa pelindung gagal melindungi golongan yang harus dilindungi. Taatsetia kepadanya hilang secara mendadak. Maka terpaksa beliau mengundur diri. Kini pengganti beliau, yang dianggap pelindung baru, ditaati secara total. Suasana yang menyelubungi Tun Razak ketika beliau muncul sebagai Presiden baru UMNO dan Perdana Menteri, sokongan padu yang diberi oleh UMNO dan beberapa kumpulan Melayu kepada beliau, sanjungan dan kasih sayang terhadap beliau serta keyakinan para pengikut terhadap beliau sebagai 'pejuang-ajaib' bagi pihak masyarakat Melayu membuktikan perkara ini.

Maka muncullah wira baru dalam hubungan lama antara pelindung dengan yang dilindungi. Banyak daripada langkah-langkah dasar yang dilaksanakan oleh Tun Razak dalam beberapa tahun sejak beliau mula memerintah jelas bertujuan melindungi apa yang dianggap kedudukan Melayu. Menurut pindaan-pindaan Perlembagaan tahun 1971, adalah menjadi kesalahan di sisi undang-undang untuk mempersoalkan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan penduduk pribumi lain seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan, dan adalah dilarang mencabar kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan serta kedaulatan Raja-Raja Melayu. Sudah semestinya beberapa aspek dalam pindaan ini dan pindaan berhubung kerakyatan menempatkan beberapa kepentingan masyarakat

bukan-Melayu dalam kategori yang sama.³³ Tetapi lebih penting kepada kita ialah cara pelindung baru dan kumpulan-nya mewujudkan suatu bentuk perasaan terselamat yang baru untuk masyarakat Melayu dengan mengukuhkan kedudukannya dalam perlembagaan.

Begitu juga, Dasar Pelajaran Negara yang menjadikan Bahasa Melayu bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang salah satu objektifnya untuk mengembangkan peranan orang-orang Melayu dalam perdagangan dan perindustrian telah menggambar-barkan para pemimpin baru UMNO ini sebagai pelindung masyarakat yang tulen serta dapat dipercayai. Gambaran begini membolehkan pemimpin-pemimpin ini mengharap-kan taatsetia yang tidak terhingga bukan sahaja dari kalangan ahli UMNO tetapi juga dari masyarakat Melayu seluruhnya. Agak menarik juga bahawa PAS, musuh ketat UMNO, cuba menyesuaikan diri kepada suasana baru ini.³⁴ Memang, impak pelindung susah dielak!

Krisis UMNO-MCA tahun 1959, cabaran Lee Kuan Yew pada tahun 1965 serta peristiwa tahun 1969 yang dibincangkan tadi menggambarkan hubungan pelindung – dilindungi dalam keadaan-keadaan yang tidak jauh bezanya. Perpaduan Melayu serta taatsetia tanpa soal telah menguatkan pengaruh para pemimpin ke atas para pengikut. Fenomenon ini perlu diingati selalu. Dengan latar-belakang ini mari kita teliti bagaimana pemimpin-pemimpin tersebut menangani masalah kritikan dari dalam UMNO sendiri.

Sebelum dibincangkan sikap kepimpinan terhadap kritikan, perlu diterangkan dahulu bagaimana timbulnya kritikan dari dalam UMNO sekalipun wujud taatsetia tanpa soal! Dasar-dasar dan rancangan yang tidak ada hubung kait dengan sebarang tanggapan tentang ancaman ke atas masyarakat Melayu telah dikritik secara lembut oleh orang-orang UMNO sendiri semenjak 1957. Fenomenon ini, yang

dapat dilihat dalam Perhimpunan-Perhimpunan Agung Tahunan UMNO, berpunca daripada perubahan dalam sistem sosial keseluruhannya. Hal ini akan dibincangkan secara mendalam dalam bab lima. Di sini memadai dinyatakan bahawa kritikan ini sebenarnya hasil perubahan di luar UMNO; ia bukan disebabkan pentafsiran semula mengenai hubungan antara kepimpinan dengan ahli-ahli biasa UMNO.

Kajian terhadap kepimpinan UMNO di bawah Tunku dari tahun 1957 hingga 1970 membuktikan kenyataan di atas. Dalam hampir setiap ucapan beliau kepada perhimpunan UMNO beliau menekankan pentingnya taatsetia tanpa soal kepada pemimpin. Orang-orang yang lebih setia secara otomatik dianggap anggota yang lebih baik dalam parti atau kabinet. Sifat-sifat lain seperti kecekapan, kebolehan atau kejujuran kurang diberi pertimbangan. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang pernah disingkir daripada UMNO, berkata pada tahun 1970, sewaktu kedudukan Tunku semakin lemah, "Di Tanah Melayu yang merdeka, pemilihan ahli-ahli kabinet ditetapkan sebagai ganjaran untuk mereka yang setia kepada pemimpin-pemimpin parti dan orang-orang yang diterima oleh Perdana Menteri. Selepas mereka dilantik, walaupun tidak menjalankan tugas dengan sempurna, kedudukan mereka sebagai menteri tidak tergugat. Sebaliknya, walaupun seseorang menteri menjalankan tugasnya dengan baik tetapi gagal berbaik-baik dengan Perdana Menteri, beliau akan disingkir."³⁵

Ini terjadi dalam peristiwa yang melibatkan Abdul Aziz Ishak. Sewaktu menjadi Menteri Pertanian dan Koperatif, beliau mencadangkan beberapa projek pembangunan luar bandar yang bercanggah dengan pemikiran Tun Razak, yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri yang tidak berbelah bahagi taat setianya kepada Tunku. Tunku menukarkan Aziz ke kementerian lain. Disebabkan percanggahan pendapat ini, Tunku menyifatkan Aziz sebagai penderhaka. Aziz Ishak kemudian meletak jawatan.³⁶

Tun Razak mengekalkan konsep taatsetia ini. Sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, beliau setia sepenuhnya kepada Tunku. Dan beliau sungguh berbangga dengannya. Pernah sekali beliau berkata, "Saya amat berbangga dan rasa bertuah dapat berkhidmat di bawah Tunku, pemimpin negara yang disayangi. Selagi Tunku menjadi pemimpin kita dan nahkoda kapal, saya akan berkhidmat kepada beliau dengan taat dan sepenuh hati".³⁷ Apabila Tun Razak mengambilalih pucuk kepimpinan, beliau meminta taatsetia yang serupa daripada orang-orang bawahan. Perhatikan adanya ketidaksetujuan dengan pelaksanaan beberapa dasar, beliau mengingatkan perhimpunan UMNO pada May 1975 "salah satu sikap terpuji masyarakat Melayu ialah ketaatan dan kepatuhan kepada kepimpinan yang mereka pilih, dengan syarat para pemimpin tidak menyeleweng daripada dasar yang diper-setujui. . . dan sentiasa sedia berkhidmat kepada kepentingan parti, bangsa dan negara. Kerana adanya taatsetia kepada pemimpin ini dan kerana adanya semangat keyakinan di kalangan mereka yang diberi amanah, UMNO dapat melaksanakan dasar demokratiknya secara licin lagi berkesan. . . saya mengatakan ini semua kerana saya berharap agar nilai (iaitu taatsetia kepada pemimpin) yang terpuji ini dalam sikap dan tingkahlaku masyarakat Melayu akan kekal supaya UMNO kukuh di masa depan dan berupaya memberi kepimpinan serta panduan kepada yang lain. . . ."³⁸

Faktor penting dalam seruan beliau kepada UMNO ini ialah 'unsur taatsetia kepada pemimpin'. Rujukan kepada kepimpinan yang tidak 'menyeleweng' serta 'sanggup berkhidmat kepada kepentingan parti, bangsa dan negara' boleh dianggap semata-mata sebagai retorik untuk menyelimuti suatu sentimen tradisional yang dihidupkan semula sebagai sikap yang moden dan demokratik. Jika ia semata-mata soal kesetiaan kepada kepimpinan yang baik dan jujur, mengapa ia dikaitkan dengan sifat Melayu? Apakah ia sifat 'Melayu'?

atau lebih tepat dianggap usaha menegak keadilan dan kebenaran? Bukankah sifat-sifat ini diterima sebagai sejagat?

Taktik sebenar politik Tun Razak menunjukkan bahawa beliau merujuk kepada konsep silam tentang taatsetia tanpa soal kepada pemimpin. Menjelang akhir 1971, Pemuda UMNO di bawah pimpinan Dato Harun Idris³⁹ mengkritik (secara lembut) pelaksanaan dasar-dasar kerajaan untuk orang Melayu. Pemuda UMNO merasakan tidak cukup usaha dibuat bagi membolehkan orang-orang Melayu menjawat jawatan eksekutif dalam bidang perdagangan dan perindustrian.⁴⁰ Pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO bertindakbalas terhadap kritikan-kritikan ini dengan memberi amaran kepada Pemuda UMNO supaya tidak menjadi kumpulan pendesak dalam UMNO.⁴¹

Bagaimanapun Pemuda UMNO terus mengkritik (secara berhati-hati). Mungkin keadaan dalam UMNO merupakan salah satu faktor utama yang membuatkan pemimpinnya, Dato Harun, menjadi pengkritik. Buat pertama kali sejak 1951, apabila Tunku mengambilalih jawatan Presiden UMNO dan melantik Tun Razak sebagai Timbalan Presiden, tidak ada pengganti yang nyata kepada Tun Razak. Kedua-dua timbalan Tun Razak – Tun Dr. Ismail dengan diikuti Dato Hussein Onn – tidak dianggap sebagai bakal Presiden parti.⁴² Ini bererti antara tahun 1970 dan 1975 masih tidak pasti siapa akan muncul sebagai 'bakal pengganti'. Dengan cuba menggambarkan dirinya sebagai wira kepentingan Melayu, Dato Harun sebenarnya memasuki medan pertandingan bagi jawatan Presiden yang sangat diidamkannya itu. Beliau juga sedar bahawa seperti kesemua yang lain dalam UMNO beliau perlu memperlihatkan taatsetia yang tidak terhingga kepada pemimpin parti. Beliau berusaha melakukan ini dengan berbagai cara.⁴³

Meskipun Dato Harun banyak berusaha, Tun Razak masih menganggap ketidaksetujuan beliau di atas pelaksanaan beberapa dasar kerajaan sebagai cabaran secara

langsung kepada kepimpinannya. Perlu ditegaskan, soal kedudukan Tun Razak sendiri dalam parti dan kerajaan tidak timbul. Dato Harun atau sesiapa yang lain tidak pernah mempersoalkan (sekalipun secara tidak langsung) kewibawaan dan pengaruh dominan Tun Razak. Sesungguhnya, kedudukan Tun Razak tidak tergugat dan tidak dapat digugat.⁴⁴ Objek pertentangan dalam parti ialah soal 'bakal pengganti'. Namun, Tun Razak anggap pendirian Dato Harun sebagai ancaman kepada kepimpinan beliau dan memastikan yang Dato Harun gagal menyandang jawatan Naib-Presiden UMNO dalam pemilihan kepimpinan parti pada Jun 1975.⁴⁵

Tetapi, karier politik Dato Harun tidak berakhir dengan kekalahannya itu. Karier politik beliau tamat kerana penglibatan beliau dalam rasuah.⁴⁶ Tetapi, sebelum itu beliau sudah pun disingkirkan dari UMNO oleh pengganti Tun Razak, Dato Hussein Onn. Ini mengakibatkan beberapa tindakbalas yang serius terhadap kepimpinan parti yang cuba dikawal oleh Dato Hussein dengan mengingatkan ahli-ahli UMNO tentang tradisi taatsetia Melayu zaman silam.⁴⁷

Maka ketiga-tiga Presiden UMNO dan Perdana Menteri sesudah Merdeka pernah mendapat peluang untuk menekankan taatsetia tanpa soal. Ketiga-tiga mereka berbuat demikian samada kerana ketidaksetujuan dengan mereka atau individu yang bertalian dengan mereka atau disebabkan teguran terhadap dasar kerajaan. Dalam kesemua peristiwa tersebut pemimpin berjaya, pengkritik tewas. Ini pasti merupakan petunjuk bahawa taatsetia tanpa soal kekal dalam UMNO.

Psikologi 'feudal' terlihat bukan sahaja dalam sikap terhadap kritikan tetapi juga dalam cara pemimpin mengganjari taatsetia. 'Pengabaian tugas' tidak menjadi kesalahan selagi dianya bertaatsetia tanpa soal. Ini jelas tergambar pada kisah Rahman Taib semasa kepimpinan Tunku. Dato Abdul Rahman Taib, Menteri Pelajaran dalam Kabinet Tunku pada awal tahun enam puluhan telah didapati

bersalah di Mahkamah Tinggi dalam kes rasuah. Namun, Tunku memberikannya segala perlindungan yang terdaya beliau berikan. Tunku mengisytiharkan yang beliau tidak bersalah, sebelum Hakim membuat keputusan. Bayaran untuk urusan kes Menteri tersebut sebanyak lebih lapan puluh lapan ribu ringgit dibayar oleh kerajaan, dan Tunku membidas mereka yang mengkritik Menteri yang melakukan rasuah itu.⁴⁸ Menteri itu kemudian meletak jawatan dalam Kabinet dan dilantik menjadi Duta. Memang, taatsetia beliau kepada Tunku tidak terhingga, tidak terkira.

Apabila Tun Razak menjadi Presiden UMNO beliau juga cuba memastikan agar ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO penuh taatsetia kepada beliau. Pemilihan pucuk pemimpin UMNO 1975 menandakan puncak kejayaannya. Ketiga-tiga Naib Presiden yang terpilih sangat taat kepada beliau. Sebenarnya beliau telah menyokong pencalonan mereka secara tertutup.⁴⁹ Bagaimanapun, jika dibandingkan dengan Tunku, Tun Razak lebih mementingkan keupayaan dan kecekapan. Namun keupayaan dan kecekapan tidaklah menjadi nilai-nilai terpenting kepada beliau kerana jelas sekali beliau sering melindungi individu-individu yang satu-satunya kelayakan untuk jawatan yang mereka sandang ialah taatsetia kepada beliau.⁵⁰

Setakat ini telah dikaji tiga unsur utama pada dimensi politik dalam taatsetia selepas Merdeka. Satu ciri yang menonjol ialah caranya perlindungan dan taatsetia tanpa soal mencorakkan penghidupan politik UMNO khasnya dan masyarakat Melayu amnya. Kini timbul pula soal: betapa kuatkah kesan dimensi ekonomi dalam konsep taatsetia?

Sesudah Merdeka: Taatsetia dan Pelindung Substantif – Dimensi Ekonomi

Tidak seperti kedudukan politik masyarakat Melayu, konsep mengenai perlindungan kedudukan ekonomi masyarakat Melayu termaktub dalam Perlembagaan. Perkara-Perkara

tertentu dalam Perlembagaan memberi peluang istimewa kepada orang-orang Melayu dalam bidang perkhidmatan awam, perdagangan, pemberian biasiswa dan hakmilik tanah.⁵¹ Sebenarnya, banyak daripada peluang-peluang ini pertama kali diberi di bawah pemerintahan kolonial apabila British dan elit-elit Melayu berpura-pura menjadi pelindung masyarakat Melayu.⁵² Bahawa perlindungan mereka tidak memberi kesan sama sekali dibuktikan oleh kemiskinan sebahagian besar masyarakat Melayu semasa Merdeka.⁵³ Perlindunganlah yang menjadikan penduduk miskin yang dilindungi lebih miskin, dan meniadakan golongan miskin sebarang kawalan terhadap ekonomi!

Kepimpinan UMNO tahun 1957 menerapkan tanggapan kolonial tentang perlindungan ke dalam perlembagaan negara. Selain itu, mereka juga sedikit sebanyak menitikberatkan pembinaan infrastruktur di kawasan luar bandar serta pengembangan peluang pendidikan untuk orang-orang Melayu.⁵⁴ Tetapi, seperti juga pihak British, mereka tidak berupaya menyorot punca-punca asas kemiskinan masyarakat Melayu. Mereka tidak menyelami masalah jurang perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar serta masalah kekurangan orang Melayu dalam bidang perdagangan, perindustrian dan lain-lain. Mereka tidak menyedari bahawa masalah sebenar adalah sistem ekonomi yang berasaskan modal dan keuntungan maksima, sistem yang pasti memperalatkan golongan miskin dan lemah, yang majoritinya terdiri daripada penduduk Melayu.

Disebabkan analisa mereka terhadap masalah di atas salah, maka penyelesaian mereka juga salah. Mereka bercadang untuk mengekalkan sebuah pasaran ekonomi yang penuh saingan; sangat sedikit pengubahsuaian dilakukan meskipun diperuntukkan peluang istimewa bagi penduduk Melayu dalam berbagai bidang. Tidak dicadangkan transformasi struktural. Sesungguhnya pendekatan ini tepat dan selaras dengan konsep melindungi masyarakat Melayu

Dalam ertikata lain, kepimpinan UMNO dari tahun 1967 sehingga 1969 menganggap dirinya sebagai pelindung masyarakat yang kekurangan modal, sambil menggalak pertumbuhan ekonomi yang berasaskan modal. Sudah pasti dalam keadaan sebegitu perlunya pelindung akan selalu dirasakan. Maka pelindung akan dapat selama-lamanya mengekalkan tarafnya sebagai pelindung untuk melindungi masyarakat Melayu yang miskin daripada masyarakat bukan Melayu yang kaya.

Sesungguhnya, anggapan bahawa masyarakat Melayu adalah miskin dan perlu dilindungi daripada masyarakat bukan Melayu yang kaya merupakan satu unsur psikologi kepimpinan UMNO sehingga kini. Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1978 menyifatkan orang-orang Cina sebagai bahagian yang sangat gemuk dalam kembar Siam, manakala satu lagi bahagian dikatakan terdiri daripada orang Melayu yang sangat kurus!⁵⁵ Maka beliau cuba mempertahankan perlunya perlindungan. Tunku juga sering menganggap orang-orang Cina sebagai peniaga yang berjaya berbanding dengan orang-orang Melayu yang dianggap petani dan nelayan miskin.⁵⁶

Kepimpinan sebelum tahun 1969 dan kepimpinan selepas tahun 1969 serupa pemikirannya bukan sahaja dari segi perbandingan kedudukan ekonomi Melayu dengan kedudukan ekonomi masyarakat Cina. Walaupun adanya Dasar Ekonomi Baru serta berlaku perubahan lain dalam kepimpinan dan rancangan asas, falsafah kepimpinan UMNO kekal serupa jua. Ia terus mengekalkan ciri-ciri utama ekonomi pasaran yang penuh saingan dengan campurtangan kerajaan yang lebih meluas demi kepentingan Melayu berbanding dengan campurtangan kepimpinan sebelumnya.⁵⁷ Tetapi pada hakikatnya campurtangan ini hanya bertujuan mengembangkan peranan masyarakat Melayu dalam pelbagai sektor ekonomi tanpa usaha menyelesaikan kepincangan asas dalam sistem ekonomi supaya penduduk Melayu yang kurang bernasib baik lebih berfaedah daripada penduduk

Melayu yang berada. Oleh itu salah satu matlamat utama Dasar Ekonomi Baru ialah memastikan supaya menjelang 1990, 30 peratus daripada perdagangan dan perindustrian dikuasai oleh orang-orang Melayu. Ini sudah pasti akan mewujudkan sekelompok masyarakat perdagangan dan perindustrian yang diatur kelahirannya. Kelompok ini dilindungi dan bergantung kepada kuota pengambilan kerja, kemudahan kredit khas dan pelbagai keistimewaan dagangan. Ini pasti menguatkan lagi keperluan psikologi untuk pelindung yang dapat melindungi peluang-peluang ini dalam suasana dunia dagangan dan industri di mana penekanan ke atas pertumbuhan pasti meningkatkan lagi kekayaan golongan elit bukan Melayu yang kaya-raya itu. Sekiranya kita meneliti matlamat Dasar Ekonomi Baru yang satu lagi – peruntukan tempat di institusi-institusi pengajian tinggi untuk masyarakat Melayu dan Bumiputra lain berdasarkan sistem kuota, dapat dilihat pendekatan yang serupa. Ianya usaha bagi melindungi apa yang dianggap kepentingan masyarakat Melayu dalam pengajian tinggi dan seterusnya dalam peringkat atas bidang perdagangan, perindustrian serta profesion daripada saingan kuat masyarakat bukan Melayu yang dulunya banyak menduduki kolej dan universiti.

Konsep perlindungan kedudukan ekonomi Melayu ini didasari oleh perasaan bahawa tanpa peluang dan kuota istimewa masyarakat Melayu tidak dapat bersaing. Kebimbangan ini turut dirasakan oleh para penentang cadangan Dato Onn untuk membuka pintu UMNO kepada masyarakat bukan Melayu. Kebimbangan bahawa masyarakat Melayu tidak berupaya bersaing dengan masyarakat bukan Melayu yang maju tahap ekonominya masih kuat dirasakan seperti dulu. Tun Dr Ismail menyuarakan sentimen ini pada tahun 1969. Kata beliau, "Sebenarnya masyarakat Melayulah warganegara kelas dua, seperti mana dalam permainan golf pemain yang lemah diberi syarat-syarat yang lebih longgar. Sebagai orang-orang Melayu yang berpelajaran kami rasa kedudukan istimewa ini memperkecilkan orang-orang Melayu

tetapi tanpanya mereka tidak berpeluang langsung. Kami berpendapat masyarakat Melayu akan melepaskan kedudukan istimewa ini apabila tercapai realiti sebuah negara yang bersatu. Saya percaya apabila masyarakat Melayu dapat berdikari mereka akan rasakan bahawa kedudukan istimewa ini tidak lagi wajar. Tetapi orang lain tidak boleh mendesak supaya dilucutkan hak istimewa Melayu kerana ianya bertentangan dengan syarat-syarat lahirnya Malaya. Masyarakat Melayu masa kini merasa bahawa mereka tidak dapat bersaing dan kita mesti menerima hakikat ini".⁵⁸

Apabila diterima kenyataan bahawa masyarakat Melayu 'lemah' berbanding masyarakat lain, bahawa mereka belum lagi boleh berdiri sendiri, bahawa mereka 'tidak dapat bersaing', maka wajar mereka dilindungi. Dengan itu golongan pelindung sangat diperlukan. Dan pelindung tersebut – kepimpinan UMNO – telah cuba menerangkan mengapa masyarakat Melayu tidak dapat bersaing.

Menurut pendapat sesetengah pihak, masalah tersebut pada dasarnya merupakan masalah budaya. Revolusi Mental, buku yang diterbitkan oleh UMNO untuk mengalu-alukan kelahiran pemerintahan Tun Razak⁵⁹, menggariskan pelbagai ciri yang menurut para pengarangnya menghindar kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Antaranya, kurang inisiatif, kurang sifat ingin tahu, kurang rasionaliti, kurang buah fikiran yang asli, kurang daya imaginasi, kurang realisme, kurang keyakinan diri, kurang ketekunan, dan kurang kesungguhan. Masyarakat Melayu juga kurang mementingkan kehidupan duniawi, percaya bahawa takdir menentukan segala-galanya, tidak tahu menghargai masa, tidak berani mengambil risiko dan tidak dapat memandang jauh ke arah masa depan serta bersikap boros.⁶⁰ Maka buku ini mengesyorkan revolusi mental untuk menghapuskan sikap-sikap ini. Dr Mahathir juga mengkritik 'nilai-nilai dan ciri-ciri' tertentu masyarakat Melayu. Beliau menganggap masyarakat Melayu sebagai masyarakat yang cenderung

kepada kerohanian, bertoleransi dan bersikap 'tidak apa'. Fatalisme mencirikan sikap Melayu terhadap kehidupan dan sering hidup itu sendiri dianggap persediaan untuk akhirat. Masa tidak dihargai, dan "dibiarkan berlalu begitu sahaja. Duduk-duduk sahaja, minum-minum kopi atau berbual-bual merupakan tabiat biasa orang Melayu di seluruh negara".⁶¹ Nilai wang juga tidak dimengerti. Tun Razak juga menganggap beberapa ciri budaya Melayu sebagai penghalang kemajuan. Beliau menyifatkan sikap petani Melayu sebagai kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Berkali-kali beliau menggesa masyarakat Melayu supaya mengubah sikap untuk mencapai kemajuan.⁶² Kempen Gerakan Pembaharuan yang beliau lancarkan pada tahun 1972 bertujuan mencapai matlamat ini.

Sifat-sifat budaya yang dianggap penghalang utama kemajuan serta peranan pemimpin-pemimpin UMNO sebagai orang-orang yang berupaya menghapuskan sifat-sifat ini menguatkan lagi kedudukan mereka dalam masyarakat. Mereka ditambah penting dalam usaha untuk memimpin masyarakat Melayu keluar dari kekolotan budaya ini.

Merekalah yang akan melindungi masyarakat Melayu daripada aspek-aspek negatifnya sendiri, daripada nilai-nilai dan sifat-sifat negatif budaya Melayu agar ciri-ciri 'positif' masyarakat bukan Melayu seperti semangat bersaing, keutamaan yang diberi kepada wang, sifat kebendaan dan sebagainya tidak akan mengatasi masyarakat Melayu dengan ciri-ciri 'negatifnya'.⁶³ Tambahan pula disebabkan sifat-sifat budaya ini jauh meresapi kehidupan masyarakat Melayu, bukan mudah menghapuskannya. Selagi wujud sifat-sifat ini selagi itulah perlindungan dan pelindung diperlukan. Ini merupakan salah satu cara kepimpinan UMNO mewajarkan perlindungan ke atas masyarakat Melayu.

Bagaimanapun sifat-sifat budaya sekurang-kurangnya dapat dihapus dalam jangka panjangnya. Keadaan bertambah sukar kerana faktor-faktor keturunan turut terlibat.

Segelintir pemimpin UMNO menggunakan hujah ini untuk mempertahankan perlunya perlindungan.⁶⁴ Dakwa mereka masyarakat Melayu tidak dapat menandingi yang lain kerana pelbagai rintangan faktor-faktor keturunan atau baka. Dr Mahathir Mohamad, salah seorang di antara mereka yang berpegang kepada pendapat ini, percaya bahawa perkahwinan antara sepupu yang sering berlaku, perkahwinan semasa umur yang terlalu muda, perkahwinan antara yang bodoh dengan yang sudah berumur atau perkahwinan antara saudara-mara yang 'masih mundur' akan menghasilkan zuriat yang lemah.⁶⁵ Pendapat ini bukan sahaja tidak berasas tetapi juga bertentangan dengan sains sosial moden.⁶⁶ Rumusan beliau berkenaan soal ini sangat menarik. Kata beliau, "Lagipun, berbeza dari keadaan di Negeri China yang tidak mempunyai ramai kaum pendatang, Malaysia mempunyai terlalu ramai warganegara bukan Melayu yang boleh menguasai orang-orang Melayu sebaik sahaja segala perlindungan itu dihapuskan. Jadi, cadangan-cadangan yang kerap dibuat supaya orang Melayu hendaklah dibiarkan untuk mengatasi masalah mereka sendiri tidak boleh diterima secara serius. Jawapannya seolah-olah terselit di antara kedua-dua pilihan ini; iaitu suatu 'perlindungan yang membina' yang dirumuskan setelah pengaruh keturunan dan alam sekitar dikaji dengan teliti. Kecuali langkah ini diambil, kesan keturunan dan alam sekitar yang buruk ke atas orang-orang Melayu akan berterusan".⁶⁷

Pembaca sudah mendapat gambaran jelas tentang bagaimana falsafah perlindungan memainkan peranannya dalam bidang ekonomi. Pertama, kepimpinan UMNO bercadang mengekalkan sistem ekonomi kapitalis. Sifat sistem ini sendiri membantu mendedahkan penderitaan sebahagian besar masyarakat Melayu yang miskin. Hakikat ini meyakinkan masyarakat Melayu tentang perlunya perlindungan oleh kepimpinan UMNO. Lebih dari itu, UMNO mendakwa sekiranya perlindungan tidak diberi, masyarakat Melayu akan tewas dalam saingannya dengan kaum-kaum

lain. Sekali lagi, sifat persaingan dalam sistem kapitalis meyakinkan masyarakat Melayu bahawa hujah-hujah kepimpinan UMNO ini benar. Untuk lebih meyakinkannya, masyarakat Melayu diberitahu bahawa terdapat juga halangan-halangan budaya dan keturunan yang menyekat pembangunan ekonomi mereka, yang kononnya dapat diatasi hanya melalui perlindungan. Maka perlindungan menjadi amat perlu.

Tetapi, seperti yang dijangkakan, perlindungan bukan diberi begitu sahaja. Sebagai balasan perlindungan, kepimpinan UMNO mengharapkan taatsetia tanpa soal dari kalangan yang telah mendapat faedah daripada perlindungan dalam lapangan ekonomi. Hasrat untuk ditaatsetiai jelas terlihat dalam ketidaksanggupan mereka untuk menerima kritikan dari golongan-golongan ini. Sebarang kritikan akan serta-merta disifatkan sebagai 'tidak mengenang budi' atau 'tidak bertaatsetia'. Biar kita lihat beberapa peristiwa yang membuktikannya.

Utusan Malaysia terbitan 2hb Jun 1979 melapurkan bahawa Timbalan Perdana Menteri (pada ketika itu), Dr Mahathir Mohamad, "Membidas setengah-setengah peserta di rancangan FELDA yang tidak berterimakasih atas perjuangan UMNO yang telah memberi kesenangan kepada mereka. Katanya, setengah-setengah peserta FELDA itu bukan sahaja membenci UMNO bahkan sebaliknya menyokong parti-parti lawan yang memburuk-burukkan segala usaha yang dilakukan oleh UMNO."⁶⁸

Kenyataan di atas mengandungi beberapa unsur yang amat relevan kepada pokok persoalan kita ini. Bagi memahaminya secara lengkap, soal skim Felda perlu disentuh. Skim-skim tanah Felda ini dimulakan pada pertengahan tahun limapuluhan untuk memberi tanah kepada golongan yang tidak bertanah serta meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. Di bawah rancangan Felda kerajaan membersihkan kawasan tanah, membina

jalan-jalan raya, memberi bekalan elektrik, air dan lain-lain kemudahan dan akhirnya memindahkan para penghuni ke petempatan baru ini. Di sana mereka menanam getah atau kelapa sawit di atas tanah seluas 10 atau 12 ekar yang diperuntukkan kepada setiap keluarga. Dianggarkan bahawa kos penuh untuk menempatkan sebuah keluarga Felda adalah di antara 18 hingga 24 ribu ringgit.⁶⁹ Selepas beberapa tahun apabila pokok-pokok getah sudah boleh ditoreh dan kelapa sawit sudah boleh dipetik, para penghuni memperolehi pendapatan lumayan.⁷⁰ Meskipun bilangan penduduk luar bandar yang terlibat dalam skim Felda adalah kecil,⁷¹ tidak dapat dinafikan bahawa berbanding dengan seorang petani, nelayan, atau pekebun kecil getah, penghuni Felda pada keseluruhan lebih senang hidupnya.

Memandangkan kerajaanlah yang bertanggungjawab meningkatkan taraf pendapatan mereka, maka pemimpin-pemimpin UMNO berharap supaya mereka merasa terhutang budi. Mereka tidak melihat kerajaan pimpinan mereka sebagai sekadar menjalankan kewajipan dan mengerjakan tanggungjawabnya kepada rakyat. Adalah menjadi kewajipan sebarang kerajaan yang baik untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin. Rakyat memilih pemimpin untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Taraf hidup ditingkatkan dengan kekayaan yang diusahakan oleh rakyat, dengan cukai-cukai yang dipungut daripada rakyat. Dalam kata lain, wang yang digunakan adalah kepunyaan orang ramai. Rakyat mengharapkan kerajaan yang mereka pilih untuk menggunakan wang itu secara arif demi kepentingan orang ramai. Maka rakyat berhak mengadili pemimpin-pemimpin yang diamanahkan untuk menentukan nasib rakyat. Pengadilan dari rakyatlah yang perlu diharapkan oleh para pemimpin, bukan rasa terhutang budi. Seseorang pemimpin mungkin tidak bersetuju dengan cara beliau dan partinya diadili tetapi beliau tidak boleh menafikan hak rakyat untuk mengadili, menilai dan mengkritik kepimpinannya. Jika beliau menafikan hak mereka ini maka beliau tidak

memahami nilai-nilai dan prinsip-prinsip kerajaan demokratik. Dalam sesebuah negara demokrasi rakyatlah yang teragung dan berdaulat.

Hakikat bahawa ramai pemimpin UMNO mempunyai tanggapan yang berlainan tentang peranan kerajaan melihatkan dimensi tertentu dalam psikologi mereka. Pertama, ia menunjukkan bahawa mereka menganggap pembangunan yang dilakukan untuk rakyat sebagai pertolongan besar yang mereka beri. Mereka tidak melihat pembangunan sebagai hak rakyat. Kedua, mereka menganggap wang orang ramai sebagai wang kepunyaan parti yang berkuasa atau mungkin kepunyaan diri mereka sendiri sebagai individu dalam sebuah gabungan, yang menggunakan wang ini demi kepentingan rakyat dengan perasaan murah hati, sebagaimana perasaan seorang dermawan. Ketiga, pengharapan rasa terhutang budi bukan sahaja mengukuhkan kedua-dua rumusan di atas mengenai pembangunan dan wang rakyat tetapi juga menunjukkan bagaimana pemimpin-pemimpin UMNO mengaitkan rasa terhutang budi kepada sikap tidak menyoal dan mengaitkan pula sikap ini kepada taatsetia. Kalau mengkritik, dikatakan tidak mengenang jasa. Ini menunjukkan rasa terhutang budi hanya dapat diertikan sebagai taatsetia tanpa soal kepada kepimpinan.

Jika kita mengamati beberapa peristiwa politik Malaysia, jelas bahawa sikap-sikap begini berleluasa. Sebagai contoh kita ambil sikap kepimpinan UMNO terhadap para pelajar universiti. Semasa awal dan pertengahan tahun-tahun enam puluhan apabila Universiti Malaya diduduki sebahagian besarnya oleh pelajar-pelajar bukan Melayu, kerajaan memberi sedikit sebanyak kebebasan kepada para pelajar. Debat politik, demonstrasi, malah perarakan bantahan diadakan dari masa ke semasa. Lama kelamaan apabila kampus Universiti Malaya makin banyak diduduki pelajar-pelajar Melayu dan apabila ditubuhkan Kolej dan Universiti-Universiti baru dengan bilangan pelajar Melayu yang ramai,⁷²

sikap kerajaan mulai berubah. Ini kerana pemimpin-pemimpin UMNO menganggap pertambahan bilangan pelajar-pelajar Melayu, ekoran dasar-dasar kerajaan, sebagai salah satu pemberian mereka kepada masyarakat Melayu. Maka mereka mengharapkan golongan yang menimba faedah daripada kemurahan hati mereka untuk bertaatsetia dan berterimakasih buat selama-lamanya! Apabila para pelajar mula mengkritik, pemimpin-pemimpin UMNO merasa tidak senang dan menjadi marah.⁷³ Tunku adalah salah seorang antara mereka yang bersikap demikian. Dengan merujuk kepada demonstrasi menentang beliau pada tahun 1969 kerana ketidakupayaan beliau melindungi kedudukan Melayu, beliau berkata, "Mereka berdemonstrasi di Dewan Tunku Chanselor menentang saya — Dewan yang dinamakan sempena menghormati saya selaku Chanselor Universiti. Tingkahlaku mereka amat keji, memalukan negara, bangsa, kaum-keluarga dan universiti mereka sendiri. Tidak pernah terlintas dalam fikiran saya bahawa peristiwa begini boleh terjadi semasa hayat saya di Universiti yang telah saya bantu pembinaannya."⁷⁴ Dari masa ke semasa apabila para pelajar atau ahli akademik tidak bersetuju dengan kerajaan atau mengkritik kerajaan, Tunku memarahi mereka kerana melakukan perkara-perkara yang tidak patut dilakukan oleh golongan yang telah memperolehi faedah daripada dasar-dasar pihak berkuasa.⁷⁵

Pada Disember 1974 apabila para pelajar menganjurkan demonstrasi di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur untuk menyokong bantahan para petani terhadap kejatuhan harga getah dan peningkatan inflasi yang teruk menjejaskan kehidupan mereka, Tun Razak, Perdana Menteri ketika itu, turut bersikap demikian. Beliau juga menyuarakan rasa kesalnya terhadap pelajar-pelajar Melayu yang banyak mendapat faedah daripada usaha khas kerajaan untuk membantu mereka tetapi sebaliknya mempersoal dan mengkritik kerajaan.⁷⁶ Kepada beliau dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain, isu yang memprihatinkan para pelajar serta

keupayaan mereka mengatasi batas taatsetia kaum untuk bersatu tenaga tidaklah begitu penting. Bahawa golongan yang telah berfaedah daripada pembangunan sosial Melayu mencabar mereka benar-benar merisaukan pemimpin-pemimpin UMNO ini.

Bagi mengawal dan menghapuskan sebarang cabaran seumpamanya di masa depan kerajaan mengenakan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti pada tahun 1975. Di bawah pindaan ini para pelajar dilarang menyuarakan pandangan berhubung sesuatu isu politik secara terbuka. Malah para pelajar tidak boleh menyuarakan sokongan atau tentangan terhadap mana-mana parti politik. Selain daripada ini dikenakan juga berbagai-bagai sekatan lain.⁷⁷ Tidak dapat disangkal bahawa Akta ini bertujuan memaksa para pelajar supaya bertaatsetia tanpa soal kepada kepimpinan negara.

Ahli-ahli akademik juga terpaksa menuruti peraturan-peraturan tertentu di bawah Akta ini. Semasa tahun-tahun enampuluhan apabila sebahagian besar pensyarah Universiti terdiri daripada orang-orang bukan-Melayu, terdapat ruang bagi komen dan kritikan sosial.⁷⁸ Menjelang awal tahun tujuh puluhan bilangan pengajar Universiti keturunan Melayu mulai meningkat. Tidak seperti kebanyakan kumpulan profesional Melayu dalam sektor swasta, ahli-ahli akademik Melayu tidak bergantung secara langsung kepada kerajaan bagi ganjaran, pengiktirafan dan kenaikan pangkat. Pentadbiran Universiti sebagai institusi yang berasingan dan berautonomi telah melahirkan keadaan demikian. Lebih penting, autonomi yang terhad ini juga memberi peluang kepada seseorang ahli akademik Melayu untuk menilai dan mengadili prestasi kerajaan pimpinan UMNO – aktiviti yang selaras dengan profesionalisme dan intelektualismenya terutama sekali jika ia terlatih dalam bidang sains kemanusiaan dan sains sosial.

Apabila ahli-ahli akademik Melayu menilai prestasi kerajaan dari segi yang tidak digemari oleh pemimpin

pemimpin UMNO, seringkali pemimpin-pemimpin ini bertindak keras. Seperti selalu mereka berhujah bahawa oleh kerana ahli-ahli akademik ini telah diberi peluang melanjutkan pelajaran menerusi kemudahan khas yang disediakan oleh kerajaan, tidak wajar mereka mengkritik kepimpinan UMNO. Seperti pernah dikatakan oleh Dr Mahathir, "Sebenarnya hampir semua peserta Bumiputera di Konvensyen ini (Konvensyen Ekonomi Bumiputera di Universiti Kebangsaan Malaysia), samada mereka berada di atas atau di bawah pentas ini, telah mendapat faedah daripada Dasar Ekonomi Baru. Sekiranya mereka sudah bekerja, saya pasti pendapatan mereka jauh lebih tinggi daripada pendapatan ibubapa mereka dahulu. Sekiranya mereka masih belajar, itu juga bererti pendapatan mereka telah bertambah kerana pada hakikatnya yuran untuk membiayai seorang pelajar di Universiti tidak mungkin mampu ditanggung oleh keluarga miskin. Samada mereka mendapat biasiswa atau tidak, sebahagian besar perbelanjaan bagi memberi pelajaran kepada mereka ditanggung oleh kerajaan. Sungguh bertentangan dengan Islam kalau kita tidak mengendahkan pemberian yang kita perolehi dan sebaliknya mengutuk pemberi (kerajaan), lebih-lebih lagi memandangkan kita (Bumiputera) miskin dan memerlukan bantuan".⁷⁹ Beliau menambah, "Sejak kita merdeka dan sejak DEB dilancarkan ramai di antara kita, sesungguhnya kesemua kita Bumiputera (Muslim) telah menerima banyak faedah baik secara langsung mahupun secara tidak langsung. Hakikat ini perlu diakui. Kita mesti mengingati dan bersyukur kerananya".⁸⁰

Oleh kerana ahli-ahli akademik Melayu tidak mengingati dan bersyukur kerananya, maka menjadi wajar untuk mengawal penyertaan aktif mereka dalam bidang politik. Sesungguhnya, bukan sahaja aktiviti politik kepartian yang dilarang di bawah peraturan-peraturan tahun 1979 tetapi juga hak mereka untuk menyuarakan kepada umum pendapat mereka berhubung hal-hal politik.⁸¹

Selain para pelajar dan ahli-ahli akademik, pekerja-pekerja Melayu dalam bidang perdagangan dan perindustrian juga dikira kumpulan yang harus bertaatsetia tanpa soal kerana mereka telah menerima faedah dari DEB. Ini sedikit sebanyak menerangkan mengapa kerajaan bertindak tegas apabila para pekerja di sesebuah institusi di mana terdapat sejumlah besar pekerja Melayu bercadang melancarkan mogok atau mengambil lain-lain bentuk tindakan perusahaan. Mogok tahun 1974 oleh pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara merupakan salah satu buktinya. Contoh yang lebih baik ialah tindakan para pekerja dalam Kesatuan Sekerja Penerbangan Awam yang mengamalkan bentuk kerja 'work-to-rule' pada tahun 1979. Sebilangan faktor lain termasuk kesahihan tindakan para pekerja serta peranan yang dimainkan oleh organisasi-organisasi kesatuan sekerja antarabangsa menyebabkan kerajaan mengambil beberapa langkah tegas.⁸² Tetapi tetap tidak berubah hakikat bahawa sikap engkar para pekerja yang majoritinya orang-orang Melayu telah memarahkan kerajaan. Kerajaan merasa ianya diperdayakan bukan semata-mata kerana sebuah kesatuan dengan majoriti orang-orang Melayu enggan lembut menuruti arahnya tetapi juga kerana sebilangan pekerja yang menjadi ahli UMNO ternyata lebih bertaatsetia kepada kesatuan berbanding parti mereka UMNO. Dalam kebanyakan masyarakat lain persaingan taatsetia seperti ini akan diterima sebagai suatu kebiasaan. Sesungguhnya, pemimpin-pemimpin yang benar-benar inginkan perpaduan dan keharmonian akan menerima sesuatu perkembangan di mana taatsetia kaum ditenggelami taatsetia yang berasaskan ikatan pekerjaan dan matlamat sosio-ekonomi. Tetapi dalam keadaan di mana taatsetia kaum yang ditunjukkan menerusi taatsetia kepada kepimpinan UMNO menjadi perkiraan utama, pemimpin-pemimpin UMNO pasti tidak suka sebarang taatsetia lain.⁸³ Ini jelas dibuktikan oleh kata-kata Dr Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1979. Kata beliau, "MAS lahir hasil daya usaha UMNO. Dan kerana UMNO jugalah

bilangan pekerja bumiputera dalam MAS dipertingkatkan. Keadaan seperti ini tidak mungkin dapat dilihat jika MAS kekal MSA seperti dahulunya (Malaysia-Singapore Airlines). Malang sekali apabila para pekerja MAS diarah melancarkan mogok oleh orang-orang tertentu, mereka sanggup berbuat demikian tanpa sedikit pun menyedari bahawa kerana UMNOlah mereka bertugas di MAS. Tanpa UMNO mereka mungkin tidak mendapat kerja di sana namun mereka tidak bersyukur dan tetap melancarkan mogok".⁸⁴

Sudah kita teliti peristiwa-peristiwa khusus yang menggambarkan bagaimana kepimpinan UMNO mengharapkan taatsetia sebagai balasan bagi bantuan ekonomi kerajaan. Bagaimanapun, terdapat juga peristiwa-peristiwa di mana kepimpinan UMNO meminta supaya ditunjukkan dahulu taatsetia sebelum bantuan kerajaan diberi. Ini menunjukkan ia mengancam untuk menyekat bantuan kerajaan jika mereka yang berkenaan tidak menunjukkan kesetiaan. Ini berlaku dalam hampir setiap pilihanraya umum semenjak 1959. Fenomenon ini sangat menarik dan wajar dikaji lebih mendalam.

Pada Pilihanraya Umum 1964 dan 1969 pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO memberitahu rakyat Kelantan bahawa bantuan ekonomi akan diberi hanya jika mereka menyokong UMNO. (Pada tahun 1959 kerajaan negeri Kelantan dikuasai oleh PAS). Selepas gagal menguasai kembali Kelantan dari tangan PAS dalam tahun 1964, pemimpin-pemimpin UMNO mula hilang kesabaran. Pada tahun 1969 Tun Razak mengisytiharkan peruntukan khas sebanyak 548 juta ringgit kepada Kelantan jika penduduknya menyokong UMNO. Presiden PAS mempersenda peruntukan ini, yang diibaratkannya sebagai "rasuah politik yang teragung dalam sejarah demokrasi".⁸⁵

Tetapi, ianya lebih dari rasuah politik. Ia menggambarkan sejenis psikologi yang tidak dapat membezakan di antara parti dan negeri, psikologi yang menganggap wang

rakyat sebagai wang parti atau wang persendirian untuk dibahagi-bahagikan kepada golongan yang setia. Psikologi inilah yang menyebabkan kepimpinan UMNO tidak memahami bahawa dalam sistem persekutuan parti pembangkang berkemungkinan menguasai sesebuah kerajaan negeri, bahawa setiap negeri di dalam Persekutuan berhak mendapat bantuan kewangan, biar apa sekalipun parti yang memerintah. Tambahan pula peraturan-peraturan pilihanraya yang mesti dipatuhi oleh kesemua parti melarang sebarang cubaan untuk mempengaruhi pilihan pengundi samada secara menjanjikan ganjaran atau mengugut menyukarkan hidup para pengundi.⁸⁶ Namun begitu, walaupun pada pilihanraya 1978 selepas peruntukan ini dalam Akta Kesalahan Pilihanraya dibawa kepada perhatian para pengundi, parti yang memerintah terus berjanji kepada pengundi di kawasan pembangkang bahawa mereka akan diberi banyak ganjaran berbentuk kemudahan sekiranya mereka mengundi Barisan Nasional. Seperti pilihanraya-pilihanraya sebelumnya, semasa pilihanraya 1978 para pengundi sekali lagi diberi amaran secara jelas dan terbuka bahawa kawasan atau negeri mereka tidak akan mendapat bantuan pembangunan seandainya mereka mengundi parti atau calon pembangkang. Janji dan amaran ini merupakan cogankata utama parti pemerintah di Pulau Pinang pada pilihanraya 1969 apabila ia berhadapan dengan cabaran yang kuat dari Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan).⁸⁷

Peristiwa skim Felda, pilihanraya serta peristiwa-peristiwa lain menunjukkan bahawa kepimpinan UMNO selalu mengaitkan perlindungan ekonomi dengan taatsetia kepada kedudukannya sendiri. Pengharapan taatsetia membuktikan bahawa dimensi ekonomi pada taatsetia sesudah kemerdekaan mengandungi kesemua ciri utama dalam hubungan antara pelindung dengan masyarakat yang dilindungi.

Zaman Sesudah Merdeka: Taatsetia dan Pelindung Substantif – Dimensi Kebudayaan

Sepertimana dimensi politik dan ekonomi dalam ketaatsetiaan, dimensi kebudayaan juga mementingkan perlindungan aspek-aspek tertentu dalam masyarakat Melayu daripada 'cabaran bukan-Melayu'. Antara ciri budaya masyarakat Melayu yang paling ketara ialah Islam dan bahasa Melayu.

Bagaimanapun Islam tidak tergolong dalam kategori ciri budaya yang perlu dilindungi kerana agama-agama lain tidak mengancam kedudukannya. Kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara atau perhatian yang diberi kepadanya dalam program-program dan dasar-dasar awam sehingga ini tidak menimbulkan reaksi yang keterlaluan dari masyarakat bukan Islam. Maka bahawa adanya cabaran atau ancaman luar tidak munasabah. Namun sudah pasti ini mungkin berubah di masa depan jika pemikiran masyarakat Melayu mengenai Islam mulai dipengaruhi oleh aliran perubahan atau kecenderungan tertentu.⁸⁸

Soal bahasa Melayu agak berbeza keadaannya. Semasa digubal perlembagaan negara pada 1956 dan awal 1957 ada sebilangan pertubuhan Cina dan India yang enggan menerima kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal.⁸⁹ Penggubalan perlembagaan tidak menamatkan kontroversi ini. Sebenarnya, dalam krisis UMNO-MCA tahun 1959 salah satu tuntutan MCA ialah peranan lebih besar untuk pendidikan Cina. Kepimpinan UMNO mengiranya sebagai ancaman kepada bahasa Melayu. Sebahagian besar masyarakat Melayu dari pelbagai lapisan turut beranggapan sedemikian. Ia telah membantu mengembeling masyarakat Melayu dan memastikan ahli-ahli UMNO tetap mentaati kepimpinan mereka.

Apabila Lee Kuan Yew mula mencabar kedudukan politik Melayu pada tahun 1964-65 soal peranan yang lebih saksama untuk bahasa Cina dalam pentadbiran dan

pendidikan juga diutamakan dalam cabaran politik beliau. Dalam pilihanraya tahun 1969 kesamaan kedudukan bagi bahasa-bahasa bukan Melayu merupakan matlamat utama kempen parti-parti pembangkang bukan Melayu seperti DAP.⁹⁰ Dalam kedua-dua peristiwa ini kepimpinan UMNO dapat meyakinkan ahli-ahlinya dan seluruh masyarakat Melayu bahawa kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal akan terjejas andainya tuntutan bukan Melayu ini dilayani.

Dalam krisis berikutan pilihanraya 1969, dakwaan kononnya Tunku tidak berupaya melindungi kedudukan Melayu merupakan faktor terpenting. Para pengkritik beliau berpendapat sikap tolak-ansur beliau dalam pelaksanaan Bahasa Melayu dalam pentadbiran dan pendidikan menjadi salah satu gambaran kegagalan beliau selaku pelindung.⁹¹ Maka, disebabkan ketidakupayaan untuk melindungi bahasa Melayu, taatsetia kepada seorang pemimpin telah ditarik balik. Kebangkitan Tun Razak dan kumpulannya dikenali dengan komitmen yang tegas dan tidak bertolak ansur dalam pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan utama dalam sistem pelajaran. Seperti yang kita maklum penekanan ke atas bahasa Melayu mendekatkan kepimpinan UMNO kepada ahli-ahli UMNO dan masyarakat Melayu. Ia mengukuhkan lagi ikatan taatsetia antara pemimpin dengan yang dipimpin.

Dengan penekanan baru ini dalam tahun-tahun tujuh-puluhan bahasa Melayu secara beransur-ansur memperolehi imej Bahasa Malaysia. Bilamana ianya menjadi bahasa komunikasi sosial rakyat Malaysia, termasuk sebahagian besar muda-mudi bukan Melayu, akan nyata bahawa ia tidak dapat dikekalkan dalam bentuk lama sebagai lambang eksklusif masyarakat Melayu. Bila ia hilang lambang eksklusifnya, ia menjadi tidak relevan kepada hubungan antara pemerintah dengan masyarakat, kerana yang biasanya dilindungi ialah beberapa aspek keMelayuan yang eksklusif kepada

kedudukannya dalam interaksi dengan masyarakat bukan-Melayu – seperti keulungan politik Melayu atau kepentingan ekonomi Melayu. Ini bererti sekiranya bahasa Melayu tidak lagi menjadi prihatin eksklusif Melayu, amat sukar untuk menimbulkan anggapan tentang ancaman luar. Juga tidak mudah untuk menuntut masyarakat Melayu supaya bersatu-padu bagi mempertahankan kedaulatan bahasa Melayu atau, paling penting, bagi menuntut taatsetia tanpa soal sebagai balasan perlindungan ke atas bahasa Melayu. Biarpun begitu, dalam jangkamasa peralihan bahasa Melayu menjadi Bahasa Malaysia yang sebenar-benarnya, cubaan untuk menyoal perlaksanaannya khususnya dalam sistem pendidikan mungkin ditafsir sebagai ancaman yang dapat ditentangi hanya menerusi sokongan dan taatsetia kepada kepimpinan UMNO.⁹²

Oleh kerana pada masa depan bahasa Melayu akan hilang pengertiannya kepada seluruh konsep perlindungan, timbul persoalan: apakah yang masih ada pada dimensi budaya dalam ketaatsetiaan? Untuk menjawab persoalan ini perlu kita meneliti 'suasana kebudayaan' yang diwujudkan melalui cara-cara berikut: i) Dengan mengekalkan upacara-upacara tertentu, ii) Dengan penginstitusian anugerah-anugerah dan pingat-pingat tertentu dan iii) Dengan mengagungkan wira-wira zaman feudal. Kesan keseluruhannya ialah pengekalan suatu suasana kebudayaan yang mensahihkan dimensi politik dan ekonomi pada taatsetia tanpa-soal.

Sebelum menyentuh analisis yang aktual, perlu diterangkan satu perkara mustahak. Dalam kebanyakan sistem diraja moden adalah dijangkakan akan wujud penghidupan semula beberapa amalan tradisional zaman lalu apabila kedirajaan bersifat dan bersikap feudal. Tetapi seringkali adat istiadat istana zaman feudal mengalami banyak pengubahsuaian semasa lahirnya sistem diraja yang moden dan berperlembagaan. Namun ini tidak pula berlaku dalam sistem raja berperlembagaan di negara kita.

Banyak upacara istana feudal dahulukala masih diamalkan di beberapa negeri.⁹³ Di majlis-majlis negeri atau negara yang penting seperti Hari Keputeraan seseorang Raja atau pada majlis perkahwinan puteri atau majlis berkhatan putera atau keputeraan seorang bayi diraja, upacara-upacara ini dilakukan dalam cara dan bentuk yang tidak sedikitpun berbeza dari zaman feudal dahulukala. Perkara ini saya utarakan dalam perbincangan mengenai pelindung substantif walaupun ia melibatkan pelindung simbolik semata-mata kerana pelindung substantif berkuasa dan bertanggungjawab mempermodenkan sistem kedirajaan.

Ketidaksanggupan mereka berbuat demikian antara lain disebabkan keinginan untuk memelihara suasana yang dapat melicinkan hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi. Beberapa peristiwa membuktikan kenyataan ini. Sekiranya kita melihat kepada pingat yang dikurniakan semasa hari-hari keputeraan diraja semenjak Kemerdekaan, ternyata ia banyak persamaan dengan pingat-pingat yang dikurniakan di zaman Melaka dan oleh kerajaan-kerajaan penggantinya. Contohnya gelaran 'Tun' dan 'Dato'. Jumlah wang yang dibelanjakan untuk pingat dan gelaran-gelaran ini di peringkat negeri dan negara,⁹⁴ keutamaan yang diberi oleh kerajaan untuk upacara penganugerahan pingat serta masa dan tenaga yang dihabiskan oleh pemimpin-pemimpin politik dan anggota-anggota birokrat kanan untuk menyediakan senarai anugerah dan para jemputan pasti menghairankan dan menakjubkan semua orang termasuk mereka yang ikhlas mempertahankan sistem kedirajaan yang moden dan berperlembagaan.

Bukan sikap golongan berkuasa sahaja yang mengekalkan peripentingnya pingat dan gelaran-gelaran ini pada masa sekarang. Para penerima pingat, termasuk juga bakal penerima turut membesarkan erti pingat dan gelaran ini. Golongan kelas menengah dan atasan menganggap pingat dan gelaran ini sebagai 'lencana kenamaan' yang penting. Memang diketahui umum bahawa ramai di antara mereka,

terutamanya ahli-ahli perniagaan yang aktif atau ahli politik yang berkedudukan, menghabiskan banyak tenaga dan ada kalanya banyak wang untuk memastikan nama mereka ada dalam senarai 'penghormatan'.⁹⁵ Hakikat bahawa di peringkat Persekutuan sahaja lebih 112,000 pingat dan gelaran telah dikurniakan⁹⁶ dalam negara yang penduduk dewasanya cuma lebih kurang 5.5 juta tidak juga mengurangkan minat dan kesungguhan para pengejar pingat dan gelaran. Apabila seseorang doktor perubatan atau pensyarah universiti dikurniakan pingat 'Tan Sri' atau 'Datuk' gelarannya itu lebih dimuliakan dari kelayakan profesionalnya oleh golongan kelas menengah dan atasan. Satu-satunya gelaran yang dapat mengatasi gelaran ini adalah gelaran keturunan diraja seperti 'Tunku' atau 'Ungku'.⁹⁷ Ini memperlihatkan pentingnya tradisi diraja dan feodal.

Selain gelaran dan pingat, suasana feodal juga menjelma dalam bentuk lain, yakni menerusi konsepsi kepimpinan UMNO tentang wira masyarakat. Tanggapan sesebuah golongan tentang wira sosial lazimnya mencerminkan sistem nilainya. Tanggapan tersebut menunjukkan apa yang dirasakannya baik dan mulia pada seseorang insan dan pada masyarakatnya. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa pemimpin-pemimpin UMNO mempunyai tanggapan yang berbeza tentang wira⁹⁸, konsepsi feodal tentang wira banyak mempengaruhi proses pemikiran mereka. Sebagai bukti, penganugerahan tahunan wira kanak-kanak – salah satu pingat paling masyhur dalam negara – digelar pingat Hang Tuah.⁹⁹ Hang Tuah, seperti dinyatakan dalam bab pertama, telah bertaatsetia secara menghamba-diri dan buta-tuli kepada sultan. Sifat setianya inilah yang paling menonjol, ia mengatasi semua sifat lain dan membentuk perwatakannya. Namanyalah yang digunakan pada anugerah tahunan negara yang disampaikan kepada kanak-kanak yang paling berani. Penganugerahan Pingat Hang Tuah dapat disifatkan sebagai cubaan mengenalkan Hang Tuah sebagai teladan yang wajar dicontohi oleh anak-anak muda. Mungkin golongan elit

UMNO mahu para belia menunjukkan keberanian mereka sepertimana yang ditunjukkan oleh Hang Tuah – sanggup berjuang untuk ketua sekalipun kepentingan ketua bertentangan dengan lunas-lunas agamanya.

Bahawa Hang Tuah dianggap wira yang agung lagi gagah juga dicerminkan dalam sebilangan perkara lain. Jalanraya, bangunan, kapal, jambatan dan sekolah di serata bahagian negara telah dinamakan sempenanya. Hang Tuah merupakan satu aspek utama dalam tradisi kepercayaan Melayu dan watak penting dalam keusasteraan Melayu. Hang Tuah juga selalu dirujuk khasnya bila hendak menanamkan semangat keyakinan di kalangan masyarakat Melayu.¹⁰⁰

Menyentuh sejarah feodal, bukan nama Hang Tuah sahaja disebut dalam anugerah. Anugerah wanita cemerlang tahunan dinamakan 'Pingat Tun Fatimah'. Tun Fatimah, seorang keturunan diraja dari Melaka semasa kurun ke 15, tidak mempunyai sebarang sifat cemerlang yang melayakkan namanya disebut pada anugerah. Tidak juga beliau membuat apa-apa sumbangan penting kepada kerajaan di masa itu. Antara orang-orang besar dalam sejarah, Tun Kudu yang arif lagi cekap lebih dikenali dari Tun Fatimah. Tun Fatimah tidak lebih daripada isteri seorang Sultan Melaka! Tentunya banyak lagi yang harus ada pada seorang yang namanya tercatat pada anugerah tertinggi untuk kaum wanita negara ini.

Pingat Tun Fatimah menampakkan keutamaan yang kepimpinan UMNO beri kepada istana dan tradisi feodalnya sendiri. Untuk memahaminya secara lebih baik kita boleh bandingkannya dengan keadaan di Indonesia. Di sana seseorang wanita yang dianggap agung dikurniakan pingat 'Radin Kartini'. Kita tahu Radin Kartini salah seorang wanita terawal di Indonesia yang sungguh prihatin terhadap pembebasan kaum wanita daripada belunggu adat Jawa. Penulisan beliau umumnya dianggap sumbangan penting terhadap pertumbuhan nasionalisme Indonesia. Penghormatan kepada beliau samalah seperti menghormati per-

juangan bagi kebebasan wanita Indonesia dan seluruh rakyat Indonesia. Maka, anugerah di Indonesia banyak artinya bagi masyarakat di sana, tetapi, pingat Tun Fatimah sangat kurang pengertiannya kepada cita-cita sebuah negara moden.

Selain Hang Tuah dan Tun Fatimah, lain-lain individu di zaman feudal Melayu juga diberi penghargaan dalam banyak cara. Ini membuktikan penghormatan kepada istana. Jalanraya-jalanraya utama di bandar-bandar agak biasa diberi nama Sultan atau Permaisuri. Pejabat kerajaan, kolej, dewan, dan lain-lain tempat awam yang penting juga dinamakan sempena pembesar-pembesar diraja di masa lampau dan masakini.

Akibat segala ini terpelihara dan berkekalanlah suasana budaya yang mengizinkan hubungan psikologikal di antara pemerintah dengan yang diperintah, pemerintah memberi perlindungan sebagai balasan kesetiaan. Kekalnya hubungan ini dari segi politik, ekonomi dan kebudayaan, dengan berteraskan taatsetia, telah mewujudkan keadaan yang dapat disifatkan 'neo-feudal'.

Berbanding dengan ikatan yang mudah lagi terus-terang antara raja dengan rakyat seperti dihuraikan dalam bab pertama, keadaan 'neo-feudal' lebih kompleks dan rumit, di mana terdapat dua jenis taatsetia yang beroperasi dalam dua cara berbeza. Sultan yang merupakan satu-satunya tumpuan taatsetia buta dalam konteks tradisional sekarang hanyalah pelindung simbolik manakala kepimpinan UMNO dan Presiden UMNO khususnya dianggap pelindung substantif. Namun memang ada persamaan antara pelindung simbolik dan pelindung substantif.

Selain perbezaan ini antara zaman tradisional dan zaman masakini, pelindung substantif — bukan seperti pelindung simbolik yang tidak tergugat kedudukannya — perlu melakukan segala yang terdaya untuk mengekalkan pengaruhnya ke atas masyarakat dan parti. Cabaran kepada kekuasaan

kepimpinan UMNO telah melahirkan suasana baru yang tidak pernah wujud sebelumnya. Soal mengapa ini terjadi dan apakah rupa bentuk cabaran ini akan dibincang dalam bab berikut. Buat setakat ini apa yang perlu difahami ialah bahawa persekitaran politik dalam mana kepimpinan UMNO berusaha mengekalkan konsep taatsetia tanpa soal adalah berbeza sama sekali.

Bukan hanya persekitaran politik yang berbeza, persekitaran kaum juga mengalami perubahan radikal. Persekitaran kaum baru ini yang mengandungi ramai penduduk bukan-pribumi telah memberi nafas baru kepada peranan pelindung kepimpinan UMNO. Hakikat adanya masyarakat bukan-pribumi bertanggungjawab melahirkan hubungan berbentuk 'tawar-menawar' antara perlindungan dan ketaatsetiaan. Di zaman dahulu, faktor-faktor luaran tidak pernah memberi kesan yang serupa terhadap pertalian antara raja dengan rakyat.

Terdapat satu lagi faktor yang berbeza. Dalam masyarakat tradisional konsep taatsetia buta digunakan terutamanya untuk mengembangkan kepentingan peribadi raja. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa dalam masyarakat semasa, walaupun kepentingan peribadi mungkin masih berpengaruh, konsep taatsetia memenuhi kepentingan keseluruhan sesuatu kumpulan atau kelas dengan orientasi politik dan dasar ekonomi yang tertentu. Dalam ertikata lain, penekanan ke atas taatsetia tanpa soal bukan lagi semata-mata kerana mahukan ketaatsetiaan, ianya terikat kepada matlamat yang lebih besar.

Sepertimana dihuraikan dalam bab pertama, hubungan antara pemerintah dengan rakyat dalam masyarakat tradisional tidak setaraf tetapi dalam masyarakat semasa ianya pasti jauh lebih setaraf. Dalam masyarakat semasa setiap kali pelindung dikira gagal melaksanakan tugasnya, yang dilindung akan menarik balik ketaatsetiaan mereka. Ini tidak berlaku dalam masyarakat tradisional di mana mereka

yang diperintah tiada pilihan kecuali menerima raja sekalipun baginda mengorbankan kesejahteraan mereka. Kepada Tuhan diserahkan untuk menghukum raja berkenaan, bukan rakyat.

Walaupun wujud segala perbezaan ini, taatsetia masih diharapkan sebagai balasan perlindungan. Pengharapan taatsetia dalam suasana baru, dan yang menghadapi cabaran-cabaran baru, dapat kita sifatkan sebagai 'neo-feudalisme'. Maka neo-feudalisme menjadi sebahagian daripada politik kepimpinan UMNO. Sebagai doktrin, ia masih berteraskan hubungan feodal antara pemerintah dengan yang diperintah. Tetapi ia mempunyai sifat tersendiri yang lahir daripada suasana barunya.

CATATAN

1. Bagi sejarah kedirajaan di negara-negara Scandinavia, lihat *Scandinavian States and Finland*, (Royal Institute of International Affairs, London, 1951).
2. Lihat *Dasar-Dasar Pemerintah Islam*, oleh A. Shalaby, (Pustaka Nasional, Singapura, 1967).
3. Bagi penulisan ahli-ahli falsafah ini, lihat *Studies in Muslim Thought and Administration*, oleh H.K. Sherwani. (Sh. Muhammad Ashraf, Pakistan, 1970).
4. Sesungguhnya, dalam Islam taatsetia kepada Tuhan merupakan taatsetia kepada sifat ideal manusia, yang merangkumi nilai-nilai keTuhanan ini. Beberapa ahli fikir Muslim yang agung berpendapat begini. Lihat misalnya *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*, oleh Muhammad Iqbal, (Kftab Publishing House, Delhi, 1974), muka 147.
5. Lihat *The Islamic Law and Constitution*, oleh Abul'ala Maududi, terjemahan dan suntingan Khurshid Ahmad,

- (Islamic Publications, Lahore, Pakistan, 1955), muka 191.
6. Saya pasti elit-elit politik Malaysia dan beberapa golongan masyarakat tahu benar apa yang saya maksudkan. Mereka sendiri dapat memberi butir-butirnya. Bagi perbincangan mengenai soal ini lihat penulisan saya bertajuk *Protection of the Malay Community, op.cit.*, khususnya Bab 2.
 7. Lihat *Parliamentary Debates on the Constitution Amendment Bill 1971*. (Government Printer, Kuala Lumpur, 1972).
 8. *Ibid*, muka 3-4.
 9. Bagi perbincangan tentang bagaimana politik ketakutan berfungsi di kalangan masyarakat Melayu dan bukan-Melayu, lihat ucapan Mohd. Khir Johari dalam *Whither Democracy? An analysis of the Malaysian experience*, suntingan Khoo Yoke Kuan. (Aliran Publications, Penang, 1978).
 10. Pada pendapat saya keperluan perlindungan psikologi ini lebih kuat dirasakan oleh golongan Melayu kelas menengah berbanding dengan masyarakat kelas bawahan. Sudah pasti, kelas bawahan juga mungkin mempunyai perasaan yang serupa tetapi ia tidak disuarakan secara terbuka.
 11. Konsep 'state national', telah wujud sebelum Merdeka. Tetapi sebelum lahirnya Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, setiap negeri Melayu mempunyai 'warganegara' sendiri, yakni rakyat Sultan masing-masing. Selepas Merdeka, suatu konsep kewarganegaraan Persekutuan diwujudkan. Bagaimanapun idea 'state national' kekal. Rakyat seseorang Sultan — 'state nationals' — kadang-kadang mendapat keutamaan dalam hal-hal seperti biasiswa negeri. Bagi perbincangan mengenai aspek-aspek perlembagaan pada kewarga-

- negara, lihat *The Constitution of Malaysia*, H.E. Groves. (Malaysia Publications, Singapore 1964).
12. Lihat *Utusan Malaysia*, Ogos 7-15, 1978.
 13. *Ibid*, Ogos 9, 1978.
 14. Sultan Perak mengatakan bahawa baginda akan membangkitkan isu berkenaan dalam Persidangan Raja-Raja di Pulau Pinang pada bulan Disember 1978 tetapi sejak itu tidak kedengaran apa jua mengenainya.
 15. Jawatankuasa Eksekutif Aliran mengambil pendirian ini dalam suatu analisa mengenai perbalahan itu yang disiarkan oleh *Watan*, 2 September 1978.
 16. Perkataan penting 'Memelihara' digunakan dalam Perkara 4 Perlembagaan UMNO (1960). Pindaan ke atas Perlembagaan UMNO pada tahun 1979 tidak menjejaskan konsep ini.
 17. Lihat *Straits Times*, 10 Julai 1959.
 18. Lihat *Straits Echo*, 13 Julai 1959.
 19. UMNO perlu meninggikan imejnya kerana ia mengalami kekalahan teruk dalam pilihanraya negeri Kelantan dan Terengganu, yang mempunyai peratusan penduduk Melayu yang sangat tinggi. Di kedua-dua negeri ini PAS telah berkuasa.
 20. *Singapore: The Politics of Survival, 1965 - 1967*, oleh Chan Heng Chee. (Oxford University Press, 1971), muka 6.
 21. *Straits Times* 5 Mei 1965.
 22. *Utusan Melayu* 5 Mei 1964.
 23. Bagi perbincangan yang lengkap mengenai faktor-faktor yang membawakan pemisahan lihat rencana R.S. Milne bertajuk 'Singapore's Exit from Malaysia: the Consequences of Ambiguity', dalam *Asian Survey*, (Vol. 6, Mac 1966).

24. Lihat Mohammed Noordin Sopiee, *op.cit.*, muka 221.
25. Bagi butir-butir keputusan pilihanraya, lihat *The Malaysian General Election of 1969*, oleh R.K. Vasil. (Oxford University Press, 1972).
26. Tahap pencapaian PAS tidak dapat diukur semata-mata berdasarkan kekalahan tipis yang dialaminya di beberapa kawasan berpenduduk Melayu. PAS mungkin telah memperolehi lebih banyak undi Melayu sementara UMNO pula memenangi lebih banyak kerusi Melayu dengan bantuan undi penduduk minoriti bukan-Melayu di kebanyakan kawasan berpenduduk Melayu. Undi bukan-Melayu ini sungguh penting dan ia dapat menjadi penentu. Bagi perbincangan mengenainya sila lihat "The 1969 Parliamentary Elections in West Malaysia," oleh K.J. Ratnam dan R.S. Milne dalam *Pacific Affairs*, (Summer 1970).
27. Lihat *The May Thirteenth Incident And Democracy in Malaysia*, oleh Goh Cheng Teik, (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971).
28. Lihat *May 13 Tragedy, A Report*, National Operations Council, (Kuala Lumpur, 1969), muka 29-35.
29. Misalnya Tunku dikritik kerana menasihati Yang Dipertuan Agung supaya memberi pengampunan kepada beberapa rakyat Malaysia keturunan Cina yang dihukum mati kerana menjalankan kegiatan yang dianggap penderhakaan kepada negara semasa konfrontasi Indonesia-Malaysia di antara tahun 1964 dan 1966. Bagaimanapun menjelang tahun 1969 hubungan di antara kedua-dua negara kembali mesra. Kritikan ini terkandung dalam sepucuk surat empat muka yang dikatakan ditulis oleh Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu menjadi salah seorang pemimpin pergerakan menentang Tunku.

30. Bagi perbincangan mengenai ini lihat rencana Anthony Reid bertajuk 'The Kuala Lumpur Riots and the Malaysian Political System' dalam *Australian Outlook*, (Disember, 1969).
31. Lihat C.T. Goh *op.cit.*, muka 28-31.
32. Selain tekanan-tekanan ini, Tunku menyatakan bahawa beliau akan bersara bila anak saudara lelakinya, Sultan Kedah, menjadi Yang Dipertuan Agung. Ini berlaku pada bulan September 1970.
33. Menyentuh perlindungan yang diberi kepada bahasa Melayu dan kedudukan istimewa, tidak lagi dapat disoal peranan bahasa-bahasa lain dan aspirasi sah masyarakat bukan-Melayu. Tambahan pula, pindaan kewarganegaraan tersebut menguntungkan orang-orang bukan-Melayu. Bagi butir-butir perundangan tersebut lihat *Parliamentary Debates on the Constitution Amendment Bill 1971*, (Government Printer, Kuala Lumpur 1972).
34. Azam UMNO untuk menjuarai kepentingan Melayu merupakan salah satu sebab bagi gabungan PAS-UMNO. Politik gabungan dibincangkan dalam rencana saya bertajuk 'Coalition Politics', *Commentary*. (University of Singapore Society, January-March, 1973).
35. Lihat *The Malay Dilemma*, oleh Mahathir Mohamad. (Donald Moore, Singapore, 1970), muka 11-12. Beliau disingkir dari UMNO kerana menulis surat yang disebutkan tadi (Nota 29). Kemudian beliau diterima kembali ke dalam UMNO.
36. Lihat rencana Tunku Abdul Rahman bertajuk "Perjuangan UMNO sesuai dengan aliran zaman", dalam *UMNO 20 Tahun* (Ibupejabat UMNO, Kuala Lumpur, 1966).
37. Lihat *The Alliance*, Jurnal Parti Perikatan. (Vol. 3 Mac 11, 1966), muka 1.

38. Lihat *Utusan Malaysia*, 31 Mei 1975. —
39. Dato Harun menjadi pemimpin Pemuda UMNO pada tahun 1971. Beliau juga menjadi Menteri Besar Selangor pada waktu itu. Antara sebab populariti beliau ialah imejnya sebagai 'juara Melayu' — imej yang lahir dari rusuhan 13 Mei.
40. Bagi contoh kritikan seumpama itu lihat *Utusan Malaysia*, 26 Mei, 1975.
41. Lihat "Tindakan Baru Pemuda Wanita UMNO", oleh Tun Dr. Ismail. *A Pamphlet* (23 Jun, 1972), muka 17-8.
42. Tun Ismail lebih tua daripada Tun Razak dan keadaan kesihatan beliau tidak menentu. Dato Hussein Onn juga menghadapi masalah kesihatan. Begitupun, lebih penting lagi, Tun Razak dijangka akan berkuasa untuk sekurang-kurangnya sepuluh tahun lagi. Tiada siapa yang menduga bahawa beliau sendiri tidak sihat. Maka besar kemungkinan beberapa pemimpin muda UMNO mempunyai peluang lebih baik dari segi jangka panjangnya.
43. Beliau sering memetik kata-kata Tun Razak dan secara terbuka berikrar akan bertaatsetia kepada kepimpinannya. Lihat misalnya *Utusan Malaysia*, 21 Jun 1975.
44. Hal ini dinyatakan dengan baik sekali oleh Subky Latif dalam bukunya *Suka Duka Politik Tun Razak*, (Amir Enterprise, 1976), Bab. 8.
45. *Ibid*, muka 136-7.
46. Terdapat beberapa tuduhan rasuah terhadap beliau yang melibatkan kedudukan beliau selaku Menteri Besar dan Pengerusi Bank Rakyat. Beliau didapati bersalah dan dihukum penjara enam tahun. Bagi butir-butir mengenai dakwaan ke atas beliau lihat *Datuk Harun di Mahkamah*, oleh Marwilis Haji Yusuf. (Amir Enterprise, Kuala Lumpur, 1976).
47. Lihat misalnya *New Straits Times*, 10 Mei 1976.

48. Ini dibincangkan oleh Syed Hussein Alatas dalam rencananya 'Feudalism', dalam *Modernisation, op.cit.*
49. Mereka terdiri daripada En. Ghaffar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dr. Mahathir Mohamad. Lihat *Mingguan Malaysia*, 22 Jun 1975, bagi butir-butir keputusan.
50. Kemunculan suatu puak di sekeliling Tun Razak dikaji secara kasar oleh Harun Hassan dan Subky Latif dalam buku *Siapa Selepas Tun Razak?*, (Amir Enterprise, Kuala Lumpur, 1975).
51. Perkara 153 (Mengenai kedudukan dalam perkhidmatan awam, biasiswa dan lesen perniagaan) serta Perkara 89 (mengenai tanah). Untuk butir-butir sila lihat Suffian Hashim, *op.cit.*
52. Untuk mengetahui tentang perkembangan peluang-peluang ini rujuk penulisan saya yang berjudul *Protection of the Malay Community, op.cit.*, terutamanya Bab dua.
53. Menurut Ungku Aziz, pendapatan bulanan 90 peratus daripada tenaga kerja Melayu ketika kemerdekaan kurang daripada \$200. Lihat rencana beliau "Facts and Fallacies of the Malay Economy", *Mimeograph*, muka 3. Menurut Silcock dan Fisk, walaupun jumlah tenaga kerja Melayu lebih besar, anggaran pendapatan purata seorang pekerja Melayu pada tahun 1957 berada dalam lingkungan 23-25 peratus berbanding dengan 60-63 peratus bagi masyarakat Cina yang lebih kecil jumlah tenaga kerjanya. Lihat *Political Economy of Independent Malaya*, (Eastern Universities Press, 1963).
54. Saya menghuraikan hal ini dalam *Some Dominant Concepts, op. cit.*, Bab 4.
55. Lihat *Utusan Malaysia*, 26 April 1978.
56. Sentimen asas beliau terkandung dalam *May 13 Before and After*, (Utusan Melayu Press, 1969), terutamanya Bab 17.

57. Saya membincangkan soal ini dalam "The New Economic Policy and the Quest for National Unity", *Fifth Malaysian Economic Convention*, (Malaysian Economic Association, 1978).
58. Lihat *Straits Times*, 7 Julai 1969.
59. Beberapa individu termasuk ahli-ahli akademik menghasilkan buku ini yang pada keseluruhannya mencerminkan kekurangan pengetahuan mengenai faktor-faktor sosial yang membawa perubahan. Buku ini telah dikritik dengan berkesan sekali oleh Syed Hussein Alatas dalam *Siapa Yang Salah*, (Pustaka Nasional, Singapura, 1972) dan dalam *The Myth*, *op.cit.*
60. Lihat *Revolusi Mental*, suntingan Senu Abdul Rahman. (Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1971), muka 75-6.
61. Mahathir Mohamad, *op. cit.*, muka 163.
62. Lihat misalnya ucapan beliau di Seminar Ekonomi Bumiputra, *Utusan Malaysia*, 5 April, 1973.
63. Bab Lima membicarakan kepalsuan hujah kononnya masyarakat Melayu memiliki ciri-ciri yang disebutkan. Saya juga tidak menganggap kecenderungan ke arah materialisma sebagai nilai positif mana-mana masyarakat. Bagi perbincangan mengenai asas-asas etika dalam pembangunan, lihat *The Cruel Choice*, oleh Denis Goulet (Atheneum, 1977).
64. Selain Dr. Mahathir, Tun Dr. Ismail, yang juga doktor perubatan, turut beranggapan demikian. Beliau pernah menyatakannya kepada hadirin pelajar di Amerika Syarikat pada awal tahun tujuh puluhan.
65. Lihat Mahathir Mohamad, *op.cit.*, terutamanya muka 28-29.
66. Lihat Syed Hussein Alatas, *Siapa*, *op. cit.* dan *Myth*, *op. cit.* Kedua-dua penulisan beliau ini menolak 'teori' genetik Mahathir dari sudut sains sosial. Beliau

menolaknya dengan hujah-hujah yang sungguh meyakinkan.

67. Lihat Mahathir Mohamad, *op. cit.*, muka 31.
68. Lihat *Utusan Malaysia*, 2 Jun 1979.
69. Kos dan faedah skim Felda telah dikaji oleh Lim Sow Ching dalam tesis Ph.d beliau bertajuk *Land Development Scheme in West Malaysia: A Study of Benefits and Costs*, (Australian National University, Canberra, 1972).
70. Menurut R. Thillainathan, "Penghuni Felda mungkin memperoleh pendapatan bulanan sebanyak \$300". Lihat rencana beliau bertajuk "Public Policies and Programmes for Redressing Poverty in Malaysia: A Critical Review" dalam *Poverty in Malaysia*, suntingan B.A.R. Mokhzani dan Khoo Siew Mun. (Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur, 1977), muka 257.
71. Menjelang akhir tahun 1976 terdapat hanya 38,835 keluarga penghuni. Dianggarkan menjelang 1980 akan terdapat 60,400 keluarga penghuni. Ini tidak menghairankan kerana pada tahun 1976 sendiri terdapat 18,477 pemohon berjaya yang menunggu untuk ditempatkan di Felda. Lihat *Felda Laporan Tahunan 1976*, muka 7.
72. Bagi data mengenai komposisi kaum dalam kolej dan universiti dari tahun 1970 hingga tahun 1973, sila lihat *Mid-term Review of Second Malaysian Plan 1971-75*, (Government Press, Kuala Lumpur, 1973), muka 193.
73. Antara lain disebabkan kritikan para pelajarlah maka *Akta Universiti dan Kolej Universiti* dibentuk pada tahun 1971.
74. Lihat Tunku Abdul Rahman, *May 13, op. cit.*, muka 133-34.
75. Beliau melakukannya di ruangan mingguan beliau dalam akhbar *Star*. Lihat misalnya, "As I See It" dalam *Star*

- 17 Julai 1978. Beliau khususnya mengkritik pelajar-pelajar dan ahli-ahli akademik yang menyokong parti PAS semasa pilihanraya Julai 1978. Hujah beliau, ahli-ahli akademik tidak berhak menyertai politik.
76. Demonstrasi para pelajar ini menimbulkan reaksi yang kuat daripada Tun Razak. Lihat *Straits Times*, 6 dan 9 Disember 1974.
 77. Lihat *A Bill intituled an Act to amend the Universities and University Colleges Act 1971*.
 78. Misalnya pada tahun 1966, Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya, yang dianggotai sebahagian besarnya oleh orang-orang bukan Melayu, mengancam mengambil tindakan perusahaan. Tindakbalas kerajaan tidaklah sehebat tindakbalasnya pada Februari – Mac 1979 bila Persatuan yang sama – sekarang dengan jumlah keanggotaan Melayu yang besar – mengambil keputusan untuk melancarkan mogok.
 79. Lihat *New Straits Times*, 1 April 1978.
 80. *Loc. cit.*
 81. Sebenarnya peraturan-peraturan ini sudah pun dimaktubkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan dikenali sebagai Disiplin Peraturan Kakitangan. Bagi penilaian ke atas peraturan-peraturan ini lihat rencana Aliran bertajuk "The Rules for Academics: the Pitfalls", dalam *National Echo*, 19 Februari 1979.
 82. Bagi mendapat maklumat mengenai perselisihan sebenarnya, lihat *The New Straits Times*, Februari-Mac 1979.
 83. Saya menekankan pentingnya para pekerja bertaatsetia kepada pergerakan buruh dalam rencana saya bagi pihak Aliran bertajuk "Labour at the Crossroads", *National Echo*, 7 Mei 1979.
 84. Lihat *New Sunday Times*, 8 Julai 1979.
 85. Lihat *Utusan Melayu*, 16 April 1969.

86. Ini terkandung dalam Akta Kesalahan Pilihanraya. Aliran telah menyedarkan orang ramai mengenai syarat ini dalam kempennya bagi menggesa kesemua calon pilihanraya untuk mengisytiharkan harta kewangan mereka kepada para pengundi. Lihat *Watan* 15 Jun 1978.
87. Meskipun diberi amaran ini, para pengundi di Pulau Pinang mengundi untuk Gerakan yang mendapat 2/3 majoriti di Majlis Perundangan Negeri. Lihat *The Malaysian General Election of 1969, op. cit.* oleh R. K. Vasil.
88. Antara trend demikian merupakan sikap tidak bertolakansur terhadap agama-agama bukan Islam. Jika ini berlaku, ia akan menimbulkan reaksi dari masyarakat bukan-Islam. Juga, terlalu banyak penekanan ke atas upacara dan kegiatan agama Islam akan menimbulkan ketidakpuasan di kalangan masyarakat bukan-Islam. Perlunya suatu pendekatan baru dibincangkan dalam 'pengenalan' saya kepada *The Universalism of Islam*, (Aliran publications, Penang 1979).
89. Lihat misalnya pandangan Lau Pak Khuan, Pengerusi MCA Perak dalam *Straits Echo*, 29 Mac 1957. Juga lihat pendirian yang diambil oleh Persekutuan Dewan-Dewan Perniagaan Cina dalam B. Simandjuntak, *op. cit.*, muka 85.
90. Lihat risalah DAP bertajuk "DAP and Cultural Democracy", *Pamphlet*, muka 4. Lihat juga kata-kata Lim Kit Siang mengenai penggunaan bahasa-bahasa lain dalam *Sin Chew Jit Poh*, 28 April 1969.
91. Bagi analisa mengenai ini lihat *Protection, op. cit.*, terutamanya bab 3.
92. Perbalahan mengenai Universiti Merdeka menjelang akhir tahun 1978 di mana beberapa golongan masyarakat Cina menuntut agar ditubuhkan sebuah

- Universiti bahasa Cina menjadi contoh persengketaan bahasa. Suatu kajian mengenai perbalahan ini dibuat dalam *The Real Issues: Aliran on the Merdeka University*, (Aliran Publications, Penang, 1979).
93. Upacara dahulukala untuk menyambut kelahiran seseorang Putera pernah diadakan kembali di Negeri Sembilan beberapa tahun dahulu. Upacara menindik telinga dan bersunat diadakan dengan kegemilangan tradisional. Ini pernah berlaku dalam keluarga diraja Perak. Semasa awal Kemerdekaan, perkahwinan puteri seseorang Sultan yang menjadi Agung dilangsungkan dengan segala keindahan dan keistimewaan istana diraja lama.
 94. Menurut S. H. Alatas, "dalam masa sepuluh tahun yang lalu semenjak Kemerdekaan, Malaysia sudah pasti menghabiskan berjuta-juta ringgit untuk pingat dan riben". Lihat rencana beliau "Feudalism" dalam *Modernisation, op. cit.*, muka 109. Jumlah wang yang dibelanjakan sekarang sudah tentu lebih tinggi.
 95. Suatu kes mahkamah pada awal 1979 di mana dua orang wanita dari sebuah keluarga diraja didakwa menerima rasuah daripada seorang ahli perniagaan yang ingin benar mendapat bintang kenamaan yang tinggi boleh dijadikan contoh mengenai apa yang saya maksudkan di sini.
 96. Bagi mendapatkan angka-angkanya lihat *New Straits Times* 6 Jun 1979.
 97. Berhubung soal ini perhatikan bahawa Tunku Abdul Rahman dan Tengku Razaleigh tidak menggunakan sebarang pingat lain yang dikurniakan kepada mereka.
 98. Ini juga merupakan anggapan kapitalis mengenai hero seperti yang terkandung dalam *Revolusi Mental, op. cit.*, muka 172.

99. Anugerah ini dimulakan oleh Tunku Abdul Rahman di awal tahun-tahun Kemerdekaan. Ia kekal sehingga ke hari ini. Hubungan antara Hang Tuah dengan budaya politik Melayu dianalisa secara terperinci oleh Shahrudin Maaruf dalam *The Conception of the hero in Malay Society*, disertasi M.A. (University of Singapore, Singapore, 1979).
100. Inilah yang cuba dilakukan oleh Dr. Mahathir dalam kata pengantar buku beliau, *Menghadapi Cabaran*, (Pustaka Antara 1976), muka XIV. Beliau memetik kata-kata masyhur Hang Tuah yang berbunyi, "Ta'kan Melayu hilang dari Dunia."

Pencantuman kepentingan kelas pemerintah dan kepentingan masyarakat Melayu ini sungguh besar ertinya. Peristiwa Malayan Union merupakan yang pertama dalam serangkaian peristiwa di mana timbulnya pencantuman sebegini rupa. Pencantuman beginilah yang seringkali membolehkan kelas pemerintah memperalat kepentingan ramai untuk faedah diri. Ikatan antara pemerintah dengan yang diperintah yang memudahkan berlakunya ini tentunyalah sikap taatsetia tanpa soal.

Berbagai peristiwa di zaman sesudah Kemerdekaan yang dikaji dalam bab empat dapat mengukuhkan kenyataan di atas. Sebagai misalan kita ambil krisis UMNO-MCA tahun 1959. Memandangkan politi Melayu dalam sejarah dan pemberian kewarganegaraan kepada ramai penduduk bukan Melayu pada tahun 1957, tahap penyertaan masyarakat dilihat dari sudut ini tuntutan MCA untuk tambahan kerusi Parlimen tidak wajar sama sekali. Tuntutan ini pasti merupakan cabaran terhadap kedudukan politik Melayu yang sah, di samping mencabar peranan UMNO dalam Perikatan. Biar pun begitu kepimpinan UMNO tersilap kerana mengatakan hanya menerusi taatsetia sahajalah kedudukan politik Melayu dapat dilindungi. Masyarakat Melayu tidak sedar bahawa kedudukan politik mereka sudah sememangnya terlindung kerana dalam sistem pilihanraya bilangan kerusi di kawasan luar bandar melebihi bilangan di kawasan bandar. Kelebihan kerusi di kawasan luar bandar ini dikenali sebagai 'rural weightage' (penekanan untuk desa). 'Rural weightage' tidak ada kena-mengena dengan soal kaum apabila ia pertama kali diperkenalkan pada tahun 1954.³ Sistem 'rural weightage' juga wujud di negara-negara lain di mana kekurangan kemudahan awam dan penduduk yang jarang taburannya di kawasan desa serta faktor-faktor lain mengharuskan kelebihan kerusi demi mencapai sedikit sebanyak kesaksamaan dengan kawasan bandar yang lebih maju.⁴ Selagi terdapat ketidakseimbangan dari segi kemudahan dan

BAB LIMA

KETAATSETIAAN: KESAN-KESAN; RENUNGAN

Setelah mengkaji konsep serta amalan taatsetia tanpa soal dari zaman Melaka sehingga zaman Kemerdekaan, kini wajar kita menilai kesan keseluruhannya ke atas masyarakat. Kesan-kesan buruk yang didatangkan oleh taatsetia tanpa soal di zaman Melaka sudah pun diterangkan. Di zaman kolonial juga, seperti diterangkan dalam bab tiga, taatsetia tanpa soal kepada Sultan pada dasarnya menguntungkan British manakala masyarakat Melayu terus hidup dalam kemiskinan dan diabaikan.

Bagaimana pula tentang zaman sesudah Perang Dunia Kedua, sejak bermulanya peristiwa Malayan Union? Masyarakat tempatan yang lemah dari segi ekonomi merasa bimbang akan kemungkinan diatasi kaum pendatang yang tiba beramai-ramai. Kebimbangan ini memang berasas. Maka perjuangan menentang Malayan Union adalah adil. Tetapi ini tidak bererti satu-satunya cara mencapai kemenangan ialah menerusi taatsetia tanpa soal kepada kelas bangsawan-pentadbir. Secara hipotetikal, kumpulan-kumpulan lain yang berpegang kepada konsepsi yang lebih rasional tentang hubungan antara pemerintah dengan yang diperintah juga dapat menentang Malayan Union kerana mereka juga bersungguh-sungguh membantah seluruh rancangan ini.¹ Bagaimanapun, memandangkan struktur feodal masyarakat Melayu, hanya kelas bangsawan-pentadbir berupaya mengerah serta menyatupadukan orang-orang Melayu. Kelebihan inilah yang dipergunakan oleh golongan bangsawan-pentadbir untuk kepentingan mereka sendiri. Semasa mewakili seluruh masyarakat Melayu bagi menentang cadangan-cadangan kewarganegaraan dalam Malayan Union, golongan ini juga dapat melindungi kedudukan raja-raja dan pentadbir Melayu yang diancam oleh dasar baru British ini.

perkhidmatan, wajar diadakan 'rural weightage'.⁵ Dalam sistem pilihanraya di negara kita 'rural weightage' menghasilkan lebih banyak kawasan majoriti penduduk Melayu berbanding dengan kawasan majoriti penduduk bukan-Melayu. Faktor inilah, lebih daripada sebarang faktor lain, yang memastikan keulungan politik Melayu. Dalam ertikata lain, kedudukan politik Melayu selamat dan terpelihara selagi adanya sistem 'rural weightage'. Taatsetia tanpa-soal kepada kepimpinan UMNO pasti bukan prasyarat bagi perlindungan ke atas kedudukan politik Melayu. Namun, ia dijadikan perlu untuk mengekalkan kedudukan politik kepimpinan UMNO.

Kita telah lihat bagaimana cabaran MCA memberi peluang kepada kepimpinan UMNO untuk mencantumkan kepentingannya dengan kepentingan masyarakat Melayu. Perkara yang sama berulang dalam peristiwa yang melibatkan Lee Kuan Yew. Tanpa memahami latarbelakang sejarah negara ini dan soal pendudukan masyarakat bukan-Melayu dalam sebuah negara Melayu, Lee Kuan Yew membidas keulungan politik Melayu, peranan dominan bahasa Melayu dan juga taraf pribumi masyarakat Melayu. Seperti dijangka ia menimbulkan rasa bimbang di kalangan masyarakat Melayu. Kepimpinan UMNO menggunakan kesempatan ini untuk menuntut taatsetia tanpa soal dari kalangan UMNO dan masyarakat Melayu. Ia mendakwa itulah satu-satunya cara berkesan untuk melindungi kepentingan masyarakat Melayu. Bagaimanapun, pada hakikatnya, keulungan politik Melayu yang diwujudkan oleh sistem pilihanraya 'rural weightage' dan kesedaran yang berleluasa di kalangan masyarakat Melayu tentang kesahihan keulungan politik mereka, yang mulai nyata menjelang pertengahan tahun-tahun enam puluhan, merupakan jaminan yang jauh lebih teguh. Malangnya masyarakat Melayu tidak pernah diberi peluang untuk menyedari hal ini. Sehingga ke hari ini pun sungguh kurang fahaman tentang ciri-ciri asas dalam kedudukan politik Melayu.

Dalam peristiwa tahun 1969 yang diterangkan dalam bab lalu, cabaran pilihanraya yang diberikan oleh beberapa parti politik yang berasaskan sokongan masyarakat bukan-Melayu — suatu cabaran terhadap kedudukan politik dan budaya Melayu — telah diperalat untuk melahirkan sebuah kepimpinan baru UMNO yang secepat kilat menjadi tumpuan sokongan dan taatsetia tanpa soal. Sekali lagi, kekalahan pilihanraya yang dialami oleh UMNO tidak menjejaskan kedudukan Melayu kerana PAS, parti pembangkang yang berpendirian tegas dalam soal bahasa Melayu, Islam dan kuasa politik Melayu, lebih kuat dibandingkan dengan kekuatannya pada tahun 1964 ataupun 1959, jika dinilai dari segi jumlah undi yang diperolehinya.⁶ Namun kedudukan Melayu pada tahun 1969 masih dapat dianggap berada dalam keadaan merbahaya, sekiranya kita menyamakan kedudukan Melayu dengan kedudukan UMNO!

Kedudukan UMNO disamakan dengan kedudukan Melayu, kemudian penyamaan ini digunakan sebagai asas bagi mensahihkan peranan kepimpinan UMNO sebagai pelindung. Mereka yang dilindungi pula diharuskan bertaatsetia. Ini tidak dapat dinafikan telah menjadi tabiat politik UMNO, parti politik terbesar dalam negara. Dalam proses tersebut kepimpinan UMNO menyelimuti sifat sebenar kedudukan politik Melayu. Oleh kerana kedudukan sebenar tidak didedahkan maka mungkin tafsiran Mannheim tentang konsepsi ideologi yang khusus padan dengan kepimpinan UMNO. Mannheim mentafsirkannya begini, “sengaja menutupi sifat sebenar keadaan, yang diketahui akan mengancam kepentingan golongan tersebut”.⁷ Nescaya kepentingan UMNO akan terjejas sekiranya masyarakat Melayu sedar bahawa sistem pilihanraya kini yang tidak berunsur kaum adalah lebih penting kepada kedudukan politiknya daripada perlindungan yang dapat diberi oleh pemimpin-pemimpin substantif atau pemimpin-pemimpin simbolik!

Pentafsiran hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi sebagai suatu ideologi dari segi tafsiran Mannheim lebih bererti sekiranya kita meneliti dimensi ekonomi dalam hubungan tersebut. Sepertimana kewarganegaraan dalam Malayan Union dan cabaran-cabaran bukan-Melayu, terdapat berbagai unsur dalam situasi ekonomi yang objektif, yang menimbulkan ketakutan dan perasaan tidak selamat di kalangan masyarakat Melayu. Perasaan ini berpunca daripada kemiskinan masyarakat Melayu, kekurangan orang Melayu dalam bidang perdagangan, perindustrian dan bidang-bidang profesional serta peratusan kecil orang Melayu dalam peringkat menengah dan atasan masyarakat, khususnya dalam suatu struktur kapitalis di mana pemilikan harta bererti kuasa, nama dan pengaruh. Seperti yang telah dilihat di bab keempat, UMNO cuba menyelesaikan masalah ini secara memberi peluang dan kemudahan khas kepada orang-orang Melayu tanpa menjejaskan rangka ekonomi kapitalis. Telah disentuh juga bagaimana ekonomi yang berasaskan modal dan bertumpukan kepada keuntungan akan meningkatkan kebimbangan kaum yang miskin, yang berulang kali diberitahu pula bahawa oleh kerana berbagai faktor budaya mereka tidak dapat menandingi yang lain. Ketidakyakinan diri masyarakat miskin inilah yang memungkinkan perlindungan dan ketaatsetiaan.

Sekiranya dapat kita tunjukkan bahawa 'peluang dan kemudahan istimewa' tidak begitu penting bagi mengatasi rintangan-rintangan ekonomi yang dihadapi oleh majoriti masyarakat Melayu yang miskin, akan terbukti bahawa perlindungan, dan maka dengan itu taatsetia tanpa soal, tidak berasas. 'Peluang dan kemudahan istimewa' seperti termaktub dalam perlembagaan negara dan diperpanjangkan kepada berbagai agensi awam tidak banyak mengubah realiti. Beberapa contoh dapat dikemukakan untuk membuktikan perkara ini. Tanah-tanah simpanan Melayu yang merupakan satu peruntukan perlembagaan – telah melindungi konsep hakmilik tanah orang-orang Melayu.⁸ Tetapi oleh kerana peruntukan tersebut

tidak membuat sebarang pembezaan antara golongan Melayu kaya dan golongan Melayu miskin maka ianya kurang bererti kepada seorang Melayu miskin yang samada tidak bertanah atau terpaksa menjual tanahnya kepada golongan Melayu kaya.⁹ Begitu juga, segala peluang yang disediakan dalam bidang perdagangan dan perindustrian menerusi lesen, pinjaman, nasihat, latihan dan sebagainya telah hanya menguntungkan golongan tertentu dalam masyarakat Melayu yang berhasrat memasuki bidang perniagaan. Memandangkan pertalian politik dan lain-lain bentuk ikatan luar sangat perlu untuk mendapat kemudahan kredit yang besar bagi usaha perdagangan, maka tidak dapat dinafikan bahawa ahli-ahli perniagaan sejati kadangkala mungkin diabaikan dalam usaha mewujudkan golongan elit perdagangan dan perindustrian Melayu.¹⁰ Oleh itu tidaklah menghairankan bahawa sehingga kini pedagang Kelantan masih merupakan masyarakat pedagang Melayu yang paling teguh dalam negara. Masyarakat pedagang Kelantan telah berkembang menerusi ketekunan mereka sendiri. Perkembangan mereka ini tidak dapat dinafikan dibantu oleh peranan keusahawanan kolonial yang sangat terhad di Kelantan.¹¹

Malah dalam bidang pelajaran pun, kemudahan khas seperti pinjaman, biasiswa serta tempat di kolej dan universiti sangat sedikit faedahnya kepada majoriti murid Melayu yang memasuki sekolah setiap tahun. Memandangkan kadar keciciran yang tinggi di sekolah-sekolah luar bandar¹² yang dihadiri kebanyakan pelajar Melayu, besar kemungkinan hanya segelintir daripada mereka yang akan berjaya dalam sistem persekolahan dan mendapat faedah yang disebutkan tadi. Maka, kemudahan istimewa dalam pelajaran tidak mendatangkan faedah kepada majoriti keluarga Melayu.

Sepertinya juga sistem kuota yang menguntungkan orang-orang Melayu dalam divisyen pertama Perkhidmatan Sivil, Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman serta bahagian-bahagian tertentu dalam Perkhidmatan Awam -- yang kebetulannya juga termaktub dalam Perlembagaan

negara sebagai prinsip am¹³ – tidak mungkin mengubah keadaan ekonomi sebahagian besar masyarakat Melayu. Jelas sekali, mereka yang benar-benar beruntung darinya ialah para pegawai itu sendiri dan kaum keluarga mereka!

Walaubagaimanapun, tidak dapat disangkal bahawa dalam bidang-bidang tertentu 'peluang istimewa' telah membantu beberapa golongan masyarakat Melayu. Peluang istimewa dalam pelajaran – meskipun demi kepentingan golongan elit – telah meningkatkan bilangan pelajar Melayu di peringkat kolej dan universiti.¹⁴ Peluang istimewa juga telah mempercepatkan pertumbuhan tenaga kerja Melayu di sektor perbandaran¹⁵, khususnya dalam jawatan-jawatan yang selama ini didominasi oleh tenaga kerja bukan-Melayu. Tetapi jangan kita lupa akan satu fakta yang sering diabaikan: sekalipun tidak ada peluang istimewa, bilangan orang Melayu di peringkat pelajaran tinggi dan sektor perbandaran sudah pasti meningkat secara konstan dari setahun ke setahun. Ini kerana dengan meningkatnya pelajaran rendah dan menengah, semakin ramai pelajar Melayu yang layak memasuki kolej dan universiti, sepertimana ramainya mereka yang gagal memasuki institusi-institusi ini.¹⁶ Mereka yang mencari pekerjaan setelah tamat persekolahan pula akan memasuki pelbagai bidang pekerjaan di bandar.

Segala ini bermaksud bahawa 'kemudahan dan peluang istimewa' amat terhad peranannya dalam perjuangan sebenar untuk meningkatkan taraf hidup majoriti penduduk Melayu. Ini semakin nyata bila kita menganalisa bidang-bidang ekonomi yang secara langsung memberi kesan ke atas kesejahteraan hidup masyarakat Melayu. Masalah sawah padi dan ladang getah yang tidak ekonomik, eksploitasi dalam sistem kredit dan pemasaran di kawasan luar bandar, ketiadaan tanah, kekurangan industri luar bandar, pendapatan kecil pekerja-pekerja di peringkat kerja paling rendah di bandar dan lain-lain ciri dalam struktur sosio-ekonomik yang wujud kini telah mengurung masyarakat Melayu dalam kemiskinan yang diwarisinya dari zaman kolonial dan feudal.

Lebih penting, tiada satu pun masalah yang disebutkan di atas dapat diselesaikan menerusi 'kemudahan dan peluang istimewa'. Setiap satu masalah di atas memerlukan perubahan asas dalam struktur-struktur sosial yang wujud kini. Misalnya, kita dapat mewujudkan tanah-tanah yang ekonomik hanya jika kita membuat perubahan asas dalam corak hakmilik dan kawalan tanah dalam ekonomi luar bandar. Begitu juga, golongan miskin akan berfaedah dari sistem pemasaran hanya jika mekanisma pembahagian dan pertukaran adalah adil kepada mereka. Pendapatan rendah di kawasan bandar akan meningkat hanya jika konsep buruh dalam hubungannya dengan modal menjalani transformasi.¹⁷

Perubahan struktural seperti ini tidak dijalankan. Namun kebanyakan penulis yang menulis mengenai masalah yang dihadapi oleh ekonomi Melayu menyebut tentang perimustahaknya transformasi struktural demi meringankan beban kemiskinan dan penderitaan masyarakat Melayu.¹⁸ Sesungguhnya, tanpa transformasi sosio-ekonomi yang besar, majoriti penduduk Melayu akan kekal miskin seperti di bawah pemerintahan British dan juga di bawah raja mereka sendiri di masa lalu. Pihak British tidak mengusahakan transformasi sebegitu kerana ianya bertentangan dengan matlamat kolonial. Di zaman feodal di bawah pemerintahan Sultan-Sultan, jurang kekayaan dan kedudukan antara kelas pemerintah dengan rakyat sangat luas. Soalnya sekarang, apakah yang telah menghalang pelindung di zaman sesudah Merdeka daripada mengusahakan transformasi?

Sebahagian daripada jawapannya terletak dalam cara bagaimana golongan kelas menengah dan atasan Melayu yang semakin berkembang telah meraih untung daripada segala 'rahmat' sistem kapitalis.¹⁹ Antara faktor lain ialah politik konservatif kumpulan yang mewarisi kuasa dari pihak British dalam tahun 1957 serta pertalian yang dijalinnya dengan MCA yang berorientasi kapitalis. Sekali lagi, perlu ditegaskan bahawa sistem kapitalis yang wujud kini

bertentangan sama sekali dengan kepentingan sebenar masyarakat Melayu.

Inilah yang menjadikan dimensi ekonomi pada hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi satu ideologi dalam ertikata sebenar-benarnya. Sifat sebenar keadaan, yang tidak memenuhi kepentingan majoriti masyarakat, telah diselindungi. Dengan cara ini kuasa dan kedudukan golongan elit kekal dan terlindungi.

Pihak pelindung telah mencapai kejayaan besar dalam menyelindungi keadaan sebenar. Masyarakat Melayu nampaknya yakin bahawa 'kemudahan dan peluang istimewa' penting bagi survival mereka. Penerimaan 'kemudahan dan peluang istimewa' yang meluas di kalangan masyarakat Melayu boleh diibaratkan sebagai suatu 'kesedaran palsu'. 'Kesedaran palsu' ditafsirkan sebagai "beberapa kepercayaan yang salah tentang hal-hal yang mustahak kepada mereka, yang menjadi pegangan bersama oleh seluruh ahli sesebuah kumpulan atau pun seluruh ahli sesuatu kaum".²⁰

Kesedaran palsu beroperasi dalam cara yang mudah dikenali. Sebarang cadangan transformasi struktural dibidas sebagai propaganda 'sosialis', 'komunis' atau 'anti-nasional', sekalipun ia mungkin saranan daripada individu dan kumpulan yang tidak ada kena mengena dengan sebarang bentuk sosialisma.²¹ Masyarakat Melayu diyakinkan bahawa tanpa peluang istimewa, mereka akan terhapus sepenuhnya. Terhadnya faedah peluang istimewa ini cepak disembunyikan dari mata rakyat. Para pelindung cuba melahirkan anggapan bahawa setiap bentuk aktiviti ekonomi untuk masyarakat Melayu ada kaitannya dengan 'kedudukan istimewa'. Realiti sistem kapitalis yang penuh saingan ditonjolkan sebagai bukti bahawa tanpa bantuan istimewa masyarakat Melayu akan kekal miskin dan terkebelakang. Hakikat bahawa sistem kapitalis itu sendiri yang memenuhi kepentingan para pengusaha yang sudah maju dan bermodal besar menyulitkan masyarakat Melayu untuk bersaing tidak pernah ditimbulkan.

Mereka tidak sedar bahawa kisah-kisah tentang seorang dua yang mulanya miskin kemudian menjadi jutawan tidak dapat menyelamatkan kehidupan seluruh masyarakat.²² Masyarakat Melayu tidak henti-henti diingatkan bahawa banyak faktor budaya menghindar keupayaan mereka untuk bersaing atau maju secara berdikari. Tidak pernah walau seorang pemimpin UMNO mengakui bahawa orang-orang Melayu telah menyesuaikan diri dengan perubahan sosial. Kesungguhan masyarakat Melayu dalam menerima pendidikan moden, perubatan moden, penanaman dua kali setahun, rancangan pengairan secara besar-besaran, penggunaan jentera perladangan, skim-skim Felda, industrialisasi dan pekerjaan di bandar menunjukkan bahawa sifat-sifat budaya Melayu tidak dan tidak pernah menghalang kemajuan dan pembangunan.²³ Sebaliknya, pemimpin-pemimpin yang merungutkan bahawa masyarakat Melayu kurang inisiatif kadangkala merasa serbasalah juga taktala menyedari bahawa masyarakat Melayu juga berupaya membuka tanah secara berdikari terutama sekali jika permohonan mereka lewat dilayan oleh pihak birokrasi.²⁴ Malah di zaman penjajah masyarakat Melayu tidak kurang inisiatif. Misalnya, kita tahu bahawa masyarakat Melayu luar bandar sangat meminati pendidikan di sekolah Inggeris. Sebenarnya, mereka telah meminta supaya sekolah-sekolah Inggeris dibina di kampung-kampung mereka. Pihak British dan golongan elit Melayu sendiri menolak permintaan mereka di atas alasan orang-orang Melayu yang berpendidikan Inggeris "tidak akan meminati pekerjaan nenek moyang mereka"²⁵ Apabila harga getah mulai meningkat semasa Perang Dunia Pertama, ramai penduduk Melayu di kawasan luar bandar yang sebelumnya menanam padi di tanah mereka telah bercadang menanam pokok getah. Ini juga menunjukkan inisiatif. Bagaimanapun, pihak British pula berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran makanan yang terjejas akibat perang. Inilah sebabnya pihak British meminda Enakmen Tanah Padi dengan tujuan memastikan supaya hanya padi yang ditanam atas tanah.

simpanan. Pegawai-pegawai penguatkuasa menebang pokok-pokok getah yang ditanam oleh orang-orang Melayu. Kadang-kadang pegawai-pegawai penguatkuasa ini sengaja menbanjirkan tanah ladang seseorang petani "untuk menghapuskan sebarang penanaman lain di sana".²⁶

Kini jelas bahawa dari zaman penjajah hingga masa sekarang sikap kelas pemerintah menjadi penghalang utama kemajuan, bukan unsur-unsur budaya masyarakat. Namun seluruh masyarakat Melayu seolah-olah percaya bahawa unsur-unsur budaya mereka menjadi penghalang. Ini satu contoh kesedaran palsu, serupa mana masyarakat Melayu tidak memahami perlunya transformasi struktural, atau mereka tidak memahami faedah terhad dalam peluang istimewa serta gagal mengaitkan sistem kapitalis sebagai gejala yang menyebabkan wujudnya kebimbangan dalam persaingan. Semua ini merupakan aspek-aspek kesedaran palsu. Sesungguhnya, kesedaran palsuah yang meyakinkan masyarakat Melayu bahawa mereka memerlukan pelindung. Mereka percaya bahawa dalam keadaan di mana sebuah masyarakat yang lemah sangat mengharapkan peluang-peluang istimewa, pelindung amat perlu. Ini tidak benar. Dan sesuatu kepercayaan yang tidak benar akan mewujudkan banyak lagi anggapan palsu.

Oleh kerana pelindung dianggap perlu, taatsetia tanpa soal kepada pelindung juga dianggap perlu. Masyarakat Melayu kemudian merasa bahawa satu-satunya cara untuk melindungi kesejahteraan ekonominya ialah dengan memelihara perpaduan dalaman menerusi taatsetia tanpa soal kepada kepimpinan UMNO.

Maka kesedaran palsu melicinkan hubungan taatsetia antara pelindung dengan masyarakat yang dilindungi. Ia memudahkan pengekaln hubungan tersebut sebagai suatu ideologi. Dalam ertikata lain, golongan elit mulanya mewujudkan kesedaran dan kepercayaan palsu di kalangan masyarakat mengenai hal-hal yang mustahak baginya. Segala kepercayaan ini, yang sudah sebat, sebaliknya membantu

kepimpinan untuk menyembunyikan keadaan sebenar. Dengan menyembunyikan hakikat, kepimpinan negara mendorong pertumbuhan kesedaran palsu.

Setakat ini kita telah kaji dimensi ekonomi dalam hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi – yang diibaratkan sebagai neo-feudal di akhir bab lalu. Seperti yang kita maklum, neo-feudalisme juga wujud dalam bidang kebudayaan. Mana-mana pemerhati akan sedar bahawa upacara-upacara istana, Hang Tuah dan sistem penganugerahan meneguhkan lagi kedudukan kelas pemerintah. Malangnya, ini tidak disedari oleh masyarakat Malaysia seluruhnya. Antara lain, ini terjadi kerana kelas menengah dan atasan dalam masyarakat Melayu dan bukan Melayu beruntung secara langsung daripada sistem anugerah. Ianya telah mempengaruhi pemikiran golongan-golongan ini sehinggakan dalam sistem anugerah mereka tidak dapat membezakan kepentingan mereka dari kepentingan golongan elit yang memerintah. Hal inilah yang menjadikan dimensi kebudayaan dalam neo-feudalisme sebuah ideologi dalam ertikata sebenarnya.

Dari segalanya ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa wujudnya neo-feudalisme sebagai sebuah ideologi merupakan kesan yang tunggal lagi paling serius akibat taatsetia tanpa soal. Ia umpama tembok psikologi yang menghalang kesedaran tentang kepentingan tulen masyarakat Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan. Ia mengizinkan kelas pemerintah untuk melindungi dan mengekalkan kepentingannya sendiri dengan mengorbankan kesejahteraan masyarakat. Ia membolehkan golongan elit menguatkan kawalannya ke atas masyarakat sehingga keupayaan masyarakat untuk bersuara dan bertindak secara bebas teruk terjejas.

Tidak dapat dinafikan bahawa demokrasi dalam UMNO khususnya dan masyarakat Melayu amnya – memandangkan UMNO banyak mempengaruhi masyarakat Melayu – telah dicorakkan oleh hubungan ini antara pemimpin dengan

yang dipimpin. Dalam demokrasi memang diharapkan perbincangan dan perbincangan yang aktif berhubung pandangan dan keputusan golongan elit yang memerintah. Seandainya tidak ada perbincangan dan perbincangan maka timbul keraguan apakah demokrasi itu berfungsi atau tidak. Dari segi ini keadaan dalam UMNO bercanggah dengan norma-norma demokrasi - ia hanya menasabah dalam konteks psikologi neo-feudal.

Dua peristiwa berikut dapat menunjukkan bahawa demokrasi tulen tidak pernah wujud dalam UMNO. Menjelang pertengahan 1972, pemimpin-pemimpin UMNO dan PAS bersungguh-sungguh menimbang kemungkinan menubuhkan kerajaan campuran antara kedua-dua parti pada peringkat negeri dan negara.²⁷ Memandangkan kedua-dua parti ini menjadi musuh ketat selama hampir dua dekad dan oleh kerana sebarang keputusan amat besar kesannya ke atas masa depan politik Malaysia, maka patutlah perkara ini dibincangkan secara mendalam, sekurang-kurangnya oleh PAS dan UMNO. PAS membincangkan isu ini dengan panjang lebar dalam mesyuarat-mesyuarat cawangan dan bahagian sebelum satu Perhimpunan Khas diadakan untuk membuat keputusan. Pada perhimpunan tersebut para penentang cadangan ini menyuarakan pandangan mereka secara bebas. Walaupun mereka yang menyokong gabungan dengan UMNO akhirnya berjaya, namun keputusan untuk bergabung dibuat secara demokratik.²⁸ Dalam UMNO pula, perkara ini tidak dibincangkan pada peringkat cawangan dan bahagian oleh anggota-anggota parti. Tidak ada Perhimpunan Khas. Malah Perhimpunan tahunan UMNO pada tahun 1972 dan 1973 juga tidak mengkaji soal gabungan. Hanya pemimpin-pemimpin dalam Majlis Tertinggi membuat keputusan; yang lain menurut sahaja. Ini jelas menggambarkan ketiadaan amalan demokrasi di kalangan pemimpin dan pengikut.

Dalam hampir kesemua isu, kecuali isu-isu yang dianggap 'mengancam kedudukan Melayu'²⁹ umumnya terdapat keengganan untuk menyoal kebijaksanaan para

pemimpin terutamanya Perdana Menteri. Para pengikut enggan menilai dan mengadili golongan berkuasa. Kalaupun ada kritikan, ianya sekadar beberapa orang wakil dalam Perhimpunan UMNO yang mungkin menegur seseorang pemimpin secara tidak langsung, dengan tidak menyimpang dari taatsetia dan kehormatan kepada pemimpin. Hakikatnya, perhimpunan UMNO belum menjadi arena untuk meneliti dan mengkaji secara serius prestasi kerajaan pimpinan UMNO.

Kerana sikap inilah, yang pastinya akibat taatsetia tanpa soal, maka pelanggaran peraturan dalam hal ehwal awam jarang sekali dibantah. Contoh berikut akan mengukuhkan hujah ini. Sejurus sebelum Perhimpunan Agung UMNO pada July 1976, dibuat pendedahan di Mahkamah Tinggi semasa perbicaraan rasuah Dato Harun Idris bahawa semenjak 1959, Tun Razak, mulanya sebagai Timbalan Presiden UMNO dan kemudian sebagai Presiden telah mengendalikan sebuah 'Tabung Khas'. Firma-firma dan industri-industri besar dalam sektor swasta, serta jutawan-jutawan tempatan telah menyumbang wang kepada Tabung ini secara tetap.³⁰ Ramai Menteri Besar juga mengendalikan tabung yang serupa di atas kedudukan mereka sebagai pemimpin tertinggi parti dalam negeri. Wang yang dipungut digunakan untuk matlamat parti misalnya untuk kempen pilihanraya. Bagaimanapun, perlembagaan parti tidak memberi kuasa kepada mana-mana pegawai parti untuk mengendalikan tabung sebegitu rupa.³¹ Tambahan pula, Perhimpunan Agung atau Majlis Tertinggi UMNO tidak meluluskan penubuhan tabung sebegitu. Ia juga tidak mematuhi aturcara perakaunan atau mana-mana peraturan lain yang biasanya mengawasi aktiviti seumpama itu. Sebenarnya seluruh UMNO tidak tahu-menahu tentang tabung ini yang disifatkan oleh Hakim yang mengadili kes itu sebagai "Tabung Sulit".³² Biar pun begitu, tidak ada walau seorang pun wakil ke Perhimpunan Agung yang membangkitkan perkara ini, yang diberi liputan luas oleh akhbar. Tidak ada perbincangan langsung mengenainya, yang dalam beberapa negara lain akan mem-

bawa kehancuran kepada pertubuhan yang terlibat. Ketidaksanggupan para wakil untuk mencabar kepimpinan parti — yang telah mewarisi kekuasaannya daripada Tun Razak³³ — di atas satu soal moral yang amat penting, menunjukkan tahap pengaruh konsep taatsetia ke atas UMNO dan, mungkin, masyarakat Melayu seluruhnya.

Peristiwa 'Tabung Khas' membawa kepada akibat ketiga dalam taatsetia tanpa soal. Ia telah mewujudkan keadaan di mana etika dan kejujuran ditempatkan di bawah ketaatsetiaan. Sesungguhnya, dapat dikatakan bahawa oleh kerana begitu kukuh kedudukan ketaatsetiaan dalam pemikiran politik orang-orang Melayu, maka rasa kebencian terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa, eksploitasi dan penindasan tidak begitu ketara di kalangan UMNO dan masyarakat Melayu. Segala kemungkaran ini, misalnya penyalahgunaan kuasa, sering dikaitkan dengan kelas pemerintah. Maka, tindakan mengecam dan menentang kemungkaran sama sahaja seperti menghukum golongan berkuasa! Sudah pasti parti yang diresapi sikap taatsetia tanpa soal kepada pemimpin tidak dapat diharap bertindak begini.

Ianya juga tidak dapat memberi keutamaan sewajarnya kepada lain-lain nilai dalam proses modenisasi seperti rasionaliti, kecekapan, kebolehan, kejujuran dan ketekunan. Dalam keadaan di mana taatsetia mendahului kebanyakan pertimbangan lain ada kemungkinan mereka yang tidak cekap dan tidak berkeupayaan memainkan peranan besar dalam UMNO dan kerajaan. Kebolehan dan keupayaan kurang penting dalam penilaian kepimpinan UMNO jika dibandingkan dengan sikap menghamba diri kepada pemimpin. Sikap menghamba diri inilah yang akan diberi ganjaran, bukannya nilai-nilai murni pada pemikiran dan perasaan. Cara kepimpinan UMNO menilai seseorang individu pasti ada kesannya ke atas pemikiran ahli-ahli biasa. Fenomenon ini mudah difahami kerana golongan berkuasa sering mempengaruhi tingkahlaku para pengikut mereka, seperti dinyatakan oleh Ibn-Khaldun dan Karl Mannheim.³⁴

Adalah diketahui bahawa cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian UMNO menyokong individu-individu yang rekod perkhidmatan awamnya mendukacitakan semata-mata kerana mereka penuh taatsetia kepada pucuk kepimpinan yang menaruh keyakinan kepada mereka.⁹⁵ Selagi ini tidak berubah, selagi nilai-nilai negatif manusia yang menjejaskan tugas, ketekunan dan kesejahteraan awam diterima di atas nama ketaatsetiaan, UMNO tidak dapat melahirkan konsepsi yang moden lagi rasional tentang kepimpinan dan masyarakat.

Oleh kerana taatsetia tanpa soal mengekalkan nilai-nilai negatif pada manusia, maka harus kita pertimbangkan fenomena ini dari perspektif kemanusiaan. Apakah kesan taatsetia tanpa soal ke atas manusia? Oleh kerana konsep tentang manusia berbeza mengikut tradisi maka soal ini dikaji dari sudut Islam memandangkan Islam agama dan asas falsafah masyarakat Melayu. Dalam soal manusia, tujuan utama Islam ialah pengujudan umat yang berserah sepenuhnya kepada Allah. Menurut ajaran Islam manusia mesti menerapkan dalam peribadinya nilai-nilai murni yang menjadi teras etika ajaran Al-Quran, seperti kecintaan terhadap keadilan, komitmen kepada kebenaran, toleransi, belas kasihan, kejujuran dan sebagainya.³⁶ Taatsetia tanpa soal kepada seseorang pemimpin akan mencacatkan pertumbuhan nilai-nilai ini. Lebih penting, taatsetia tanpa soal akan menurunkan martabat manusia. Dalam Islam, salah satu sifat manusia yang paling berharga ialah kemuliaan atau maruahnyanya. Supaya kemuliaan ini kekal, hubungan seseorang individu dengan yang lain perlu berasaskan persamaan sebenar.³⁷ Ini bererti darjat dan kedudukan tidak patut menyekat seseorang individu daripada menyuarakan apa yang dirasakannya benar dan adil.

Sepanjang kajian ini telah kita lihat peristiwa demi peristiwa yang jelas membuktikan bahawa di mana wujudnya taatsetia tanpa soal, kebenaran dan keadilan akan dikeduakan kepada taatsetia. Individu-individu dalam keadaan sedemikian

mustahil dapat mempertahankan kemuliaan mereka. Inilah kesan taatsetia tanpa soal yang paling buruk sekali: ia menjejaskan hati nurani seseorang insan.

Bagaimana pula kaitan taatsetia tanpa soal dengan soal hubungan antara kaum dan usaha ke arah perpaduan negara? Kita tahu sekarang bahawa seseorang pelindung Melayu mengharapkan taatsetia tanpa soal daripada masyarakat Melayu dan UMNO sebagai balasan untuk apa yang difikirkannya sebagai perlindungan politik, ekonomi, kebudayaan dan psikologi. Dalam ertikata lain, ia merupakan hubungan sesama masyarakat Melayu sendiri. Ia tidak dapat ditakrif sebagai hubungan yang bersifat perkauman; ianya semata-mata hubungan yang berasaskan sebuah masyarakat. Tetapi ia bertukar menjadi bersifat perkauman apabila sahaja kepimpinan UMNO cuba mengekal dan mengukuhkan ikatan dengan pihak yang dilindungi secara menimbulkan soal ancaman bukan Melayu terhadap kedudukan Melayu. Tanggapan tentang ancaman bukan Melayu mengandaikan sebuah kumpulan Melayu yang mempertahankan dirinya dari ancaman kumpulan bukan Melayu. Meskipun tindak-tanduk golongan elit bukan Melayu telah melahirkan rasa terancam di kalangan masyarakat Melayu, golongan elit Melayu sendiri telah memperalatkan keadaan ini untuk kepentingan diri sepertimana yang diterangkan terlebih dahulu. Selagi kebenaran ini diselimuti dengan taatsetia tanpa soal ia pasti merupakan ancaman kepada hubungan antara kaum. Kecurigaan dan syak wasangka kaum, yang pasti timbul bersama sebarang tanggapan bahawa sesuatu kaum itu menjadi ancaman kepada kaum lain, akan menghalang proses perpaduan negara. Oleh kerana tanggapan ini amat penting kepada ideologi ketaatsetiaan, maka berterusanlah usaha mengekal dan menguatkan kesannya ke atas kesedaran masyarakat Melayu. Setiap usaha ke arah ini sudah pasti akan mempolarisasikan lagi kaum-kaum di negara ini.

Bagaimanapun polarisasi yang sepenuhnya pula akan menjejaskan kedudukan kepimpinan UMNO sendiri memandangkan ianya anggota dominan dalam Barisan Nasional yang memerintah negara berbilang kaum ini. Di atas sebab itu perlu ada sedikit sebanyak persefahaman antara kaum. Tetapi, persefahaman yang tulen bercanggah pula dengan kepentingan kepimpinan UMNO kerana ia akan meretakan hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi. Jika lahir persefahaman begini, mustahil dapat dikekalkan ikatan istimewa antara pelindung Melayu dengan masyarakatnya. Ikatan tersebut akan tidak lagi berasas dan hilang kesahihannya. Ini menerangkan kenapa kepimpinan UMNO selalunya tidak menggemari usaha yang ikhlas lagi bersungguh-sungguh untuk menjalin perpaduan antara kaum samada menerusi pergerakan buruh atau kumpulan-kumpulan tindakan sosial.³⁸ Persefahaman antara kaum yang tulen berupaya merentasi rintangan kaum dan dianggap prasyarat bagi mewujudkan perpaduan negara. Lantaran ini dapatlah kita rumuskan bahawa taatsetia tanpa soal menyekat pencapaian matlamat ini.

Maka taatsetia tanpa soal amat serius akibatnya terhadap perpaduan negara, perkembangan kesedaran Islam, pertumbuhan pemikiran yang beretika dan pembentukan demokrasi tulen. Tambahan pula, ia menyekat kelahiran fahaman yang dapat menyedarkan UMNO dan masyarakat Melayu seluruhnya tentang kepentingan sebenar mereka dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan.

Walaubagaimanapun terdapat golongan masyarakat Melayu yang bukan sahaja kritikal terhadap kepimpinan Melayu tetapi juga sanggup melawan dan mencabar kekuasaannya. Ini merupakan salah satu sebab mengapa persekitaran neo-feudal berbeza daripada suasana feudal. Fenomenon ini akan dikaji lebih mendalam. Soalnya: Andainya kita mengkaji fenomena ini dari perspektif masa, faktor pertama ialah kritikan secara langsung, yang kadangkala

efektif, terhadap tingkahlaku raja-raja. Munshi Abdullah orang pertama membuat kritikan begini. Pandangan Abdullah sudah pun dikaji sebelum ini. Sekarang perlu pula kita renungkan tentang kesan kritikan begitu terhadap kelompok-kelompok masyarakat Melayu, terutama sekali golongan cerdik-pandai. Buat julung-julung kalinya mereka telah disedarkan tentang salah silap dalam tingkahlaku dan sikap raja-raja tertentu. Maka hilanglah di mata mereka gambaran keagungan dan kebesaran yang mutlak. Mungkin sikap yang lebih kritis – walaupun tidak diperlihatkan – telah mula bertapak.

Transformasi halus begini (sekalipun tidak ketara) dapat dianggap langkah pertama. Walaupun Munshi Abdullah memulakan proses ini, golongan-golongan yang lain dalam abad ke 20, terutamanya para reformis Islam dan sosialis Melayu telah memperkembangkan dan menguatkannya. Para reformis dan sosialis ini dipengaruhi oleh arus intelektual yang kuat dari luar masyarakat Melayu. Fakta ini sungguh bererti kerana ia menunjukkan bahawa sikap kritikal terhadap taatsetia tanpa soal tidak berkembang di kalangan masyarakat Melayu hasil pengaruh faktor-faktor sosiologi di Semenanjung Malaya sendiri. Misalnya, para reformis Islam yang sangat kuat dipengaruhi oleh sebuah pergerakan yang dinamik dan progresif untuk revivalisme Islam yang dipelopori oleh Syed Jamaluddin Al-Afghani dan Muhammad Abduh di Timur Tengah telah mula menilai masyarakat Melayu secara lebih kritikal.³⁹ Penulisan para reformis ini, seperti Syed Shaikh Al-Hadi, Shaikh Tahir Jallaluddin, Shaikh Muhammad bin Salim al-Kalali, Syed Muhammad bin Aqil dan Tuan Haji Abbas bin Muhammad Taha meliputi pelbagai isu yang sudah dianalisa oleh pihak-pihak lain.⁴⁰ Yang menjadi tumpuan kita di sini ialah kritikan terhadap sikap-sikap yang berhubungkait dengan pokok perbincangan kita. Menurut pemerhatian mereka masyarakat Melayu menerima kuasa perintah golongan elit agama atau ulama tradisional tanpa sebarang soal. Pada perkiraan mereka sikap seperti

ini menghalang kemajuan masyarakat memandangkan ulama menentang perubahan sosial dan ekonomi atau pengetahuan dan idea dari Barat. Lebih penting, ulama tidak sanggup melawan kolonialisme. Sebaliknya, bagi para reformis Islam, kolonialisme dan ketiadaan kebebasan politik merupakan punca-punca utama kemunduran masyarakat Melayu.⁴¹

Kritikan terhadap ulama pada kesudahannya menjadi komen-komen tidak langsung terhadap kelas pemerintah Melayu yang menggajikan ulama. Cara hidup beberapa orang Raja dan pemimpin tradisional yang tidak senonoh, ketidakupayaan mereka untuk memimpin masyarakat serta penekanan para reformis ke atas kesaksamaan seluruh umat manusia dapat dianggap tentangan terhadap kelas pemerintah. Cara tindakbalas kelas pemerintah terhadap kritikan-kritikan ini membuktikan bahawa mereka menganggap pemikiran para reformis ini membahayakan kedudukan mereka.⁴²

Dengan menonjolkan penerimaan akal fikiran ulama secara pasif oleh kalangan rakyat serta dengan menunjukkan bahawa kelas pemerintah ada beberapa kelemahan yang serius, para reformis membuat satu sumbangan yang kecil tetapi penuh erti ke arah penghakisan konsep dan amalan taatsetia tanpa soal. Bagaimanapun, seperti juga Munshi Abdullah, mereka turut gagal mengaitkan kepasifan masyarakat Melayu dengan taatsetia tanpa soal yang diwarisi turun-temurun dan yang telah mengkakukan masyarakat Melayu.⁴³ Mereka juga tidak mengkritik taatsetia tanpa soal kepada kelas pemerintah.

Pandangan dan pendirian para sosialis Melayu berhubung hal ini lebih jelas. Golongan sosialis yang muda-muda belaka ini terdedah kepada idea-idea radikal dalam nasionalisme dan sosialisme dari Indonesia. Malah mereka juga telah memikirkan untuk menggantikan sistem kedirajaan dengan kerajaan berbentuk republik.⁴⁴ Ramai antara mereka terdiri daripada guru sekolah dan wartawan yang berpen-

didikan Melayu. Yang terkenal di kalangan mereka ini ialah Ibrahim Yaacob, Hassan Manan, Abdul Karim Rashid, Onan Siraj, Othman Abdullah dan Ahmad Boestamam. Kebanyakan penulisan mereka menggambarkan bahawa mereka lebih mengambil berat soal kemiskinan sebahagian besar masyarakat, dominasi ekonomi oleh masyarakat lain, eksploitasi penjajah dan pengembangan bahasa Melayu. Mereka tidak langsung cuba untuk membuktikan taatsetia mereka kepada raja-raja atau elit-elit tradisional. Mereka "memandang rendah pada elit-elit tradisional kerana mengaut faedah daripada pemerintahan kolonial dan memelihara kedudukan mereka sendiri dengan mengorbankan kepentingan kaum tani dan golongan proletariat bandar. Namun perasaan mereka ini hanya disuarakan secara tertutup, dan walaupun ini mungkin telah menaikkan semangat para ahli, ia tidak pula sampai kepada tindakan politik".⁴⁵

Biar bagaimanapun, ini membuktikan bahawa sekurang-kurangnya di kalangan sosialis Melayu wujud perasaan bahawa kelas pemerintah tidak berhak ditaatsetiai. Pendudukan Jepun dari tahun 1941 hingga tahun 1945 tambah menguatkan perasaan ini. Seperti yang kita ketahui pihak Jepun mengeneipkan kelas pemerintah Melayu kerana mereka menganggapnya sebagai golongan yang telah berganding bahu dengan pihak British semasa pemerintahan kolonial. Sebaliknya pihak Jepun membenarkan pertumbuhan golongan sosialis Melayu. Sudah pasti tujuan utama berbuat demikian ialah untuk mendapat sokongan aktif dan kerjasama sebuah kumpulan Melayu yang kemudian dapat digunakan bagi mencapai hasrat Jepun. Bagi sosialis Melayu seperti Ibrahim Yaakob, rancangan Jepun ini memberi peluang besar untuk mengembangkan aspirasi nasionalis mereka. Mereka pergi ke seluruh pelusuk negara untuk mengerah sokongan bagi pembentukan sebuah Republik Sosialis Tanah Melayu dan Indonesia yang akan dikenali sebagai 'Melayu Raya'.⁴⁶ Setiap langkah kemaraan para sosialis bererti selangkah ke belakang bagi para elit

tradisional – dan selangkah ke belakang bagi landasan falsafah mereka, yakni taatsetia tanpa soal. Namun perunduran ini hanya sementara.

Sekembalnya British – dan selepas keruntuhan Malayan Union – elit-elit tradisional kembali ke puncak masyarakat Melayu. Para sosialis terlepas peluang untuk melahirkan hubungan bentuk baru di antara pemimpin dengan yang dipimpin. Bagaimanapun kesedaran hasil pengalaman semasa pendudukan Jepun tidak hilang sama sekali. Di kalangan para sosialis jelas terdapat ketidaksanggupan menerima kepimpinan golongan bangsawan-pentadbir yang menganggotai pucuk kepimpinan UMNO. Maka apabila sahaja selesainya isu Malayan Union, Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) – yang ditubuhkan oleh sebahagian pendukung fahaman sosialis selepas pendudukan Jepun mengambil keputusan untuk keluar daripada UMNO.⁴⁷ Pemimpin-pemimpin PKMM menggunakan kontroversi berhubung warna bendera UMNO yang dicadangkan sebagai alasan untuk keluar parti.⁴⁸ Memandangkan PKMM wujud sendirian, ia memutuskan untuk mengerah sokongan orang-orang Melayu. Beberapa pertubuhan lain yang tidak sehaluan dengan UMNO memasuki PKMM dan kesudahannya lahirlah gabungan sosialis-nasionalis – yakni Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).⁴⁹

Walaupun PUTERA gagal mencapai apa-apa kemajuan, kewujudannya itu sendiri, seperti juga keputusan PKMM untuk meninggalkan UMNO pada masa masyarakat Melayu berpadu kukuh di belakang golongan bangsawan-pentadbir, merupakan fenomenon yang perlu dibincangkan. Kewujudan PKMM dan PUTERA jelas menunjukkan adanya kumpulan-kumpulan Melayu yang sanggup (dari segi psikologi) keluar daripada pertalian 'istana-rakyat'. Malah lebih dari itu, ia membuktikan adanya kumpulan-kumpulan Melayu (dengan keyakinan diri yang secukupnya) yang sanggup mendemonstrasi secara terbuka bahawa taatsetia mereka bukanlah kepada kepimpinan UMNO. Ia juga bermaksud

sekarang-kurangnya sesetengah orang Melayu mulai merasa bahawa ketidaksanggupan mereka untuk bersekutu dengan UMNO tidak bererti mereka telah mengkhianati keMelayuan mereka.

Maka reformisme Islam, sosialisme Melayu, pendudukan Jepun dan keenggaran PKMM-PUTERA terhadap kepimpinan UMNO adalah antara faktor dan tenaga yang telah melemahkan taatsetia tanpa soal. Bagaimanapun, lahir satu faktor lebih penting dengan pengenalan pilihanraya semasa awal tahun limapuluhan. Parti-parti politik secara sah dapat menyaingi satu sama lain. Individu-individu dan kumpulan-kumpulan Melayu dapat mengkritik kepimpinan UMNO. Mahu tidak mahu, pemimpin-pemimpin UMNO terpaksa mendengar kritikan-kritikan ini. Politik kepartian dan persaingan dalam pilihanraya memang suatu pengalaman baru lagi asing bagi kelas pemerintah Melayu yang berakar-umbikan sejarah feudal.

Seperti baru dinyatakan, PKMM dan PUTERA telah mula-mula sekali memainkan peranan pembangkang Melayu terhadap UMNO. Tetapi PKMM dan beberapa sekutunya diharamkan oleh British. Pengharaman ini merupakan antara usaha British untuk menghapuskan radikalisme dalam pergerakan menuntut kemerdekaan.⁵⁰ Kerana inilah apabila pilihanraya diperkenalkan hanya Independence of Malaya Party (IMP), sebuah parti berbilang kaum, mampu memainkan peranan pengkritik. Parti ini ditubuhkan oleh Dato Onn Jaafar selepas beliau meninggalkan UMNO. Perbalahan sengit yang sering terjadi di antara Dato Onn dan pemimpin-pemimpin lain dalam IMP di satu pihak dan golongan elit UMNO di pihak yang lain menunjukkan kepada masyarakat Melayu bahawa tidak mustahil untuk mencabar sebuah kumpulan yang merupakan teras kekuasaan feudal.⁵¹ Hakikat bahawa para pengkritik juga datang dari golongan bangsawan-pentadbir, yang sebelumnya juga merupakan teras kekuasaan feudal, sudah tentu menguatkan kritikan mereka. Sesungguhnya, hak menyuarakan pendapat yang

mungkin bercanggah dengan pendirian kepimpinan negara, hak mengkritik dan terutama sekali hak untuk 'enggan bertaatsetia' pasti dipandang tinggi kerana latarbelakang bangsawan-pentadbir para pengkritik. Adalah diragui jika para sosialis sekali-sekali pernah mendapat penghormatan sebegitu, jika pernah mereka berjaya mendapat kesahihan untuk 'ketidaksetiaan' serta untuk hak menyuarakan pendapat yang bercanggah dengan pendapat elit-elit UMNO. Seluruh struktur masyarakat Melayu – seperti digambarkan dalam bab lalu – menentang mereka.⁵²

Dari para sosialis kepada politik pilihanraya dan Dato Onn, hak mempersoal kelas pemerintah Melayu telah mara selangkah ke depan. Penerapan Islam ke dalam politik anti-UMNO dalam pertengahan tahun limapuluhan telah meningkatkan kesahihan menyoal dan mengkritik golongan bangsawan – pentadbir. Islam telah memberi kesahihan yang tidak terdaya diberi oleh Dato Onn. Setidak-tidaknya pengunduran Dato Onn dari UMNO dapat (dan telah) ditafsirkan sebagai pengkhianatan terhadap perjuangan Melayu – terutama sekali oleh musuh-musuh politik beliau. Bagaimanapun, perbezaan pendapat yang disampaikan di atas nama Islam dan dipertahankan berdasarkan Islam – memandangkan imej murni Islam di mata masyarakat Melayu – adalah soal lain. Ia tidak sekali-sekali dapat dianggap pengkhianatan terhadap perjuangan Melayu. Sebaliknya Islam telah dan tetap dianggap pelindung kedudukan masyarakat Melayu. Imej Islam ini mungkin disebabkan hubungan yang erat lagi meluas di antara Islam dan kebudayaan masyarakat Melayu.⁵³

Maka tidaklah menghairankan jika sebuah parti yang menggunakan Islam sebagai falsafah rasmi dapat mencari pengaruh. Kejayaan PAS dari tahun 1959 hingga tahun 1969 dan kekuatan serta pengaruhnya yang berterusan di tengah-tengah pergolakan politik membuktikan kenyataan di atas.⁵⁴ Berhubung soal ini perlu kita sedari bahawa tidak

ada kumpulan Melayu lain yang menentang kepimpinan UMNO telah mencapai sebegitu banyak kemenangan dalam pilihanraya.

Dato Onn, sekalipun disegani kerana kedudukannya dalam masyarakat, gagal memenangi sebarang kerusi dari tahun 1955 hingga tahun 1959 walaupun selepas beliau menubuhkan Parti Negara yang berasaskan kepimpinan Melayu untuk menggantikan Independence of Malaya Party yang bersifat pelbagai kaum. Parti Negara tidak dianggap parti Islam dan kerananya ia tidak mempunyai kesahihan yang serupa dengan PAS. Kesudahannya, Dato Onn memenangi kerusi Parlimen dengan bantuan PAS.⁵⁵ Begitulah juga keadaannya dengan Parti Rakyat, iaitu pengganti (Sosialis) kepada PKMM. Ia gagal mengembangkan sokongannya di kawasan berpenduduk Melayu kerana cabarannya terhadap kekuasaan neo-feudal mendapat sambutan dingin dari masyarakat Melayu seluruhnya. Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM) yang merupakan versi Parti Rakyat yang diubahsuai juga menghadapi keadaan yang serupa sekalipun pemimpin-pemimpin dan sebahagian besar ahlinya terdiri daripada orang-orang Melayu. Sesungguhnya, peranan Islam amat penting dalam mensahihkan perbezaan pendapat. Menurut sejarah, Bendahara Paduka Raja dari keSultanan Melaka sanggup mengengkari arahan Sultan untuk membunuh Hang Tuah, kerana Bendahara sedar arahan itu bertentangan dengan keadilan Islam.

Kesesuaian segala ini kepada taatsetia tanpa soal sangatlah ketara. Memandangkan Islam telah menjadi suatu unsur politik pembangkang, kepimpinan UMNO menghadapi cabaran paling serius terhadap pengekalan konsep taatsetia dalam hubungannya dengan masyarakat. Tradisi Melayu telah memurnikan taatsetia tanpa soal tetapi kini kekuasaan kepimpinan dicabar berasaskan lunas-lunas Islam. Islam sebagai falsafah sosial mensahihkan cabaran begini terutama jika sesebuah kepimpinan itu menyeleweng daripada lunas-lunas keadilan. Hal ini sudah dibangkitkan dalam bab lalu.

Maka Islam dalam politik, lebih daripada mana-mana faktor lain, telah mengubah suasana di dalam mana taatsetia tanpa soal dilindungi dan dikekalkan. Kesan perubahan ini dirasakan dalam UMNO sendiri. Secara tidak langsung suasana baru ini melahirkan kritikan (yang terkawal) terhadap kepimpinan UMNO dari dalam parti. Beberapa perkembangan di dalam UMNO telah membantu seluruh proses ini. Selepas Tun Razak mengambilalih tempat Tunku, timbul ketidakpastian tentang 'bakal pengganti'. Pada masa tersebut, iaitu dari tahun 1970 hingga tahun 1975, terdapat kritikan terhadap sikap dan tingkahlaku individu-individu yang menurut para pengkritik tersebut berada di bawah naungan Tun Razak.⁵⁶ Samada benar atau tidak, perbalahan dalam parti, walaupun tidak berlarutan, telah melahirkan suasana yang belum pernah wujud. Tun Hussein Onn, selepas tiga tahun pertama menjadi Perdana Menteri membuat beberapa perubahan ke atas stail politik beliau. Misalnya, semasa berucap di Perhimpunan Agung UMNO pada Julai 1979 beliau berkata, "Kita mesti sedar bahawa **wang kerajaan sebenarnya wang rakyat**. Pinjaman atau peruntukan kerajaan kepada agensi-agensi dan pertubuhan-pertubuhan sepertinya menggunakan wang rakyat. Kita mesti memegang amanah ini dengan cekap dan jujur. Janganlah menghampakan rakyat yang telah menaruh harapan kepada kita. Janganlah, seperti kata pepatah, harapkan pagar, pagar makan padi".⁵⁷ Seperkara yang sungguh bererti dalam ucapan beliau ialah pengakuan bahawa "wang kerajaan sebenarnya wang rakyat". Pengakuan begini tidak perlu dibuat kepada mana-mana kumpulan lain kerana ia patut difahami oleh semua. Tetapi dalam konteks UMNO ianya membawa erti besar memandangkan anggapan bahawa bantuan kerajaan adalah derma pemimpin kepada rakyat. Begitu juga, penekanan Tun Hussein ke atas pentingnya 'nilai-nilai terpuji' seperti 'amanah dan kejujuran'⁵⁸ berlainan sekali dengan seruan Tun Razak supaya mengekalkan tradisi 'taatsetia' Melayu. Berhubung dengan ini perlu diambil perhatian bahawa dalam pemilihan

UMNO 1978, Tun Hussein sebagai pemangku Presiden UMNO ditentang oleh seorang ahli biasa. Ini tidak pernah berlaku dalam UMNO di mana Presiden dan Timbalan Presiden selalunya menang tanpa bertanding.⁵⁹

Sikap Tun Hussein menimbulkan satu kemungkinan yang sangat menarik. Memandangkan Presiden UMNO dan Perdana Menteri merupakan pelakon utama dalam hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi, besar kemungkinan seseorang pemimpin di masa kini atau di masa depan yang berazam menghapuskan pemikiran neo-feudal dapat berusaha untuk menghakis lagi taatsetia tanpa soal. Ini memang memerlukan lebih daripada ucapan dari masa ke semasa atau pun banyak ucapan sepertinya. Ia memerlukan usaha yang berterusan dalam satu jangkamasa tertentu dengan sokongan pemimpin-pemimpin politik dan para intelektual. Samada kepentingan kepimpinan UMNO, samada kepentingan kelas-kelas sosial yang mengekalkan kuasa golongan pemimpin sekarang akan mengizinkan Presiden UMNO untuk mencapai perubahan begini lain soalnya.

Namun begitu, besar kemungkinan taatsetia tanpa soal dapat dihakis hanya oleh faktor-faktor di luar UMNO. Faktor-faktor ini sudah diterangkan dalam beberapa muka-surat sebelum ini. Islam terutamanya dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam penghakisan ini di masa depan. Ini boleh berlaku bila Islam muncul sebagai tenaga penggerak (rallying-point) bagi sebahagian besar golongan kelas menengah Melayu yang kian berkembang. Dengan berkembangnya kelas menengah Melayu sungguh sukar bagi memastikan adanya mobiliti pesat seperti yang dinikmati oleh sekumpulan kecil Melayu berpendidikan semasa tahun-tahun enam puluhan dan awal tujuh puluhan. Sesungguhnya, jika aliran perkembangan semasa diambilkira maka sebahagian siswa-siswi Melayu mungkin tidak mendapat pekerjaan. Para penganggur yang berpendidikan dan mereka yang tidak pernah naik pangkat atau kedudukan dalam pekerjaan

serta lain-lain golongan yang disebabkan pelbagai perkara tidak berpuas hati dengan keadaan semasa dapat berganding bahu dengan kumpulan-kumpulan belia Islam yang sedia wujud dan bersatu tenaga di bawah panji-panji Islam.⁶⁰ Bidang mereka (yang tidak dapat dielakkan) terhadap pihak berkuasa dan pengetahuan mereka yang lebih mendalam tentang hak dalam Islam untuk mengkritik dapat membantu meyakinkan masyarakat Melayu bahawa taatsetia tanpa soal wajar dihapuskan sama sekali!

Tetapi taatsetia tanpa soal dibantu pula oleh satu faktor yang sangat kuat, yakni situasi kaum-kaum di negara ini. Untuk mengawal tekanan ke atas kedudukannya sendiri, kepimpinan UMNO boleh menimbulkan anggapan mengenai ancaman bukan Melayu yang mungkin berasas memandangkan ketiadaan sensitiviti golongan elit bukan Melayu terhadap keadaan masyarakat Melayu. Seperti yang pernah berlaku di masa lampau, kebimbangan yang timbul dapat mendorong ahli-ahli UMNO dan mungkin masyarakat Melayu seluruhnya untuk berdiri teguh di belakang kepimpinan UMNO. Dalam sekelip mata sahaja gema taatsetia akan kedengaran di serata negara yang akan disusuli dengan janji-janji perlindungan. Maka hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi yang bersendikan taatsetia tanpa soal akan memperolehi nafas baru.

Tenaga kekuatan yang ada pada faktor kaum tidak boleh dipandang ringan. Kita tidak dapat menolak kemungkinan sebuah kumpulan Islam yang menggantikan kepimpinan UMNO kini – (kumpulan yang pernah mengkritik taatsetia tanpa soal) – menekankan pula taatsetia yang bulat-bulat daripada para penyokongnya, demi melindungi 'perpaduan Islam' dalam suasana pelbagai-agama di mana tetap wujud bahaya ancaman masyarakat 'bukan-Islam'!

Sekarang mari kita lihat pada sebilangan perkara yang kadangkala ditimbulkan di arena akademik. Di arena ini

kedengaran hujah kononnya pemerintahan kolonial dan pendidikan moden juga telah menghakis psikologi feudal.⁶¹ Kedua-dua faktor ini sudah pun dibincangkan. Dari bab tiga jelas bahawa pemerintahan kolonial tidak melemahkan taatsetia tanpa soal. Memang benar sikap kedirajaan yang sewenang-wenang telah berubah menjadi lebih berperaturan. Akan tetapi, ikatan feudal antara pemerintah dengan rakyat telah dikekalkan malah dikuatkan kerana ianya selaras dengan cita-cita kolonial.

Mungkin tidak begitu jelas bahawa pendidikan moden semata-mata bukan satu faktor yang menghakis psikologi feudal. Menurut hujah tersebut semakin ramai penduduk Melayu yang terdedah kepada idea-idea dan konsep demokratik menerusi sistem pendidikan maka semakin lemah jadinya sikap dan amalan feudal. Inilah salah satu sebab utama, menurut hujah itu lagi, yang menyebabkan terhakisnya taatsetia tanpa soal di zaman sesudah kemerdekaan. Secara tidak langsung, hujah ini sudah pun dipatahkan dalam penulisan ini. Sekarang elok kita kajinya secara lebih dekat.

Andainya generasi tua dalam golongan elit UMNO yang kita maksudkan memanglah mereka terdidik sepenuhnya di zaman kolonial. Apakah pendidikan di tanah-tanah jajahan telah dibentuk untuk mengembangkan idea-idea demokratik? Bukti-bukti yang ada mengatakan tidak sekali-kali. Matlamat pendidikan kolonial adalah untuk meningkatkan pengabdian pemikiran. T Abdullah, seorang ahli reformis Islam telah menulis pada tahun 1927, "Kita tidak menafikan hakikat bahawa pendidikan perlu untuk kebebasan, tetapi kita tidak percaya bahawa pendidikan di negara-negara tanpa kebebasan disemai benih kebebasan. Pengetahuan yang diberi dipengaruhi matlamat asing dan diatur untuk menghambakan sepenuhnya mereka yang fikirannya sudah terkongkong".⁶²

Mungkin sebilangan kecil orang Melayu terutamanya dari keluarga kelas atasan yang telah ke England dan lain-lain

negara untuk pengajian tinggi terdedah kepada nilai-nilai dan institusi demokratik. Begitu pun, tidak pula dapat dipastikan jika ianya benar-benar mempengaruhi akal fikiran mereka. Tingkahlaku individu-individu yang ternama di kalangan mereka ini seperti Tunku dan Tun Razak tidak menunjukkan bahawa mereka secara sedar menolak sentimen feudal.

Bagaimana pula tentang sikap golongan muda di kalangan elit UMNO, mereka yang berumur dalam lingkungan lewat tiga puluhan dan awal empat puluhan? Mereka ini telah mendapat pelajaran rendah dan sebahagian besar pelajaran menengah di zaman kolonial manakala pelajaran tinggi mereka pula di zaman sesudah merdeka. Pendidikan kolonial sudah kita bincangkan. Dalam pendidikan universiti sesudah merdeka pula, para penuntut dalam jurusan kemanusiaan, sains sosial dan dalam beberapa bidang pembelajaran undang-undang sudah tentu mendapat idea-idea mengenai pelbagai peristiwa sejarah, sistem-sistem sosial yang berbeza, dan hak-hak serta kebebasan sivil. Segala pengetahuan ini mungkin menyedarkan mereka bahawa taatsetia feudal dan amalan feudal tidak selaras dengan suasana dan kehendak masa kini.

Namun kesedaran ini tidak pula mendorong golongan muda di kalangan elit UMNO merenung atau mengkaji semula pelbagai dimensi taatsetia tanpa soal meskipun terdapat seorang dua individu yang berbuat demikian. Mengapa terjadi begini? Bagi saya jawabnya berhubungkait dengan masalah yang lebih besar dalam pendidikan dan kewujudan sosial. Pendidikan formal seseorang individu memberinya idea-idea tertentu mengenai realiti sosial. Tetapi ini tidak bererti dia akan berusaha mengubah realiti sosial selaras dengan idea-ideanya. Hanya seseorang reformis dan idealis yang komited, yang jarang-jarang ditemui, akan berusaha berbuat demikian. Sebahagian besar mereka akan mencari jalan menyesuaikan diri ke dalam persekitaran semasa, lebih-lebih lagi jika penyesuaian ini membawa

kesejahteraan kebendaan, menjamin status yang tinggi dan memberi peranan yang membawa kemewahan. Lambat-laun sesetengah dari mereka akan mula mempertahankan susunan semasa di atas nama kepentingan ramai.

Oleh itu, jelaslah pendidikan semata-mata tidak secara automatik membuatkan seseorang individu mengubah sikapnya yang selaras dengan kepentingannya. Penulisan ini sudah menunjukkan bagaimana kepimpinan UMNO serta Melayu kelas menengah dan atasan yang berpendidikan dan sesungguhnya, kelas menengah dan atasan penduduk bukan Melayu, telah menerima faedah secara langsung dan tidak langsung daripada neo-feudalisme. Maka bagaimanakah dapat kita harapkan pendidikan untuk menghakis sokongan bagi taatsetia tanpa soal? Jelas sekali bukan pendidikan seseorang individu yang penting, tetapi kesedaran sosialnya.⁶³

Memandangkan kesedaran sosial jauh lebih penting daripada pendidikan, tidak hairanlah golongan yang berpendidikan rela diserap masuk ke dalam sistem politik, ekonomi dan kebudayaan neo-feudal.⁶⁴ Kemasukan golongan berpendidikan ke dalam masyarakat yang berlaku secara konstan, dan sering pula dipermudahkan oleh faktor-faktor lain⁶⁵, dapat juga membantu mengukuhkan sistem neo-feudal kerana golongan ini sungguh tinggi kebolehan dalam memberi alasan yang meyakinkan bagi penerusan sistem yang wujud. Maka dari segi ini pendidikan dalam konteks tertentu mungkin mengukuhkan lagi taatsetia tanpa soal!

Baik pendidikan mahupun pemerintahan kofonial tidak menghakis taatsetia tanpa soal, dan tidak ada gunanya mempersoalkan hakikat ini. Bagaimanapun terdapat satu dakwaan serius yang kadangkala diperbincangkan dalam arena akademik tempatan⁶⁶. Pernah, malah juga sedang, diujahkan bahawa psikologi neo-feudal atau taatsetia tanpa soal tidak wujud sama sekali, kononnya taatsetia tanpa soal pernah wujud di masa lampau tetapi sudah lenyap dalam

beberapa dekad yang lalu. Apa yang telah saya sifatkan sebagai hubungan neo-feudal di antara pelindung dengan yang dilindungi terutama sekali di zaman Melaka sebenarnya, menurut dakwaan ini, tidak lebih daripada kawalan politik oleh para pemimpin dan ketaatan politik yang diharapkan dari rakyat. Menurutny lagi, dalam kebanyakan masyarakat pemimpin-pemimpin mengharapkan taatsetia dari para pengikut mereka dan biasanya memberi ganjaran kepada pengikut yang setia dan menghukum yang menyimpang. Kononnya kritikan tidak diterima sekalipun dalam masyarakat yang bebas dari feudalisme, misalnya masyarakat di negara-negara Afrika moden yang lahir dari sejarah suku kaum.

Memang ada kawalan politik dan pengharapan ketaataan politik. Yang setia mendapat ganjaran dan yang menyimpang dihukum. Kritikan tidak disukai walaupun dalam masyarakat bukan feudal. Saya akur malahan lebih daripada itu, saya mengaku bahawa dalam kesemua situasi yang dianalisa dalam bab empat, kawalan politik atau hasrat untuk memberi ganjaran dan menghukum mungkin merupakan faktor penggerak. Tetapi ini tidak bererti bahawa sikap terhadap kawalan politik itu sendiri, malah seluruh sikap pemimpin-pemimpin terhadap para pengikut dan sikap para pengikut terhadap pemimpin-pemimpin bukan akibat sesuatu peristiwa sejarah atau tradisi tertentu. Kita dapat menggunakan ibarat ini: Andaikan dua nyalaan api yang hampir-hampir serupa sifatnya. Kita cuma dapat menyatakan bahawa kekuatan kedua-dua nyalaan itu dan kesan-kesannya mungkin ada beberapa keserupaan. Inilah yang dapat kita lihat dari luar. Tetapi kita tidak boleh merumuskan bahawa punca-punca nyalaan itu juga serupa. Sebuah negara di Afrika dengan latarbelakang kesukuan dan sebuah negara Asia Tenggara dengan sejarah feudal mungkin mempunyai pemimpin-pemimpin yang mengharapkan taatsetia sepenuh dari para penyokong mereka. Pokoknya, dalam kedua-dua keadaan, mungkin ada hasrat untuk memperolehi kawalan dan

dominasi. Di satu pihak sejarah mungkin tidak merupakan faktor petunjuk, di pihak lain pula tenaga penggeraknya mungkin datang dari latarbelakang kebudayaan negara berkenaan.

Hanya dengan mengkaji sejarah secara mendalam sahajalah dapat kita memahami hubungan antara pelindung dengan yang dilindungi dalam masyarakat Melayu semasa. Dalam soal ini, terdapat satu ciri unik dalam sejarah yang mesti diambilkira, iaitu kesinambungan yang berkaitan dengan istana dalam masyarakat Melayu. Punca-punca kesinambungan ini lebih penting bagi memahami pokok persoalan berbanding dengan kesinambungan itu sendiri. Secara lebih tepat ia dapat dianggap 'kesinambungan feodal'.

Kesinambungan feodal diperlihatkan dalam cara-cara berikut:

- a) Kekalnya Istana Diraja (tanpa sebarang gangguan) dalam sejarah Melayu dari zaman Melaka hingga masa kini – iaitu bermula dari Sultan sebagai raja mutlak sehingga Sultan sebagai pelindung simbolik.
- b) Pengukuhan dan penguatan hubungan antara pemerintah dengan yang diperintah di zaman kolonial.
- c) Pembentukan (oleh pihak British) sebuah kelas bangsawan-pentadbir yang terhubung dengan istana.
- d) Kemunculan kelas bangsawan-pentadbir sebagai teras kepimpinan UMNO pada tahun 1946 dan dominasinya ke atas seluruh masyarakat Melayu.
- e) Penyerapan (yang berterusan) individu-individu Melayu yang bukan berasal dari kelas bangsawan atau pentadbir. Golongan ini menyesuaikan diri ke dalam latarbelakang feodal pucuk kepimpinan kerana ianya melindungi kepentingan dan mengesahkan kedudukan mereka.
- f) Manipulasi yang berkesan ke atas situasi kaum telah mengukuhkan peranan kepimpinan UMNO sebagai

pelindung substantif, diikuti dengan pembentukan rancangan-rancangan politik, ekonomi dan kebudayaan untuk menjamin kedudukannya.

Kalangan yang berhujah bahawa taatsetia tanpa soal tidak wujud sebenarnya gagal menyedari bahawa dari satu peringkat ke peringkat yang lain kumpulan-kumpulan masyarakat dan hubungan-hubungan yang lahir dari istana telah mengekalkan kawalan mereka ke atas masyarakat Melayu. Kesenambungan inilah yang membuatkan hubungan antara pemimpin dengan yang dipimpin dalam masyarakat Melayu lebih dari semata-mata usaha satu pihak untuk mengawal pihak yang lain. Ini jelas taktala kita melihat pada lain-lain masyarakat di mana kesinambungan sepertinya terputus. Indonesia merupakan satu contoh yang baik.

Indonesia mengalami revolusi, secara yang ditakrif oleh Wertheim, "sesuatu revolusi selalunya bermatlamat untuk meruntuhkan susunan dan struktur sosial yang wujud".⁶⁷ Kumpulan-kumpulan ekonomi dan sosial yang baru serta sikap-sikap psikologi yang baru, yang sering menyusuli pemecahan susunan, hubungan dan nilai-nilai lama merupakan antara unsur-unsur yang mengiringi sesuatu revolusi.⁶⁸

Di Indonesia golongan bangsawan tradisional telah menyebelahi tuan-tuan kolonial Belanda. Bagaimanapun, tidak seperti masyarakat Melayu, mereka dicabar oleh kelas menengah tempatan yang semakin berkembang. Kelas menengah ini termasuk pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli profesional, guru-guru, pedagang dan sebagainya. Kelas ini telah berkembang di bawah pemerintahan Belanda walaupun ada juga beberapa golongan di dalamnya yang wujud lebih awal. Kumpulan pegawai kerajaan yang merupakan kumpulan tunggal yang terbesar dalam kelas menengah, ahli-ahli profesional dan guru-guru sedar bahawa meskipun mereka berpendidikan Belanda, mobiliti sosial mereka terhalang oleh dasar perjawatan Belanda.⁶⁹ Pedagang-pedagang pribumi juga

tidak berpuas hati. Apabila pihak Belanda bercadang untuk menghapuskan banyak daripada sekatan perjalanan dan pendudukan yang telah dikenakan ke atas pedagang-pedagang pendatang Cina, "saki baki pedagang dan ahli-ahli perindustrian di kawasan dalaman, yang rata-ratanya tidak pernah diusik, mula menjadi sasaran persaingan Cina yang agresif itu".⁷⁰

Kehampaan kelas menengah Indonesia serta eksploitasi pertanian di Jawa menjadi asas revolusi Indonesia. Seperti yang diketahui oleh para pelajar sejarah Indonesia, pihak Belanda mengenalkan sistem penanaman pada tahun 1830. Sistem ini memaksa kaum petani menanam tanaman jualan yang ditentukan oleh kerajaan. Maka seseorang petani itu pada hakikatnya merupakan buruh pertanian kerajaan. Walaupun pada teorinya seseorang petani itu dikecualikan dari membayar cukai setelah menyerahkan hasil tanaman yang dikehendaki, namun dari segi praktisnya, "Petani membayar cukai tanahnya (yang dikecualikan) dan apa juga jumlah tanaman yang dapat dibolot oleh golongan-golongan yang berkepentingan dari segi kewangan dalam hirarki yang menjalankan sistem tersebut. Dia tidak dapat menentukan jenis tanaman untuk ditanam dan saki-baki kopi, gula, nila dan lain yang menjadi miliknya sering tidak mencukupi bagi membeli makanan untuk keluarga. Maka di sesetengah kawasan berlakulah kebuluran yang serius. Akibat kebuluran yang berlaku di antara tahun 1843 dan 1848 jumlah penduduk di satu wilayah jatuh dari 336,000 kepada 120,000 dan di wilayah yang lain pula jatuh dari 89,500 kepada 9,000"⁷¹. Walaupun sesudah Sistem Penanaman dimansuhkan pada tahun 1919, kesan-kesan ekonomi, sosiologi dan psikologi dari pengalaman itu kekal sehingga perjuangan kemerdekaan Indonesia. Menyentuh perkara ini perlu disedari bahawa selain penanaman, petani juga dipaksa menjadi buruh murah bagi pembinaan jalanraya dan lain-lain kerja awam.

Oleh kerana pengerahan tenaga petani dilakukan dengan kerjasama aktif yang diberikan oleh hirarki golongan bangsa-

wan Jawa, tidaklah menghairankan bahawa golongan ini menjadi sasaran utama Revolusi Indonesia. Sebenarnya bagi mendapat sokongan golongan ini kerajaan telah memberi mereka "geran tanah dan kedudukan mereka diwariskan kepada keturunan mereka sendiri. Tambahan lagi, kerajaan memberi mereka faedah kewangan dalam operasi sistem tersebut, iaitu mereka diberi sebahagian daripada hasil tanaman yang diambil dari kaum petani. Faedah kewangan ini juga diberi kepada pegawai-pegawai Eropah yang baru dan kepada pegawai-pegawai tempatan yang bukan penduduk asli."⁷²

Keserupaan dan perbezaan di antara keadaan di Indonesia dengan orang-orang Melayu sungguh menakjubkan. Dalam kedua-dua keadaan tuan kolonial menggunakan golongan bangsawan untuk kepentingannya sendiri. Dalam kedua-dua keadaan ia mencapai kejayaan besar. Misalnya, pihak Belanda menerusi sistem penanaman telah berupaya membayar, menjelang tahun 1877, "hutang syarikat Hindia Timur Belanda sebanyak 35,500,000 guilders, dan, tambahan lagi, memasukkan ke dalam perbendaharaan Belanda ufti sebanyak 664,500,000 guilders".⁷³ Keuntungan yang diperolehi oleh pihak British dalam setiap lapangan – seperti yang dijelaskan dalam bab tiga – adalah tidak terhingga. Tetapi di situlah berakhirnya keserupaan. Golongan bangsawan tradisional dalam masyarakat Melayu tidak pernah dicabar secara berkesan oleh masyarakat Melayu.

Mengapa terjadi begini? Mengapa masyarakat Melayu tidak pernah berupaya mencabar golongan bangsawannya? Paling tidaknya, seperti masyarakat Indonesia, mereka juga tidak berpuas hati dengan kerjasama di antara kelas pemerintah dengan tuan kolonial. Sentimen para reformis Islam dan lebih-lebih lagi para sosialis Melayu menunjukkan ketidakpuasan ini, sekurang-kurangnya di kalangan beberapa pihak. Mengapa tidak mereka terdaya untuk mengerah masyarakat menentang golongan bangsawan dalam perjuangan nasionalis? Sudah disarankan sebelum ini bahawa

struktur feodal masyarakat Melayu menghalang mereka dari menjawat kepimpinan. Ini memang benar, tetapi mengapakah struktur tersebut kekal begitu lama dengan tidak sedikit pun terjejas? Di sini huraian ringkas tadi tentang kuasa-kuasa dalam revolusi Indonesia menjadi relevan. Terdapat dua sebab. Satu, dalam masyarakat Melayu di zaman penjajah tidak ada kelas menengah bukan bangsawan yang setanding, yang dapat mencabar kekuasaan golongan bangsawan, merebut kuasa darinya dan memimpin perjuangan kemerdekaan. Sebab kedua, yang mungkin lebih penting, ialah ketiadaan golongan petani yang diperalat dan ditindas, yang menyedari akan kemungkaran golongan bangsawan dan kuasa kolonial, lalu menyokong revolusi.

Soalnya sekarang: kenapa tidak lahir satu kelas menengah Melayu dan mengapa tidak berlaku eksploitasi kaum petani? Pada saya, jawabnya berkait dengan dasar penjajah. Tidak seperti pihak Belanda, pihak British bercadang untuk mengembangkan ekonomi kolonial dengan tenaga buruh yang diimpot, bukan buruh tempatan.⁷⁴ Buruh yang dieksploitasi oleh modal British adalah buruh-buruh yang dibawa masuk dari India di ladang-ladang getah dan pekerja-pekerja Cina di lombong-lombong bijih. Kaum petani Melayu, seperti yang kita maklum, terasing dari ekonomi kolonial. Tidak ada eksploitasi petani Melayu secara langsung dan secara besar-besaran oleh penjajah British. Maka, tidak timbul perasaan benci dan permusuhan yang kuat terhadap pihak British dan golongan bangsawan.

Oleh kerana ekonomi kolonial dikuasai sebahagian besarnya oleh orang-orang bukan-Melayu, maka majoriti yang mengaut faedah dari pendidikan kolonial juga terdiri daripada orang-orang bukan-Melayu.⁷⁵ Pendidikan dalam kebanyakan masyarakat kolonial merupakan saluran menerusi mana lahir kelas menengah. Kelas menengah ini kemudian tampil ke hadapan menyuarakan hasrat dan pandangannya. Memandangkan keadaan demikian, kelas menengah di Malaysia pada zaman kolonial terdiri daripada golongan masyarakat bukan

Melayu dan bukan pula penduduk pribumi. Selepas beberapa dekad pemerintahan kolonial, jelas bahawa terdapat dominasi orang-orang bukan Melayu di peringkat menengah perkhidmatan awam, dalam bidang-bidang profesional dan sektor perdagangan. Dasar kolonial yang liberal terhadap pendatangan orang-orang Cina dan India, termasuk mereka yang berpendidikan Inggeris, telah meruncingkan suasana.⁷⁶

Kelas menengah yang bukan penduduk tempatan tidak dapat mengerah masyarakat tempatan. Ia juga tidak dijangka akan mencabar kelas pemerintah Melayu. Ketiadaan kelas menengah Melayu yang merasa sangat hampa dan kecewa bererti golongan bangsawan terselamat kedudukannya.

Jika kita mengkaji keadaan di negara-negara lain selain Indonesia – misalnya keadaan di India dan Filipina – tahulah kita bahawa kelas menengah tempatan dengan sokongan golongan rakyat yang tertindas telah memusnahkan elit-elit tradisional yang berurusan dengan kuasa kolonial. Di India, transformasi pertanian di bawah pemerintahan British, kemerosotan industri-industri perkampungan, kebangkitan golongan buruh (proletariat) moden dan sebuah kelas menengah yang baru, menyukarkan elit-elit konservatif untuk bekerjasama dengan pihak British.⁷⁷ Penindasan petani di Filipina oleh pihak Sepanyol dan kemunculan kelas menengah yang menentang golongan hartawan dan golongan yang bekerja dengan pihak berkuasa kolonial telah mencetuskan Revolusi Filipina.⁷⁸

Sesungguhnya, jika dibuat perbandingan dengan negara-negara yang dalam arus masa telah menjalani perubahan sambil mengekalkan beberapa ciri asas ketika menyesuaikan diri ke dalam keadaan baru, apa yang kedapatan akan menghairankan jua. Dengan mengenepikan hakikat bahawa Jepun dan Thailand tidak berada di bawah pemerintahan kolonial (satu perbezaan yang sesungguhnya penting) memang benar bahawa seperti masyarakat Melayu, mereka juga telah mengekalkan sistem raja dan istana sepanjang sejarah. Seperti dalam masyarakat Melayu, raja di negara-negara ini

mempunyai pengaruh besar. Sudah dinyatakan dalam bab lalu bahawa di Jepun, seperti juga di dalam masyarakat Melayu, terdapat pertalian istimewa di antara istana dengan elit-elit politik yang memerintah, yang penuh bertaatsetia kepada institusi diraja. Namun terdapat beberapa perbezaan penting.

Di Jepun, kuasa feudal selama 265 tahun yang berteraskan Shogun Tokugawa, runtuh dalam tahun 1867 akibat beberapa kejadian politik, transformasi ekonomi dan perubahan peranan berbagai kelas sosial.⁷⁹ Pengembalian kuasa kepada Maharaja Meiji menandakan kebangkitan sebuah kumpulan baru dari golongan bangsawan, yakni Daimyo atau Pembesar Istana. Kumpulan inilah yang merintis modenisasi Jepun dengan sokongan masyarakat Jepun. Modenisasi akan melemahkan lalu menghapuskan feudalisma. Golongan elit Jepun yang baru itu telah secara sedar menghapuskan konsepsi feudal tentang kerajaan dan hubungan feudal. Misalnya, Piagam Sumpah Lima Perkara yang dibentuk oleh Maharaja Meiji telah berusaha, antara lain, untuk menubuhkan "dewan-dewan persidangan" dan menyarankan supaya "semua perkara diputuskan oleh pungutan suara umum". Ia juga menggesa supaya dimansuhkan "adat dan amalan yang lapuk dan tidak bererti".⁸⁰ Menurut Yanaga, "Piagam berkenaan mengandungi fahaman progresif Yuri Kimmasa yang kuat dipengaruhi oleh idea-idea demokratik Yokoi Shonan, liberalisma ajaran Tosa dan idea-idea anti-feudal Kido Takayoshi".⁸¹

Para pendukung modenisasi telah mara lebih jauh ke depan. Satu struktur baru kerajaan diisytiharkan, yang berdasar pada doktrin pemisahan kuasa. Meskipun pencapaiannya tidak begitu memuaskan dalam suatu persekitaran yang baru menggulingkan pemerintahan feudal, namun tujuan dan hasratnya pasti terpuji.

Dalam masyarakat Melayu pula tidak terdapat kumpulan feudal yang kuat di luar Istana Diraja. Tidak juga

masyarakat Melayu mengalami perubahan seperti yang mendahului keruntuhan feudalisme di Jepun. Sekalipun begitu, yang nyata ialah tiada sekumpulan bangsawan atau seorang raja dengan komitmen seperti yang ditunjukkan oleh elit-elit Jepun terhadap permodenan masyarakat. Harus kita faham bahawa komitmen sebegitu memerlukan pengorbanan keistimewaan kebendaan dan psikologi kuasa feudal yang telah dinikmati oleh Shogun-Shogun sebelumnya. Soal Daimyo menjadi penerima baru suatu sentimen lama feudal seperti taatsetia penuh kepada elit-elit pemerintah tidak timbul sama sekali. Taatsetia tanpa soal kepada Maharaja kekal tetapi bukan kepada pembesar-pembesar yang mendukung modenisasi. Pembesar-pembesar ini menganggap diri mereka sebagai penyuar dan pelaksana idea-idea demokratik baru yang mereka perolehi daripada penulisan-penulisan Amerika dan British.⁸²

Maka inilah yang membezakan keadaan Melayu dengan keadaan di Jepun: elit-elit politik yang bertalian dengan Maharaja tidak beranggapan bahawa mereka layak mendapat taatsetia tanpa soal. Rakyat juga tidak beranggapan begitu. Mungkin sikap ini lahir hasil pendedahan mereka kepada idea-idea anti-feudal dalam konteks satu tradisi intelektual⁸³ yang sungguh bertenaga, dan lebih penting, kebencian mereka terhadap cara Shogun-Shogun meluaskan dominasi feudal.⁸⁴ Konflik dalam kelas feudal begini – yang pada dasarnya merupakan konflik di antara golongan bangsawan rendah dengan golongan bangsawan atasan⁸⁵ – tidak berlaku dalam sejarah Melayu.

Malah pengalaman di Thailand juga tidak sama dengan pengalaman kita. Di Thailand telah berlaku konfrontasi secara langsung dan secara terbuka di antara elit-elit muda yang berpendidikan, iaitu para pemimpin Parti Rakyat, dengan Raja pada bulan Jun 1932.⁸⁶ Elit-elit ini berjaya menukar sistem beraja mutlak kepada sistem raja berperlembagaan dan buat pertama kalinya telah menegakkan

kedaulatan dan keagungan rakyat. Kepimpinan UMNO juga telah dapat mewujudkan satu sistem raja berperlembagaan yang berperanan menurut lunas-lunas demokratik. Ini dicapai tanpa sebarang konfrontasi kerana Raja-Raja sudah pun kehilangan banyak kuasa di bawah pemerintahan British. Namun perbezaannya yang penting adalah berkaitan dengan konsepsi masing-masing mengenai hubungan antara pemimpin dengan yang dipimpin. Pemimpin-pemimpin Parti Rakyat tidak pernah beranggapan bahawa mereka berhak mendapat taatsetia rakyat Thai. Mereka berpandangan bahawa negara itu milik rakyat dan wang yang digunakan oleh kedirajaan datangnya dari rakyat.⁸⁷ Golongan elit yang muda dan berpendidikan ini berjiwa rakyat: mereka sedar mereka tidak dapat mengharap sebarang keistimewaan dalam hubungan mereka dengan rakyat. Kesedaran ini mungkin dilahirkan oleh latarbelakang sosial mereka. Para pemimpin Parti Rakyat terdiri daripada orang kebanyakan.⁸⁸ Tidak ada hubungan istimewa antara mereka dengan istana. Mereka tidak mempunyai latarbelakang bangsawan. Maka dari segi ini mereka berbeza dengan kepimpinan UMNO yang mempunyai latarbelakang kelas pentadbir dan bangsawan. Ini mungkin salah satu daripada banyak sebab kenapa elit-elit politik Thailand sejak 1932 sering dikritik dan dicabar oleh pelbagai jenis kumpulan sosial. Malah mereka pernah digulingkan oleh kebangkitan rakyat.⁸⁹ Ringkasnya, mereka tidak dan tidak akan dapat mewarisi 'pancaran' (aura) feodal. Pancaran itu kekal sebagai keistimewaan eksklusif raja Thai.

Melihatkan perkara-perkara yang telah diutarakan, jelas bahawa dari beberapa segi kesinambungan feodal dalam masyarakat Melayu merupakan ciri yang unik. Sekiranya pihak British telah menghadkan polisi pendatangannya, sekiranya telah wujud sebuah kelas menengah Melayu atau kaum petani Melayu yang dieksploitasi di zaman kolonial, keadaan pada hari ini mungkin berlainan. Andainya telah lahir kesedaran yang secukupnya di kalangan elit-elit UMNO

bahawa taatsetia tanpa soal bercanggah dengan prinsip-prinsip demokratik, yakni kesedaran yang dilahirkan oleh suasana sosial dan tidak semata-mata oleh pendidikan, atau jika elit-elit UMNO pada tahun 1946 tidak bertalian rapat dengan istana, keadaan mungkin sudah berbeza. Tetapi golongan bangsawan kekal tanpa menghadapi sebarang cabaran yang berkesan. Oleh yang demikian kekalah taatsetia tanpa soal.

Para pengkritik kini mungkin mengakui bahawa taatsetia tanpa soal merupakan kesinambungan feodal. Bagaimanapun masih dapat ditimbulkan pertanyaan: kini wujud kelas menengah Melayu, mengapakah kelas ini tidak mencabar konsep dan amalan taatsetia tanpa soal? Jawapan bagi soalan ini sebenarnya sudah diterangkan sepanjang penulisan ini. Jawabnya: kerana sifat majmuk masyarakat Malaysia, atau lebih tepat, manipulasi sifat majmuk masyarakat Malaysia. Saya akan jelaskan perkara ini dengan mengemukakan satu keadaan hipotesis. Katakan peratusan penduduk bukan Melayu di negara ini sungguh kecil, yakni peratusan penduduk Melayu sangat tinggi, maka amat sukar untuk menimbulkan soal cabaran bukan Melayu. Sesungguhnya, penduduk bukan Melayu sudah tidak akan mencabar keutamaan politik dan kebudayaan Melayu memandangkan peratusan masyarakat mereka yang kecil itu. Dalam keadaan begini sukar bagi elit Melayu untuk berperanan sebagai pelindung masyarakat Melayu daripada ancaman luar. Besar kemungkinan, dengan tiadanya kebimbangan tentang cabaran masyarakat bukan Melayu, perbezaan di dalam masyarakat Melayu sendiri yang timbul akibat persaingan sengit bagi kuasa akan bertambah ketara. Dalam keadaan begini sebahagian kelas menengah Melayu dapat mencabar konsep taatsetia semata-mata kerana konsep ini merupakan tenaga ideologi golongan bangsawan – pentadbir yang dominan.

Tetapi, seperti dijelaskan dalam bab tiga dan empat, perkara yang sebaliknya pula telah berlaku. Ramai penduduk

bukan Melayu telah menjadi warganegara dan ini membuatkan sesetengah elit bukan Melayu mencabar kedudukan orang Melayu. Sifat majmuk masyarakat Malaysia dan cabaran-cabaran ini telah diperalat untuk mempertahankan peranan kepimpinan UMNO sebagai pelindung serta untuk menuntut taatsetia yang sepenuhnya daripada penduduk Melayu. Di atas nama 'melindungi kepentingan Melayu', kelas menengah Melayu yang baru lahir itu telah dengan berkesan sekali ditarik masuk oleh golongan bangsawan — pentadbir. Ia bukan semata-mata soal 'ditarik masuk', Kelas menengah ini sungguh rela dan sukacita ditarik masuk ke dalam golongan berkenaan memandangkan tarikan status, kuasa dan kekayaan. Dalam hubungan ini penting diperhatikan bahawa sekiranya negara tidak begitu kaya, permintaan (yang sentiasa meningkat) kelas menengah mustahil dipenuhi. Juga, golongan berkuasa mungkin tidak dapat memberi gambaran bahawa kaum tani Melayu diberi jagaan sempurna. Dan sesungguhnya beberapa keperluan asas kaum tani Melayu khususnya dalam bidang pendidikan dan kesihatan telah dipenuhi, seperti yang dinyatakan tadi. Maka secara tidak langsung pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia hasil eksport komoditi yang menguntungkan turut berperanan mengekalkan taatsetia tanpa soal!

Perlu disedari perihal uniknya keadaan-keadaan yang wujudnya secara kebetulan, seolah-olah bersepakatan. Sekalipun dengan diambilkira kejadian-kejadian di zaman kolonial, keadaan mungkin berlainan di era sesudah Merdeka sekiranya sifat majmuk masyarakat kita tidak diperalatkan dan jika kelas menengah dan kaum tani Melayu tidak dapat diberi pertolongan. Suasana baru yang lahir sejurus selepas Perang sekadar membantu mengekalkan hubungan feodal yang usang. Kecuali hakikat ini difahami, kita tidak dapat mengerti kedudukan taatsetia tanpa soal sebagai suatu kesinambungan feodal.

Akhir kata, adalah menjadi harapan agar analisa ini ke atas keadaan sejarah dan keadaan sezaman yang telah

mengekalkan suatu adat feodal dalam bentuk yang terubahsuai akan meyakinkan kita betapa pentingnya mengkaji sesuatu keadaan sosial secara mendalam dan terperinci. Hanya menerusi cara ini sahaja dapat kita bina asas yang kukuh bagi analisis perbandingan (comparative analysis) yang menjadi matlamat usaha untuk mengkaji masyarakat manusia.

CATATAN

1. Antaranya adalah kumpulan-kumpulan seperti Partai Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Pemuda Insaf (API) atau juga SEBERKAS yang berideologi sosial demokratik dan bertapak di Kedah. Lihat *Malaysian Politics*, oleh Gordon Means. (University of London Press, 1970), terutamanya bab 7.
2. Bagi analisa terperinci mengenai pertambahan penyer-taan bukan Melayu dalam bidang politik lihat kajian saya, *Protection, op. cit.*, bab 5.
3. Sistem tersebut dibentuk oleh sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Persekutuan. Anggota-anggotanya terdiri daripada pelbagai kaum. Saranan-saranannya terkandung dalam *Report of the Committee appointed to examine the question of elections to the Federal Legislative Council, 1954*.
4. Pelbagai sebab adanya 'rural weightage' dibincangkan dalam *Protection, op. cit.*, bab 1.
5. Ini juga bererti apabila keadaan luar bandar bertambah baik, pengubahsuaian akan dilakukan ke atas sistem 'rural weightage'. Prinsip-prinsip pembentukan sistem 'rural weightage' dinyatakan pada Jadual 13 dalam Perlembagaan. Lihat Muhammad Suffian, *op. cit.*, muka 69.

6. K. J. Ratnam dan R. S. Milne membuat penganalisaan yang menarik tentang corak pengundian dalam "The 1969 Parliamentary Election. . .", *op. cit.*
7. Lihat *Ideology and Utopia* oleh Karl Mannheim, dengan kata pendahuluan oleh Louis Wirth. (Routledge and Kegan Paul, London, 1966), muka 49.
8. Ini dinyatakan dalam Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan. Lihat *Perlembagaan Persekutuan*. (Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1964).
9. Untuk mendapat gambaran mengenai masalah ketiadaan tanah dalam konteks tanah simpanan Melayu, lihat *The Seed*, Vol. 2, No. 5 dan 6, (Malaysian Sociological Research Institute, Singapore 1964), muka 4-5. Lihat juga "Malay Land Reservation and Alienation", oleh Raja Mohar Badiozaman, *Intisari* Vol. 1, No. 2, (Malaysian Sociological Research Institute, Singapore).
10. Individu-individu dan kumpulan-kumpulan yang menguasai kongress-kongress ekonomi Bumiputera memberi beberapa petunjuk mengenai ini. Lihat misalnya *Kongress Ekonomi Bumiputera Kedua*, Memorandum dari perseorangan, (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1968).
11. Bagi sejarah pembangunan ekonomi di Kelantan, lihat *Institutional Background to Modern Economic and Social Development in Malaya*, oleh Tjoa Soei Hock, (dengan rujukan khusus kepada Pantai Timur), (Liu & Lin Agency, Kuala Lumpur, 1963).
12. Lihat *Kajian Keciciran*, (Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, 1973).
13. Bagi butir-butir mengenai kuota dalam pelbagai perkhidmatan, lihat Muhammad Suffian Hashim, *op. cit.*, Bab 17.
14. Lihat 'Mid-Term Review Second Malaysia Plan', *op. cit.*, muka 192.

15. *Ibid.* muka 151.
16. Misalnya, penyertaan Melayu dalam sektor pembuatan khususnya telah pun mencapai tahap 30 peratus menjelang tahun 1970 tanpa sebarang penguatkuasaan tegas sistem kuota dan seumpamanya. *Loc. cit.*
17. Bagi perbincangan mengenai perlunya perubahan sebegitu, lihat rencana Kamal Salih di atas tajuk "Unbalanced growth and persistent poverty: the consequences of unequal access in urban and rural development", dalam *Colloquium: the Etiology of Poverty*, (Malaysian Economic Association, March 1976). Lihat juga rencana Kamal Salih bertajuk "The TMP at the mid-term: A Review of the Review," dalam *Seminar Mid-Term Review of the Third Malaysian Plan*, (Malaysian Economic Association, May 1979).
18. Bagi contoh-contoh, lihat *Poverty in Malaysia*, suntingan B.A.R. Mokhzani dan Khoo Siew Mun. (Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur, 1977).
19. Bagi perbincangan mengenainya, lihat *Some Dominant Concepts, op. cit.*, khususnya bab 4.
20. Ini memang merupakan konsep Marxian. Bagi ulasan sila lihat *Ideology* oleh John Plamenatz, (MacMillan 1970). Petikan berkenaan adalah dari muka 23-24.
21. Pengecapan ini selalu sahaja dilakukan baik oleh pemimpin-pemimpin negeri mahupun pemimpin-pemimpin negara. Sesetengah mereka mempunyai pengetahuan yang amat cetek mengenai sosialisme. Untuk contoh 'pengecapan' sebegitu lihat komen-komen Mahathir Mohamad dalam *New Straits Times*, 28 Mei 1977. Bagi kefahaman yang cetek (juga salah) mengenai sosialisme lihat pendapat beliau dalam *Utusan Malaysia*, 14 September 1979.
22. Berhubung perkara ini *Sunday Mail*, sebuah akhbar hari Ahad yang terkenal, memaparkan cerita-cerita

- mengenai orang-orang Melayu yang mencapai 'kegemilangan' dalam bidang perniagaan dan perindustrian dengan harapan – saya kira – untuk memberangsangkan yang lain!
23. Lihat kertas kerja saya bertajuk "The New Economic Policy and the Quest for National Unity", *Fifth Economic Convention*, (Malaysian Economic Association, Kuala Lumpur, 1978).
 24. Lihat *Malay Peasant Society and Leadership*, oleh S. Husin Ali, (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975), muka 157-160.
 25. Lihat misalnya komen Raja Chulan yang dipetik oleh Lim Chong Yah dalam buku beliau bertajuk *Economic Development of Malaya*, (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967), muka 175.
 26. Lihat *Peasant Agriculture in Colonial Malaya*, tesis Doktorat En. Lim Teck Ghee. (Australian National University, Canberra, 1971), muka 127.
 27. Lihat *Ucapan* Pembukaan Rasmi Dato Muhammad Asri, Kongres PAS ke 18, 1972.
 28. Lihat *Straits Times* 22 Disember 1972 bagi mendapatkan butir-butir.
 29. Pemberontakan komunis seringkali dianggap ancaman terhadap kedudukan politik Melayu. Maka ia selalu menimbulkan perdebatan di kalangan UMNO. Ini berlaku dalam Perhimpunan Agung Tahunan 1976 yang berlangsung semasa pendedahan penyusupan komunis ke dalam UMNO. Lihat *Utusan Malaysia*, 3 dan 5 Julai 1976 serta *Mingguan Malaysia*, 4 Julai 1976. Kemasukan pendatang haram Vietnam juga dianggap ancaman kepada kedudukan Melayu – maka ia menimbulkan reaksi dari Perhimpunan Agung UMNO 1979. Lihat *Utusan dan Mingguan Malaysia*, 7-9 Julai 1979.

30. Lihat lapuran mengenai perbicaraan Harun, *New Straits Times* 22 April – 5 Mei 1976.
31. Lihat *The UMNO Constitution*, (1960).
32. Lihat *New Straits Times*, 22 Mei 1976.
33. Memang semasa itu Tun Razak telah meninggal dunia. Dato Hussein Onn menjadi pemangku Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Beliau telah berkhidmat sebagai Timbalan kepada Tun Razak dan ternyata amat rapat dengan beliau.
34. Lihat penulisan Ibn Khaldun *The Muqaddimah: An Introduction to History*, terjemahan Frantz Rosenthal. (Routledge and Kegan Paul, London, 1967), Vol. 1, muka 300. Lihat juga *Man & Society in an Age of Reconstruction*, oleh Karl Mannheim. (Kegan Paul, Trench, Trubner, London 1940), muka 40.
35. Harun Hassan dan Subky Latif menyampaikan hujah-hujah yang serupa dalam *Siapa Selepas Tun Razak?*, (Amir Enterprise, 1975), Bab 2.
36. Lihat rencana B.A. Dar bertajuk "Ethical teachings of the Quran", dalam *A History of Muslim Philosophy*, Vol. I, suntingan M. M. Shariff, (Otto Harvassomitz, Wiesbaden, 1963).
37. Lihat rencana bertajuk "The Concept of Man in Islamic Thought", oleh Ibrahim Makdour dalam buku berjudul *The Concept of Man*, suntingan S. Radhakrishnan dan P. T. Raju, (George Allen & Unwin, London 1960).
38. Konsep pergerakan pelbagai kaum terkandung dalam *Aliran: Basic Beliefs*, cetakan ketiga, (Aliran publications, Penang, August 1979). Kesukaran yang Aliran hadapi dalam menyampaikan ideanya kepada umum dapat dijadikan bukti.
39. Lihat *The Life and Times of Sayyid Shaykh Al-Hadi*, oleh S. H. Tan, Latihan Akademik, B.A. honours. (University of Malaya, Singapore, 1961).

40. Lihat W.R. Roff, *op. cit.*, khususnya Bab 2 dan 3.
41. Lihat S.H. Tan, *op. cit.*, muka 58.
42. Lihat W.R. Roff, *op. cit.*, muka 59.
43. Saya bukan bermaksud bahawa tidak terdapat sebab-sebab lain bagi kepasifan masyarakat. Ini sudah pun dijelaskan dalam Bab 1.
44. Lihat *Some Dominant Concepts, op. cit.*, muka 262-267.
45. Lihat W.R. Roff, *op. cit.*, muka 233.
46. Lihat "Some Aspects of the Japanese Policy for Malaya under the Occupation, with special reference to Nationalism", oleh Yoich Itagaki dalam *Papers on Malayan History*, suntingan K.G. Tregonning. (Singapore, 1962).
47. PKMM, tidak seperti kumpulan Ibrahim Yaacob, komited pada kemerdekaan untuk Malaya. Bagaimanapun, nasionalisma Indonesia tetap menjadi perangsang kepadanya. Pada masa itu UMNO bukan sebuah parti tunggal, ia merupakan gabungan beberapa buah parti. Maka tidak mustahil untuk keluar daripada UMNO. Lihat *Merintis* oleh Ahmad Boestamam, *op. cit.*
48. PKMM mahukan warna merah dan putih, warna-warna pergerakan nasionalis Indonesia. Perwakilan UMNO pula menerima warna merah dan putih dengan bulatan kuning dan keris hijau di tengahnya. Ini kekal sebagai warna-warna UMNO. Lihat *Dr. Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya*, oleh Ahmad Boestamam, (Pustaka Kejora, Kuala Lumpur 1972), muka 11-12.
49. Lihat *Merintis op. cit.*, oleh Ahmad Boestamam. Antara pertubuhan-pertubuhan lain adalah Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Hizbul Muslimin dan Gerakan Angkatan Muda (Geram).

50. Sebenarnya, belum pun Parti Komunis Malaya diharamkan, PKMM sudah diharamkan. Lihat *The Leftwing in Southeast Asia*, oleh Virginia dan Adloff Thompson. (Stanford University, California, 1955), muka 144-5.
51. Untuk mengetahui tentang beberapa daripada ketidaksetujuan ini lihat *Politics in a Plural Society*, oleh R.K. Vasil (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971), terutamanya Bab 2.
52. Malah para sosialis juga – ketika mereka lemah – telah berusaha supaya mereka diterima oleh kelas pentadbir dan bangsawan. Misalnya lihat satu lapuran yang menarik mengenai dialog di antara kedua-dua pihak yang menampakkan sikap ini, dalam *'Merintis' op. cit.*, muka 37-38, oleh Ahmad Boestamam.
53. Ini dibincangkan secara rapi oleh Syed Muhammad al-Naquib al-Attas dalam *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, (Universiti Kebangsaan, Kuala Lumpur 1972).
54. Meskipun PAS dipecat dari Barisan Nasional semasa awal 1978 dan mengalami kekalahan dalam pilihanraya negeri Kelantan pada Mac 1978 serta pilihanraya Persekutuan pada Julai 1978, ia masih merupakan satu-satunya pencabar kepada UMNO. Untuk mengetahui tentang permainan politik yang membawa kepada pemecatan PAS, lihat rencana saya bertajuk "The National Front On Trial", dalam *Southeast Asian Affairs* 1978, (Institute of Southeast Asian Studies, 1978).
55. Dato Onn memenangi kerusi Parlimen di Trengganu pada tahun 1959. Dalam pilihanraya negeri sebelum itu PAS berkuasa di Trengganu.
56. Salah seorang individu yang sering disebutkan ialah Datuk Abdullah Ahmad, yang ketika itu menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau

pernah ditahan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan komunis. Lihat *Suka Duka*, *op. cit.*, oleh Subky Latif.

57. Lihat *New Straits Times* 7 Julai 1979.
58. *Loc. cit.*
59. Pencabarnya ialah Sulaiman Haji Ahmad (Palestin), seorang penyokong setia UMNO yang pernah berkhidmat seketika sebagai Ketua Penerangan parti. Beliau bersekutu dengan puak Dato Harun dan mendapat sokongan dari kalangan pelampau parti.
60. Bagi analisa mengenainya lihat rencana saya "Generasi Baru dan Politik Masa Depan", *Dewan Budaya*, September 1979. (Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979).
61. Hujah ini terkandung dalam Latihan Akademik (B.A. honours) Radin Seonarno bertajuk *The Political Attitudes of the Malays Before 1945*, (Department of History, University of Malaya, Singapore, 1959).
62. *Ibid*, muka 16.
63. Pada pendapat saya ini merupakan salah satu hujah utama Karl Marx dan Frederich Engels dalam *The German Ideology*, bahagian I, suntingan dan pengenalan oleh C.J. Arthur, (International Publishers Co. Inc., 1970).
64. Lihat *Political Parties: A Sociological Study of the Oligarchical Tendencies of Modern Democracy*, oleh R. Michels, terjemahan Eden & Cedar Pau, (New York 1959). Ia mengisahkan bagaimana individu-individu yang bukan dari kelas atasan sanggup diserap dan ditransformasikan.
65. Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan hasil permintaan pasaran antarabangsa bagi kebanyakan komoditi eksport kita telah membolehkan pihak berkuasa memenuhi kemahuan golongan kelas

menengah dan atasan yang kian bertambah. Mungkin negara ini merupakan salah sebuah antara segelintir sahaja negara Dunia Ketiga di mana gaji kakitangan kerajaan telah meningkat dalam ertikata sebenarnya. Bagi maklumat mengenai pertumbuhan Keluaran Kasar Tempatan dan pendapatan per kapita semasa 1976-1980, lihat *Rancangan Malaysia ketiga 1976-1980*. (Pencetak Kerajaan 1976), muka 110-111.

66. Saya pernah mendengar ini dari beberapa ahli akademik, terutama sekali dari mereka yang tidak begitu memahami latarbelakang sejarah negara ini. Sayang sekali tidak seorang pun di antara mereka yang membukukan pendapatnya.
67. Lihat *Evolution and Revolution*, oleh W. F. Wertheim (Pelican Books, 1974), muka 125.
68. *Ibid*, terutamanya bahagian dua.
69. *Nationalism and Revolution in Indonesia*, oleh G. M. Kahin, (Cornell University Press, 1969) mengandungi perbincangan yang menarik mengenai kumpulan-kumpulan dan kelas yang terlibat dalam revolusi Indonesia.
70. *Ibid*, muka 28.
71. *Ibid*, muka 12.
72. *Ibid*, muka 11.
73. *Loc cit*.
74. Perpindahan orang-orang Cina dan India dibincangkan oleh Rupert Emerson dalam buku beliau, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, (University of Malaya press, Kuala Lumpur, 1964). Lihat juga *Indian Migration and Population Change in Malaya c. 100 - 1957 A.D.*, disertasi MA oleh K. S. Sandhu. (University of British Columbia, 1961).

75. Bagi huraian mengenai sistem pendidikan kolonial dalam hubungan kepada masyarakat majmuk kita lihat *A Survey and Critique of the Development of a National System of Education in a Plural Society*, oleh Chang Min Phang, tesis M.A. (University of London 1968).
76. Lihat Rupert Emerson, *op. cit.*
77. Lihat *Social Background of Indian Nationalism*, oleh A.R. Desai. (Popular Prakashan, Bombay, 1966, terutamanya Bab 3-7.
78. Lihat *Malolos: The Crisis of the Republic*, oleh Theodoro A. Agoncillo. (Quezon City, University of the Philippines, 1960). Bagaimanapun, Agoncillo berhujah bahawa pada keseluruhannya kelas menengah mengkhianati peringkat pertama Revolusi. Namun begitu, peranan individu-individu dari kelas menengah adalah diakui.
79. Lihat *Japan Since Perry*, oleh Chitoghi Yamaga. (Anchor Books, Hamden, Connecticut, 1966), Bab 3. Lihat juga *Japan's Emergence as a Modern State*, oleh E. Herbert Norman. (Institute of Pacific Relations, USA, 1940).
80. Lihat Yanaga, *op. cit.*, muka 48.
81. *Loc. cit.*
82. Meskipun ini benar, tidak dapat dinafikan bahawa sehingga 1880 terdapat sistem ke dirajaan yang terpusat (centralized) dan pentadbiran yang bersifat oligarki. Lihat *Japan's Modern Century*, oleh Hugh Barton, (The Ronald Press, New York, 1970), muka 79-126.
83. Untuk mengetahui perihal tradisi intelektual Jepun lihat *Sources of Japanese Tradition* Vol. I & II, susunan R. Tsunoda, W.M. de Bary dan D. Keene. (Columbia University Press, 1964).

84. Bagi mendapatkan butir-butir lihat Yanaga, *op. cit.*, muka 57.
85. Lihat E. H. Norman, *op. cit.*, muka 80.
86. Pertentangan ini telah disalahtafsir sebagai 'Revolusi'. Ia bukan 'Revolusi' dalam ertikata seperti yang digunakan dalam kajian ini. Pertentangan berkenaan dibincangkan oleh K. P. Landon dalam *Siam in Transition*, (Greenwood Press, New York, 1968).
87. *Ibid*, muka 11.
88. *Ibid*, muka 24-27. Butir-butir mengenai riwayat hidup pemimpin-pemimpin berkenaan terkandung dalam mukasurat-mukasurat ini.
89. Misalnya pada Oktober 1973, satu rusuhan umum yang disertai sebahagian besar para pelajar berjaya menggulingkan kerajaan Perdana Menteri, Thanom Kittikachorn. Kebetulannya, Raja berada di pihak para perusuh.

BAB ENAM

Susulan (Postscript)

TANPA SOAL DAN PERLINDUNGAN DALAM DASAWARSA LAPANPULUHAN

Pengenalan

Versi asal *Pelindung?* Telah diterbitkan pada tahun 1979 dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *Protector?* Ini bererti kajian mengenai konsep taatsetia tanpa soal ini juga berakhir pada tahun 1979. Telah berlaku banyak perkembangan dalam tahun-tahun lapan puluhan yang ada kaitan dengan konsep taatsetia tanpa soal dan perlindungan. Segala perkembangan ini tentu sekali wajar dikaji. Apakah konsep taatsetia tanpa soal dan perlindungan telah bertambah kuat? Atau apakah ianya sudah menjadi lemah? Untuk menjawab persoalan-persoalan ini, beberapa perkembangan politik dan sosial perlu dikaji.

Kenaikan Dr. Mahathir

Sepertimana diketahui umum, setiap Presiden UMNO sebelum Dr. Mahathir ada pertalian dengan golongan bangsawan atau istana. Dato Onn Jaafar dan Tun Hussein Onn berasal dari golongan bangsawan Johor, Tunku Abdul Rahman seorang putera Sultan Kedah dan Tun Abdul Razak berasal dari golongan bangsawan Pahang.

Munculnya Dr Mahathir, seorang rakyat biasa, sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri merupakan suatu fenomena penting. Dr Mahathir, anak kepada seorang guru sekolah, telah hidup dan dibesarkan dalam keadaan serba sederhana.¹

Apakah implikasi fenomena ini terhadap konsep taatsetia tanpa soal? Apakah seorang pemimpin daripada

latarbelakang demikian rupa lebih kritis terhadap amalan taatsetia tanpa soal? Apakah beliau kurang cenderung menggunakan sentimen taatsetia tanpa soal? Tidak, tidak ada bukti yang menunjukkan demikian. Sebaliknya, beliau memperalatkan sentimen ini kerana ia sangat berguna dari segi kawalan politik, dan golongan elit yang berkuasa dapat memperalatkannya untuk mengawal masyarakat dan mengekalkan kuasa mereka.

Tetapi apakah seorang rakyat biasa yang menjadi Perdana Menteri berjaya menggunakan taatsetia tanpa soal sebagai satu sentimen politik? Dr Mahathir nampaknya tidak begitu berjaya, kerana keadaan kini sudah berubah. Tahap pendidikan masyarakat Melayu pada keseluruhannya jauh lebih tinggi berbanding dengan masa dahulu. Kelas menengah Melayu sudah bertambah besar dan makin membesar. Kelas pekerja Melayu juga telah bertambah besar. Urbanisasi semakin pesat. Segala perkembangan ini telah menjadikan sebahagian masyarakat Melayu lebih bebas dalam pemikiran dan tindakannya. Mereka enggan bertaatsetia tanpa soal. Mereka tidak semudah mengikut telunjuk para pemimpin. Mereka tidak boleh seperti penduduk desa pada masa lepas, diperintah atau disuruh dengan sewenang-wenang menerusi ketua kampung, penghulu, imam atau lain-lain orang berkedudukan. Selain ini, hakikat bahawa Dr. Mahathir bukan dari golongan bangsawan telah lebih menyukarkan beliau untuk mengekalkan ciri ketaatan.

Pertandingan Musa-Razaleigh Pada Tahun 1981 dan 1984

Pada bulan April 1981, Tun Hussein menyuarakan hasrat beliau untuk meletak jawatan sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri atas sebab kesihatan. Ternyata, Dr. Mahathir akan menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri kerana kedudukan beliau sebagai nombor dua pada ketika itu. Tetapi, jawatan Timbalan Presiden UMNO akan dipertandingkan. Dan pertandingan ini berlangsung dalam pemilihan Perhimpunan Agung UMNO pada bulan Jun 1981.²

Tengku Razaleigh, yang berketurunan kerabat diraja Kelantan, merupakan Naib-Presiden yang kanan berdasarkan pemilihan pucuk kepimpinan pada tahun 1978. Beliau menjadi Naib Presiden sejak tahun 1975, ahli Majlis Tertinggi sejak 1963, dan Menteri Kewangan sejak 1976. Beliau juga pernah menjawat jawatan Presiden Petronas (Syarikat Petroleum Nasional), pengerusi Pernas (Perbadanan Perdagangan Nasional), pengasas ASN dan pengerusi pertama Bank Bumiputera.

Sebenarnya, Tengku Razaleigh, berdasarkan kedudukan beliau dalam UMNO, harus terus dilantik menjadi timbalan presiden. Ini dipersetujui oleh Dr. Mahathir dalam suatu pertemuan dengan Tun Hussein, yang turut dihadiri oleh Tengku Razaleigh. Tetapi Dr. Mahathir tidak mematuhi persetujuan ini, kemungkinan besar kerana beliau berpendapat Tengku Razaleigh berfikiran bebas dan sukar dikawal.

Maka secara sulit Dr. Mahathir menggalakkan Datuk Musa Hitam supaya bertanding menentang Tengku Razaleigh untuk jawatan Timbalan Presiden. Datuk Musa merupakan Menteri Pendidikan dan Naib-Presiden UMNO yang ketiga sejak tahun 1978. Suatu ketika dulu beliau menjadi Setiausaha Kerja UMNO. Pada tahun 1969, ekoran peristiwa 13 Mei, beliau dipecat dari jawatannya dalam UMNO. Beliau sangat rapat dengan Dr. Mahathir pada waktu itu.

Ini bermakna Datuk Musa adalah calon Dr. Mahathir. Hal ini diketahui oleh semua ahli UMNO. Secara tidak langsung Dr. Mahathir berkempen untuk Datuk Musa. Akhirnya Musa menang dengan memperolehi 722 undi mengalahkan Tengku Razaleigh yang memperolehi 517 undi.

Apakah pentingnya kemenangan Musa kepada kajian ini? Apakah kemenangan beliau menunjukkan ahli-ahli UMNO masih setia kepada kehendak ketua mereka? Apakah ia menunjukkan sifat 'taatsetia' masih kuat seperti dulu? Masih wujud amalan taat kepada hasrat pemimpin tertinggi. Para perwakilan UMNO sedar Datuk Musa adalah calon Dr.

Mahathir. Sokong Datuk Musa bererti sokong Dr. Mahathir. Tambahan pula, para perwakilan mahukan Timbalan Presiden, dan lebih penting, Timbalan Perdana Menteri yang boleh bekerjasama dengan Perdana Menteri, demi kesejahteraan negara. Suatu pertimbangan yang sesungguhnya praktikal.

Tetapi, faktor lebih berkesan yang membawa kemenangan kepada Datuk Musa ialah faktor kaum. Datuk Musa ditonjolkan sebagai pelindung kaum, sebagai wira kaum. Datuk Musa dan penyokong-penyokong beliau menimbulkan tanggapan bahawa hanya beliau yang boleh melindungi kepentingan kaum, dan bahawa Tengku Razaleigh, kononnya, adalah calon jutawan Cina yang pro-Cina, yang tidak mampu melindungi kepentingan Melayu.³ Para perwakilan UMNO digesa menyokong pelindung kaum. Mereka diingatkan supaya taatsetia kepada pelindung kaum. Sekali lagi, bukan taatsetia semata-mata, tetapi taatsetia yang dikaitkan kepada perlindungan, yang menang.

Ini juga bermakna kuasa dan pengaruh Dr. Mahathir sebagai pemimpin utama UMNO dan masyarakat Melayu tidak begitu berkesan. Sentimen mengenai perlunya perlindungan, dan perlunya pelindung, lebih berkesan. Walaupun pemimpin tertinggi itu masih ditaatsetiai kerana kedudukan beliau sebagai pemimpin tertinggi, pentingnya sikap dan amalan taatsetia sebagai sentimen politik sudah merosot.

Itulah sebabnya Tengku Razaleigh, yang tidak direstui oleh Dr. Mahathir, boleh mendapat begitu banyak undi. Memang, faktor-faktor lain seperti kedudukan Tengku Razaleigh dalam parti dan kerajaan, naungan politik yang dipraktikkan oleh beliau, sokongan bulat daripada para perwakilan Kelantan dan kedudukan beliau sebagai anak raja Kelantan juga membantu membawa undi kepada beliau.

Dalam pemilihan UMNO pada tahun 1984, Tengku Razaleigh sekali lagi cuba merebut jawatan Timbalan

Presiden. Sekali lagi beliau kalah. Malah majoriti kemenangan Datuk Musa bertambah sedikit, kemungkinan besar kerana beliau merupakan penyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Parti. Namun begitu, Tengku Razaleigh tetap memperolehi jumlah undi yang besar. Ini menunjukkan ada sebahagian perwakilan yang tidak sanggup mematuhi segala hasrat presiden parti.

Ketidaksanggupan untuk mematuhi segala hasrat pemimpin tertinggi ini bukanlah fenomena baru. Ia wujud lama sebelum kepimpinan Dr. Mahathir. Tetapi ia lebih ketara sejak awal dasarwarsa lapan puluhan. Dibandingkan dengan presiden-presiden UMNO sebelumnya, Dr. Mahathir kurang berjaya mengawal parti. Beliau kurang berjaya mengekalkan taatsetia mutlak kepada pucuk kepimpinan.

Krisis Perlembagaan 1983

Hal di atas ketara dalam krisis perlembagaan pada tahun 1983. Krisis ini sangat penting kepada kajian ini, kerana ia krisis pertama dalam sejarah politik Melayu, antara 'pelindung simbolik' dan 'pelindung substantif'.

Pada bulan Julai 1983, Dewan Rakyat meluluskan dua pindaan kepada perlembagaan negara. **Satu**, pindaan terhadap fasal 66(5) yang menyebut bahawa sekiranya sesuatu rang undang-undang tidak ditandatangani oleh Yang DiPertuan Agung dalam tempoh 15 hari setelah rang undang-undang tersebut dipersembahkan kepada baginda, maka ia akan dianggap sudah dipersetujui oleh baginda dan seterusnya menjadi undang-undang. Pindaan yang serupa juga dibuat di peringkat negeri. Pindaan **kedua** yang diluluskan oleh Dewan Rakyat membabitkan fasal 150 perlembagaan. Pindaan ini memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk menentukan semada perlu atau tidak perisytiharan dharurat dan sama ada tempoh dharurat yang diisytiharkan itu perlu dilanjutkan. Sebelum pindaan ini, Yang diPertuan Agung, bukan Perdana Menteri, mesti

Agung menggunakan kuasa baginda untuk mengisytiharkan dharurat demi kepentingan baginda sendiri. Tetapi sekali lagi, cara penyelesaian kurang wajar, bertambah pula apabila kuasa dipinda ke tangan Perdana Menteri. Ini menimbulkan tuduhan bahawa Perdana Menteri ingin merampas kuasa Yang diPertuan Agung, bahawa beliau ingin memusatkan segala kuasa di tangan beliau sendiri. Adalah lebih baik jika kuasa untuk mengisytiharkan dharurat dan melanjutkan tempohnya diberi kepada Parlimen – sepertimana yang terkandung dalam perlembagaan tahun 1957. Harus juga dikenakan beberapa syarat tentang keadaan dharurat dan cara Parlimen patut menggunakan kuasanya dalam keadaan dharurat.⁵

Tetapi oleh kerana kuasa Yang diPertuan Agung dalam soal dharurat ini diambilalih oleh Perdana Menteri dan hak Yang diPertuan Agung dan Raja-Raja dalam hal menandatangani rang undang-undang disekat, beberapa pihak menganggap kerajaan Dr. Mahathir memusuhi Raja-Raja. Dalam UMNO sendiri anggapan ini berleluasa. Kalangan tertentu dalam UMNO mempersoal dan mengkritik tindak-tanduk Dr. Mahathir. Raja-Raja sendiri bersungut kerana merasa tidak puas hati. Akhirnya baginda-baginda juga menentang pindaan, terutamanya pindaan kepada fasal 66(5).

Seterusnya Raja-Raja dan penyokong baginda-baginda mengambil pendirian yang bertentangan dengan pendirian kerajaan Dr. Mahathir dan penyokong-penyokongnya. Berlaku perbalahan pendapat. Satu konflik tercetus. Krisis yang bermula sebagai krisis perlembagaan, beransur-ansur berubah menjadi krisis politik, dan berlaku ketegangan antara kedua-dua pihak.

Raja-Raja tidak mahu berganjak. Baginda-baginda tetap menolak kedua-dua pindaan. Para penyokong baginda-baginda dan parti-parti pembangkang mengadakan ceramah untuk menyampaikan pandangan kepada orangramai.

diberi kepada kepimpinan politik Melayu kerana berpendapat ia lebih wajar untuk melindungi kepentingan politik dan ekonomi masyarakat Melayu. Memang pada hakikatnya kuasa UMNO lebih menguntungkan kelas menengah dan atasan Melayu.

Oleh kerana masyarakat Melayu berpecah dalam kontroversi ini, kedua-dua pihak terpaksa berkompromi. Kompromi yang diusahakan oleh golongan-golongan tertentu, yang diterima oleh Raja-Raja dan kepimpinan UMNO, adalah seperti berikut: Pindaan kepada fasal 66(5) ditarik balik dan digantikan dengan pindaan baru. Sekiranya Yang diPertuan Agung atau Raja-Raja tidak bersetuju dengan sesuatu rang undang-undang, baginda-baginda boleh mengembalikannya kepada Dewan Rakyat atau Dewan Perundangan Negeri yang berkenaan dengan keterangan tentang bantahan. Dewan yang terbabit harus memberi pertimbangan yang wajar kepada pendapat baginda. Dewan boleh menolak atau menerima atau membuat perubahan kepada cadangan Yang diPertuan Agung dan Raja. Selepas itu, rang undang-undang akan dikembalikan kepada Yang diPertuan Agung atau Raja untuk memohon tandatangan baginda. Sekiranya baginda tidak menandatangani setelah tamat tempoh 30 hari, rang undang-undang berkenaan akan secara otomatis menjadi undang-undang. Selain pindaan kepada fasal 66(5), pindaan kepada fasal 150 langsung ditarik balik.

Krisis perlembagaan 1983 menunjukkan bahawa bagi masyarakat Melayu, pelindung simbolik dan pelindung substantif adalah penting. Pelindung simbolik, meskipun hanya simbolik dan banyak kekurangannya, dianggap institusi yang mengekalkan tradisi kekuasaan politik Melayu. Buat masa sekarang mereka tidak sanggup mengenyepikan institusi ini, terutamanya memandangkan keadaan etnik dalam negara kita. Tetapi, pada waktu yang sama, telah lahir sikap lebih kritis terhadap amalan sistem kedirajaan. Begitu juga, bagi masyarakat Melayu pelindung substantif

Cabaran ini bererti amalan 'taat kepada pemimpin utama' sudah tidak berpengaruh.⁸ Kata perpatih 'Melayu pantang derhaka' tidak boleh digunakan lagi dalam konteks politik UMNO.

Inilah pentingnya cabaran Tengku Razaleigh – Datuk Musa terhadap kepimpinan Dr. Mahathir. Ia menjadi suatu titik perubahan dalam sejarah politik Melayu.

Apakah faktor-faktor yang membawa perubahan ini? Selain cita-cita peribadi dan hasrat untuk memperolehi kuasa – suatu perkara biasa dalam politik – faktor-faktor berikut mungkin turut memainkan peranan.

- 1) Corak kepimpinan Dr. Mahathir – beliau dikatakan bersikap autoritarian, dan jarang mengadakan rundingan di kalangan kepimpinan parti atau kepimpinan kerajaan untuk membincangkan polisi-polisi dan perkara-perkara penting.
- 2) Beliau bergantung kepada sebuah 'klik' untuk membuat sesuatu keputusan penting – dengan mengeneipkan Majlis Tertinggi UMNO dan Kabinet.
- 3) Dalam beberapa persoalan masyarakat, beliau membuat keputusan yang tidak demokratik – umpamanya isu pembuangan sisa radioaktif di Papan dan isu kekalahan parti Berjaya di Sabah. Beliau juga menandatangani beberapa undang-undang yang tidak demokratik – contohnya Akta Penerbitan (1984) dipinda untuk menandatangani kawalan ke atas penerbitan dan Akta Rahsia Rasmi (1986) dipinda untuk mengawal pengaliran maklumat.
- 4) Dr. Mahathir gagal memberi penjelasan yang meyakinkan kepada rakyat tentang penyelewengan kewangan yang berlaku dalam dasawarsa 80an – umpamanya skandal BMF, UMBC, Pan-El, Maminco, Sports Toto dan KWSP–Makuwasa.
- 5) Kredibiliti moral beliau juga menurun kerana beliau dikatakan memperkayakan segelintir individu menerusi

Dr. Mahathir. Segala kelemahan pada kepimpinan dan dasar-dasar Dr. Mahathir diberi perhatian kerana UMNO sendiri telah berubah. Ahli-ahlinya kini lebih tinggi tahap pendidikan mereka, berasal daripada pelbagai lapisan masyarakat dan lebih beraneka dari segi karier dan pekerjaan. Mereka lebih terdedah kepada masyarakat antarabangsa. Sebahagian ahli UMNO juga sudah mengalami proses perbandaran. Mereka mahu berfikir sendiri. Adalah lebih sukar untuk membuatkan mereka bertaatsetia tanpa soal.

Perubahan dalam UMNO tidak lebih daripada mencerminkan perubahan dalam masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia seluruhnya. Pendek kata, masyarakat Melayu dewasa ini yang begitu dramatik perubahannya tidak mungkin taat kepada konsep taatsetia, seperti generasi-generasi sebelumnya.

Lagipun, retorik tentang demokrasi dan amalan demokrasi seperti pertandingan untuk jawatan telah mempengaruhi pemikiran ahli-ahli UMNO. Mereka anggap pertandingan dalam parti, termasuk untuk jawatan presiden dan timbalan presiden, sebagai selaras dengan lunas-lunas demokrasi.

Atas sebab-sebab inilah sebahagian ahli UMNO menganggap cabaran terhadap kepimpinan Dr. Mahathir sebagai langkah yang perlu lagi penting. Tengku Razaleigh hampir-hampir mengalahkan Dr. Mahathir untuk jawatan Presiden UMNO dalam pemilihan parti pada tahun 1987. Mengikut keputusan rasmi, Dr. Mahathir memperoleh 761 undi manakala Tengku Razaleigh memperoleh 718 undi.

Ternyata bahawa taatsetia tanpa soal kepada pemimpin – taatsetia yang melarang pemimpin utama dicabar, dikritik dan dijatuhkan secara demokratik – telah dikuburkan dalam pemilihan UMNO pada 24hb April 1987. Sejak hari itu, bagi ahli-ahli UMNO sendiri, jawatan Presiden UMNO, malah jawatan Perdana Menteri pun, bukan lagi dianggap “tidak tercabar” atau “di luar batas pertandingan”.

Yang anehnya, seorang anak raja – dengan tidak sengaja – menamatkan penguasaan suatu ciri feodal.

Perpecahan UMNO

Tetapi drama UMNO tidak berakhir dengan pemilihan UMNO pada tahun 1987.

Beberapa orang pemimpin dalam puak Tengku Razaleigh dipecat daripada kerajaan. Berikutan pemecahan ini, para penyokong Tengku Razaleigh membawa pucuk kepimpinan UMNO ke Mahkamah atas dakwaan pemilihan 1987 tidak sah kerana sesetengah perwakilan yang tidak berhak mengundi telah mengambil bahagian dalam pergundian.

Pada 4 Februari 1988, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membuat keputusan bahawa oleh kerana wujud beberapa buah cawangan UMNO yang tidak berdaftar ketika pemilihan 1987, parti UMNO adalah tidak sah, mengikut Akta Pertubuhan 1966. Apabila UMNO dihukum tidak sah, kepimpinan dan ahli-ahlinya menjadi kelam-kabut.

Dalam keadaan tidak menentu ini, Dr. Mahathir mengambil kesempatan untuk menubuhkan sebuah parti baru bernama "UMNO Baru". Tengku Razaleigh dan para penyokongnya dari peringkat kebangsaan sehinggalah ke peringkat cawangan tidak dibenarkan menganggotai UMNO Baru. Akibatnya, UMNO berpecah dua. Sebahagian daripada para penentang Dr. Mahathir, dengan diketuai oleh Tengku Razaleigh, menubuhkan parti baru bernama Semangat 46. Persengketaan di antara kedua-dua golongan ini berterusan dalam beberapa gelanggang, termasuk Mahkamah, Parlimen, dan medan pilihanraya.⁹ Persengketaan ini tidak akan dibincangkan secara panjang lebar di sini kerana ianya di luar bidang penulisan ini.

Yang penting diperhatikan di sini ialah caranya Dr. Mahathir cuba menguatkan kedudukan beliau dalam UMNO Baru dan masyarakat Melayu, ekoran perpecahan UMNO.

Beliau memeralatkan sentimen ketaatan kepada kepimpinan dan kerajaan sebagai asas untuk mobilisasi bangsa Melayu.

Sebaik sahaja UMNO diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah, Dr. Mahathir mengadakan beberapa perjumpaan dengan kumpulan-kumpulan tertentu di mana mereka disuruh menyuarakan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada beliau. Upacara-upacara "angkat sumpah taat setia" ini disiarkan melalui televisyen.

Pada masa yang sama, Menteri Penerangan, Dato Mohamad Rahmat mempopularkan lagu "Setia" melalui radio dan televisyen. Senikata lagu ini, jelas bertujuan untuk mempopularkan Perdana Menteri dan kerajaan.

Kempen 'Semarak' yang diadakan pada ketika itu juga bertujuan menjadikan rakyat, terutamanya rakyat Melayu, lebih setia kepada kepimpinan Dr. Mahathir. Semarak ditafsirkan sebagai 'Setia Bersama Rakyat', tetapi matlamat sebenar ialah ketaatan kepada kepimpinan. Majlis-majlis Semarak diadakan di seluruh negara. Semua lapisan masyarakat dikerah menghadiri majlis-majlis ini.

Pada keseluruhannya, Semarak, dan ikrar kesetiaan kepada Perdana Menteri, tidak begitu berjaya. Sambutan rakyat kurang memuaskan. Kadang-kadang sebutan di sesuatu kawasan di mana Semarak diadakan amat dingin dengan dihadiri beberapa kerat orang sahaja, maka terpaksa orang-orang dari kawasan lain 'diimport' untuk meramaikan majlis. Selain itu, kakitangan kerajaan juga dikerah habis-habisan untuk menghadiri majlis-majlis ini supaya 'nampak ramai'.

Tetapi hakikatnya, sebahagian besar rakyat curiga tentang Semarak dan majlis-majlis lain yang sama tujuannya. Ini menunjukkan bahawa taatsetia kepada individu sudah hilang impaknya. Dr. Mahathir tidak dapat menggembeling rakyat. Namun tanggapan bahawa UMNO Baru, sebagai parti yang memerintah, parti kerajaan, parti yang melindungi kepentingan Melayu dan menjamin masa depan orang-orang

Melayu perlu dicurahkan taatsetia yang tidak berbelah bahagi – tanggapan ini masih kuat di kalangan masyarakat Melayu, UMNO adalah kerajaan, yang merupakan pelindung bangsa. Kerajaan sebagai pelindung – inilah rahsia kekuatan UMNO selama ini.

Inilah salah satu faktor yang memulihkan UMNO selepas krisis yang berlarutan sejak 1986. UMNO Baru – berbanding dengan lawan politiknya, Semangat 46 – dapat mempergunakan kedudukannya sebagai tulang belakang kerajaan untuk menguatkan imejnya di kalangan masyarakat Melayu.

Selain itu, pemulihan ekonomi – selepas kemelesetan – juga membantu mengukuhkan kedudukan UMNO Baru. Berapa sepak terajang politik yang dilakukan oleh kepimpinan UMNO Baru – seperti menjemput Tengku Razaleigh dan Datuk Musa untuk menyertai Kabinet sebagai 'Menteri Tak Berpotfolio' – juga berkesan dalam menarik sekongan orang-orang Melayu. Beberapa kesilapan strategi yang dilakukuan oleh Semangat 46 juga terus membantu UMNO Baru.

Analisis di atas menunjukkan bahawa selagi UMNO menerajui sistem pemerintahan negara, ia akan dianggap perlindungan kaum Melayu. Tetapi untuk tanggapan ini kekal, ada pra-syaratnya. UMNO mesti memastikan bahawa apa jua tindakannya tidak ditafsirkan sebagai anti-Melayu atau bercanggah dengan kepentingan Melayu. UMNO harus terus perjuangkan apa yang dianggap sebagai kesejahteraan Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan budaya.

Tetapi, dalam berperanan sebagai pelindung Melayu, UMNO menghadapi suatu keadaan baru. Sepertimana diterangkan beberapa kali, masyarakat Melayu kini lebih kritis sikapnya. Prestasi UMNO dinilai dengan teliti. Persoalan-persoalan baru – yang kurang perkauman sifatnya – telah meresapi pemikiran masyarakat Melayu. Itulah sebabnya isu-isu seperti penswastan, rasuah, kebebasan

kehakiman, penyalahgunaan ISA dan sebagainya telah mula menjadi bahan perbahasan di antara UMNO Baru dan parti-parti Melayu dalam pembangkang.¹⁰

Sekiranya isu-isu politik yang berhubungkait dengan soal keadilan, kebenaran dan kebebasan, yang di luar perspektif kaum, menjadi lebih penting, tanggapan mengenai perlindungan kaum juga mungkin berubah. Mungkin sebuah parti politik seperti UMNO akan diukur dan dinilai berasaskan kepada keupayaannya melindungi dan mempertahankan keadilan, kebenaran, kebebasan dan nilai-nilai sejagat yang lain.

Apakah pada suatu hari nanti pelindung keadilan akan menggantikan pelindung kaum? Sebaliknya, apakah benar pelindung kaum tidak dapat digantikan dengan pelindung keadilan sejagat kerana dalam masyarakat berbilang kaum keadilan, lazimnya, dilihat dari segi kaum?

CATATAN

- 1) Tentang latarbelakang Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sila lihat J. Victor Morais *Mahathir Profile in Courage* (Eastern Universities Press, 1982).
- 2) Sila lihat A. Ghani Ismail *Razaleigh Lawan Musa* (IJS Communications Sdn Bhd, 1983).
- 3) Tentang pertandingan antara Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah dan peranan isu perkauman sila lihat Tan Chee Khoo, *Without Fear or Favour* (Eastern Universities Press, 1984) terutamanya ms 112-118).
- 4) Sila lihat 'The Constitutional Crisis and Democracy' pamphlet (Aliran, Penang, 1983).
- 5) Sila lihat penulisan saya tentang krisis ini dalam *Freedom in Fetters* (Aliran, Penang, 1986).

- 6) Sila lihat Fan Yew Teng, *The UMNO Drama* (An Egret Book, Kuala Lumpur, 1989) untuk perbincangan tentang kempen Dr. Mahathir dalam krisis perlembagaan.
- 7) Soal perletakan jawatan Datuk Musa dikaji dalam K. Das *The Musa Dilemma* (K. Das, Kuala Lumpur, 1986).
- 8) Politik Kepuakan dalam UMNO dan cabaran Razaleigh-Musa terhadap Mahathir dibincang dalam buku saya *Challenges & Choices in Malaysian Politics and Society* (Aliran, Penang, 1989) terutamanya dalam bahagian bertajuk 'UMNO Politics'.
- 9) Perpecahan UMNO dibincang dalam *Challenges & Choices in Malaysian Politics and Society* (Aliran, Penang, 1989).
- 10) Ini dibincang dalam konteks 'Towards a two-coalition system?' *Aliran Monthly* (Vol. 10 No. 6).

Majalah Aliran

Berlangganlah *Majalah Aliran* untuk mendapatkan maklumat penting serta analisis yang kritis tentang isu-isu semasa di peringkat nasional dan antarabangsa. Analisis yang dibuat oleh majalah ini adalah berlainan dari apa yang lazim disajikan oleh media "mainstream" di Malaysia. Langganan untuk setahun ialah M\$10.00.*

Penerbitan ALIRAN dalam bahasa Malaysia untuk dijual

- | | |
|----------------------------------|------------|
| (a) PANDANGAN ALIRAN | ...M\$5.50 |
| (b) • ISA DAN KESELAMATAN NEGARA | ...M\$5.00 |
| • CABARAN-CABARAN SEMASA | ...M\$7.00 |
| • LIMA PERSOALAN | ...M\$3.50 |

Tawaran istimewa bagi pembaca *Pelindung?*

Ketiga-tiga buku ini (dalam kategori (b) dijual pada harga M\$10.00 sahaja (iaitu penjimatan wang sebanyak M\$5.50 jika dibeli secara berasingan). Tawaran ini sah selagi stok masih ada.

Pita kaset ALIRAN dalam bahasa Malaysia untuk dijual

- | | |
|---|------------|
| (a) KEBUDAYAAN NASIONAL: ANTARA HARAPAN DAN REALITI | ...M\$5.50 |
| (b) BAHAYANYA AKTA RAHSIA RASMI | ...M\$5.50 |
| (c) MALAYSIA DI PERSIMPANGAN JALAN: KE ARAH MANA? | ...M\$5.50 |
| (d) KRISIS DEMOKRASI DI MALAYSIA | ...M\$7.50 |
| (e) PERTAHANKANLAH DEMOKRASI | ...M\$5.50 |

- Sesiapa yang berminat untuk membeli buku atau/dan pita kaset yang diterbitkan oleh ALIRAN, silalah buat pesanan kepada **Biro Pengedaran, ALIRAN, Peti Surat 1049, 10830 Pulau Pinang.** (Tel: 04-871608)
- Di dalam pesanan anda ini, sila bertakan maklumat berikut:

Nama penuh; Alamat; Nombor Money Order/Postal Order atau cek* anda.

- *Tambah 50 sen untuk komisen Bank bagi cek dari luar Pulau Pinang. Cek/M.O./P.O. hendaklah dipalangi atas nama **ALIRAN KESEDARAN NEGARA.** Bagi pesanan luar negara, harga yang disebutkan di sini adalah dalam nilai US\$. Tambah 20% kepada pesanan keseluruhan jika dikirim melalui mel biasa dan 100% kepada pesanan keseluruhan bagi mel udara.

